

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUABELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 54

Isnin

3 November 2008

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2009	(Halaman 29)
USUL-USUL:	
Usul Anggaran Pembangunan 2009	(Halaman 29)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 57)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 124)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 3 November 2008

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)]

mempengerusikan Mesyuarat

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Ahmad Maslan [Pontian]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah langkah-langkah baru yang kreatif dan berkesan agar pengguna mengubah gaya hidup ke arah perbelanjaan berhemah dan bagaimana Kempen Pengguna Bijak boleh dijayakan secara meluas sehingga kepada rakyat di luar bandar.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Jelaing anak Mersat]: Selamat pagi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Pontian. Antara langkah-langkah yang diambil bagi menyampaikan maklumat kepenggunaan, pihak kementerian telah menggunakan pelbagai jenis saluran sedia ada untuk menghebahkan mesej-mesej kepenggunaan yang dilaksanakan menerusi program Kempen Pengguna Bijak yang telah dimulakan semenjak dari tahun 2006. Saluran yang digunakan untuk menyampaikan maklumat tersebut adalah seperti berikut:

- (i) penyiaran iklan pelbagai bahasa di media elektronik seperti radio dan televisyen sepanjang tahun;
- (ii) penyiaran iklan pelbagai bahasa di media cetak seperti akhbar dan majalah sepanjang tahun;
- (iii) penyiaran iklan di panggung wayang;
- (iv) promosi statik papan iklan ataupun *billboard* di 90 lokasi di seluruh negara;
- (v) iklan MBN media melalui poster di 9,000 troli membeli belah di *hypermarket* dan pasar raya-pasar raya seluruh negara;
- (vi) penajaan Rancangan Pengguna Sana Sini sebanyak 13 episod yang disiarkan di TV9 pada hari Ahad, jam 6.30 petang bermula 7 September 2008 sehingga Disember 2008;

- (vii) penajaan Rancangan Sembang Cik Alang sebanyak 20 episod di stesen-stesen radio RTM bermula 10 Ogos 2008 sehingga 3 Oktober 2008; dan
- (viii) penerbitan rancangan televisyen 1Konsumer@Bernama selama satu tahun bermula 31 Ogos 2008 dengan kerjasama Bernama TV di Saluran 502, Astro.

Manakala bagi program terhadap masyarakat setempat pula dari tahun 2006 sehingga Oktober 2008 sebanyak 25 program *roadshow* Kempen Pengguna Bijak secara interaktif telah dan akan diadakan di seluruh negara termasuk di bandar-bandar besar dan daerah kecil yang bertujuan untuk menyampaikan maklumat terus kepada pengguna setempat. Yang akhir sekali, adalah pada hari Sabtu di kawasan Saratok, ini merupakan kedua akhir. Ini jelas menunjukkan bahawa pihak kementerian serius dalam mendidik dan melindungi semua golongan pengguna yang berbeza-beza melalui pelbagai saluran penyampaian. Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Di samping itu juga pihak kementerian telah menganjurkan program-program kepenggunaan seperti seminar, ceramah, bengkel dan pameran di seluruh negara. Kesemua program tersebut diadakan dengan kerjasama pelbagai pihak seperti persatuan pengguna, institusi-institusi pengajian tinggi, pertubuhan bukan kerajaan seperti PUSPANITA, BAKAT, PERKIP, Gabungan Gerakan Wanita FELDA dan lain-lain. Pejabat kementerian di negeri-negeri juga dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan negeri serta NGO tempatan telah mengadakan program kepenggunaan di peringkat luar bandar melalui program bersama komuniti bestari. Sekian.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, mengapakah harga barang terlalu liat untuk turun sedangkan harga minyak telah menurun dengan mendadak dan apakah langkah-langkah untuk memastikan peniaga-peniaga lebih bertanggungjawab untuk mengurangkan harga barang selain daripada Kempen Pengguna Bijak berbelanja.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pontian. Memang itu adalah satu suara daripada rakyat yang masih menanggung bebanan harga barangan naik dan langkah-langkah yang diambil oleh kementerian seperti yang saya sebutkan tadi dan dalam sedikit masa lagi, dalam bulan November ini kita akan adakan satu simposium yang akan melibatkan pengilang, pemborong, persatuan pengguna dan juga dari kementerian. Saya ingat dalam pertengahan bulan 11 di mana mereka akan diberi satu hari untuk membincangkan, mengenal pasti di mana kita boleh berunding dan kita mengambil tahu di manakah yang menyebabkan kenaikan harga barang ini dari segi pengangkutan kah ataupun dari segi peniaga-peniaga yang kadang-kadang tidak jujur. Jadi, itu jawapannya, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Tahniah di atas usaha kerajaan untuk mendidik masyarakat ke arah mengubah cara hidup yang lebih berhemah dalam suasana tekanan ekonomi. Persoalan saya ialah apakah usaha yang dibuat oleh kerajaan untuk mendidik orang-orang atasan, golongan-golongan pembesar yang berbelanja mewah di luar negara yang melibatkan jutaan ringgit yang sepatutnya, seharusnya budaya ini bukan sahaja diterapkan di kalangan rakyat bawahan tetapi perkara ini perlu terus ditekankan di kalangan golongan atasan yang sebenarnya berbelanja lebih mewah berbanding dengan rakyat bawahan. Jadi minta penjelasan. *[Tepuk]*

■1010

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Ini satu soalan yang juga relevan. *Trip* ataupun perjalanan bagi menjalankan tugas di luar negara bagi pegawai-pegawai atasan kita pada masa ini saya rasa ada tersekat sedikit oleh kerana ekonomi yang tidak begitu baik. Sekatan ini memang dipanjangkan kepada semua pihak termasuk pihak atasan. Kita disekat dari segi melawat *overseas*, dan juga disekat bercuti di tempat-tempat yang tertentu, tidak boleh jauh sangatlah. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Sri Gading banyak belanja besar.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, bagi saya satu soalan. Ini soalan mengenai pengguna, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya minta maaf, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya mohon izin kalau dibenarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ini...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Soalan Yang Berhormat Rantau Panjang itu tidak kena-mengena dengan pengguna. Saya hendak soal berkaitan dengan pengguna.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat minta orang lain pun akan minta juga nanti. Ini masalahnya. Saya minta maaf, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yalah, kalau boleh. Kalau tidak boleh saya pun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya minta maaf, Yang Berhormat. Saya faham ini penting.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Itu tidak...

Tuan Mohd. Firdaus Ja'afar [Jerai]: Duduk. Duduk dulu, Yang Berhormat Sri Gading. Banyak lagi, panjang lagi.

[Soalan No.2 - Y.B. Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri (Bagan Serai) tidak hadir]

3. Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah Tabika Perpaduan di seluruh negeri Sabah; dan
- (b) apakah kementerian bercadang menyerapkan guru-guru kontrak Tabika Perpaduan yang telah lama berkhidmat ke jawatan tetap bagi membela nasib mereka.

Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, Program Tabika Perpaduan anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional merupakan program pendidikan prasekolah yang disediakan untuk penyertaan kanak-kanak pelbagai kaum yang berumur dalam lingkungan lima hingga enam tahun. Program Tadika Perpaduan bertujuan membolehkan kanak-kanak berbilang kaum menghayati nilai-nilai hidup bermasyarakat dan membentuk anak-anak yang memahami adat dan budaya yang pelbagai.

Dalam konteks perpaduan program ini diharap dapat menyuntik semangat perpaduan di peringkat kanak-kanak serta di kalangan ibu bapa setempat. Semenjak penubuhannya pada tahun 1976 kelas Tabika Perpaduan telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan sehingga November 2008 bilangan Tabika Perpaduan di seluruh negara adalah sebanyak 1,546 buah dan di Sabah jumlahnya ialah sebanyak 94 buah dengan bilangan kanak-kanak seramai 2,471 orang. Sehingga September 2008 bilangan penyertaan kanak-kanak pelbagai kaum Tabika Perpaduan di seluruh negara telah mencecah 39,840 orang kanak-kanak.

Tabika Perpaduan ini diwujudkan di taman-taman perumahan, kawasan perumahan rumah pangsa, kawasan kampung dalam dan pinggir bandar, terutamanya yang diliputi dengan skim Rukun Tetangga. Ia tidak perlu didaftarkan dengan Jabatan Pelajaran mengikut Akta Pelajaran 1961 kerana dikecuali melalui Warta Kerajaan. Juga ini memudahkan garis panduan prasekolah Malaysia yang disediakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pelajaran dengan memasukkan elemen perpaduan di dalam pelaksanaan kurikulum.

Di bawah Program Pembangunan Khas Tabika Perpaduan juga pihak jabatan telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM12,000 setiap kelas bertujuan untuk meningkatkan peralatan kemudahan pengajaran termasuk pembelian peralatan komputer. Pada masa ini terdapat kelas-kelas Tabika Perpaduan yang telah dibekalkan dengan peralatan komputer yang dibeli melalui sumber peruntukan tersebut ataupun melalui sumbangan dari pihak wakil-wakil rakyat mahupun pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan sememangnya menghargai segala usaha yang telah dicurahkan oleh para guru kontrak Tabika Perpaduan dalam melahirkan insan yang realistik iaitu cerdas dari segi minda, emosi, rohani, sosial dan fizikal. Justeru pihak kerajaan menerusi Mesyuarat Majlis Penyelarasan Dasar Permata Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri telah diadakan pada 8 September 2008 telah mencadangkan dua komponen yang perlu diberi perhatian iaitu:

- (i) untuk memperhalus kurikulum Tabika KEMAS dan Tabika Perpaduan agar dapat diselaraskan dan disepadukan; dan
- (ii) memberi tumpuan kepada tenaga pengajar iaitu meningkatkan profesionalisme, memberi latihan yang bersesuaian dan sedang berusaha untuk menyerap guru-guru dan penolong guru daripada jawatan kontrak ke jawatan tetap.

Mesyuarat juga mencadangkan agar tenaga pengajar Tabika Perpaduan diberikan ruang dan peluang untuk menikmati kemajuan dan pembangunan kerjaya melalui peningkatan gred berasaskan prestasi kelayakan dan pengalaman. Sebagai contoh, bagi meningkatkan profesionalisme perguruan, pihak kementerian telah menghantar seramai 318 orang guru yang berkelayakan untuk mengikuti kursus diploma pengurusan di institut pengurusan di seluruh negara dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya bertanya tentang kontrak yang perlu ditawarkan iaitu kontrak tetap kepada pegawai-pegawai ataupun guru-guru dan penolong guru Tabika Perpaduan ini.

Soalan saya, adakah Yang Berhormat Menteri sedar usaha jabatan ataupun kementerian untuk menyerap pegawai kontrak tabika ini telah merugikan sebilangan guru-guru dan penolong guru yang telah lama berkhidmat dalam Tabika Perpaduan? Contohnya kalau ada seorang pegawai yang telah berkhidmat selama 15 tahun, yang mana gaji pokoknya ialah RM1,721 tetapi apabila ditawarkan ke jawatan tetap pegawai tersebut cuma mendapat sebanyak RM1,040. Jadi, jika dikira pegawai tersebut kehilangan gaji sebanyak RM681. Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah, apakah rasional kita menawarkan jawatan tetap kepada pegawai-pegawai tersebut dengan alasan untuk menjaga kepentingan mereka dan akhirnya gaji pokok mereka dikurangkan? Mohon penjelasan. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Persoalan tentang sama ada akhirnya bila nama mereka dimasukkan sebagai penjawat jawatan tetap mereka akan di dalam keadaan kerugian. Kalau dalam jangka masa panjang kita tahu bahawa jawatan tetap itu akan memberi manfaat kepada mereka bukan hanya dari segi

membolehkan supaya ganjaran pencen akan dapat diperoleh. Dalam pada itu usaha kerajaan untuk membolehkan jaminan supaya masa hadapan mereka akan turut selesa dan baik.

Kita juga mendorong dan menggalakkan, seperti yang saya sebutkan tadi, sepanjang perkhidmatan bila bertugas selaku penjawat jawatan tetap mereka digalakkan bukan hanya supaya memberi sumbangan perkhidmatan yang baik, mendidik anak-anak, menerapkan nilai-nilai yang baik bahkan dalam masa perkhidmatan kita menggalakkan mereka untuk melanjutkan pelajaran. Seperti yang saya katakan tadi, *expose*, dengan izin kepada mereka untuk mendapat diploma di samping itu sehingga ijazah. Kemungkinan kalau ada peluang dan kelayakan kita galakan mereka untuk mendapat *master* dan akhirnya mereka ini akan menjadi seorang insan yang bukan hanya memberikan sumbangan kepada anak-anak bahkan juga kepada masyarakat dan diri mereka. Yang pentingnya tidak bererti bila mereka diterapkan mereka akan pulang kepada gaji yang pokok. Kadang-kadang ia terletak pada asasnya dari segi keupayaan, kelayakan dan perkhidmatan mereka. Ada sesetengahnya apabila dimasukkan ke jawatan tetap tidak harus balik kepada *basic salary*, ada pertimbangan pihak JPA akan melihat sekiranya mereka ini mempunyai perkhidmatan sekian lama mereka akan mendapat ganjaran gaji dan di samping itu elaun-elaun tertentu. *It is not going back to basic*, dengan izin.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Program pra-pendidikan sekolah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi mempunyai matlamat yang cukup baik dan murni untuk mewujudkan keharmonian di kalangan rakyat Malaysia bermula daripada peringkat prasekolah. Namun apabila kita melihat prestasi dan juga kreativiti di prasekolah ini jelas ia agak jauh ketinggalan menyebabkan ramai rakyat Malaysia yang memilih untuk menghantar anak-anak mereka di prasekolah swasta, kerana lebih kreatif dan juga mempunyai teknik pembelajaran yang lebih baik.

Boleh saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan teknik pembelajaran di prasekolah yang dinyatakan tadi dapat dipertingkatkan supaya ia dapat menarik minat anak-anak kita belajar di sekolah berkenaan di samping mencapai matlamat yang dinyatakan tadi? Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Pertamanya persoalan dari segi prestasi pelajar-pelajar ini. Sebenarnya, kita menyediakan pilihan kepada masyarakat setempat untuk membolehkan selain daripada konteks untuk anak-anak mereka dihantar ke tabika-tabika yang lain. Namun kita sedar dan tahu bahawa sistem pengajaran, kokurikulum yang mereka didik tidak mengandungi nilai-nilai seperti yang saya tekankan di peringkat awal iaitu supaya ada unsur-unsur penyatuan, kesedaran tentang budaya dan agama supaya mereka dapat menghormati kepelbagaian budaya yang ada bilamana anak-anak ini akan membesar pada masa akan datang.

■1020

Dengan ada pilihan seumpama itu kita yakin mungkin tidak dari segi prestasi berbanding dengan tabika-tabika yang lain, akan tetapi dalam konteks yang lain saya yakin anak-anak ini dari segi penerapan nilai-nilai itu lebih daripada apa yang kita dapati di kelas-kelas yang lain ataupun di tempat-tempat pra sekolah yang lain.

Contohnya baru-baru ini saya buat lawatan ke Melaka, saya berpeluang berinteraksi dengan anak-anak di peringkat rendah dan saya menyoal soalan-soalan yang agak kalau di peringkat anak-anak 4 tahun, 5 tahun dengan izin *it's beyond the expectation, the person will be able to answer the question like that* dengan izin. Akan tetapi saya melihat bahawa anak-anak ini mempunyai keupayaan dari segi pengetahuan yang ada. Oleh itu saya dapati amat kita hargai, saya setuju dengan Yang Berhormat Gombak kita perlu melihat pendekatan supaya ada tidak ada *complacency* dalam kita mempertingkatkan keupayaan bukan hanya anak-anak bahkan guru-guru, supaya dapat mendidik anak-anak ini sebagai insan yang berguna.

Ke arah soalan kedua yang telah ditanya Yang Berhormat Gombak. Apakah langkah-langkah yang akan dilakukan? Seperti yang saya nyatakan tadi satu majlis penyelarasan Dasar Permata Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan kita telah merangka satu pendekatan bagaimana memperbaiki, menghalusi, yang *very* komprehensif kokurikulum yang mana dimaksudkan dua tadika iaitu Tadika Perpaduan dan Tadika KEMAS.

Dalam jangka masa dua tahun bukan hanya tenaga pengajarnya kita akan pertingkatkan keupayaan profesionalisme mereka bahkan juga kandungan pengajaran yang ada itu dapat kita halusi supaya ia sesuai dengan keadaan pada masa yang akan datang. Sekian, terima kasih

4. Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) memandangkan keadaan industri pembinaan yang sedang merudum, adakah kerajaan berhasrat untuk menurunkan pembayaran 0.25 peratus dari jumlah kontrak kepada CIDB (*Construction Industry Development Board*); dan
- (b) berapakah nilai terkumpul yang dikutip melalui CIDB selama lima tahun kebelakangan ini.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]: Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat levi yang dikenakan ke atas kontrak pembinaan adalah berdasarkan peruntukan Akta Lembaga Perhubungan Industri Pembinaan Malaysia, Akta 520. Berdasarkan akta tersebut nilai levi yang boleh dikenakan ke atas kontraktor utama yang menjalankan kerja-kerja melebihi RM500,000, adalah pada kadar 0.25% dari nilai kontrak

Mulai 21 Mei 2003 sebagai usaha untuk meningkatkan ekonomi negara Pakej Rangsangan Ekonomi telah diumumkan oleh kerajaan yang mana menyaksikan kadar levi telah

dikecualikan kepada kontrak perumahan kos rendah, sederhana rendah dan sederhana. Manakala bagi kontrak projek lain levi telah pun dikurangkan kepada '0.125%' iaitu penurunan sebanyak 50%. Levi juga dikecualikan bagi pembinaan rumah yang menggunakan komponen *industrial building system (IBS)* dengan izin, melebihi 50% bagi projek-projek perumahan.

Untuk makluman Dewan yang mulai ini, IBS merupakan salah satu inisiatif kerajaan ke arah memajukan industri pembinaan bagi menghasilkan mutu kerja yang berkualiti, meningkatkan produktiviti, tahap keselamatan di tapak bina serta daya saing di samping mengurangkan pergantungan kepada tenaga kerja asing kurang mahir. Berdasarkan IBS *road map* 2003-2010 yang telah diluluskan kerajaan telah menyasarkan pelbagai program ke arah mencapai objektif tersebut yang antara lain memberi insentif kepada kontraktor yang menggunakan IBS menerusi pengecualian levi seperti yang saya perincikan sebentar tadi.

Kerajaan juga sedang menggiatkan usaha ke arah meningkatkan penggunaan IBS dalam projek-projek pembinaan terutama projek-projek kerajaan dengan menetapkan peratus minimum komponen IBS. Sebagai menyahut saranan tersebut mulai September 2008 projek-projek di bawah kelolaan JKR akan menggunakan kaedah IBS dalam aspek pembinaannya.

Kerajaan juga memberi penekanan kepada pembangunan modal insan bagi meningkatkan kapasiti dan *capability* personel binaan. Selaras dengan hasrat tersebut kerajaan telah mengarahkan CIDB untuk menyediakan peruntukan bagi melatih 100,000 pelatih dalam bidang teknikal, pengurusan dan keselamatan bagi tahun 2009. Semua pekerja binaan juga digalakkan melalui proses akreditasi dan latihan yang ditanggung sepenuhnya oleh CIDB bagi pekerja pembinaan tempatan. Menerusi pembangunan modal insan tersebut, dijangka pergantungan kepada tenaga kerja asing sektor pembinaan dapat dikurangkan daripada 320,000 sekarang kepada 250,000 orang sahaja menjelang tahun 2015.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga bahawa hasil kutipan levi dikembalikan semula melalui kepada industri melalui pembiayaan program-program pembangunan industri pembinaan yang mampu menjana ke arah pembangunan industri pembinaan negara iaitu menerusi program pembangunan kontraktor dan sumber manusia sektor pembinaan, pembangunan teknologi pembinaan serta pembangunan persekitaran *business* binaan seperti yang telah saya maklumkan tadi. Menyedari kepentingan program pembangunan industri pembinaan maka kutipan levi adalah penting bagi menjana pembangunan industri pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan bahagian (b), untuk makluman Dewan yang mulia, jumlah levi telah dikutip sepanjang lima tahun yang lepas adalah seperti berikut, jumlahnya ada RM400.6 juta:

- (i) tahun 2003 – RM98.2 juta;
- (ii) tahun 2004 – RM70.3 juta;
- (iii) tahun 2005 – RM63.5 juta;
- (iv) tahun 2006 – RM79 juta; dan

(v) tahun 2007 – RM89.6 juta

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Lain kali Yang Berhormat kumpul dulu, dia tanya nilai terkumpul ini, bukan satu-satu, sila Petaling Jaya Selatan.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar kontraktor-kontraktor pembinaan di negara kita ini mengalami kesukaran untuk menaik taraf atau *upgrade license* bagi pembinaan CIDB. Misalnya kontraktor yang mempunyai gred 4 ini tidak dapat menjalankan kerja-kerja atau tender untuk projek yang nilainya setaraf G7. Kalau kontraktor ini yang bertaraf gred 4 ini berhasrat untuk menjalankan kerja-kerja yang gred 7. Kalau dari segi kemampuan kewangan dan juga tenaga kepakaran setakat ini tiada masalah tetapi semasa hendak tender tetapi dia tidak ada taraf gred 7 untuk tender projek itu. So bagaimanakah kementerian menilaikan masalah ini supaya syarikat ini dapat menjalankan kerja-kerja yang bertaraf dengan gred 7.

■1030

Dato' Yong Khoon Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat PJ Selatan. Sebenarnya pihak pendaftaran untuk PKK, dan *upgrading* atau tidak, bergantung kepada kementerian yang lain yang menguruskan hal ini. Akan tetapi kalau di mana-mana tender, ada juga yang mengikut saiz jumlah dan saiz tender di mana grednya boleh ditender seperti yang dikatakan gred 4, sampai tahapnya gred 4, dan boleh juga mereka memohon untuk mengambil bahagian dalam lingkungan gred 5 pun boleh memohon. Akan tetapi dia perlu juga, kalau nak ditender sehingga gred 7, dia perlu memohon dari pihak PKK di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Timbalan Menteri, tadi Yang Berhormat ada menjawab, tetapi saya nampak pelaksanaan bukan mengikut apa yang ada dalam jawapan. CIDB kata mahu tolong syarikat-syarikat pembinaan. Bila mereka minta latihan ataupun minta latih pekerja-pekerja, sampai kepada CIDB, mahu kena bayar lagi satu kali? Jadi saya tak faham, apa tujuan CIDB kutip pembayaran daripada kontraktor-kontraktor itu.

Saya difahamkan CIDB pun ikut orang meniaga juga. Pergi luar negeri melabur, minta tender, dapat tender, kita pakai menteri, pergi India sana, bawa CIDB itu semua. Itu bukan tujuan kita. Apa kita mahu? Kita minta latih. Saya di sini mahu mencadangkan, bolehkah kita hapuskan bayaran? Bagi balik semua kontraktor dan minta mereka tiap-tiap tahun keluarkan senarai, macam mana latih mereka punya pekerja sendiri. Setuju atau tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Yong Khoon Seng: Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Sebenarnya kita pun ada enam pusat Akademi Pembinaan di seluruh negara di mana kita melatih dan memberi akreditasi kepada pekerja-pekerja di dalam industri pembinaan. Kita juga ada 47 pusat latihan,

tahapnya di mana mereka juga akan mengadakan kursus latihan. Ini adalah dari kutipan levi dan kita bagi permohonan...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, masalahnya sekarang, saya punya soalan, *you* sudah dikutip bayaran. Levi sudah dikutip, tetapi bila kita hantar pekerja untuk mendapatkan latihan, mahu kena bayar sekali lagi. Kenapa ini boleh berlaku?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat...

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pusat, akademi latihan tidak kita caj. Ini adalah...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Menyampuk]*

Dato' Yong Khoon Seng: Saya...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak puas hati kalau macam ini, CIDB sebagai agensi kerajaan sudah menipu rakyat. Kenapa hal ini boleh berlaku?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya haraplah kementerian jawab, jawab baik-baik. Jangan pusing kiri kanan, depan belakang. Jawab baik-baik. Kalau tidak macam mana kita mahu jawab kepada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, minta jawablah. Kalau tak dapat tu, bagi tahu akan berbincang dengan kementerian Yang Berhormat...

Dato' Yong Khoon Seng: Okeylah saya...

Seorang Ahli: Terus dia duduk... *[Ketawa]*

5. **Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) setakat mana perkembangan pelaksanaan Pensijilan Halal yang dilaksanakan, HDC di Malaysia; dan
- (b) bagaimana penerimaan negeri-negeri di Malaysia tentang pelaksanaan Pensijilan Halal dan Logo Halal, HDC.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua,

- (a) *Halal Industry Development Corporation* atau HDC telah diberi mandat oleh Kerajaan Malaysia untuk mengambil alih dari JAKIM proses pelaksanaan pensijilan halal Malaysia pada 17 April 2008. Sejak pemindahan tujuh bulan yang lalu, HDC terus mengekalkan untuk mengguna pakai standard Halal Malaysia, MS:1500:2004, makanan halal, pengeluaran, penyediaan, pengendalian dan penyimpanan.

- (b) Selepas pengambilalihan proses Pensijilan Halal, proses pensijilan menjadi lebih cepat dan efisien di mana sejak daripada tujuh bulan yang lalu, HDC telah meluluskan sebanyak 637 permohonan iaitu 627 di peringkat domestik dan sepuluh di peringkat antarabangsa yang mana kerja-kerja HDC sebagai pengeluar sijil adalah lebih terfokus.
- (c) Tentang penerimaan negeri-negeri pada HDC, melalui majlis taklimat mengenai peranan HDC dan pensijilan halal telah diadakan pada 24 Jun 2008 kepada semua Pegawai-pegawai Majlis Agama Islam, Jabatan Agama Islam, Persatuan Ulama' Malaysia, Dewan Perniagaan Islam Malaysia, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, dan kita dapati mereka telah menerima baik pelaksanaan Pensijilan Logo Halal HDC. HDC akan memulakan kunjung hormat kepada Raja-Raja, TYT, Jabatan Agama Islam Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri untuk mendapatkan restu dan pengiktirafan bermula daripada bulan November ini.

Sekian, terima kasih.

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah kementerian yang bertanggungjawab, tidak mencadangkan satu undang-undang khusus tentang halal. Ini kerana setakat ini, kita hanya bergantung kepada Akta Perihal Dagangan 1972, Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasan Halal); yang kedua, Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Makanan) 1975. Justeru itu kita dapati penggunaan tanda halal sewenangnyanya digunakan oleh pihak yang ingin mengaut keuntungan dan tanda halal yang beragam dan pelbagai tanpa kawalan. Memandangkan bukan merupakan satu kesalahan menggunakan tanda halal di bawah mana-mana undang-undang, sebab itu kita lihat ada halal JAWI, MUIS, MAIS, KFC dan pelbagai halal lagi yang ada.

Seterusnya bagaimana HDC boleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Soalan Yang Berhormat. Tak ada seterusnya lagi Yang Berhormat.

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]: Okey. Soalannya adakah kementerian bertanggungjawab tidak mencadangkan satu undang-undang khusus tentang halal?

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Sipitang. Memang sebenarnya kita memerlukan satu undang-undang khusus berkaitan halal. Untuk itu HDC telah pun mendraf satu akta halal untuk menjadikan HDC ini satu *statutory body* ataupun badan berkanun dan draf ini sekarang dalam peringkat semakan dan akan dikemukakan ke Parlimen apabila telah selesai semuanya. Terima kasih.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada HDC kerana proses pensijilan sekarang mengambil masa yang singkat. Namun, apakah kekuatan penguatkuasaan, pemantauan dari segi penguatkuasaan

setelah sijil ini dikeluarkan oleh HDC, kerana kita selalu mendengar kes-kes di mana ada sijil, ada logo, tetapi banyak lagi berlaku penyelewengan dari segi kehalalannya.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Kota Raja. Kalau kita bercakap tentang penguatkuasaan, kita lihat bahawa sijil yang dikeluarkan oleh HDC ini memang sah lakunya adalah selama tiga tahun dan dalam masa tiga tahun itu, pada setiap enam bulan akan diadakan pemantauan. Dalam masa yang sama juga sekiranya HDC mendapat aduan daripada mana-mana pihak, *spot check* akan diadakan secara berkala dan juga dengan serta-merta sekiranya ada aduan yang dibuat. Jadi saya lihat dengan apa yang telah dilaksanakan ini, kita akan dapat mengawal sedikit sebanyak berlakunya penyelewengan ini. Terima kasih.

■1040

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Soalan saya berapa kuat kekuatan penguatkuasaan ini, *how many manpower you have?*

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Kita bekerjasama Yang Berhormat daripada Kementerian Kesihatan dan juga KPDNHEP jadi pegawai yang ada daripada HDC akan bekerjasama. Kalau tiga *power* sudah *booster* sudah *triple booster*lah cukup kuat Yang Berhormat.

6. **Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan data tentang sejauh manakah kerajaan memanfaatkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) tempatan di dalam bidang bioteknologi untuk dikomersialkan. Berapa ramaikah pula siswazah bioteknologi yang bekerja di dalam bidang berkenaan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi berperanan menyediakan geran untuk membiayai penyelidikan yang dijalankan oleh institusi-institusi penyelidikan dan universiti berdasarkan kepada bidang keutamaan yang ditetapkan. Dalam hubungan ini institusi terlibat bebas untuk mengkomersialkan hasil penyelidikan masing-masing. Bagi pelaksanaan projek-projek R&D bioteknologi di bawah Rancangan Malaysia Kelapan dan juga Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak 92 paten telah didaftarkan di dalam dan di luar negara oleh institusi penyelidikan dan universiti yang mendapatkan pembiayaan dari kementerian ini.

Hasil dari penyelidikan yang dijalankan dalam tempoh RMK-8 dan RMK-9 setakat ini sebanyak 28 produk yang mempunyai nilai komersial telah dibangunkan. Antara produk-produk berkenaan ialah kit diagnostik untuk penyakit kolera, tifoid dan kit pengesanan pantas untuk mengesan terhadap keracunan pada sayur-sayuran. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini ingin dimaklumkan bahawa beberapa produk kit diagnostik yang telah dikomersialkan oleh Malaysia Bio Diagnostik Research Sdn. Bhd. adalah merupakan hasil R&D bioteknologi yang dibiayai oleh kementerian ini yang kini digunakan oleh hospital, klinik dan pusat kesihatan di negara kita.

Selain itu terdapat juga permintaan untuk kit diagnostik ini daripada pihak swasta untuk pasaran dalam negara selain turut mendapat pasaran di luar negara seperti Filipina, Pakistan, India, Brunei, Indonesia, Korea Selatan, Vietnam, Thailand, Guam, Australia dan Timor Leste.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai siswazah yang berkhidmat dalam sektor bioteknologi keseluruhannya. Namun demikian berdasar kepada rekod daripada 71 syarikat yang bertaraf *BioNexus* terdapat seramai 1,400 orang tenaga kerja mahir bioteknologi sedang berkhidmat pada masa ini. Terima kasih.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pengalaman saya dalam mitasi menggunakan sinaran kita dapat menghasilkan satu benih padi yang rendah, yang batangnya tahan daripada pukulan angin, yang menghasilkan buah yang baik dan juga tahan daripada penyakit bena perang. Jadi dalam bioteknologi ini selain daripada kit diagnostik yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi apakah produk di dalam pertanian yang boleh kita hebahkan dalam masyarakat yang menjadi satu hasil terbaik daripada R&D bioteknologi. Terima kasih.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih pada Yang Berhormat Hulu Langat yang selalu minat dalam bidang genetik, *radiation* dan seterusnya. Pihak kementerian sedia maklum mengenai benih padi yang dimaksudkan tadi. Dari segi bahagian pertanian sebenarnya begitu banyak sekali institusi kita iaitu Institut Biotech, IBI sedang bekerja rapat dengan pihak MARDI dalam perkara ini untuk menembuskan lagi bidang-bidang yang baru.

Dari segi bahagian *biotech* pertanian memang begitu luas sekali namun pada saat ini kementerian hanya memfokuskan penyelidikan dalam bidang *animal* bioteknologi dan menyokong program-program dalam bidang penyelidikan berasas kepada bidang-bidang pertanian khususnya. Dari segi benih-benih ataupun sektor-sektor lain ini terus dilaksanakan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan tetapi senarai yang terperinci saya boleh bekal secara bertulis kerana begitu panjang Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ada dua bahagian. Yang pertamanya adakah kementerian bercadang untuk buat satu industri audit, untuk melihat potensi pengkomersialan R&D daripada pihak universiti tempatan dan bukan hanya akademik audit yang seperti mana yang digunakan untuk menilai permohonan geran-geran. Jadi kita hendak melihat sama ada kementerian sedia untuk menerima industri audit.

Yang keduanya kalau kita lihat syarikat-syarikat yang berstatus *BioNexus*, saya percaya ada lebih daripada 70 pada hari ini. Apakah pemantauan yang sedang dibuat oleh kementerian? Kalau kita lihat peringkat awal MSC ada masalah di mana banyak syarikat yang mendapat MSC status dia hanya dapat status tersebut kerana hendak dapat *benefit* seperti bebas cukai dan sebagainya, padahalnya mereka tidak terlibat secara langsung dalam ICT dan sebagainya. Jadi

saya hendak tahu apakah pemantauan kementerian untuk memastikan bahawa syarikat-syarikat *BioNexus* ini benar-benar layak untuk mendapat status tersebut. Terima kasih.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat daripada Rembau atas minat dalam sektor ini. Bagi peringkat industri seperti mana yang dikatakan tadi dari segi audit pihak kementerian sedang dalam proses melaksanakan ini, pihak kementerian sedang dalam proses melantik satu pasukan untuk mengkaji yang akan mengadakan satu proses termasuk mengkaji sektor inovasi keseluruhan dan seterusnya untuk melaksanakan audit-audit dari segi penggunaan dana-dana dan paten-paten yang dikeluarkan.

Ini satu *study* yang kita sebut *economics of innovation and entrepreneurship in Malaysia* yang akan memfokuskan penggunaan-penggunaan dana tersebut adakah dia tepat kepada *priority* dan adakah *output* itu telah bertepatan dengan matlamat asal untuk masuk paten-paten yang dikeluarkan.

Berkaitan dengan biotech cop dan seterusnya hasil-hasil yang dikeluarkan melalui peruntukan semenjak ia ditubuhkan semenjak 1971 *BioNexus company* syarikat telah pun dikeluarkan. Pihak kementerian juga sedang dalam proses meneliti ini baru penggal tahun ketiga bagi mereka sebenarnya baru dalam fasa pertama yang mana antara matlamat yang ditetapkan bagi sektor ini ialah supaya jumlah pelaburan adalah ke tahap RM6 bilion. Tenaga kerja ataupun *employment* 40,000 jumlah *company* sebenarnya adalah 25 *BioNexus company* mereka telah pun melintasi sasaran ini dengan *total revenue* RM20 bilion.

Pihak kita saya katakan tadi sedang dalam proses penelitian seperti mana juga sedang dijalankan bagi MSC Malaysia. Saya yakin bahawa apa juga peruntukan yang telah diberi daripada *biotech cop* setakat ini adalah tepat dengan sasaran dan matlamat. Namun adalah tanggungjawab dan keinginan kerajaan supaya matlamat itu bukan sahaja dicapai tetapi melebihinya. Kita akan memerhatikan supaya 71 syarikat *BioNexus* itu adalah betul-betul berstatus seperti mana yang ditetapkan dan mereka boleh mengeluarkan bukan sahaja IP-IP tertentu tetapi meningkatkan pelaburan ke tahap seperti mana ditetapkan *contribution to DGP* dengan izin 2.5% berakhir dengan tahun 2010. Terima kasih.

7. **Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah perancangan kementerian bagi meningkatkan pencapaian ekonomi golongan belia.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wee Jeck Seng]: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Belia dan Sukan sentiasa merangka pelbagai perancangan bagi meningkatkan pencapaian ekonomi golongan belia. Menerusi Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional iaitu melalui teras pembangunan ekonomi, KBS menetapkan matlamat pembangunan ekonomi dan usahawan belia adalah untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan perniagaan belia yang berdaya saing, berintegriti dan cemerlang terutama bagi meningkatkan keupayaan di kalangan belia.

Menerusi pelan tindakan ini bagi meningkatkan pencapaian ekonomi golongan belia, KBS telah dan akan memperkasakan Program Pembangunan Usahawan ICT dengan memberi tumpuan kepada kursus komputer yang diiktiraf dan penjualan alat-alat komputer. Bagi tahun 2008 KBS akan melaksanakan Seminar Perniagaan ICT Kebangsaan yang akan melibatkan penyertaan belia seramai 200 orang yang akan dilaksanakan pada bulan November 2008.

■1050

Selain dari itu, Kementerian Belia dan Sukan turut akan melaksanakan Karnival Bimbingan Usahawan ICT dengan melibatkan lima pakej program yang akan melibatkan penyertaan seramai seribu orang belia. Sehingga Oktober, sebanyak dua pakej program telah dilaksanakan dan baki program akan dilaksanakan pada bulan November dan Disember 2008.

Selain daripada itu, Skim Tabung Ekonomi Belia. Skim Tabung Ekonomi Belia ialah pembiayaan pinjaman perniagaan kepada belia yang berumur 18 hingga 40 tahun untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan. Menerusi skim ini, belia boleh memohon pinjaman dari RM5,000 hingga RM50,000 dengan kadar bayaran perkhidmatan yang dikenakan ialah 4% di atas baki pinjaman. Sekian.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Tuan Yang di-Pertua, saya dapat melihat bagaimana Skim Tabung Ekonomi Belia ini dapat membantu golongan belia untuk menjalankan kegiatan ekonomi. Akan tetapi saya meragui kepakaran pegawai-pegawai yang dihantar oleh Kementerian Belia untuk membimbing, mendidik, mengasuh dan juga memberikan dorongan terhadap belia yang menjalankan aktiviti ini. Seinggakan kekurangan kepakaran ini telah pun menjejaskan daya saing dan juga daya maju dari segi pencapaian belia dalam bidang ekonomi.

Sejauh manakah usaha pihak kementerian untuk meningkatkan kepakaran pegawai-pegawainya untuk memantau belia-belia kita menjalankan ekonomi?

Tuan Wee Jeck Seng: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini kalau kita lihat bahawa Skim Tabung Ekonomi Belia ini, baru-baru ini kita dapati kementerian sudah buat banyak perubahan termasuklah untuk memudahkan pinjaman tersebut. Sehingga 29 Oktober ini kita nampak banyak peningkatan telah berjaya dipinjam oleh belia kita dan banyak program-program telah dilaksanakan oleh kementerian.

Contohnya program bimbingan usaha muda, program perintis usahawan baru, program perintis usahawan tani. Jadi maknanya kementerian memang mengambil berat. Saya setuju kita kena meningkatkan daya ataupun pegawai kita supaya dilatih secukup-cukupnya untuk menjayakan program yang telah ditetapkan oleh kementerian kita. Sekian.

Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat yang tersirat dalam soalan ini ialah dasar kerajaan tentang belia, bukan bagi kenduri, bukan bagi komputer. Saya ingat Timbalan Menteri ini kaburlah, dia tanya apa dasar kerajaan Barisan Nasional tentang bagaimana hendak meningkatkan belia? Apa dasarnya? Apa ideologinya?

Tolong timbalan menteri jelaskan, jangan kita bagi komputer, kita buat kenduri, kita bagi makanan, janganlah. *[Dewan riuh]*

Tuan Wee Jeck Seng: Yang Berhormat, saya dah katakan salah satu yang kita, itu dasarlah, untuk meningkatkan kualiti belia negara kita. Jadi soalnya, cara untuk meningkatkan ekonomi golongan belia. Salah satunya ialah kita memberi pinjaman serta berusaha bersungguh-sungguh untuk melatih belia kita supaya menuju ke satu arah di mana boleh mencapai dari segi, maknanya boleh ke satu arah meningkatkan kualiti mereka. Jadi tidak timbul dasar itu tidak jelas, cuma mungkin Yang Berhormat tak faham. *[Dewan riuh]*

Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: Yang mana? Apa dasar itu? Tolong jawab! *[Dewan riuh]*

Tuan Wee Jeck Seng: Dasar Kementerian Belia ialah untuk meningkatkan kualiti belia negara kita. Jadi ini salah satu...

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Ha kalau macam ini, ramai lagilah belia menganggur lepas ini.

Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: Apa ini?

Tuan Wee Jeck Seng: Ini salah satu program yang kita laksanakan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Lebih penagih dadah saja.

Tuan Wee Jeck Seng: Jadi saya rasa inilah...

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: *Happy Deepavali* ya.

[Soalan No. 8 – Y.B. Tuan Haji Roslan Shaharum (Bukit Gantang) tidak hadir]

9. Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan:-

- (a) apakah syarat-syarat serta kriteria yang diperlukan untuk memasuki Institusi Pengajian Tinggi Awam bagi pelajar lepasan STPM di mana ramai pelajar yang mendapat keputusan cemerlang gagal untuk memasuki ke institut berkenaan; dan
- (b) berapakah jumlah pelajar lepasan STPM yang telah membuat permohonan memasuki ke IPTA pada tahun 2008 ini serta berapakah jumlah yang telah berjaya.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilihan kemasukan pelajar ke IPTA ketika ini adalah berasaskan kepada prinsip meritokrasi yang menggunakan markah merit 90%, markah akademik 10% dan 10% markah kokurikulum. 90% markah pencapaian akademik, 10% markah kokurikulum. Syarat ini adalah merangkumi pelajar-pelajar lepasan STPM dan juga lepasan matrikulasi.

Tuan Yang di-Pertua, takrif pelajar cemerlang STPM adalah pelajar yang cemerlang dari aspek pencapaian akademik dan juga penglibatan dalam bidang kokurikulum dengan mendapat sekurang-kurangnya 90% di dalam pencapaian akademik terhadap subjek-subjek yang diduduki di dalam peperiksaan. Jadi di dalam konteks STPM, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia ini, kita ada empat subjek mengikut jurusan masing-masing sama ada ianya Sains, Sastera, Ekonomi dan sebagainya dan 5% markah kokurikulum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada sesi akademik 2008/2009, sebanyak 754 permohonan telah diterima daripada pelajar yang dikategorikan sebagai pelajar cemerlang, Tuan Yang di-Pertua. Sukacita dimaklumkan di Dewan ini, semuanya 754 pelajar-pelajar yang dikategorikan sebagai cemerlang tadi itu telah berjaya mendapat tempat di IPTA.

Untuk menjawab soalan (b) Yang Berhormat Bintulu, sebanyak 47,182 permohonan daripada pelajar lepasan STPM telah diterima untuk mengikuti program pengajian lepasan STPM pada sesi akademik 2008/2009. Dari 47,182 tadi Yang Berhormat, seramai 21,828 pelajar dalam konteks *percentage*, 54.3% telah pun ditawarkan di IPTA di negara kita. Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan jawapan yang diberikan tadi.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, kementerian ada sedar atau tidak ada pelajar-pelajar kita yang ingin masuk ke IPTA dengan memohon contohnya jurusan perubatan tetapi bila dapat surat, ia minta pergi ke jurusan lain. Jurusan itu dia tidak pernah minta, dia minta doktor, surat itu suruh pergi *engineer*.

Jadi saya nak tanya kementerian ini, ada sedar atau tidak, selalu pelajar-pelajar kita kecewa sama kita Kerajaan Barisan Nasional. Mereka kata, apa mereka minta, mereka memohon masuk universiti kita tidak boleh, mereka memohon universiti di Singapura, semua diterima. Lepas diterima, bukan sahaja bagi masuk IPTA, mereka bagi lagi biasiswa. Kita ada sedar ke, anak-anak yang baik, *brain drain* diambil oleh orang lain, negara kita ada sedar ke? Kita akan rugi sangat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Sekejap Tuan Yang di-Pertua. Inilah sudah menunjukkan kita tolong anak-anak kita, mendidik mereka, lepas itu kita hantar kepada orang lain. Selepas belajar di Singapura, mereka tidak mahu balik, mereka sudah jadi pakar di Singapura sana, mereka menjalankan tugas di sana. Jadi saya minta kementerian tolong bagi jawapan. Sekian, terima kasih.

■ 1100

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar dengan teliti persoalan rungutan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bintulu dan kita di peringkat kementerian memang menyedari hakikat bahawa terdapat lima *critical courses*, kursus-kurus

kritikal yang menjadi rebutan pelajar-pelajar cemerlang kita. Antaranya yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi adalah jurusan perubatan, jurusan farmasi dan juga pergigian dan beberapa kursus-kursus lain yang menjadi rebutan pelajar-pelajar cemerlang kita.

Untuk makluman Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, itulah antara sebabnya ketika mengisi borang permohonan kemasukan ke universiti, pihak kementerian telah meletakkan lima pilihan utama dan di dalam lima pilihan utama itulah diatitkan jika kursus-kursus kritikal tadi telah dipenuhi ruang dan tempatnya. Untuk pelajar-pelajar cemerlang yang telah pun ditawarkan di negara luar, memang kementerian memberikan perhatian yang serius kerana kita kluatir apa yang disebutkan kerunsingan Yang Berhormat Bintulu tadi memang akan berlaku dan Yang Berhormat Bintulu sendiri telah pun mengadakan beberapa perbincangan dengan pelajar-pelajar cemerlang ini dan pihak kementerian. Ini adalah atas inisiatif Yang Berhormat selaku pengerusi BNBB dan kementerian mengucapkan ribuan terima kasih.

Apa pun, pihak kementerian sedang mengaturkan rencana bagaimana pelajar-pelajar cemerlang ini akan ditawarkan tempat untuk kursus-kursus kritikal sama ada di dalam ataupun di luar negara. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Berlandaskan yang dipinta, Yang Berhormat.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sungguh gembiralah 754 pelajar cemerlang ini mendapat tempat di IPTA. Cuma saya mahu tahu ada tidak angka di antara pelajar bumiputera dan bukan bumiputera daripada 754 ini.

Yang kedua, saya juga ingin tahu dari segi syarat untuk menentukan kecemerlangan. Saya tidak tahu apakah latar belakang pelajar iaitu keluarga miskin atau pelajar-pelajar yang berada di luar bandar, apakah kedudukan mereka apabila dikira pelajar cemerlang dengan pelajar-pelajar di sekolah bandar, sekolah-sekolah yang lengkap dengan semua keperluan ini. Bagaimana kaedah digunakan untuk menentukan kecemerlangan seseorang pelajar ini dari segi latar belakang yang saya maksudkan tadi. Sekian, terima kasih.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Pasir Mas tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar cemerlang bagi tujuan kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam kita. Untuk maklumat Yang Berhormat, bagi program-program STPM, 754 pelajar cemerlang tadi dari segi peratusannya adalah lebih kurang 70% pelajar-pelajar bukan bumiputera dan selebihnya adalah pelajar-pelajar bumiputera. Jika dibandingkan dalam konteks STPM saja Yang Berhormat...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Jumlah, saya mahu jumlah. Jumlah angka. Bukan peratus tetapi jumlah tepat.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Kalau 70% daripada 754 orang, kita ada 510 orang macam itu.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Bukan bumiputera?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Bukan bumiputera. Ini adalah kerana enrolmen bagi STPM ini lebih kepada bukan bumiputera, Yang Berhormat. Untuk maklumat Yang Berhormat lagi, bagi *weightage* atau pemberat berasaskan kepada latar belakang pelajar-pelajar yang menuntut di luar bandar, di dalam sistem pemilihan untuk memasuki universiti, kita mengambil kira pencapaian akademik 90% tidak termasuk latar belakang pelajar-pelajar daripada luar bandar. Namun begitu, di dalam 10% penglibatan pelajar-pelajar di dalam bidang kokurikulum...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat, ini sudah lari daripada prinsip Perlembagaan Negara kita 153, yang dijamin memberi kemudahan biasiswa kepada pelajar-pelajar. Apakah kerajaan mengambil pertimbangan perkara ini? Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya ini menjadi perbincangan yang serius di peringkat kementerian. Apabila kita melaksanakan sistem meritokrasi pada tahun 2003, kita telah mendapati secara kebetulan kemasukan pelajar-pelajar ke dalam universiti ini telah tidak mengikut sistem kuota yang diperkenalkan dahulu. Sebagai contoh rakan-rakan kita daripada Orang Asli mengalami kemasukan yang amat kurang bilangannya ke IPTA dan sebagainya.

Jadi mungkin kita akan mengambil kira pandangan Yang Berhormat tentang bagaimana kemudahan-kemudahan dan latar belakang mereka di luar bandar boleh dikira sebagai pemberat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Asas Perlembagaan negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Pasir Mas.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat.

10. Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah tindakan kementerian untuk memastikan pelabur-pelabur khususnya di sektor perkilangan bertanggungjawab kepada pekerja sekiranya berlaku penamatan operasi kilang tersebut.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Noraini binti Ahmad]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini sekiranya pemberhentian pekerja terpaksa dilakukan, maka majikan hendaklah berusaha untuk melaksanakan langkah-langkah seperti berikut untuk meringankan kesan negatif ke atas pekerja-pekerja tersebut.

Yang pertamanya pihak majikan diwajibkan untuk melaporkan aktiviti pemberhentian pekerja kepada pihak Jabatan Tenaga Kerja 30 hari sebelum pemberhentian dilaksanakan.

Pihak majikan juga diwajibkan untuk membayar pampasan pemberhentian seperti yang telah diperuntukkan di bawah Akta Kerja 1955 dan membayar faedah penamatan kepada pekerja yang layak.

Kedua, pihak majikan mesti memberi notis penamatan sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam kontrak perkhidmatan. Jika tiada peruntukan mengenainya di dalam kontrak perkhidmatan, majikan hendaklah memberi notis seperti yang dinyatakan di bawah Akta Kerja 1955.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Kerja 1955, pekerja dilindungi di bawah peruntukan faedah penamatan kerja. Pembayaran faedah penamatan ini hendaklah mengikut kontrak perkhidmatan tetapi faedah ini tidak boleh kurang daripada kadar yang ditetapkan di bawah Peraturan Kerja iaitu (Faedah-faedah Penamatan dan Rentikerja Sentara) 1980 Akta Kerja 1955. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian saya telah menubuhkan satu jawatankuasa pemantauan keadaan ekonomi dan pekerjaan yang bertujuan untuk memantau pemberhentian kerja dan pemantauan ini dilakukan oleh Jabatan Tenaga Kerja di peringkat negeri.

Kementerian juga membantu pekerja yang telah diberhentikan kerja ini untuk mendapatkan pekerjaan yang baru melalui rundingan dengan bakal majikan yang baru, *mini carnival* dengan izin kerjaya yang lebih fokus dan membantu mendaftarkan pekerja yang diberhentikan di dalam *Job Malaysia*. Kementerian juga menggalakkan majikan yang mencarum kepada Perbadanan Sumber Manusia Berhad ataupun PSMB untuk melatih semula pekerja mereka dengan menggunakan tabung PSMB ini. Dengan cara ini majikan boleh membantu menaik taraf kemahiran pekerja mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setelah saya tekun mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, tanpa berhasrat memanjangkan mukadimah saya. Soalan saya, adakah kementerian..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [*Menyampuk*]

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Adakah kementerian berhasrat untuk mengenakan tindakan terhadap tuan punya kilang sekiranya mereka enggan membayar faedah rentikerja sentara di bawah seksyen 60(J) yang ada dalam peruntukan Akta Kerja 1955 seperti mana dalam kes Nikko di Pulau Pinang di mana syarikat menggulung tikar dan terus cabut pada waktu malam dan pekerja tidak dapat apa-apa. Dalam nisbah yang lain supaya tuan punya tidak boleh lari dari tanggungjawab. Bila untung diraikan, bila rugi pekerja yang mendapat sengsaranya. Apakah tindakan serius yang diambil oleh kementerian untuk memastikan majikan ini dihukum maksimumnya? Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1110

Dato' Noraini binti Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat di atas soalan tambahan yang diberikan. Ini menunjukkan bahawa Yang Berhormat begitu prihatin dengan

pekerja-pekerja terutamanya di Malaysia ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, tindakan yang akan dikenakan kepada syarikat-syarikat yang gagal untuk mematuhi peraturan adalah memang kita akan kenakan dan bagi mereka yang tidak membayar ataupun untuk Nikko ini Yang Berhormat.

Untuk Nikko ini adalah satu contoh yang begitu spesifik dan juga untuk Nikko juga apa yang kementerian kami lakukan adalah untuk membantu pekerja-pekerja mereka untuk mendapatkan pekerjaan semula dan itu yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian Sumber Manusia dan kami juga daripada pihak Barisan Nasional, kementerian begitu prihatin dengan pekerja-pekerja di Malaysia ini.

Jadinya untuk menjawab soalan Yang Berhormat itu, tindakan yang tegas sentiasa akan diambil kepada syarikat-syarikat yang meninggalkan pekerja seperti yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat, terima kasih.

Dato' Ismail bin Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam soalan tambahan ini saya ingin melihat daripada persepsi yang berbeza. Kita kena lihat pula dari segi majikan kerana kadang-kadang kita lihat dalam beberapa usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan, kadang-kadang majikan tidak pernah dipanggil untuk berbincang dengan sama ada oleh Jabatan Tenaga Rakyat ataupun pihak kementerian sendiri.

Dalam soal pengambilan pekerja, ada majikan terpaksa menanggung levi - dia bayar levi kepada pekerja, pekerja yang bekerja tiga bulan kemudian lagi sembilan bulan dia lari ataupun hilang ke tempat lain dengan bekerja di syarikat lain. Jadi dalam keadaan sekarang ini saya mahu Jabatan Tenaga Rakyat selain mereka berusaha membantu mereka yang kehilangan pekerjaan hasil daripada penamatan operasi kilang berkenaan tetapi dari sudut pihak industri dan pihak pelabur ini kena tengok juga sebab kecenderungan mereka mengambil pekerja haram adalah disebabkan oleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, minta tolong Yang Berhormat.

Dato' Ismail bin Kasim [Arau]: akan *touch down*, sabar Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak ada sabar Yang Berhormat kalau Yang Berhormat tengok soalan ini. *[Ketawa]*

Dato' Ismail bin Kasim [Arau]: Tetapi tidak sampai. Adalah disebabkan oleh bayaran levi....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Dato' Ismail bin Kasim [Arau]: Saya akur. Adalah disebabkan oleh sikap dan juga kementerian tidak mengawal situasi sepenuhnya ataupun berbincang dengan pihak industri di dalam mengatasi masalah ini, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Noraini binti Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Arau di atas soalan tambahan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat yang lain di dalam Dewan ini, Kementerian Sumber Manusia memang sentiasa mahu ataupun inginkan semua majikan untuk sedaya upaya mereka mengambil pekerja-pekerja tempatan.

Persoalan *levi* yang diperkatakan tadi ataupun pekerja yang dikatakan bahawa pekerja haram, ini adalah sesuatu yang tidak dibenarkan langsung Yang Berhormat di bawah Kementerian Sumber Manusia. Jadinya apa-apa yang terjadi adalah pihak majikan itu sendiri dan Yang Berhormat sekiranya terdapat mana-mana majikan yang mengambil pekerja-pekerja yang tidak berdaftar ataupun secara haram diminta untuk melaporkan kepada kementerian saya di bawah Jabatan Tenaga Kerja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingat jawapan yang pertama itu tadi tidak tepatlah, jawapan yang kedua itu tadi lebih tepat lagi.

11. Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta Menteri Pengangkutan menyatakan status pelaksanaan projek E-Kesihatan sehingga sekarang. Apakah kerajaan akan meneruskan pelaksanaan projek ini memandangkan perjanjian ini telah ditandatangani oleh pihak kerajaan dengan kontraktor terbabit.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Panglima Lajim Ukin]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pada 17 September 2008 telah memutuskan supaya projek E-Kesihatan dilaksanakan oleh kerajaan sendiri. Pada masa ini Jabatan Pengangkutan Jalan atau JPJ sedang dalam proses untuk membangunkan sistem baru bagi melaksanakan projek E-Kesihatan, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Terima kasih kepada Timbalan Menteri atas jawapan yang amat ringkas. Soalan tambahan saya ialah adakah benar pada masa ini untuk permohonan baru bagi pemeriksaan kesihatan harganya RM50 dan untuk pembaharuan pemeriksaan kesihatan hanya RM20. Adakah dengan penggunaan 'E', adakah ia dijangka lebih mahal, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Itu sebab untuk menjawab soalan tambahan Yang Berhormat, itu sebab kerajaan telah menangguhkan dan seterusnya membatalkan perjanjian dengan sebuah syarikat Supreme Sdn. Bhd di mana harga yang ditawarkan oleh Supreme Sdn. Bhd ini adalah agak mahal RM75 dan apabila kerajaan mengambil alih kita akan dapat menentukan harga yang lebih murah dan akan dapat mengurangkan bebanan terutama sekali pemandu-pemandu. Jadi itu sebab kerajaan telah membatalkan perjanjian dengan Supreme Sdn. Bhd, terima kasih.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun perjanjian antara kerajaan dan Supremme itu dibatalkan, skim E-Kesihatan telah dikenali umum sebagai satu skim yang ditiru daripada konsep asal MMA yang dijemput oleh kerajaan sewaktu bekas Menteri Kesihatan memegang jawatannya.

Saya ingin tahu, ekoran pembatalan perjanjian dengan Supremme adakah kerajaan kena memberi pampasan kepada syarikat itu kerana membatalkan perjanjian. Adakah tuntutan dibuat oleh syarikat tersebut dan juga apakah benar MMA telah mengadu kepada pihak kerajaan bahawa cadangan yang dikemukakan oleh beliau ditiru oleh kerajaan atau ditiru oleh Supremme dengan bantuan Kementerian Kesihatan, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya memang apabila kerajaan membatalkan perjanjian ini ada tuntutan daripada Supremme System Sdn Bhd ataupun SSB mengenai dengan ganti rugi dan ganti rugi ini yang dituntut ialah sebanyak RM103 juta tetapi pihak kementerian dan kerajaan telah pun menyerahkan kepada pihak Attorney General untuk mengkaji tuntutan ini dan mungkin kita akan pergi ke mahkamah dan di situlah sama ada kerajaan akan membayar pampasan ataupun sebaliknya. Mengenai dengan bahawa ada cadangan itu ditiru dan sebagainya saya akan periksa dan memberi jawapan secara bertulis, terima kasih.

[Soalan No.12 – Y.B. Tuan Chong Chien Jen (Bandar Kuching) tidak hadir]

[Soalan No.13 – Y.B. Datuk Rosnah binti Abdul Rashid Shirlin (Papar) tidak hadir]

14. Tuan Mohd. Nasir bin Mohd Zakaria [Padang Terap] minta Menteri Pengangkutan menyatakan terma dalam condition contract yang telah ditandatangani oleh kerajaan dengan MMC-GAMUDA JV baru-baru ini bagi pelaksanaan projek landasan berkembar Ipoh-Padang Besar.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Panglima Lajim Ukin]: Tuan Yang di-Pertua, terma utama dalam Condition Contract yang telah ditandatangani oleh kerajaan dan MMC-GAMUDA JV baru-baru ini bagi melaksanakan projek landasan berkembar Ipoh-Padang Besar adalah seperti berikut:

- (i) harga pelaksanaan projek ialah sebanyak RM12.485 bilion dan ini telah pun saya terangkan dan menteri saya juga telah jawab di dalam Dewan yang mulia ini;
- (ii) tempoh pelaksanaan projek ini adalah selama lima tahun bermula pada 1 Januari 2008 hingga 17 Januari 2013;
- (iii) pelaksanaan projek ini adalah secara *design-build* dan ianya mengikut berdasarkan kepada kontrak yang dibuat oleh Jabatan Kerja Raya;
- (iv) skop kontrak adalah meliputi perancangan, reka bentuk, pelaksanaan projek, pengujian, pertolehan dan juga penyelenggaraan; dan

(v) kontrak telah ditandatangani pada 25 Julai 2008.

Terima kasih.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Kenapakah projek ini dijalankan secara reka dan bina, *design and build* dan tidak dilaksanakan secara PFI ataupun *private finance and initiative* yang diuar-uarkan oleh kerajaan bahawa ini salah satu daripada cara baru kepada pihak swasta dalam projek-projek infrastruktur.

Adakah kos yang dianggarkan, yang disebut oleh Timbalan Menteri tadi adalah merupakan kos yang berpatutan setelah kita ambil kira perbandingan dengan kos pembangunan cadangan projek *electric double tracking* di kawasan selatan iaitu Gemas ke Seremban, terima kasih Yang Berhormat.

■ 1120

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Kenapa kerajaan tidak melaksanakan cara PFI, dan saya tidak akan dapat memberikan jawapan yang tepat di Dewan yang mulia ini tetapi mengenai dengan kos yang diambil kira setelah diadakan perundingan melalui *design and build*, ianya berdasarkan kepada tatacara dan mengikut kaedah-kaedah yang dibuat oleh Jabatan Kerja Raya dan setelah dibuat oleh Jabatan Kerajaan Raya dan telah disampaikan kepada Kementerian Kewangan untuk membuat keputusan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, oleh kerana projek ini bernilai RM12.4 bilion, sekali lagi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri dalam Dewan yang mulia ini, apakah status ataupun jenis kaedah tender atas projek ini. Adakah kerajaan masih lagi meneruskan konsep *direct nego* ataupun tender secara terbuka kerana ia melibatkan begitu besar, RM12.4 bilion wang rakyat. Di awal Perdana Menteri mengambil alih kuasa, dia bercakap tentang ketelusan, tentang rasuah dan seumpamanya. Adakah ia berbentuk *direct nego* ataupun tender terbuka. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih Yang Berhormat. Memang benar bahawa projek ini adalah secara *direct nego* dan telah mengambil kira tentang kepakaran yang ada pada syarikat-syarikat ataupun syarikat yang telah menawarkan untuk melaksanakan projek-projek ini, sebab projek ini adalah projek yang besar dan memerlukan kepakaran untuk membolehkan kerja-kerja ini dapat dibuat dengan sempurna dan dapat memenuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Terima kasih.

15. Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah tindakan kerajaan secara tegas dalam menghadapi kegiatan demonstrasi haram oleh pertubuhan-pertubuhan politik dan NGO di negara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh]:
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia, setiap perhimpunan yang hendak diadakan oleh mana-mana pihak perlulah mendapat kebenaran secara bertulis daripada pihak polis. Setelah kebenaran diberikan, satu permit kebenaran perhimpunan akan dikeluarkan seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 27, Akta Polis 1967. Walau bagaimanapun, perhimpunan yang diadakan tidak mengikut kebenaran seperti yang dinyatakan tadi adalah ditafsirkan sebagai satu perhimpunan haram dan sekiranya pihak penganjur sama ada pertubuhan politik atau pertubuhan bukan kerajaan mengadakan perhimpunan tersebut tanpa permit, maka tindakan akan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, pihak polis akan dan telah bertindak dengan tegas terhadap apa juga bentuk tindakan yang menyalahi undang-undang negara dalam memastikan:

- (i). keselamatan negara; dan
- (ii). ketenteraman awam sentiasa terpelihara pada setiap masa.

Dalam konteks ini, pihak PDRM akan dan telah mengambil langkah-langkah yang di peringkat awal supaya dapat membendung perkara-perkara yang tidak diingini daripada berlaku. Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri iaitu dalam menjalankan undang-undang untuk menegakkan atau mematuhi undang-undang negara, adakah beliau sedar bahawa ada wujudnya unsur-unsur *double standard* dalam penguatkuasaan undang-undang di mana demonstrasi haram yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat hanya nampaknya dipakai ke atas yang datang daripada NGO ataupun parti-parti politik pembangkang, sedangkan yang dijalankan oleh pihak kerajaan, tidak diambil sebarang tindakan dan sebagai satu contoh seperti satu demonstrasi di KOMTAR, sebaik saya dilantik menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang, tidak ada sebarang tindakan ke atas demonstrasi anjuran UMNO, sungguhpun ia adalah satu demonstrasi haram dan juga demonstrasi yang dipimpin oleh Yang Berhormat bagi Rembau sebelum ini berkali-kali terhadap Condoleezza Rice dan sebagainya, tidak diambil sebarang tindakan.

Bukankah ini menunjukkan bahawa wujudnya *double standard*. Adalah lebih baik bahawa kita benarkan demonstrasi yang dibuat secara aman kerana kalau ia tidak mencetuskan sebarang ketegangan, saya rasa itulah sebagai satu amalan hak asasi manusia. Kalau nak dilaksanakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ringkas Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ya, ya. Pendek saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ha, panjang dah.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: ...Haraplah dilaksanakan secara sama rata. Tak mahu *double standard* di mana hanya ke atas satu pihak tapi tidak dilaksanakan langsung ke atas apa-apa demonstrasi haram yang dianjurkan oleh UMNO ataupun yang nak bakal jadi Ketua Pemuda UMNO tapi saya rasa, tak ada harapan langsung bagi beliau.

Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham kenapa harapan seorang Ketua Pemuda UMNO dikaitkan dengan demonstrasi dalam soalan tambahan ini.

Seorang Ahli: Jawab, jawab.

Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh: Saya nak jawablah ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bagan dan Dewan yang mulia, sebenarnya tidak ada unsur-unsur *double standard* atau pilih kasih dalam menentukan sama ada satu permit dapat diberikan atau tidak tetapi ada beberapa insiden, di mana permit diberikan kepada parti pembangkang untuk mengadakan satu perhimpunan tetapi penyalahgunaan permit dilakukan. Antaranya dengan menunjukkan sesuatu yang tak patut ditunjuk dalam satu perhimpunan yang dibenarkan tetapi penyalahgunaan permit itu berlaku.

Jadi kriteria yang digunakan dalam menentukan sama ada sesuatu permit itu diberikan atau tidak, bukan sama ada dia UMNO kah, atau PAS kah, atau apa juga, kriteria yang pertama sama ada ianya untuk keselamatan negara dan ketenteraman awam. Saya mempertahankan apa juga pendirian yang dilakukan oleh pihak polis dalam menentukan dan memberikan serta meluluskan permit untuk melakukan perhimpunan seperti kehendak seksyen 27, Akta Polis. Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Bukan permit, tindakan-tindakan tak diambil.

Seorang Ahli: Kes *student* UiTM...

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya Yang Berhormat Paya Besar.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: [Bangun]

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Kenapa tindakan *double standard*? Sila, sila.

Seorang Ahli: Mana ada permit bagi.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Bukan permit lagi, tak ada permit. Tindakan, kenapa tindakan pilih kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Cukuplah tu. Bagi soalan lain.

Seorang Ahli: Program yang disebut oleh Timbalan Menteri itu mana ada orang minta permit pun, tak ada permit pun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak apa, duduk Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Kalau tak minta pun, mana ada bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ini masa soal jawab Yang Berhormat.

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar]: Soalan tambahan. Demonstrasi ini seperti mana yang kita tahu, adalah satu cara yang digunakan bagi menyatakan perasaan dan bantahan di atas segala perkara. Namun apabila ia diadakan secara haram iaitu bertentangan dengan lunas undang-undang, maka ia akan menjejaskan kepentingan banyak pihak. Oleh yang demikian, soalan saya, adakah kerajaan bercadang untuk membenarkan demonstrasi ini sebagai salah satu kaedah, maknanya kerajaan menyediakan satu tempat khas tetapi dalam keadaan yang dibenarkan dan terkawal. Terima kasih.

Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan tambahan bahawa sebenarnya perhimpunan yang mengikut peraturan sebenarnya dibenarkan oleh Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan iaitu kebebasan untuk menubuhkan pertubuhan, berhimpun dan *freedom of speech* iaitu untuk bersuara tetapi Artikel 10 juga menyebut bahawa kebebasan ini tertakluk kepada undang-undang dan oleh sebab itulah undang-undang ini di bawah seksyen 27, kerajaan dan pihak polis telah mengemukakan beberapa perkara untuk pertimbangan. Antaranya jumlah yang akan hadir, penganjur, butiran penceramah, isu-isu yang dibangkitkan, semuanya ini adalah dalam pertimbangan pihak polis. Jika sekiranya permohonan permit ini tidak diluluskan, maka mereka yang menganjur, yang hendak menganjur itu boleh membuat permohonan atau rayuan kepada pihak Ketua Polis Negeri dalam tempoh 48 jam.

Maka oleh kerana ia merupakan satu *administrative decision*, satu keputusan *administrative*, maka ia tertakluk kepada ulang kaji kehakiman. Jika kita mempunyai peraturan-peraturan dan sistem kehakiman bagi membolehkan Artikel 10 ini, di bawah Perlembagaan Persekutuan dapat dilaksanakan mengikut roh dan semangatnya. Terima kasih.

■1130

[Soalan No.16- Y.B. Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa (Parit Buntar) tidak hadir]

17. Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta Menteri Pelajaran menyatakan, sejauh manakah pelaksanaan sekolah kluster dan nyatakan bukti-bukti kejayaan rancangan tersebut.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pemilihan sekolah kluster telah dilaksanakan secara dua fasa iaitu fasa pertama pada 30 Mac 2007 yang melibatkan sebanyak 30 buah sekolah dan diikuti

dengan 30 buah sekolah lagi dalam fasa kedua pada 1 April 2008. Manakala pelaksanaan kuasa autonomi terpinpin hanya akan dijalankan sepenuhnya pada awal tahun 2008.

Oleh itu pencapaian dan kejayaan sekolah kluster sama ada dari aspek pengurusan sekolah atau pencapaian murid belum dapat diukur sepenuhnya. Walau bagaimanapun antara usaha-usaha yang telah menunjukkan kejayaan yang telah dicapai oleh sekolah-sekolah kluster adakah seperti berikut:-

- (i) pemilihan 10% murid berdasarkan bidang kepintaran;
- (ii) program *linkages* dengan 17 negara yang telah menandatangani memorandum sefahaman dengan kerajaan Malaysia;
- (iii) program *linkages* atau permuafakatan dengan 20 IPTA di Malaysia;
- (iv) menjadikan semua sekolah yang terpilih sebagai pusat tanggungjawab PTJ;
- (v) meningkatkan program pengantarabangsaan; dan
- (vi) dalam proses pelaksanaan internasional di Kolej Melayu Kuala Kangsar dan Kolej Tungku Kursiah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2009****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2009**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang undang-undang Perbekalan 2009 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada lima puluh tiga bilion tujuh ratus dua puluh sembilan juta satu ratus empat puluh lima ribu ringgit (RM53,729,145,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2009, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P) dalam senarai Bajet Persekutuan 2009, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 Tahun 2008, adalah diuntukkan di bawah Maksud-Maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersempena dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.” **[30 Oktober 2009]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi menjawab.

11.33 pg.

Menteri Pengajian Tinggi [Dato’ Seri Mohamed Khaled bin Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Pengajian Tinggi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2009 peringkat dasar yang menyentuh perkara berkaitan pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu ranking IPTA yang dibangkit oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Kepong dan Yang Berhormat Selayang, ingin saya maklumkan bahawa terdapat beberapa sistem ranking universiti dunia yang dibuat berdasarkan kriteria dan *indicator* tertentu dengan objektif masing-masing seperti *The Time Higher Education*, *QS World University Ranking*.

Sebagaimana yang kita sedia maklum tujuan asal penubuhan IPTA adalah berperanan sebagai institusi pembangunan ketamadunan masyarakat. Universiti mempunyai tanggungjawab sosial dan akademik yang tersendiri. Oleh itu tidak dinafikan terdapatnya pertembungan dalam memenuhi kriteria sistem ranking tertentu dengan tuntutan sosial negara. Perkara ini perlu

ditangani dengan baik bagi memberi keseimbangan terhadap kedua-dua tuntutan tersebut agar tanggungjawab terhadap rakyat negara kita tidak diabaikan.

Jika dilihat penilaian oleh Time Higher Education, ia berdasarkan kepada enam *indicator* iaitu

- (i) penilaian rakan kesepakaran, *peer review*;
- (ii) kekerapan kajian dirujuk;
- (iii) nisbah pelajar dengan pensyarah;
- (iv) kajian majikan;
- (v) nisbah pensyarah antarabangsa; dan
- (vi) nisbah pelajar antarabangsa.

Penilaian rakan sepakaran ataupun *peer review* merupakan kriteria yang terpenting dalam penilaian ranking universiti menyumbang sebanyak 60%. Sebahagian besar responden adalah daripada negara-negara maju yang mempunyai sistem pendidikan yang berbeza daripada negara-negara Asia. Justeru mereka lebih cenderung untuk memberi penilaian yang rendah kepada IPT di negara Asia termasuklah di Malaysia.

Di samping itu kriteria nisbah pelajar dengan pensyarah dan kriteria kebolehpasaran graduan dari perspektif majikan juga merupakan kriteria yang penting. Responden bagi majikan kebanyakannya terdiri daripada syarikat-syarikat swasta dan multinasional antarabangsa. Kriteria ini tidak memihak kepada Malaysia memandangkan graduan tempatan kurang kecenderungan untuk mencari pekerjaan di luar negara.

Sementara itu bagi kriteria penilaian nisbah pensyarah antarabangsa dan nisbah pelajar antarabangsa pula tidak selaras dan dasar pendidikan tinggi negara yang mengehendkan pengambilan pelajar antarabangsa dan penawaran skim perkhidmatan yang lebih baik kepada pensyarah luar negara. Semua faktor ini menyumbang penilaian yang rendah kepada IPT Malaysia.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya memang menghargai bahawa jawapan tadi itu ada menyentuh beberapa faktor termasuk tradisi atau faktor sosial yang perlu kita ambil kira. Walau bagaimanapun kerana saya ada mesyuarat Jawatankuasa PAC sekarang saya hendak Yang Berhormat memerhatikan yang pertama dengan izin, saya pun ada dapat ungkapan dan belajar daripada naib canselor di dalam dan di luar negara kita. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua:

- (i) *university must show a commitment to brass and excellent all feel of human inquiry;*
- (ii) *engage and cutting-edge research while at the same teaching the next generation;*
- (iii) *allowed their researchers the freedom to experiment succeed and some time fail; and*

(iv) *have permeable boundary.*

Tadi ada kata kita terhad, *Permeable boundaries*. Kalau kita ada terhad kita mesti ubahkan keadaan itu dan diambillah pelajar-pelajar dan pensyarah-pensyarah, profesor daripada luar juga. Saya ingat bukan begitu ramai hendak datang ke sini. Ada jugalah kalau dibandingkan dengan negara-negara lain. Sepatutnya kita jangan ada had terhadap mereka yang hendak datang ke sini. Saya berharaplah keempat-empat faktor yang telah saya sebutkan tadi dapat diambil kira supaya kita sama-sama boleh menjadikan universiti-universiti kita *world ranking* yang tinggi.

Ramai yang tak boleh terima itu universiti yang samalah kita berpunca daripada... NUS. Sekarang 33 yang daripada ranking yang disebutkan tadi dan UM, sekarang 230. Kalau kita sebutkan angka ini maka rakyat Malaysia tidak puas hatilah. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Yang Berhormat. Kita ambil kira apa Yang Berhormat cakap termasuklah kalau kita baca wawancara empat naib canselor tiga saya ingat dalam surat khabar *The Edge*.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Apabila merujuk kepada NUS mereka mengatakan bahawa *with money the ranking will go up*, dengan izin. Maknanya dari segi pelajar yang terbaik, pensyarah dengan pembayaran gaji yang begitu tinggi atau sebab itulah NUS dari segi kedudukannya naik dengan begitu mendadak sekali tetapi saya telah menyatakan tadi bahawa kita perlu katakan keseimbangan. Kita bersetuju bahawa perkara-perkara Yang Berhormat sebutkan tadi itu merupakan perkara yang perlu kita ambil kira. Atas sebab itulah kalau kita lihat melalui pelan strategik pengajian tinggi negara perkara-perkara yang disebutkan ini memang telah pun dimasukkan sebagai antara perkara-perkara yang perlu dilakukan.

Kita merancang dalam usaha untuk meningkatkan lagi kedudukan universiti kita, kita lakukannya secara berperingkat dan ada fasa-fasanya. Melalui pelaksanaan pelan strategik pengajian tinggi negara ianya merangkumi empat fasa. Tiga fasa pertama sehingga tahun 2020 bertujuan untuk mencapai kecemerlangan melalui pencapaian objektif, strategi dan pelan tindakan yang digariskan.

■1140

Fasa pertama adalah dari tahun 2007 hingga 2010 menyasarkan 3 buah universiti tempatan berada di antara 200 universiti terbaik dan satu daripadanya berada di antara 100 universiti terbaik dunia. Seterusnya, fasa dua tahun 2011 hingga 2015 dan fasa tiga 2016 hingga 2020 untuk meningkatkan penerapan universiti dengan sasaran utama satu daripada IPT tempatan berada di kedudukan 50 universiti terbaik dunia.

Datuk Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Fasa keempat melangkaui 2020 pula lebih tertumpu untuk mencapai kegemilangan dan kebestarian pengajian tinggi supaya IPT Malaysia lebih berdaya saing dan berdaya tahan pada peringkat global.

Datuk Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi, Yang Berhormat Menteri menjelaskan bahawa salah satu daripada kriteria kenapa *ranking* kita jauh kerana sebahagian daripada pelajar-pelajar kita ini kurang berminat untuk bekerja di luar negara. Tuan Yang di-Pertua, lebih 20,000 pelajar kita berada di Britain, yang lebih daripada tempoh yang mereka bekerja di sana.

Sebahagian besarnya ialah siswazah-siswazah yang lebih, yang telah mendapat PhD ataupun dari segi kemahiran. Begitu juga di Australia dan juga di Singapore. Jadi saya ingin mendapatkan penjelasan, adakah kerajaan ingin mengubah dasar supaya membenarkan pelajar-pelajar ini bekerja di luar negara dan mendapat permit kerja di tempat tersebut?

Yang kedua, saya ingin mendapat penjelasan. Kalau kita pergi ke Britain, sebahagian daripada *supervisor* yang mengawasi atau yang menyelia siswazah-siswazah PhD ini, dia melahirkan rasa kurang puas hati kerana pelajar-pelajar kita yang membuat kajian untuk mendapat ijazah master dan juga PhD ini kurang kritikal terhadap sesuatu case tesis ini, dia menceroboh, dia bertanya saya, adakah di Malaysia ini mempunyai satu undang-undang seolah-olah mengontrolkan kebebasan pemikiran pelajar-pelajar ini sehingga pelajar-pelajar ini tidak boleh bersikap kritikal dalam tesis dia. Adakah kerajaan ingin memansuhkan AUKU yang menjadi sebab utama pelajar ini menjadi roboh? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang pertama sama ada boleh atau tidak pelajar itu terus bekerja di sana, itu bergantung kepada yang memberi biasiswa. Yang pertama juga berkaitan dengan soal mengenai pelajar yang bekerja di luar negara. Jawapan saya itu ada hubung kait dengan soal *ranking*, yang mana saya katakan bahawa salah satu daripada markah yang akan diambil ialah soalan yang dikemukakan kepada agensi ataupun syarikat yang mengambil pelajar untuk bekerja, dan soalan itu dikemukakan kebiasaannya kepada Syarikat-syarikat Multinasional yang mana banyak pelajar kita tidak bekerja di situ. Jadi, berbeza dengan kefahaman Yang Berhormat berikan tadi.

Perkara yang kedua Yang Berhormat bangkitkan, itu saya ingat lebih banyak kepada satu persoalan politik. Perkara yang Yang Berhormat kemukakan, kalau boleh dinyatakan di universiti mana kerana yang mengambil master, yang mengambil PhD itu sebahagian besar adalah pelajar tidak semestinya yang datangnya ambil *under graduate* dari universiti tempatan. Banyak yang kerja sebagai pensyarah dan sebagainya, ijazah pertama mereka daripada luar negara. Itu saya anggap sebagai satu persoalan politik melainkan Yang Berhormat boleh nyatakan universiti mana yang mengatakan bahawa pelajar PhD kita kaku, tidak kritikal dan sebagainya. Kita boleh...

Datuk Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Ini bukan persoalan politik Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Kalau tidak mana satu, sebab saya nyatakan Yang Berhormat kaitkan dengan AUKU yang banyak masuk ambil PhD dan sebagainya, pensyarah yang tidak semuanya belajar dari dalam negara.

Datuk Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya boleh namakan universiti. Salah satunya...

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Saya boleh terima dan kita boleh...

Datuk Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Salah satunya Universiti Birmingham, Maffey, Lester.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Kita akan ambil dan kita akan tengok sama ada ia pelajar yang dikatakan.

Datuk Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Dan pelajar ini bukan pelajar lulusan luar negara tetapi daripada dalam negara.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Kita akan ambil dan lihat perkara itu.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan perbincangan Yang Berhormat dari...

Tuan Yang di-Pertua: Pengkalan Chepa.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Pengkalan Chepa sebab dia selalunya belah sana dia tidak ada langsung isu ini. Baguslah, satu pembaharuan oleh PAS, ini PAS yang tulenlah, PAS yang ala Turki itu cerita lamalah.

Datuk Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Puji pun marah juga. Saya puji di depan presiden sebab yang tulen sokong presiden, yang lagi satu itu belum tahu. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri tentang perkara yang sama juga, ada Yang Berhormat tadi panggil tentang isu pemikiran tadi. Kalau kita lihat daripada penilaian *ranking university plan*, boleh buat oleh barat. Penilaian dibuat atas dasar *researchs* kerajaan yang dibuat atas penilaian mereka.

Kalaulah apa juga kajian yang kita buat mungkin dianggap itu bukan satu mutu yang tinggi. Bermakna, kalau tidak kita letakkan universiti kita terikat dengan dunia tidak mungkin akan dapat dinilai kerana yang nilai *benchmark* itu adalah mereka. Adakah Yang Berhormat ingin berbincang sama ada dibenarkan pensyarah-pensyarah kita juga boleh berkhidmat di universiti di luar negara, kerana ramai daripada mereka dapat PhD dari luar negara. Mengapa tidak mereka pergi, sekarang dibenarkan hanya enam bulan - lima tahun sabatikal. Sabatikal hanya setahun, mengapa tidak benar diberi tiga tahun Tuan Yang di-Pertua? Bekerja sebagai *Associate Prof* atau Profesor di universiti mereka, dapat PhD dahulu. Saya cuma yakin bahawa

universiti mereka akan terbuka. Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Kepong tidak ada. Mengapa tidak?

Itulah yang saya nampak cara yang mungkin boleh dipertimbangkan oleh kementerian tentang isu yang cuba dibuat oleh sebelah sana yang menghantui kita, walaupun isunya tidak berat tetapi ia menghantui juga sebelah sana. Saya tidak nampak bahawa kalau tidak dibuat satu anjakan hanya kita buat, hanya setakat orang kata usik sana, usik sini tidak mungkin bekas Menteri Pengajian Tinggi Dato' Mustapa Mohamed pun ada sana, Yang Berhormat pun ada nampak. Kalau tidak dibuat satu anjakan yang baru mungkin nanti kita akan dapat, sekarang berapa saya lupa nombor kita. Mungkin nanti naik satu, dua, tiga tapak ke atas. Akan tetapi kalau kita hendak buat satu anjakan, satu perubahan kita kena buat sesuatu yang berani yang dahulu tidak dibuat, satu usaha yang begitu struktur dan strategik yang akan membuat satu anjakan yang baru. Minta sedikit pandangan Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri, kerajaan sanggup membuat satu anjakan strategi baru yang mungkin tidak terfikir pun dahulu, kerana kalau impian negara kita membuat sesuatu yang baru, sesuatu yang boleh menarik pensyarah-pensyarah muda menganggapkan itu sesuatu yang baru, tidak mungkin dapat kita buat sesuatu yang boleh dibanggakan oleh semua rakyat Malaysia.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya sambung Yang Berhormat Menteri, soalan yang sama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya memohon sedikit penjelasan seperti apabila kita membawa program APEX itu ia seolah-olah memberi gambaran bahawa kita memberitahu kepada dunia bahawa *public* universiti kita ini belum bersedia untuk diukur dengan *benchmark* yang diguna pakai oleh *global universities*. Seperti begitu tanggapan dan persepsinya. Kita dahulunya membawa pendekatan *research university* dan kemudian kita datang hari ini dengan APEX University dan daripada lima yang telah kita senaraikan, lalu kita memilih salah satu daripadanya dan USM telah dipilih. Apakah kita memberitahu bahawa kita tidak bersedia untuk diukur hari ini dan datang kembali *then, in 5, 10 years down the road*, apakah itu *underline philosophy* nya? Itu satu penjelasan yang saya minta.

Keduanya, kalau kita perhatikan *Ivy League University, top-notch university* di Barat, di Amerika, Eropah dan sebagainya. Kita tahu bahawa ia mempunyai tradisi yang agak lama dan antara lainnya kemasukan *students, very stringent*.

■1150

Maka kalau kita hanya memilih salah satu daripada universiti tempatan, katalah USM, kita sedar bahawa bagaimana *students from all various, performance* dan *background* dapat memasuki universiti seperti itu. Bayangkan kalau kita bandingkan dengan *Cambridge, Oxford*, kita tahu bagaimana sukarnya mereka memasuki *Ivy League University* seperti itu, tetapi kalau USM dijadikan universiti APEX kita ataupun *top-notch university* di negara kita ini, kita tahu bahawa ia tidak bertepatan dengan kita tanggapi sebagai *Harvard, Ivy League University*.

Lalu saya lebih mencadangkan, ini cadangan, bahawa daripada kita mahu bersaing dalam pendekatan melahirkan *APEX university* seharusnya kerangka pemikiran kita adalah untuk melahirkan *center of excellent in institutional learning and research* di mana kita tidak perlu memilih daripada empat, lima universiti tempatan yang agak hebat tetapi kita memilih bidang-bidang tertentu sama ada seperti *nano technology*, sama ada seperti kalau kita hendak pergi kepada *human genome*, *bio informatics* sama ada kita hendak masuk kepada *semantic*, *AI*, *artificial intelligent* dalam pendekatan-pendekatan yang *instead of art, instead of technology* dan sains.

Jadi daripada itu, kita lakukan *expertise sharing, information sharing, research sharing* yang akhirnya akan dapat menjana seperti *center of excellent*, seperti kita ada IJN contohnya, daripada kita cuba untuk memaksa salah satu daripada universiti tempatan menjadi *Ivy League University* kita. Itu agak jauh dari sudut sasaran dan pendekatan strategiknya. Apakah boleh kementerian dan menteri mendepani cabaran ini supaya datang satu *framework* yang di luar kerangka pemikiran yang biasa kerana kita memerlukan universiti-universiti ini, bukan hanya diangkat menjadi tiba-tiba dalam waktu yang terdekat sebab kita takut kriteria, *citation index* contohnya, itu adalah diguna pakai oleh Times Higher University Supplement, tetapi kita takut untuk mendepani cabaran seperti itu.

Lalu kita membawa *framework* penilaian yang lain dan kita katakan itu APEX, *Accelerated Program For Excellent*. Jadi ini perkara yang saya hendak cadangkan supaya difikir semula, *revisit*, ditimbang semula oleh kementerian. Terima kasih.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Soalan singkat.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: *One more.*

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pasal *APEX university* negara kami yang dulu, Universiti Malaya, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri ada tidak salah satu sebab kenapa *rank* UM ini jatuh atau dibawa dalam senarai ialah sebab Naib Canselor UM itu bukan seorang yang mempunyai *doctorate* atau profesor sebab kawan-kawan saya di universiti, dia telah beritahu saya UM adalah salah sebuah universiti negara di seluruh dunia di mana Naib Canselornya bukan seorang profesor atau *doctorate*.

Isu yang kedua, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apakah garis panduan kerajaan untuk menghantar pelajar-pelajar ke universiti luar negara atau universiti dalam negara dengan *scholarship* kerajaan sebab pada 16 Oktober, Dewan Rakyat yang mulia ini telah diberitahu bahawa kenapa pelajar-pelajar mendapat biasiswa ini dan siapakah mereka tidak diberitahu sebab kerajaan hendak memelihara kerahsiaan dan hak individu mereka.

Saya tanya soalan ini kerana saya telah diberitahu bahawa anak perempuan kepada Peguam Negara, Ghani Patail, nama dia Fauzul Azhar Patail, dia bekerja sebagai Peguam Negara selama dua tahun sahaja tetapi dia telah dapat biasiswa kerajaan, belajar di UK untuk melanjutkan *Master Degree* dia, tetapi *colleaguenya* dulu, Puan Cheng Siong Geoh, dia telah

bekerja sebagai Peguam Negara di Jabatan Peguam Negara selama 20 tahun, baru sahaja dia dapat biasiswa kerajaan belajar di Malaysia. Adakah ini adil? Terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Selepas ini, minta menteri menjawab. Sudah ramai, empat orang tadi tanya.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan dan cadangan Yang Berhormat dari Rompin, sebelum daripada ini, sebelum Yang Berhormat masuk, telah pun dimaklumkan pendekatan dan kaedah yang akan dilakukan oleh kerajaan dalam soal untuk membawa kecemerlangan kepada universiti dan cadangan Yang Berhormat supaya dibenarkan pensyarah dapat dihantar dan berkongsi kepakaran dan pengalaman di universiti luar merupakan satu cadangan yang baik. Sebenarnya memang pun di antara universiti dengan universiti mempunyai persetujuan untuk menukar tenaga akademiknya, mungkin dari segi masa sahaja, perlu dipanjangkan dan sebagainya, maka kita akan ambil kira. Mengenai Ahli Yang Berhormat daripada...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Boleh saya mencelah sedikit, mengacau sedikit sahaja. Saya hendak minta pandangan, tadi ada intervensi tentang bangsa daripada Segambut, tidak patut...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Sedikit sahaja. Saya hendak tanya apa pandangan sebelah ini berpolitik, itu yang dua tahun hantar itu saya rasa dibuat daripada *Master* buat PhD yang dibandingkan dengan Peguam Negara ini, Segambut jadilah politik ini. *Low*, tidak ada kelaslah. Ini cakap sahaja parti DAP, parti semua kaum tetapi *argument* bawa kaum sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau pencelahan itu biarlah pencelahan yang elok daripada timbul perkara-perkara perbahasan. Kiranya menteri sudah mahu menjawab empat, lima soalan, macam mana dia boleh *comprehend*?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Dia baru masuk.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Okey, saya teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila menteri jawab.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Selangor, ada beberapa aspek mengenai APEX saya akan jawab sekali gus dengan yang lain-lain, tetapi yang menyatakan mengenai kesediaan kita untuk di taraf ataupun dikaji melalui sistem-sistem penerapan daripada tempat-tempat lain, sukalah saya menyatakan bahawa kita tidak ada masalah untuk di taraf ataupun

mengikuti sistem-sistem penarafan di peringkat dunia dan sebagainya. Hanyalah kita perlu sedar bagaimanakah sistem itu diguna pakai yang baru-baru ini dipakai sistem Times Highway Education Supplement, ia berasaskan kepada persoalan-persoalan, *questionnaires* yang dihantar sebanyak 200,000 lebih kepada pelbagai pihak yang ada kaitan dalam IPT seluruh dunia tetapi yang datang balik hanya kurang daripada 2%.

Berbeza dengan sistem kita, apabila kita buat untuk APEX dan saya telah pun terangkan juga dalam Dewan yang mulia ini, ia berasaskan kepada *qualitative* dan *quantitative* penilaian yang mana selepas itu kita juga akan melihat, mengkaji, membuat audit, membuat *interview* menentukan semua maklumat yang kita dapat itu adalah benar kerana ia ada implikasi kewangan dan kita perlu membuat pilihan yang tepat. Berbeza dengan TEST, ia hanya *questionnaire*. Jadi atas sebab itu, walaupun kita tidak khuatir untuk universiti kita tertakluk dan menyertai TEST, tetapi kita tidak boleh ambil itu sahaja yang boleh memenuhi, menepati keperluan kita.

Jadi itu adalah dua perkara yang berbeza. TEST juga melihat kepada pencapaian sebelum itu, manakala APEX kita lihat selain daripada pencapaian, kalau kita gunakan TEST sebagai asas pertama untuk kita *filter* siapa yang layak menyertai program APEX, kemudian barulah kita lihat sejauh manakah masa hadapan di universiti itu mempunyai perancangan-perancangan, mempunyai pelan-pelan yang boleh membawa universiti itu ke arah kecemerlangan sebagaimana yang telah kita rangka dan juga kita rancang.

Mengenai Segambut, saya akan jawab juga soal-soal yang ada kaitan dengan APEX. Perkara kedua, biasiswa itu sebenarnya di bawah tanggungjawab JPA...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Cadangan *center of excellent* tadi macam mana menteri?

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Saya akan jawab melalui APEX. Adalah di bawah tanggungjawab JPA, bukan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Maka sudah tentulah patut soalan itu dikemukakan kepada pihak JPA.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Boleh?

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Okey, *last*, jangan panjang.

■1200

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sebelum beralih kepada perkara lain, ini mengenai *ranking - Times Higher Education Supplement Ranking*. Nampaknya kita dalam lima tahun ada tiga orang Menteri Pengajian Tinggi. Mungkin oleh kerana kerap kali pertukaran Menteri Pengajian Tinggi ini antara sebabnya tidak ada fokus untuk mempertingkatkan taraf mutu universiti-universiti kita. Bukankah satu aspek daripada *ranking Times Higher Education Supplement* yang muncul ialah kita semakin ditinggalkan oleh negara-negara yang lain?

Sekarang ini di rantau Asia kita bukan sahaja kalah kepada Singapura tetapi juga kalah kepada Thailand - *Chulalongkorn University* pada ranking 166. Kita terkeluar daripada rangking 200. Sekarang, kita juga kalah kepada universiti-universiti Indonesia. Dahulu kita sangat ke

hadapan apabila dibandingkan dengan universiti-universiti Indonesia. Seperti tahun lalu di mana kita adalah lebih baik berbanding dengan semua universiti Indonesia sama ada UM, USM ataupun UKM.

Namun pada tahun ini universiti-universiti Indonesia sudah mengejar di mana universiti-universiti Indonesia di tangga 287, *Mahidol Institute of Technology* di tangga 315, *Gadja Mada University* di tangga 316. Betul, UM lebih baik daripada mereka iaitu di tangga 230 dan UKM di tangga 250, tetapi universiti-universiti yang lain sudah dikejar. USM - *APEX University* di tangga 313 sudah kalah kepada satu universiti di Indonesia. Universiti Putra Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia yang dulu adalah lebih baik.

Bukankah ini menunjukkan satu krisis *higher education* yang kita tidak pernah boleh tangani. Bukan sahaja kita tertinggal daripada negara-negara lain seperti *Ivy League University* yang terbaik sekali yang sepatutnya kita bersama dengan mereka tetapi sekarang kita kalah kepada universiti-universiti yang dahulunya tidak dipersoalkan bahawa universiti kita adalah lebih baik. Kenapa ini tidak boleh di *turnaround*?

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Tuan Yang di-Pertua, itu masalah bila masuk lambat.

Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, subjek yang sama.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Saya ingat cukuplah. Itulah sebabnya, bila masuk lambat...

Tuan Yang di-Pertua: Daripada tadi apa yang saya dengar semuanya ialah pasal bagaimana hendak meninggikan. Biarlah menteri menjawab. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat ada cadangan buat secara bertulis yang lain itu dengan terperinci sampai 40 - 50 *pages*.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Tadi saya telah menyatakan bahawa memang berlaku pertembungan antara peranan universiti dalam negara kita dan juga untuk memenuhi kriteria sistem *ranking*. Untuk mengatasi soal pertembungan ini saya juga telah menyatakan bahawa kita akan lakukan secara berperingkat. Kalau kita hendak ikut 100% kriteria yang diletakkan oleh *Times 'Highway' Education Supplement*, maknanya jumlah pelajar antarabangsa...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan '*Highway*', *Higher*.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: *Sorry, Higher Education Supplement*, maknanya jumlah pelajar yang dimasukkan ke antarabangsa perlu tinggi. Jumlah pensyarah juga perlu tinggi dan pelajar kita yang dikeluarkan yang digalakkan untuk bekerja di syarikat-syarikat multinasional antarabangsa perlu juga ada dalam jumlah yang ramai dan sebagainya.

Kedua, saya juga telah menyatakan bahawa *Times Higher Education Supplement* ini bukan tidak mempunyai masalah ataupun kritiknya. Sebagai universiti khususnya daripada negara Eropah yang tidak ada langsung pun termasuk di sini memberi pandangan-pandangan yang sebenarnya menyatakan bahawa penilaian yang dibuat oleh *Times Higher Education*

Supplement ini tidaklah boleh diambil kira sepenuhnya. Ada banyak lagi sistem-sistem ranking dan sebagainya yang lebih baik daripada apa yang dilakukan oleh *Times Higher Education Supplement*.

Kalau kita juga bandingkan kedudukan universiti kita, di seluruh dunia ada 35,000 buah universiti, ada lima buah universiti kita di bawah tangga 500. Kalau kita bandingkan semua universiti kita dengan universiti-universiti di kawasan Asia Tenggara kita tidaklah seburuk seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur. Yang paling rendah memang betul ia adalah seperti berikut:

- (i) *National University of Singapore;*
- (ii) *Nanyang Technical University of Singapore;*
- (iii) *Chulalongkorn University Thailand;*
- (iv) Universiti Malaya;
- (v) Universiti Kebangsaan Malaysia;
- (vi) *Mahidol University* dan seterusnya barulah universiti Indonesia.

Kita lebih tinggi daripada universiti Indonesia. Jadi, maklumat Yang Berhormat itu tidak begitu tepat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *APEX University* lebih rendah bukan?

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Selepas ini saya akan jawab. Tuan Yang di-Pertua, mengenai keprihatinan Yang Berhormat Sabak Bernam agar pelan strategik berjaya dilaksanakan dan cadangan Yang Berhormat Kepong agar status Universiti APEX tidak diberi hanya kepada sebuah universiti. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Pelan Strategik yang dipengerusikan oleh menteri sendiri telah diwujudkan dan bermesyuarat sekurang-kurangnya dua minggu sekali bagi memantau pelaksanaan pelan strategik agar ia dilaksanakan dengan jayanya.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Kepong dan juga celahan daripada Yang Berhormat Kuala Selangor sebentar tadi, buat masa ini hanya satu universiti sahaja yang telah diterima menyertai Program APEX iaitu Universiti Sains Malaysia. Walau bagaimanapun universiti-universiti lain boleh menyertai program APEX ini berdasarkan kepada perkembangan semasa.

Ingin saya nyatakan bahawa perancangan program APEX tidak hanya tertumpu pada satu pendekatan sahaja malah terdapat tiga *track* program APEX seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor iaitu:

Track I

Berdasarkan tema transformasi dan berfokus kepada institusi pengajian tinggi sedia ada. Berasaskan *track* satu inilah USM telah terpilih pada 3 September yang lepas.

Track II Memberi fokus kepada institusi program dan pusat kecemerlangan dalam universiti yang bukan APEX ataupun termasuk juga dalam universiti APEX. *Track* ini dijangka dilancarkan pada Disember 2008 sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor sebentar tadi.

Track III Berdasarkan tema pengembangan dan memberi fokus kepada institusi/universiti baru *green field* ataupun *emerging ground field university*, dengan izin. *Track* ini dijangka dilancarkan pada Jun 2009.

Kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Segambut iaitu adakah UM tidak terpilih kerana naib canselornya bukan seorang profesor ataupun *PhD holder* dan sebagainya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, USM dipilih ataupun penilaian terhadap APEX dilaksanakan melalui kriteria-kriteria yang kita telah tetapkan iaitu:

- (i) dinilai kesediaan universiti tersebut - *state of readiness of the university*;
- (ii) memperincikan pelan transformasi yang dicadangkan oleh universiti tersebut; dan
- (iii) menganalisis kesediaan universiti tersebut untuk membuat perubahan - *preparedness for change*, dengan izin.

Berasaskan kepada ketiga-tiga faktor ini maka jawatankuasa berpendapat USM mempunyai potensi yang besar untuk mencapai tahap kecemerlangan yang lebih tinggi. Di mana ia dikenal pasti telah mempunyai pelan transformasinya yang mampu untuk di jaya dan dilaksanakan sebagaimana yang kita harapkan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sedikit penjelasan Yang Berhormat Menteri, atas *track*...

Tuan Yang di-Pertua: Jangan timbulkan perbahasan, itu sahaja.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ya, ini bukan berbahas tetapi cadangan. Atas *track* yang kedua tadi, apa yang pentingnya adalah untuk bukan hanya satu *center of excellence* di mana-mana universiti tetapi yang perlunya di sana ialah *sharing* termasuklah pensyarahnya, *lecturer academicnya* dan *resourcesnya*.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Ini boleh dibahas dalam jawatankuasa.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Jadi, daripada kita mengusahakan hanya satu - dalam *track II* itu satu *centre of excellence*, satu *centre of excellence* itu dikongsi dan diangkat

bersama oleh *the public universities together to create one centre of excellence that is really an Ivy League University* ataupun *the top-notch of institution* atas satu-satu bidang yang tertentu yang kita merupakan *leaders* dari segi *researchnya, international papers* dan seumpamanya...

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin; Sebelah sini lebih cepat, Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: ..supaya tidak ada *turf mentality* di kalangan akademia ataupun akademik ini.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Ya, ya. Sebelah sini lebih cepat. Semua itu memang sudah dalam perancangan dan akan diumumkan untuk dilaksanakan. Terima kasih. Jadi, tidak lari pandangan itu.

Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: Sedikit saya, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan bahawa Universiti Sains Malaysia ini mungkin tidak seperti Universiti Malaya ataupun UKM menurut *Times Higher Education Supplement*, saya tidak tahu kenapa USM dipilih sebagai APEX University.

■1210

Berita terkini saya juga dapat tahu bahawa VC-VC ini semua suruh pergi ke Germany untuk melawat universiti-universiti dan lagi pula maklumat yang terkini adalah seorang pensyarah yang buat penilaian akan dibayar RM5,000. Saya rasa ini sangat-sangat memeranjatkan saya, ini bukan tujuan APEX universiti. So boleh bagi sedikit penjelasan?

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Kriteria untuk memilih USM, tadi telah pun saya nyatakan. Ada tiga kriteria yang kita gunakan dan saya ingat lawatan yang dibuat itu adalah untuk melihat dan meninjau program yang sama yang dilaksanakan di Germany. Satu perkara yang amat penting yang perlu difahami ialah mana-mana universiti yang telah kita pilih untuk menyertai APEX jika gagal untuk mencapai sasaran maka maknanya ia perlu diambil tanggungjawab oleh Naib Canselor dan itu maknanya kegagalan dia. Jadi, kita meletakkan asas yang tinggi dan mengenai perkara *lecturer* itu saya tidak begitu jelas, harap dapat Yang Berhormat maklumkan selepas daripada ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Kuala Krau mencadangkan agar disediakan dana khas dan diperkembangkan program latihan industri di IPT bagi membantu graduan dapat pekerjaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi membantu graduan mendapatkan pekerjaan kementerian telah menggariskan agenda kebolehpasaran graduan sebagai salah satu agenda kritikal dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. Agenda ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti keluaran graduan yang dihasilkan oleh IPTA di samping menentukan ia mendapat pekerjaan dan pada masa yang sama memenuhi kehendak pasaran.

Beberapa usaha telah dilaksanakan antaranya membangunkan modul pembangunan kemahiran insaniah, *soft skill* dan modul asas kebudayaan keusahawanan yang diajar di semua IPTA, menjalankan program penempatan dalam industri bagi tempoh 2 hingga 6 bulan,

membantu siswazah yang telah tamat pengajian untuk mengikuti program latihan khusus dengan kerjasama pelbagai syarikat termasuk GLC, menjalankan program penjodohan, *matching* dengan izin siswazah dengan industri melalui kerjasama dengan syarikat-syarikat yang telah pun dipilih oleh kementerian.

Peruntukan khas untuk program industri dan *employability* ini sememangnya telah disediakan oleh kerajaan. Kementerian telah menerima peruntukan sebanyak RM10 juta bagi tahu 2007, RM80 juta bagi tahun 2008, RM100 juta bagi tahun 2009, bagi menjayakan program ini. KPT turut memantapkan kajian pengesanan graduan bagi memperkukuhkan lagi perancangan dan pembangunan modal insan di peringkat *tertiary* secara lebih berkesan.

Yang Berhormat Lembah Pantai mencadangkan agar dibuat kajian sebelum sesuatu program ditawarkan di IPT. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebelum sesuatu program pengajian dibangunkan, IPT perlu mengadakan kajian pasaran ke atas program tersebut bagi memastikan graduan yang bakal dihasilkan kelak menepati keperluan pasaran. IPT juga turut mengkaji dan mengubah suai kurikulum sedia ada dari semasa ke semasa mengikut kitaran atau *cycle* dengan izin, bagi setiap tiga hingga lima tahun bergantung kepada kursus pengajian. Pandangan dan input daripada ahli-ahli akademik, pakar dan industri dari industri dan pihak swasta, pihak kerajaan dan bukan kerajaan merupakan komponen penting yang diambil kira sebelum program berkenaan diluluskan.

Kementerian sentiasa memberi penekanan terhadap pembangunan modal insan yang berkualiti bagi mencapai matlamat tersebut selain menggubal kurikulum IPT berasaskan *outcome learning*...

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Laluan.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: ...dengan izin kementerian juga membentuk standard program pengajian dan mengguna pakai amalan terbaik antarabangsa serta melaksanakan kerangka kelayakan Malaysia atau *Malaysian qualification framework* dengan izin.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Singkat Yang Berhormat ya, kerana kita tidak ada masa.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak timbulkan satu persoalan yang berbangkit di Universiti Malaya iaitu ada *course-course* yang ditawarkan iaitu di Akademi Islam yang tajuknya ataupun yang saya sendiri pernah ikuti iaitulah 'syariah dan pengurusan' iaitu ijazah yang ditawarkan kepada kami. Akan tetapi apabila keluar daripada universiti, *graduate* rupanya dia hanya iktiraf dalam syariah, pengurusannya tidak ada. Maksudnya kami hanya *graduate* dalam syariah, tidak lagi syariah dan pengurusan, syariah dan ekonomi, katanya tidak mendapat pengiktirafan. Saya minta kalau boleh menteri tolong lihat sedikit aspek ini. Ada yang syariah dan undang-undang tapi rupanya masuk dalam pasaran kerja JPA tidak iktiraf, jadi kita mintak sikit penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Saya akan lihatlah perkara ini, kerana ini satu perkara yang baru dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Mengenai isu pengurangan pengambilan pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan perpindahan pelajar ke Universiti Sains Islam Malaysia yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dalam perbahasan dan bukan dalam pencelahan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat secara keseluruhan tidak berlaku pengurangan pelajar di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Jumlah pelajar baru yang ijazah pertama yang mendaftar di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya pada sesi 2006-2007 adalah seramai 291 orang, manakala sesi 2007-2008 seramai 361 orang dan unjuran kemasukan pada sesi 2009-2010 ialah seramai 455 orang. Dianggarkan terdapat pertambahan sebanyak 20% bagi sesi 2009-2010.

Pada masa hadapan Universiti Malaya sememangnya merancang untuk meletakkan nisbah satu pelajar ijazah pertama dengan satu pelajar ijazah lanjutan sesuai dengan kriteria sebuah universiti penyelidikan. Mengenai isu perpindahan pelajar Sabah dan Sarawak yang belajar di cawangan Universiti Malaya Nilam Puri, Kelantan ke Universiti Sains Islam Malaysia pihak kerajaan bersedia menerima pelajar-pelajar tersebut sekiranya isu mengenai penajaan dan pembiayaan dapat diselesaikan oleh pihak-pihak yang terlibat. Penempatan pelajar-pelajar berkenaan ke Universiti Sains Islam Malaysia adalah amat bersesuaian memandangkan fokus universiti berkenaan adalah kepada aspek pengajian Islam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Padang Terap dan Yang Berhormat Lembah Pantai membangkitkan berkenaan dengan pilihan raya kampus dan campur tangan politik dalam universiti. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Kepong agar tiada campur tangan politik dalam universiti sama ada daripada parti pembangkang ataupun pihak kerajaan. Selaras dengan itu, maka pihak kerajaan menetapkan dalam meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ataupun AUKU untuk menghalang pelajar-pelajar daripada menjadi ahli dan melibatkan diri dalam mana-mana parti politik semasa mengikuti pengajian di universiti.

Mengenai tarikh pilihan raya dan *E-voting*, kementerian memberi kebebasan kepada setiap IPT dalam urusan IPT masing-masing selagi ia tidak menyalahi peraturan dan akta yang menjadi pegangan dalam hal-hal pentadbiran. Ini termasuklah dalam urusan wakil pelajar atau lebih dikenali sebagai pilihan raya kampus. Justeru Naib Canselor berkuasa untuk membuat pertimbangan yang sewajarnya tanpa campur tangan kementerian bagi menentukan tarikh pilihan raya kampus yang sesuai agar tidak mengganggu urusan pembelajaran para pelajar dan menggunakan kaedah pemilihan yang bersesuaian dan adil kepada semua. Pendek kata pilihan raya untuk pelajar tetap diadakan tetapi tertakluk kepada Naib Canselor untuk tentukan tarikh yang sesuai tanpa mengganggu perjalanan universiti dan juga pembelajaran pelajar.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Laluan. Yang Berhormat Timbalan Menteri baru-baru ini berlaku pilihan raya kampus, peratusan yang keluar mengundi terutamanya

di sebelah Pantai Timur begitu mendukacitakan di bawah paras 50%. Saya melihat ada satu protes daripada mahasiswa sendiri terhadap sistem yang dijalankan termasuklah *E-voting* dan juga tantang tarikh pilihan raya yang dirahsiakan dan saya sebut dalam perbincangan bajet ada pemilihan perwakilan pelajar yang dibuat selepas mereka tamat ada pula *caretaker government*, ini satu benda yang mungkin diberi perhatian oleh pihak kementerian. Kurang daripada 50% mungkin ini satu protes daripada mahasiswa sendiri.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: *Caretaker* itu kerana sepatutnya pemilihan dibuat pada bulan Oktober tapi pada ketika itu adalah bulan September, bulan puasa, hari raya dan ada setengah-setengah universiti akan menghadapi peperiksaan dalam bulan November maka diserahkan kepada IPT masing-masing untuk tentukan bila yang wajar untuk diadakan pilihan raya tersebut dan dalam menunggu usaha untuk mengadakan pilihan raya itu maka diwujudkan ataupun dibenarkan MPP diadakan untuk menjadi *caretaker*. Itulah kebiasaan dalam amalan demokrasi.

■1220

Soal jumlah peratusan yang keluar mengundi adalah tidak tinggi dan sebagainya, dari segi kementerian, kita mengambil sikap untuk tidak mencampuri atau pun untuk memainkan peranan masuk ke universiti untuk menyeru pelajar untuk keluar mengundi kerana saya anggap itu adalah perkara-perkara yang perlu dilakukan oleh kepimpinan pelajar itu sendiri selari dengan hasrat semua di sini yang mahukan supaya ada kebebasan dan kurang campur tangan kementerian dan politik dalam kampus. Jadi kita kena pastikanlah jangan ada kontradiksi dalam apa yang kena mahukan, dalam amalan dan sebagainya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apakah jaminan yang boleh diberi oleh pihak kementerian bahawa pilihan raya kampus setiap tahun mulai sekarang boleh dijalankan dengan telus tanpa campur tangan dari pihak pengurusan universiti. Setiap tahun kita mendengar laporan dan dakwaan ada *harassment* terhadap pelajar-pelajar yang *anti-establishment*, rampasan risalah, rampasan komputer dan serbuan ke dalam asrama. Sudi kah pihak kementerian membenarkan pihak SUHAKAM untuk menjadi pemantau atau Ahli-ahli Parlimen yang berminat untuk memastikan perjalanan pilihan raya kampus ini adalah benar-benar telus.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya ingat jumlahnya adalah terlalu kecil. Janganlah jumlah yang terlalu kecil dijadikan sebagai asas untuk kita mengubah segala perkara yang telah membawa kebaikan kepada universiti. Jangan kita mencari sebab yang kecil bertujuan untuk masuk dan sebagainya. Saya yakin universiti masih mampu, kalau tidak siapakah yang ada di dalam universiti. Golongan cerdik pandai, intelektual, takkanlah tak boleh nak uruskan perkara ini? Jadi ini hanya memperkecilkan mereka. Walaupun saya tidak nafikan mungkin ada berlaku apa yang Yang Berhormat cakapkan itu. Kalau ada, kita siasatlah. Akan tetapi tidak bermakna maka kerana itu kita tak beri

tanggungjawab kepada universiti, golongan cerdik pandai yang kita rasa tak boleh nak urus satu pemilihan untuk memilih Majlis Perwakilan Pelajar.

Saya sebagai menteri, saya masih yakin universiti masih mampu untuk menguruskan perkara itu dan dengan syarat itu, kita menilai semua perkara jangan dari aspek politik. Kalau kita menilai itu dari aspek akademik dan sebagainya, saya ingat tak ada masalah. Akan tetapi kita lihat perkara ini dari sudut politik, untung atau tidak untung pada kita. Itu yang jadi masalah. Saya ingat cukuplah Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak kita ada banyak lagi kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu bantuan kewangan kepada pelajar yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Padang Terap, ingin dimaklumkan bahawa mulai 1 Mac 2007, PTPTN telah menaikkan jumlah pinjaman untuk pengajian di IPTS dari maksimum RM5,000 setahun kepada maksimum RM8,000 setahun bagi kursus peringkat diploma dan dari maksimum RM20,000 setahun kepada maksimum RM30,000 setahun untuk kursus peringkat ijazah. Kadar biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam bagi pengajian dalam negara sama ada di peringkat diploma, Ijazah Pertama juga telah dinaikkan mulai September 2007. Kadar ini menjadikan jumlah kadar elaun sara hidup sebulan iaitu sebanyak RM535 ke RM635 bagi diploma dan RM595 ke RM770 bagi peringkat Ijazah Pertama iaitu peningkatan sehingga 80% berbanding kadar elaun sara hidup sebelumnya.

Kadar elaun sara hidup ini dianggap berpatutan bagi kegunaan harian pelajar secara sederhana kerana segala yuran pengajian telah ditanggung oleh pihak penaja. Tambahan pula, pelajar juga diberikan elaun alat perkakas dan elaun buku setiap tahun. Oleh itu pada masa ini kementerian tidak berhasrat untuk menaikkan jumlah pinjaman PTPTN memandangkan kemampuan kewangan yang terhad. Namun begitu kerajaan tidak akan membiarkan para pelajar terganggu pengajian mereka disebabkan masalah kewangan dan akan membuat penilaian bergantung kepada keperluan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Labuan....

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Boleh bincang Peringkat Jawatankuasa nanti?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sudah hitung dengan terperinci. Kita ada 18 kementerian. Kalau satu kementerian satu jam, kita cuma *available time* 16 jam, kalau pun saya sambung sampai jam 12 malam. Saya ingat Ahli Yang Berhormat mahu mencelah sewaktu Menteri Kewangan nanti membahaskan. Jadi perkara yang saya anggap remeh itu janganlah ditimbulkan. Biarlah menteri menjawab. Kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai persoalan yang terlampau terperinci dan elok, buat satu kerja sampai 50, 60 *pages* mengenai dengan soal universiti, kemukakan kepada kementerian dan buat salinan kepada saya. Kalau kementerian tak ambil tindakan, saya tulis kepada kementerian. Sila.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai cadangan Yang Berhormat Labuan dan Yang Berhormat Jasin supaya diwujudkan IPT di Labuan dan Jasin, ingin saya jelaskan bahawa penubuhan sesebuah IPT terutamanya IPTA adalah dibuat berdasarkan keperluan strategik negara. Ia dibuat dengan mengambil kira kemampuan pembiayaan kerajaan, kepentingan bidang tujuhan, *niche area* dengan izin, terhadap pembangunan sosioekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan di pasaran kerja.

Pada masa ini, kementerian berpandangan bahawa jumlah IPTA sedia ada adalah mencukupi untuk menampung keperluan sumber tenaga mahir negara. Fokus KPT pada masa ini adalah untuk memperkasa dan meningkatkan kemudahan di IPTA sedia ada.

Mengenai isu kemasukan ke IPTA hendaklah telus tanpa mengira kaum seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh dan juga Yang Berhormat Tawau yang mana meminta agar kuota pengambilan pelajar Sabah ditingkatkan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti yang telah dijawab dalam sesi perbahasan Soalan-Jawab Lisan sebentar tadi pada hari ini dasar pengambilan pelajar mengikut kuota telah dihapuskan dan diganti dengan dasar meritokrasi yang telah diguna pakai sejak sesi akademik 2002/2003.

Cadangan Yang Berhormat Tawau supaya kuota pengambilan pelajar Sabah ditingkatkan dan tidak dapat dilaksanakan atas prinsip meritokrasi seperti di atas. Walau bagaimanapun, saya memberi jaminan bahawa rakyat Sabah tidak akan disisihkan daripada menyertai pendidikan di peringkat *tertiary*. Sebagai contoh, bilangan pelajar rakyat Sabah yang ditawarkan tempat ke program pengajian perubatan di UMS ialah 36.9% pada sesi akademik 2007/2008. Peratusan ini telah meningkat kepada 38.7% pada sesi akademik 2008/2009.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Pulai, Silam, Padang Besar berkaitan tumpuan pada program latihan kemahiran, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menyokong keperluan tenaga kerja separa profesional dan eksekutif pertengahan serta tenaga kerja mahir untuk memenuhi keperluan industri dan komuniti kementerian telah mewujudkan politeknik dan kolej komuniti bagi menyediakan laluan pengajian di peringkat sijil dan diploma, serta pembelajaran alternatif bagi tujuan tersebut. Di politeknik misalnya, pengajian ialah berdasarkan 50% hingga 60% teori, dan 40% hingga 50% amali. Manakala di kolej komuniti ialah 75% amali, dan 25% teori. Di samping itu, pelajar juga diwajibkan menjalankan Program Latihan Industri selama enam bulan sebelum tamat pengajian bagi memastikan mereka benar-benar mempunyai kemahiran yang diperlukan. Semua program diploma di kolej komuniti dilaksanakan menggunakan pendekatan *work-based learning* dengan izin, di mana pihak industri terlibat secara langsung dalam penyediaan tempat latihan, tempat kerja di syarikat mereka serta sama-sama melatih dan menilai pelajar. Kerjasama dengan industri ini turut meningkatkan kebolehpasaran lulusan politeknik dan kolej komuniti.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Pasir Mas agar disyaratkan bahasa Malaysia digunakan sebagai bahasa pengantar di IPTS, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, Akta 555 sememangnya telah menetapkan penggunaan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar bagi kursus pengajian di IPTS. Peruntukan berhubung perkara ini telah ditetapkan di bawah seksyen 41(1) akta tersebut. Namun begitu di bawah peruntukan seksyen 41(3), menteri boleh memberi kelulusan kepada IPTS untuk mengendalikan kursus pengajian di dalam bahasa Inggeris atau mengendalikan pengajaran Agama Islam dalam bahasa Arab. Sekiranya kelulusan berkenaan diberikan, IPTS tersebut mesti menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai mata pelajaran wajib kepada pelajar yang mengikuti kursus pengajian yang berkenaan.

■1230

Walau bagaimanapun sekiranya kelulusan bagi menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar diberikan, menteri melalui peruntukan seksyen 42 boleh mengarahkan pada bila-bila masa supaya bahasa kebangsaan digunakan semula untuk mengendalikan kursus pengajian tersebut. Mengenai isu tanah runtuh di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Padang Terap, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Universiti Malaya sentiasa memantau kualiti persekitaran kampus termasuk kestabilan tanah tinggi yang ada di dalam kawasanya. Kejadian tanah runtuh yang berlaku pada awal pagi 20 Oktober 2008 berhampiran blok bangunan Akademi Pengajian Islam adalah sesuatu yang di luar jangkaan. Kejadian ini berlaku ekoran daripada hujan hampir setiap hari sepanjang tempoh dua minggu sebelum kejadian tersebut dan tanah runtuh ini telah merosakkan sebahagian kecil bangunan di blok D.

Pihak universiti telah mengambil langkah keselamatan dengan mengosongkan blok tersebut termasuk blok C yang terletak berhampiran dengannya. Tindakan telah diambil untuk mengeluarkan tanah di sekitar kawasan kejadian dan kerja-kerja pembersihan tanah masih berterusan sejak daripada tarikh kejadian. Pihak universiti akan mendapatkan kerjasama daripada Jabatan Kerja Raya, pakar-pakar teknikal universiti dan badan-badan teknikal lain untuk melaksanakan kajian kestabilan cerun dalam masa terdekat. Mengenai pembangunan UiTM Kampus Samarahan yang dibangkitkan oleh...

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Lualan sedikit Yang Berhormat. Sedikit sahaja. Hendak tanya ada pampasan atau tidak diberikan kepada Universiti Malaya kerana banyak kerosakan yang berlaku termasuklah jurnal-jurnal akademik kerana saya difahamkan oleh Timbalan Pengarah Akademik jurnal-jurnal akademik, tesis yang rosak dalam kejadian tersebut. Ada tidak mungkin satu bantuan kecemasan yang diberikan oleh pihak kementerian untuk membaiki kerosakan? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Ini perkara boleh diputuskan oleh universiti kerana universiti sendiri banyak duit. Mengenai pembangunan UiTM Kampus Samarahan yang

dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batang Sadong, untuk makluman Ahli Yang Berhormat terdapat dua jenis peruntukan untuk membangunkan Kampus UiTM Kota Samarahan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu melalui *Development Expenditure* dan juga *Private Funding Initiative* dengan izin. Pampasan tanah sebanyak RM28.3 juta adalah menggunakan peruntukan *Development Expenditure*. Projek-projek yang akan dibangunkan ialah bangunan akademik, makmal sains, bengkel kejuruteraan ladang, kolej kediaman, pusat pelajar, bangunan pentadbiran dan infrastruktur di mana projek-projek tersebut akan dilaksanakan oleh kontraktor yang telah dipilih.

Sebanyak RM80 juta telah diperuntukkan melalui PFI bagi membangunkan projek-projek yang seterusnya. Pada 17 Oktober 2008 pihak kontraktor telah pun memasuki tapak bagi memulakan kerja-kerja binaan. Selain daripada itu Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 September yang lepas telah juga meluluskan pembinaan Kampus UiTM Kota Samarahan dengan kapasiti 4,000 pelajar melalui kaedah PFI II. Manakala bagi pembangunan Kampus UiTM Cawangan Mukah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Mukah sukacita dimaklumkan juga iaitu di bawah PFI II kerajaan juga telah setuju meluluskan pembinaan Kampus Cawangan UiTM Mukah dengan kapasiti seramai 1,000 orang pelajar. Mengenai pertanyaan Yang Berhormat Pendang berkaitan pengurangan penghijrahan doktor dengan adanya *private wing* di *teaching hospital*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat terdapat tiga buah universiti yang mempunyai sayap swasta di hospital pengajar iaitu UM, UKM dan juga USM. Peratusan pensyarah perubatan di Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia yang meletak jawatan telah menurun daripada 7.3% kepada 4.7 % sejak sayap swasta ditubuhkan. Manakala peratusan pensyarah perubatan yang meletak jawatan di HUSM ialah 2.18% namun selepas penubuhan sayap swasta beroperasi secara aktif dan menyeluruh peratusan pensyarah perubatan yang meletak jawatan menurun kepada 1.66%. Peratusan pensyarah perubatan yang meletak jawatan di UM juga menurun selepas sayap swasta diwujudkan iaitu daripada 7.09% kepada 2.6%.

Secara umumnya peratusan pensyarah perubatan yang meletak jawatan adalah masih lagi rendah. Penubuhan sayap swasta di hospital pengajar sedikit sebanyak mampu mengurangkan penghijrahan doktor ke sektor swasta. Mengenai isu pelantikan pengurusan tertinggi IPT yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, ingin dimaklumkan bahawa pelantikan pengurusan tertinggi khususnya Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor adalah dilaksanakan oleh satu badan bebas yang dilantik oleh kerajaan dikenali sebagai Jawatankuasa Pemilihan. Pelantikan ini adalah merupakan satu tindakan pentadbiran tetapi apabila kita pinda Akta Universiti ia akan menjadi salah satu daripada peruntukan yang terdapat yang perlu digunakan apabila melantik pengurusan tertinggi di universiti.

Ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada tokoh-tokoh terkenal dalam pelbagai bidang dan memegang jawatan penting dalam sesebuah organisasi. Asas pemilihan ialah berdasarkan

kepada kriteria-kriteria seperti untuk pelantikan Naib Canselor dan TNC seperti visi dan misi, kepimpinan dan pengurusan, pencapaian akademik, pengiktirafan, keperibadian unggul dan kemahiran berkomunikasi. Calon-calon yang dikenal pasti akan ditapis melalui temu duga dan dinilai berdasarkan kriteria tersebut serta prestasi mereka semasa temu duga. Melalui penubuhan jawatankuasa tetap ini proses pemilihan Naib Canselor IPTA khususnya akan menjadi lebih telus dan berintegriti tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak yang berkepentingan termasuk sokongan ahli politik.

Tuan Yang di-Pertua setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara yang menyentuh Kementerian Pengajian Tinggi yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya percaya banyak lagi akan dibangkit semasa kita melalui peringkat perbahasan di peringkat jawatankuasa dan kementerian akan terus memberi perhatian kepada apa sahaja perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ke arah usaha kita bersama-sama menyumbang dalam meningkatkan kecemerlangan pengajian tinggi negara kita. Sekian terima kasih.

12.37 tgh.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Mustapa Mohamed]:
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua saya mewakili Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengucapkan setinggi penghargaan kepada Yang Berhormat yang telah membahaskan belanjawan merujuk kepada kementerian. Secara umumnya isu-isu yang dibangkitkan adalah berkaitan:

- (i) dengan dasar jaminan bekalan makanan negara ataupun *food security*;
- (ii) berkaitan dengan keberkesanan subsidi dan bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada para petani, penternak dan nelayan;
- (iii) berkaitan dengan industri isu-isu berkaitan padi dan beras;
- (iv) berkaitan industri perikanan;
- (v) berkaitan dengan penglibatan anak muda dalam bidang ini;
- (vi) isu-isu berkaitan tanah terbiar; dan
- (vii) ada juga dibangkitkan tentang laporan audit tahun 2007 yang merujuk kepada Jabatan Veterinar dulunya dikenali sebagai Jabatan Perkhidmatan Haiwan berkaitan dengan pembekalan baka lembu daripada negeri China yang bernama *yellow cattle*.

Jadi sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Saya mulakan jawapan merujuk kepada pandangan Ahli Yang Berhormat Pulai dan Ledang berkaitan dengan dasar jaminan bekalan makanan negara. Seperti yang pernah saya maklumkan dalam Dewan ini kita bersyukur kerana negara telah bertindak pantas untuk mengurangkan masalah bekalan makanan negara termasuklah masalah bekalan dan juga

masalah kenaikan harga makanan yang mendadak. Kerajaan telah mengeluarkan peruntukan yang besar kira-kira RM3 bilion dan yang melibatkan kementerian ia merujuk:

- (i) kepada program peningkatan keluaran padi peruntukan RM803 juta;
- (ii) mewujudkan stok penimbal beras;
- (iii) peningkatan pengeluaran produktiviti;
- (iv) memberikan insentif pengeluaran kepada pengusaha pertanian;
- (v) untuk mengukuhkan sistem pasaran;
- (vi) program bumi hijau; dan
- (vii) pengurusan tanah dan kolam terbiar.

Dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan ini Tuan Yang di-Pertua kita bersyukur kerana hari ini beras tidak lagi menjadi isu utama dalam negara dari segi bekalannya. Harga beras seperti yang saya telah maklumkan harga beras import telah turun satu masa sampai RM4.00 satu kilo, beras 5% *white rice of Thailand* sekarang ini sudah turun RM3.00 satu kilo. Yang membanggakan kita menggembirakan kita juga ialah walaupun kita tetapkan harga siling bagi beras jenis 5% dan 10% yang merupakan beras kawalan RM2.80 bagi beras 5% dan RM2.70 bagi beras 10%.

■ 1240

Para peniaga telah pun mula mengurangkan harga, secara puratanya harga telah berkurangan sebanyak 20 sen satu kilo bagi harga beras kawalan 5% tempatan dan 10% tempatan.

Jadi saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat dari Pulai dan Ledang dan dengan langkah-langkah pantas yang diambil oleh kerajaan maka sebahagian besar daripada isu-isu berkaitan dengan bekalan dan harga beras khususnya dapat kita tangani.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua isu yang dibangkitkan berkaitan dengan keberkesanan subsidi dan ketirisan yang dibangkitkan termasuklah oleh Yang Berhormat Marang.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Minta penjelasan sikit. Saya mengambil kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua untuk mengucapkan terima kasih kerana tindakan pantas untuk mengatasi masalah kekurangan beras ini.

Persoalan saya hendak minta penjelasan ialah berapa tahun kerajaan kena menanggung RM700 juta untuk mengatasi masalah ini? Sehingga kita dapat mampu untuk mengurangkan, kalau mengurangkan berapa peratuskah setahun-tahun itu yang dapat kita kurangkan dari subsidi dan hasil kita?

Yang kedua, rancangan kerajaan untuk membeli dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini banyak menumpu kepada pembukaan ladang-ladang beras yang baru seperti Sabah, Sarawak dan sebagainya. Saya ingin penjelasan, kawasan-kawasan seperti MADA, KADA di Perak ini yang agak terbiar, bukan terbiar tetapi tidak ditingkatkan hasilnya.

Jadi saya nak tanya di mana *priority* sebenarnya? Dari segi peruntukan itu, adakah kerajaan memandang bahawa pembukaan ladang ataupun kawasan yang baru itu dapat segera menampung ataupun kawasan yang sedia ada cuma dipertingkatkan. Dan berapa peruntukan yang diperlukan? Saya tidak nampak peruntukan yang banyak untuk mengatasi atau menaik taraf kawasan-kawasan yang pengeluaran beras ini lebih daripada rancangan yang baru. Ingin penjelasan.

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: Menteri, kalau boleh sambung sikit, benda yang sama.

Dato' Mustapa Mohamed: Nanti, saya selesaikan dulu. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan bahawa kedua-duanya *priority*, persoalan daripada Yang Berhormat Pengkalan Chepa ialah mana lebih *priority*, sama ada yang baru atau yang lama? Yang baru ini penting kerana bagi Sabah dan Sarawak khususnya negeri-negeri tersebut tidak mengeluarkan padi dan beras yang mencukupi. Jadi kita perlu juga pastikan Sabah dan Sarawak menambah pengeluaran padi dan beras. Itu sebabnya tumpuan juga diberikan kepada negeri-negeri tersebut.

Selain dari itu, kita tidak mengabaikan kawasan sedia ada dan seperti saya telah maklum di dalam Dewan ini, kita telah memperuntukkan lebih RM2 bilion dalam tempoh dua tahun setengah ini bukan sahaja untuk kawasan baru tetapi juga untuk kawasan lama. Umpamanya bagi kawasan MADA yang merupakan kawasan lama, dulunya peruntukan cuma RM160 juta untuk menyelenggarakan tali air, sekarang lebih RM600 juta peningkatan empat kali ganda. Bagi KADA di Kelantan, dulunya cuma RM100 juta, lebih tiga kali ganda meningkat. Jadi kawasan baru diberi tumpuan, kawasan lama diberi tumpuan.

Bagi menjawab soalan kedua berkaitan dengan sampai bila kita nak teruskan subsidi ini. Sektor pertanian memerlukan bantuan daripada kerajaan, mana-mana negara di dunia khususnya negara-negara maju memberikan subsidi yang besar kepada pertanian. Jadi kita bersyukur kerajaan Barisan Nasional memberikan banyak bantuan kepada petani dan bantuan ini perlu diteruskan. Umpamanya kalau bantuan baja yang bukan sahaja diberikan tetapi ditambah baru-baru ini pula. Kalau ditarik balik bantuan ini sudah pasti yang pertamanya akan menjejaskan pengeluaran. Yang keduanya ia tidak akan menjadi satu bidang yang menguntungkan.

Jadi subsidi akan diteruskan, cumanya keberkesanan subsidi akan dikaji dari masa ke semasa untuk memastikan bahawa seperti Yang Berhormat Marang dan lain-lain mencadangkan kita nak pastikan bahawa subsidi sampai kepada mereka yang berkenaan, kumpulan sasar. Dan berkaitan dengan sasaran kita, pada masa ini kita cuma mengeluarkan 72% daripada keperluan negara, beras dan kita bercadang untuk tingkatkan kepada 86% menjelang tahun 2010.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Bagi penjelasan sikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, terlebih dahulu saya bagi pihak rakyat Sabah

mengucapkan ribuan terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat untuk memperkasakan pengeluaran padi di negeri Sabah dan Sarawak.

Yang saya nak soal Yang Berhormat Menteri adalah soal subsidi Yang Berhormat ketengahkan tadi bahawa kumpulan sasaran. Jadi kumpulan sasaran ini ada beberapa kategori sasaran. Satu, ada petani-petani yang kecil-kecilan ataupun *small holders*. Kedua, ada yang petani secara komersial. Yang ada pada masa sekarang Yang Berhormat Menteri adalah bantuan subsidi dari segi baja dan sebagainya hanya tumpu kepada kawasan-kawasan pertanian yang kecil, sawah padi yang kecil seperti 1 hektar, 3 hektar dan 10 hektar.

Bagaimana pula kepada pengusaha-pengusaha secara komersial lebih daripada 15 ekar. Kenapa mereka-mereka ini tidak diberi perhatian kerana inilah yang boleh menghasilkan jumlah yang banyak pengeluaran daripada yang kecil-kecilan. Minta penjelasan sikit.

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: Menteri, sambung sikit. Terima kasih, masalah harga beras tadi. Sehingga semalam di kawasan pedalaman harga beras masih belum turun dan bila kita tanya kilang-kilang mereka kata belum ada arahan rasmi mengenai benda ini. Jadi apa yang saya nak timbulkan bahawa walaupun tindakan kementerian berjaya dalam masa yang singkat tetapi apa yang berlaku sebenarnya, sasaran di kawasan-kawasan luar bandar ini lambat kesannya dan menyebabkan mereka ini masih tertekan dengan kenaikan harga ataupun harga yang tinggi itu.

Yang keduanya, saya ingin mencadangkan kepada Menteri kalau boleh kita wujudkan kedai-kedai harga contoh. Bukan sahaja beras tetapi barang-barang keperluan lain untuk membolehkan rakyat di kawasan pedalaman mengukur keadaan harga sesuatu masa. Kerana kalau kita katakan benda atau harga-harga itu turun hanya di kawasan pekan, di *supermarket-supermarket* yang besar, kesan yang akan diterima oleh rakyat pedalaman lambat sekali ataupun mungkin tak sempat nak terima, kalau harga minyak naik, barang akan naik.

Jadi mungkin keadaan ini akan berlaku berterusan dan saya mintalah benda ini diberi perhatian oleh pihak menteri. Terima kasih.

Tuan Charles Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, satu lagi soalan.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, mengenai ...

Tuan Charles Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, satu lagi soalan mengenai *food security*. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, soalan saya adalah mengenai isu jaminan pemakanan ataupun *food security*. Bolehkah mana-mana negara pada hari ini memberi jaminan mengenai *food security* atau *food...* memandangkan harga-harga barang makanan sekarang ditentukan ataupun di *control by speculators through various speculative activities*.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Kelang. Jaminan 100% memang mustahil untuk mana-mana negara buat tetapi kita ikhtiar, kita cuba sedaya upaya dan dalam konteks negara kita, kita telah berjaya mencapai sedikit kejayaan dan kita berharap satu hari nanti kita akan dapat memberi jaminan secara umum

bahawa kita akan mempunyai bekalan makanan yang mencukupi. Inilah yang cuba diikhtiarkan oleh kerajaan.

Secara umumnya ada *international trade*, mana negara yang tidak cukup mengeluarkan sesuatu produk itu perlu mengimport daripada negara-negara lain, ini asas perdagangan antarabangsa. Akan ada *international trade* dan pada masa yang sama dalam konteks makanan utama atau *staple food*, kita harus berikhtiar untuk memastikan bahawa kita cukup bukan semua makanan tetapi khususnya bagi bekalan makanan utama, *staple food* kita harus berusaha untuk memastikan kita cukup bekalannya. Kalau tidak, apa-apa *emergency* yang berlaku kita akan berhadapan dengan masalah.

Tuan Charles Santiago [Klang]: [*Bangun*]

Dato' Mustapa Mohamed: Saya nak teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Charles Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, minta susulan ...

Dato' Mustapa Mohamed: Cukup-cukup.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Satu soalan sahaja Yang Berhormat.

Dato' Mustapa Mohamed: Lepas-lepas ini, banyak lagi, saya *confuse* banyak sangat ini. Saya baru jawab Yang Berhormat Klang. Yang kedua tadi berkaitan dengan beras di pedalaman sahabat saya Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah pun melancarkan satu program yang telah pun dilancarkan di Pekan, di Seberang Perai Utara. Di mana kerajaan akan memperbaiki sistem pengedaran dan dengan itu membolehkan kerajaan membantu dalam memastikan harga turun sedikit.

■ 1250

Jadi inisiatif ini jika berjaya akan diperluaskan di beberapa kawasan lain di negara ini. Mengenai beras saya ingin bagi sedikit penjelasan. Secara umumnya ada empat jenis beras, Tuan Yang di-Pertua. Satu, beras import. Sudah turun. Tidak ada pertikaian. *No debate on this*, dengan izin. Daripada RM4.00 sekarang ini beras Siam RM3. RM2.90 sen pun ada. Itu tidak ada pertikaian. Sudah turun pun harga beras import. Yang kedua harga beras 15% tidak turun. Masih lagi RM1.80 sen. Saya sudah beri penjelasan bahawa tidak boleh turun kerana harga sebenar ialah RM2.30 sen. Kerajaan menyediakan subsidi kira-kira RM800 juta untuk memastikan bahawa harga dapat dipertahankan pada kadar RM1.80 sen sekilo. Maka untuk beras 15%, tidak dapat turun kerana harganya memang lebih rendah daripada harga pasaran.

Yang saya sebut dalam media baru-baru ini ialah harga beras 5% dan 10%. Kajian yang kita buat, yang diletakkan oleh kerajaan ialah harga siling, harga bumbung. Tidak boleh melebihi harga tersebut. Daripada kajian yang kita buat, ada peniaga-peniaga yang telah pun menurunkan harga daripada RM2.80 sen sehingga RM2.60 sen, RM2.70 sen bagi 10% *broken* kepada RM2.50 sen. Ini secara purata. Memang kita akui bahawa ada lagi beberapa kawasan yang belum dapat diturunkan harga dan kita sedang mengkaji perkara ini. Kita sedang mengkaji

perkara ini bertujuan antara lain kita mahu adakan satu siling harga baru yang lebih rendah bagi 5% dan 10%.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Sikit saja.

Dato' Mustapa Mohamed: Ini dalam kajian. Belum lagi dibuat keputusan.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Peluang.

Dato' Mustapa Mohamed: Saya tidak selesai lagi. Tadi daripada Yang Berhormat Putatan membawa persoalan berkaitan dengan petani kecil dan petani besar. Tuan Yang di-Pertua, memang benar kita membantu petani kecil kerana petani besar ini berbentuk komersial. Mereka bermodal besar. Apabila *large scale*, mereka dapat andaian untung yang lebih. Maka bagi padi umpamanya, subsidi hanya bagi mereka yang ada padi berkeluasan tidak melebihi sepuluh hektar. Yang lebih sepuluh hektar, maka kerajaan tidak memberikan subsidi kerana kita berpendapat bahawa bagi yang besar-besar ini, kerajaan menyediakan infrastruktur, tali air umpamanya di kawasan tertentu.

Akan tetapi bagi padi dan besar untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, masalah utama padi umpamanya pegangan ataupun *average holdings* ataupun *acreagenya* rendah. Dua atau tiga hektar saja. Jadi perkara ini tidak berbangkit sebenarnya bagi padi kecuali bagi tanah yang kepunyaan kerajaan negeri. Bagi tanah individu sebenarnya keluasan tanah kecil. Jadi kesemua petani kecil mendapat faedah dan bagi pertanian berskala besar kita berharap syarikat akan melabur dan syarikat mampu untuk mengeluarkan modal dan juga untuk menjadikan ini sebagai satu bidang perniagaan yang menguntungkan.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sedikit saja. Tidakkah kerajaan bercadang untuk ditubuhkan pusat jualan setempat sama ada bernaung di bawah PPK ataupun di bawah LPP, kerana saya merasakan kedai-kedai runcit sekarang ini masih lagi tidak amanah dalam melaksanakan penjualan beras subsidi kerana banyak mereka yang tukar kampil untuk dijual pada harga 5% dan 10% walaupun harga telah diturunkan. Saya rasa ini lebih baik bagi mereka yang berpendapatan rendah dan juga kakitangan kerajaan yang di peringkat perkeranian dan sebagainya, mereka dapat membeli beras dengan harga yang lebih munasabah terutama harga yang ditawarkan pada peringkat subsidi oleh kerajaan.

Dato' Mustapa Mohamed: Untuk makluman Yang Berhormat Arau, fenomena tukar kampil ini sudah hampir tidak ada lagi. Dulu ada kerana perbezaan harga yang terlalu ketara antara import dengan tempatan. Sekarang ini apabila harga import telah turun kepada RM3.00, maka tidak ada lagi insentif. Tidak banyak. Ada insentif tetapi insentif sudah banyak berkurangan. Maka fenomena tukar kampil ini sudah hampir tidak ada lagi dan kita harap tidak akan berlaku lagi. Tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang menyeleweng.

Mengenai pusat jualan setempat Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bolehlah hendak buat semua. Kerajaan ada yang boleh kita buat dan ada yang tidak boleh kita buat. Jadi sudah

banyak kerajaan lakukan termasuklah menyediakan peruntukan yang besar. Seperti yang saya sebutkan tadi bahawa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah pun berusaha untuk mewujudkan kedai-kedai dengan memperbaiki sistem pengedaran ini dan secara umumnya harga beberapa barangan sudah dapat dikurangkan termasuklah inisiatif terkini beberapa *hypermarket* untuk mengurangkan harga.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: [*Bangun*]

Dato' Mustapa Mohamed: Jadi kerajaan akan cuba berusaha melalui pasar tani dan melalui FAMA bagi menyediakan peluang atau platform untuk petani memasarkan barangan mereka. Akan tetapi bagi kerajaan, untuk melaksanakan segala-galanya - ini menjadikan masyarakat negara kita terlalu bergantung kepada kerajaan dan sudah pasti melibatkan kos yang besar dan tidak termampu ditanggung oleh kerajaan. Kerajaan prihatin kepada masalah yang dihadapi oleh rakyat. Itulah sebabnya kita kawal harga dan itulah sebabnya kita ada pendekatan baru untuk membuka kedai-kedai tersebut dan kita yakin tindakan ini akan dapat meringankan beban yang dihadapi oleh rakyat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya bersetujulah bahawa tidak seharusnya semua kita bergantung kepada kerajaan segala-galanya, tetapi ada satu perkara yang mesti kita bergantung kepada *decision* kerajaan iaitu untuk pastikan harga itu lebih murah sebab barangan ini merupakan barangan dalam kawalan harga. Harganya dalam kawalan kerajaan. Jadi kalau ini tidak ada kebergantungan, tidak ada harapan kepada kerajaan, susahlah bagi rakyat.

Sebab itu saya lihat bahawa ada pendapat mengatakan bahawa harga beras dunia turun hampir 50%. Jadi harga beras di dalam negara kita ini kecuali yang 15% hanya turun dalam 20% saja. Jadi tidak seimbang dengan penurunan harga beras di peringkat dunia. Itu pun kita hanya dapat di *hypermarket* umpamanya, tetapi bagi kedai-kedai di kampung, susah untuk kita dan peruncit mendapatkan dengan harga yang lebih murah.

Jadi saya minta penjelasan daripada itu. Apa masalahnya kepada kita? Tidak dapat menurunkan harga beras yang lebih murah daripada itu sedangkan harga beras dunia telah turun hampir 50%.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Pokok Sena, ada beberapa ribu penanam padi. MADA merupakan salah satu kawasan terbesar pengeluaran padi di negara kita dan harga padi seperti Yang Berhormat Pokok Sena sedia maklum, meningkat daripada kira-kira RM800 setan, RM750 setan pada tahun lepas, baru-baru ini sampai RM1,200 setan. Terkini kira-kira RM1,000 satu metrik tan. Jadi kita kena mengimbangi kepentingan petani dengan pengguna. Ini adalah tanggungjawab kerajaan. Kalau kita cuma mengambil kira pengguna saja tanpa mengambil kira kepentingan petani dari Pokok Sena, maka satu hari tidak ada padilah yang dikeluarkan. Maka itu pendekatan kerajaan ialah untuk melindungi juga kepentingan pengeluaran tetapi tidaklah keterlaluan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Dato' Mustapa Mohamed: Jadi dalam keadaan sekarang, persoalannya kenapa harga beras di Malaysia ini turun sedikit, di dunia 50%. Saya baru balik daripada Vietnam menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Pertanian ASEAN di Hanoi dan saya pergi melawat pasar di sana dan saya tanya berapa harga beras yang lazim digunakan oleh rakyat Vietnam. Harganya US60 sen satu kilogram. Bermaknanya kalau *convert* kepada Ringgit Malaysia, kira-kira RM2.10 sen satu kilo. Itu harganya.

Itu di Vietnam di mana dia punya pendapatan per kapitanya lebih rendah daripada Malaysia. Harga biasa di Malaysia RM1.80 sen tetapi di Vietnam ialah RM2.10 sen. Jadi kita sepatutnya bersyukur dengan tindakan yang diambil oleh kerajaan. Ringkas cerita Tuan Yang di-Pertua berkaitan harga beras ini, ia ada kaitan dengan harga padi. Jadi apabila harga padi masih lagi berada pada tahap - dulu tahun lepas RM850 satu tan sekarang ini kita ada RM1,000 satu metrik tan. Itulah antara sebabnya kenapa penurunannya tidak sejajar dengan penurunan harga beras di peringkat antarabangsa.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mahu beralih kepada...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Minta penjelasan sekejap dengan jawapan tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soal harga beras di Thailand itu mungkin ada kemusykilan sikit Yang Berhormat sebab apabila kita *check* dalam internet itu, harga beras kurang RM10.00. Itu saya tidak pasti lagi mengikut jenis beras dan mengikut kelas beras tersebut. Akan tetapi itulah yang diberitahu kepada kami oleh persatuan pengilang-pengilang dari negeri Sabah.

Apa yang saya sentuhkan tadi Yang Berhormat ialah kenapa kita harus membantu penanam-penanam padi yang secara komersial dibantu oleh kerajaan, oleh kerana kerajaan membelanjakan wang begitu banyak. Jumlah yang besar atas subsidi dan kita membeli beras ini daripada luar negeri. Jadi kita terpaksa membayar beras secara harga yang tinggi daripada Thailand dan beberapa negara yang lain. Kenapa kerajaan tidak memberi kepada penanam padi kita sendiri supaya dia boleh mengeluarkan jumlah padi yang sama seperti mana yang diimport. Jadi, wang yang kita pakai itu tidak keluar daripada negara kita. Ini satu alasan dan sebab mengapa kerajaan harus melihat perkara ini dengan serius. Minta penjelasan sikit.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menyambung petang inilah kerana masa sudah cukup. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan mesyuarat sehingga jam 2.30 petang nanti.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri ada usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.32 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua,

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 10.30 malam ini. Selepas itu, Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 4 November 2008.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Mustapa Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang telah dikemukakan hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Silakan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.

2.34 ptg.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon masa kira-kira 30 minit lagi untuk menyempurnakan ucapan penggulungan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat tidak akan terlalu banyak mencelah.

Saya mulakan dengan isu berkaitan dengan padi dan beras. Saya hendak menyambung persoalan daripada Yang Berhormat Putatan. Tadi Tuan Yang di-Pertua ada sebut kalau ada cadangan-cadangan boleh kemukakan kepada kami jadi saya harap Yang Berhormat Putatan akan kemukakan cadangan, apakah faedah-faedah yang diperolehi oleh kerajaan dan negara sekiranya kita bantu petani-petani yang berskala besar ini. Jadi saya harap Yang Berhormat Putatan akan kemukakan cadangan kepada kami dan kita akan bincang dengan Yang Berhormat Putatan.

Satu cara petani-petani besar ini boleh mendapat bantuan ialah dengan menubuhkan kelompok-kelompok umpamanya di MADA ada estet di mana pertanian secara estet, padi secara estet di mana beberapa petani mengumpulkan ladang mereka untuk diuruskan secara estet dan dengan itu mereka akan terus mendapat bantuan dari kerajaan.

Jadi sebagai rumusan berkaitan padi dan beras, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Putatan saya harap akan mendapat cadangan daripada Yang Berhormat Putatan

untuk kita bincang faedah yang dapat diperolehi kerajaan sekiranya cadangan Yang Berhormat Putatan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ada beberapa perkara lagi yang dibangkitkan, satunya berkaitan dengan bantuan untuk Sabah dan Sarawak. Saya ingin maklumkan bahawa bermula serta-merta bantuan akan diberikan kepada Sabah dan Sarawak. Bagi negeri Sabah nilainya RM9.8 juta, bagi Sarawak RM14.7 juta, jumlahnya RM24.5 juta untuk padi bukit dan padi huma, ini meliputi baja, alat penyembur racun rumpai.

Jadi kita harap dengan bantuan ini, ini pertama kali Kerajaan Persekutuan memberikan bantuan kepada penanam padi huma atau padi bukit di Sabah dan Sarawak. Kerajaan Negeri memang sudah pun ada memberikan bantuan. Dengan bantuan ini, dengan pertolongan ini insya-Allah kita berharap akan berlaku peningkatan pengeluaran padi di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu Yang Berhormat Batang Sadong dan Yang Berhormat Pendang ada menyentuh mengenai sistem pengairan dan saliran sama ada tunjuk ajar ada diberikan kepada petani. Saya ingin maklumkan bahawa memang ada kursus-kursus dan program-program tertentu dianjurkan untuk petani bagi menguruskan air dengan sebaik mungkin supaya tidak terjejas aliran air ke sawah. Dengan itu padi akan mendapat mengeluarkan hasil seperti mana yang kita harapkan.

Jadi sebagai jawapan kepada Yang Berhormat Batang Sadong dan Yang Berhormat Pendang, saya ingin maklumkan, kita akan meningkatkan lagi hasil saranan daripada kedua-dua Yang Berhormat tersebut, kita akan tingkatkan lagi program untuk memberi pendedahan kepada petani tentang kawalan air.

Yang Berhormat Pendang ada menyebut tentang projek 10 tan di MADA dan juga beliau menegur ada maklumat-maklumat yang disampaikan Yang Berhormat Pendang kurang tepat. Mengenai projek 10 tan, ini merupakan projek yang dilancarkan kira-kira tiga, empat tahun dahulu. Sebenarnya 10 tan ini tidak banyak tempat dalam negara kita Malaysia mengeluarkan padi 10 metrik tan satu hektar. Kita sedang mengkaji semula program ini. Oleh yang demikian, di MADA umpamanya program ini sudah dinamakan program untuk mengestetkan sawah padi.

Pada masa ini terdapat kira-kira 2,000 hektar di bawah pengurusan estet menjelang 2010, kita berharap akan menambah sawah di bawah pengurusan estet kepada 10,000 hektar dan ini adalah untuk menggantikan projek 10 metrik tan. Ini bukan bermakna kita menyatakan bahawa 10 metrik tan ini mustahil untuk dicapai tetapi kita dapati bahawa dengan mengadakan sasaran terlalu tinggi yang mungkin kurang realistik bagi keseluruhan kawasan, mungkin di kawasan tertentu boleh dicapai maka itu kita sedang mengkaji semula program ini.

Berkaitan dengan maklumat yang disampaikan kepada kementerian oleh pegawai-pegawai, memanglah pegawai digalakkan untuk turun ke sawah, turun ke padang untuk mengumpulkan maklumat dan memberi maklum balas kepada kementerian termasuk saya sendiri dan selain itu pegawai juga menggunakan telefon dan kaedah-kaedah yang lain.

Jadi atas saranan Yang Berhormat kita akan terus memperbaiki sistem menyampaikan maklumat dan maklum balas kepada kementerian termasuklah dari menteri, daripada bukan sahaja MADA tetapi agensi-agensi di bawah kementerian bertujuan untuk mengemas kini dan memperbaiki lagi *delivery system* ataupun sistem penyampaian oleh kerajaan.

Isu yang kedua adalah isu subsidi dan ketirisan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Marang, Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Pulai, Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Sri Gading, Yang Berhormat Bandar Tun Razak, Yang Berhormat Batu Pahat, Yang Berhormat Tenom; antara lain hendak pastikan bahawa subsidi yang dikeluarkan oleh kerajaan kepada sektor pertanian yang banyak sebenarnya setiap sektor sama ada perikanan ataupun padi ataupun penternakan semuanya ada subsidi.

Jadi saya ucapkan terima kasih kepada saranan Yang Berhormat. Memang kadangkala berlaku kes-kes penyelewengan yang dikesan oleh kementerian termasuklah yang didedahkan dalam media massa dan kita akan terus memastikan bahawa ketirisan dan apa jua penyelewengan yang dilaporkan itu dapat dikurangkan.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa kita telah menguatkuasakan beberapa peraturan yang lebih ketat dan kita telah berjaya untuk mengurangkan penyelewengan umpamanya berkaitan dengan ketirisan dan penyelewengan subsidi diesel, syarat-syarat umpamanya yang terkini ialah seseorang nelayan itu hendaklah membuat e-Pengisytiharan, hendaklah mengisytiharkan pendaratan ikan sebelum dapat dibeli diesel. Jadi kalau tidak diisytiharkan pendaratan, maknanya kalau tidak mendarat botnya maka tidak boleh mendapat subsidi diesel.

Ini antara sistem kawalan yang digunakan dan oleh kerana ini wang rakyat, insya-Allah kita akan pastikan bahawa segala bantuan yang disediakan oleh kerajaan untuk pertanian, perikanan dan juga sektor ternakan akan dapat kita pastikan tidak tiris dan tidak bocor. Itu bagi menjawab soalan-soalan berkaitan dengan kebocoran dan ketirisan yang banyak dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Seterusnya...

■1440

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Pohon penjelasan Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan soal subsidi minyak diesel ini walaupun Yang Berhormat Menteri telah menyebutkan tidak akan menurunkan harga subsidi diesel tetapi apa yang berlaku di kawasan khususnya di kawasan perairan, ada kes-kes tertentu yang melibatkan penjualan minyak diesel ke negara asing. Yang ini berlaku di luar kawalan mungkin di luar kawalan kementerian. Itu soalan yang pertama, adakah polisi kerajaan untuk menurunkan harga minyak selaras dengan harga minyak yang dah turun di peringkat dunia sekarang ini, itu yang pertama.

Yang keduanya berkaitan dengan mekanisme pemberian sara hidup RM200 sebulan yang istilah dia untuk nak meminimumkan bebanan para nelayan. Saya dapati mekanisme pemberian ini masih lagi kurang teratur dan walaupun mungkin yang mendapat RM200 sebulan ini hanyalah individu nelayan yang mempunyai lesen. Akan tetapi kita perlu akur bahawa

kebanyakan nelayan-nelayan kita yang tidak mempunyai lesen juga memberikan sumbangan pendapatan kepada negara. Jadi minta penjelasan Yang Berhormat tentang mekanisme untuk meringankan beban nelayan ini dan juga isu subsidi diesel. Terima kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah umumkan dalam Dewan ini dan di luar Dewan bahawa kerajaan sudah bersetuju untuk melesenkan sampan-sampan yang belum berlesen. Bilangannya kira-kira 16,000 seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Ini meliputi Kuala Kedah, Langkawi dan Bagan Datuk. Semalam saya di Bagan Datuk, di sana pun ada 90 lebih yang membuat permohonan, 60 lebih sudah pun diluluskan lesen sampan yang sebelum ini memang tidak dilesenkan.

Jadi insya-Allah bila lesen mereka diluluskan dan apabila mereka mendapat lesen dan mereka ada kad nelayan maka mereka akan layak untuk menerima elaun sara hidup RM200 sebulan. Cumanya ini tidak dapat dilaksanakan serentak, ia memerlukan proses. Setakat ini kira-kira 30,000 di seluruh negara ya, bukan yang baru ini dan kita jangka dalam tempoh seminggu dua ini kita akan mula untuk mengeluarkan elaun sara hidup kepada mereka yang sebelum ini tidak dilesenkan bot mereka. Kerajaan sudah membuat keputusan dua bulan lalu untuk melesenkan bot mereka. Jadi Yang Berhormat tertinggal sedikit.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Dato' Mustapa Mohamed: Kita sudah pun membuat keputusan. Berkaitan dengan penyeludupan minyak ini, ia ada kaitan dengan ...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Yang di-Pertua, boleh tanya tentang diesel tak?

Dato' Mustapa Mohamed: ... ada kaitan dengan harga. Apabila harga minyak di pasaran dunia turun, maka sudah pasti perbezaan harga antara Malaysia negara jiran itu berkurangan. Insentif untuk menyeludup ini ialah kerana kita di Malaysia RM1.43 yang diesel subsidi. Di luar negara, di Siam, Thailand satu masa lebih RM3.00. Maka insentif untuk menyeludup pun tinggi. Pada masa ini oleh kerana harga di pasaran dunia sudah pun turun maka kita dapati bahawa insiden penyeludupan ini sudah pun berkurangan dengan ketara. Yang terakhir ya, terima kasih.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menanya menteri. Memandangkan harga pasaran minyak telah menurun mendadak dan rakyat di Malaysia dapat menikmati penurunan harga petrol dan diesel, para nelayan meminta agar mereka juga dapat menikmati penurunan harga diesel dan petrol ini dan sebelum kenaikan harga minyak mendadak, harga dijual kepada mereka RM1.00 seliter sahaja tapi telah naik kepada RM1.45. Memandangkan penurunan harga petrol dan diesel, adakah kerajaan berhasrat untuk menurunkan balik kepada RM1.00 bagi nelayan-nelayan di pantai-pantai. Terima kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kaedah yang digunakan oleh kerajaan untuk membantu para nelayan apabila harga diesel dinaikkan daripada RM1.00 kepada RM1.43 ialah dengan memberi elaun sara hidup RM200. Itu rasionalnya kenapa diperkenalkan, ini kosnya

ialah RM190 juta setahun untuk menangani kenaikan daripada RM1.00 hingga RM1.43, jadi itu cara.

Memang harga dah naik, tetapi kita mengimbangi kenaikan dengan bantuan elaun sara hidup kepada nelayan. Sama ada kita nak turunkan lagi daripada kadar sekarang, ini akan dikaji oleh kerajaan dari semasa ke semasa. Setakat ini belum lagi tiba masanya. Seperti sedia maklum, harga di pam ialah RM2.05 maka harga bagi nelayan masih lagi murah, RM1.43. Daripada RM2.05 kepada RM1.43 bezanya kira-kira 60 sen lagi murah. Jadi pada masa ini belum ada rancangan tapi kalau harga turun lagi, mungkin kerajaan akan membuat pertimbangan sewajarnya.

Seterusnya yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Zon Industri Akuakultur yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Pahat, Silam dan Ledang, saya nak maklumkan bahawa ini satu program yang penting bagi kerajaan seluruh negara. Kita dalam sebulan lagi akan keluarkan prospektus di mana kita bekerjasama dengan kerajaan negeri beberapa kawasan tertentu dizonkan sebagai Industri Akuakultur dan tujuannya ialah untuk memastikan bahawa kita ada zon kekal untuk ternakan ikan air tawar.

Kalau sebelum ini tidak menentu, tidak ada *certainty* sama ada boleh terus beroperasi ataupun tidak. Kita sudah pun ada beberapa kawasan umpamanya di Kenyir yang saya sudah pun maklum kepada Ahli Parlimen berkenaan dan seluruh negara malah termasuklah di Sabah dan Sarawak kita ada Zon Industri Akuakultur dan ini kita akan laksanakan di seluruh negara untuk menambah pengeluaran ikan air tawar. Pada masa ini sekitar 250,000 metrik tan. Kita harap dua tahun setengah lagi akan meningkat kepada kira-kira 500,000 metrik tan. Selain itu, kita juga berharap akan menambah pendapatan petani yang terlibat dalam akuakultur ini. Itu berkaitan dengan Zon Industri Akuakultur termasuklah cadangan supaya kita buat ala FELDA.

Memang sudah ada satu projek perintis ala FELDA, Udang Laut iaitu di Tanjung Batu, Nenasi, Pahang. Kawasan 283 hektar dan kita jangka projek ini akan mengeluarkan 2,900 tan metrik yang hasilnya kira-kira RM69 juta setahun. Jadi ini projek perintis di Tanjung Batu Nenasi, Pahang yang ada persamaannya dengan konsep FELDA.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Kimanis, Sepanggar, Marang ada menyentuh tentang tanah terbiar. Tanah terbiar ini satu perkara/masalah yang kita hadapi sejak begitu lama dan antara sebab kenapa banyak tanah terbiar ini;

- (i) pemilik tanah sukar dikesan;
- (ii) pemilik tanah tinggal di luar kawasan; ataupun
- (iii) pemilik tanah yang memang malas atau tak mahu mengusahakan

Jadi kerajaan tak boleh paksa mereka.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: [Bangun]

Dato' Mustapa Mohamed: Dalam pada itu kita ada program di mana tahun ini

kita belanja RM13 juta untuk memajukan RM650 hektar kawasan tanah terbiar untuk dimajukan. Saya ingin maklumkan di sini bahawa kita di kementerian sudah pun mengenal pasti tanah-tanah milik kerajaan, milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan umpamanya MARDI sudah dikenal pasti 500 hektar tanah yang sekarang ini belum ...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tunggu Yang Berhormat, tunggu Yang Berhormat.

Dato' Mustapa Mohamed: ... yang belum digunakan lagi oleh MARDI dan kita akan iklankan tanah ini untuk dimajukan oleh swasta.

Jadi selain daripada tanah terbiar yang dimiliki oleh orang-orang awam, tanah-tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dalam kes ini MARDI saya sebutkan tadi kita kenal pasti 500 lebih hektar tanah kita akan iklankan untuk disewakan oleh pihak swasta. Ini antara pendekatan-pendekatan yang kita gunakan untuk membangunkan tanah terbiar di negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pasir Mas Yang Berhormat.

Dato' Mustapa Mohamed: Sila.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu tanah terbiar ini, saya dengar Yang Berhormat Menteri jawab tadi. Namun saya dah dapat punca tanah terbiar ini kenapa berlaku tanah terbiar, satu kes tadilah dalam kawasan saya di Parlimen Pasir Mas.

Apakah Yang Berhormat sedar baru-baru ini, dulu KADA ada mempromosi untuk petani-petani menanam serai. Ramai yang tanam serai, akhir sekali bila serai dah tumbuh berjaya tetapi KADA tak beli akhirnya semua serai ini dibuang ke sungai. Kemudian baru-baru ini sebelum pilihan raya, KADA membuat promosi pula Kempen Tanam Ubi Kayu untuk buat kapsul ubat, sebelum pilihan raya. Kempen dibuat dalam kawasan saya. Saya dengar sendiri Tuan Yang di-Pertua, bukan main lagi sedap pegawai KADA bercakap *"Tuan-tuan dan puan-puan, sokonglah Barisan Nasional, prihatin kepada rakyat. Tanam ubi kayu, kita akan beli"*.

Ubi dah tumbuh, muka pegawai KADA pun tak ada. Kemudian dalam kawasan Tendong, kawasan Chetok, saya baru ini dikunjungi oleh petani-petani, mereka nak mengadakan tunjuk perasaan. Betul! Saya kata jangan lagi, kalau nak tunjuk perasaan nanti beritahu kat saya, saya akan mengetuai tunjuk perasaan ini. Sebab ramai petani-petani terlibat sehingga mereka tidak bercucuk tanam sayur-sayur lain, tanam ubi kayu tapi KADA tak beli. Jadi sebab itu berlaku banyak tanah terbiar kerana komitmen yang dibuat oleh agensi kerajaan bukan main sedap lagi dengar tapi di peringkat akar umbi di kampung-kampung kita tengok bagaimana rakyat menderita akibat daripada menanam ubi kayu.

■ 1450

Jadi ini projek KADA. Dulu pengerusi lama sudah *retire* sekarang pengerusi baru kebetulan pula Pengerusi Badan Penghubungan UMNO Negeri, Yang Berhormat pula Menteri

Pertanian dan Industri Asas Tani, jadi saya hendak tahu Yang Berhormat boleh tidak arah pengerusi perhubungan ini supaya bayar ubi kayu yang rakyat tanam ini. Saya tidak ada masalah kalau tidak bayar pun, tidak ada masalah sebab nanti saya boleh balik ke Pasir Mas dan saya boleh buat modal ini keadilan pihak Kerajaan Pusat. Saya jadi hero, ada PAS terus memerintah di Kelantan, alhamdulillahlah. Terima kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Mas telah pun membangkitkan perkara ini dengan saya di luar Dewan, terima kasih Yang Berhormat. Dalam Dewan Yang Berhormat bercakap tentang ketelitian apabila saya menjawab soalan tambahan Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat menyatakan bahawa kementerian kurang teliti apabila menyumbang kepada projek jadi saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya sebelum Yang Berhormat membangkitkan ini saya telah pun didatangi oleh beberapa orang dan sebagai maklumat projek ini bermula ketika awal 2007, setahun lebih yang lalu di mana ada MoU antara PPK dua kawasan di Kelantan dengan petani-petani dan sekarang ini kira-kira 95 orang petani terlibat. Perkara ini memanglah menimbulkan isu di bawah dan kita masih lagi mencari kaedah terbaik untuk menangani perkara ini dan siasatan sedang dijalankan bagaimana perkara ini boleh berlaku.

Bagaimana projek ini boleh bermula walhal belum ada hitam putih tentang kesanggupan syarikat namanya 'Misutai'. Syarikat ini membeli ubi kayu. Ubi kayu ini adalah ubi kanji Yang Berhormat. Jadi terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas membangkitkan perkara ini dan satu siasatan sedang dijalankan. Dua perkara yang pertama bagaimana boleh berlaku dan kedua bagaimana kita dapat keluar daripada masalah ini yang berbangkit termasuklah ancaman oleh petani-petani berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Seterusnya berkaitan dengan industri asas tani dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jempol dan Yang Berhormat Pontian...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Machang.

Dato' Mustapa Mohamed: Saya maklumat ini, saya selesaikan. Yang Berhormat Jempol dan Yang Berhormat Pontian membangkitkan isu industri asas tani dan saya maklumat bahawa setakat ini kira-kira lapan ribu telah pun berjaya kita bangunkan ada di antaranya berjaya sehingga mencapai nilai jualan sehingga RM100 ribu sebulan. Kita berbangga dengan mereka tetapi kita hendak tambah lagi bilangan mereka terlibat dalam bidang industri asas tani. Bagi menjawab Yang Berhormat Jempol dan Yang Berhormat Pontian, di Jempol pun ada yg berjaya di Pontian pun ada dan kita akan terus tingkatkan usaha supaya mereka terus mencatatkan kejayaan termasuklah kemampuan untuk mengeksport keluaran mereka ke luar negara.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas ruang ini. Saya hendak balik selangkah ke belakang

ini isu tanah terbiar. Apakah Yang Berhormat Menteri bersedia bagi pihak kerajaan untuk barang kali mengambil sedikit pelajaran daripada pengalaman Manmohan Singh di India. Saya dapati isu tanah terbiar di sana juga serius tetapi formulanya Yang Berhormat Menteri ialah ia libatkan syarikat-syarikat besar misalnya syarikat Bharti Group. Ini syarikat yang *the best performing companies in the world* dalam bidang ICT tetapi dia juga terlibat dalam bidang pertanian.

Dia J-V dengan *Walmart stores* dan akhirnya dia *proved facilities* kepada orang kampung, dia majukan tanah, dia bantu dari segi kepakaran dan juga sistem pemasaran. Begitu juga syarikat *Tata Group* di India. Aktiviti utamanya ada tujuh bidang. Satu daripadanya ialah dia melabur secara besar-besaran, memajukan tanah terbiar dan dia kerjasama dengan syarikat Ireland. Petani boleh memasarkan menggunakan jaringan ini dan India menjadi antara negara yang mengeksport sayur dan juga buah-buahan yang terbesar di Eropah selepas China. Jadi isunya ialah penglibatan syarikat-syarikat gergasi di sana dalam bidang pertanian.

Apabila syarikat besar ini terlibat dia boleh sebenarnya jaga dan *protect* pelaburan dia. Jadi dia tidak mengharapkan hanya kerajaan dengan biaya yang terhad tetapi syarikat-syarikat gergasi terlibat. Apakah model ini turut dipertimbangkan atau boleh dipertimbangkan oleh pihak kerajaan? Saya mohon pandangan?

Dato' Mustapa Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Machang. Seperti yang sebutkan tadi ada masalah di Malaysia. Pertamanya pemilik tanah sukar dikesan. Tidak tahu mana dia, dia tinggal di luar kawasan. Kadang-kadang satu tanah itu mungkin dua hentar sahaja tetapi pemiliknya sampai dua puluh orang, saya sendiri ada pengalaman di kawasan umpamanya kita hendak bangunkan satu tanah ini cuma dua hektar sahaja untuk pertanian tetapi pemiliknya 15 orang. Kalau dapat persetujuan sepuluh orang, lima lagi tidak dapat jadi ini antara masalah di Malaysia. Memanglah kita menghargai pandangan Yang Berhormat dan itu sebabnya kita ambil pendekatan yang mana tanah-tanah milik kerajaan sekarang ini kita sudah pasti.

Tadi disebut MARDI. MARDI ada 500 lebih hektar kita akan iklankan di pejabat tanah. Kita akan minta siapa yang berminat. Syarikat tersebut mungkin syarikat GLC ataupun syarikat besar dan kita terbuka. Jadi ini kaedah baru yang kita gunakan untuk majukan tanah terbiar. Tanah milik individu ini sukar oleh kerana untuk mendapat persetujuan tuan punya tanah itu amat sukar sekali dalam negara kita Malaysia. Jadi pendekatan yang kita gunakan kita kenal pasti tanah kerajaan untuk dibangunkan oleh swasta termasuklah GLC.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Arau membangkitkan eksport produk pertanian ke luar negara. Usaha-usaha untuk mempromosikan produk Malaysia dimaklumkan bahawa tahun lepas FAMA telah menyertai 28 misi untuk keluar negara termasuklah misi anjuran MIDA mempengerusikan buah-buahan tempatan dan hari ini kita bersyukur umpamanya nenas

Malaysia eksportnya meningkat dengan tinggi antara tiga eksport utama negara ialah nenas, tembikai dan betik.

Ini adalah hasil usaha-usaha gigih oleh FAMA dalam menguruskan termasuk di luar negara dengan menyertai program-program anjuran MITI dan MIDA dan lain-lain. Jadi Tuan Yang di-Pertua, seterusnya perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Marang yang berkaitan roselle. Memanglah roselle dari segi tanaman tidak ada masalah. Dari segi tekniknya kita boleh tanam roselle di negara kita. Paling banyak di Johor, Terengganu ada, Kelantan ada sekarang ini kita ada 100 hektar tanam roselle. Isu yang dibangkitkan Yang Berhormat Marang adalah pemasaran. Jadi pada masa ini ada terdapat 20 buah syarikat yang terlibat untuk memproses roselle di negara kita sama ada jus ataupun keluaran-keluaran lain. Cabaran utama ialah untuk mencari pasaran yang isu utama kerana pasaran yang baik bukan sahaja dari pasaran tapi harga yang berpatutan. Kalau rugi mengeluarkan satu keluaran itu sudah pasti ia akan tidak menggalakkan petani untuk menanamnya.

Jadi saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Marang kerana membangkitkan isu roselle dan kita sedang berusaha dengan gigih termasuklah FAMA untuk mempromosikan jualan roselle dalam dan luar negara. Latihan isu dibangkitkan oleh Yang Berhormat Padang Besar dan Yang Berhormat Arau khususnya untuk menggalakkan anak muda bagi menyertai bidang pertanian. Saya ingin memaklumkan bahawa kita di kementerian ada empat buah institut pertanian yang mengeluarkan kira-kira 300 orang siswazah setahun. Ini tidaklah mencukupi dan oleh telah demikian baru seminggu dua kita telah berbincang dengan Kementerian Pengajian Tinggi untuk kementerian bersama-sama dengan politeknik di seluruh negara. Politeknik yang ada kawasan pertanian berdekatan dengannya kita akan gunakan kemudahan politeknik untuk melatih lebih ramai lagi anak muda dalam bidang pertanian.

Jadi ini isu yang besar yang penting yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Padang Besar dan Yang Berhormat Arau. Kita tidak mahu satu hari nanti yang terlibat dalam pertanian cuma orang lama-lama. Orang muda-muda tidak ada dan kita akan tambah lagi pendedahan melalui kursus-kursus pendek juga bukan sahaja kursus-kursus panjang sijil melibatkan dua tahun ada juga yang terus diploma dan *degree* selain daripada kursus-kursus dua tahun itu kita juga akan adakan kursus-kursus jangka pendek. Terima kasih Yang Berhormat Arau dan juga Yang Berhormat Padang Besar. Selain itu kita juga akan melatih pegawai-pegawai kita, pegawai kerajaan pertanian untuk meningkatkan minat dalam bidang pertanian. Saya ingin maklumkan bahawa bermula hari Sabtu yang lalu kita telah buka tapak MAHA sekali seminggu bermula hari Sabtu setiap minggu dan tapak MAHA ini akan dibuka kepada orang ramai termasuklah kanak-kanak sekolah, pelajar-pelajar universiti untuk mendedahkan kerajaan MARDI dalam mempromosikan teknologi umpamanya, *variety* baru padi, cara memproses baru, kita ada laman nenas di sana, laman sayur.

Jadi setiap hari Sabtu tapak MAHA akan dibuka kepada orang ramai. Bermula bulan depan, bulan Disember akan diadakan pasar tani bersama-sama dengan acara lain yang diadakan. Kita menggalakkan kelab-kelab tani di sekolah untuk melawat tapak MAHA ini. Oleh kerana kita mengadakan perasmian hari Sabtu lalu kita jemput tiga buah sekolah. Sekolah Kebangsaan Serdang, Sekolah Menengah Kebangsaan Serdang, Sekolah Tamil, Sekolah Rendah SRJK(C) Serdang untuk bersama dalam program tersebut. Ini adalah usaha kita untuk menanam minat di kalangan anak muda dalam bidang pertanian.

■ 1500

Tuan Yang di-Pertua, ada lagi perkara-perkara yang dibangkitkan. Saya hendak sebut satu, dua lagi. Yang pertama, teknologi dalam sektor pertanian. Yang Berhormat Ledang dan Parit menyentuh tentang aplikasi teknologi dalam pertanian termasuk kaedah alternatif menghapus serangga perosak dan penggunaan cacing sebagai baja. Saya hendak maklumkan bahawa MARDI ditubuhkan untuk tujuan ini dan MARDI telah berjaya umpamanya antara kejayaan utama MARDI menemui kaedah bagi mengeluarkan *virgin coconut oil* dan sekarang ini sudah pun dikeluarkan beberapa buah negeri termasuklah di Johor, di Tebrau, sebuah syarikat bernama Wawasan sudah pun mengeluarkan kira-kira 250 metrik tan *virgin coconut oil* bernilai RM9 juta untuk dieksport ke luar negara. Ini hasil daripada penemuan yang dibuat oleh MARDI untuk mengeluarkan *virgin coconut oil*, termasuklah Kudat ada juga syarikat terlibat dalam pengeluaran. Rakan saya sebelah ini Yang Berhormat Kota Marudu, ada juga syarikat yang terlibat untuk mengeluarkan *virgin coconut oil*. Jadi, ini hasil kajian yang dibuat oleh MARDI. Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan chepa]: Saya minta sedikit penjelasan mengenai teknologi pertanian ini. Selain daripada Thailand, Taiwan sebagai mana yang dilawati oleh *backbenches* BN, ada satu syarikat yang sangat masyhur dengan teknologi benih iaitu 'Non Yuu Sdn. Bhd' yang membekalkan benih-benih *seedless watermelon*, *cabbage* dan semua sayur-sayuran yang diimport oleh Thailand, benih yang diimport oleh Thailand dan juga Malaysia. Akan tetapi, Thailand import benih ini, dutinya sangat rendah, *tax*. Malaysia ini sangat tinggi. Jadi, saya hendak tanya adakah masih MARDI gagal untuk melahirkan benih-benih seperti tembikai yang tidak ada butir, begitu juga dengan lain-lain perkara yang dihasilkan di Taiwan. Hendak tanya sejauh mana teknologi ini telah berkesan dalam mempromosi dan memperbaiki mutu benih kita untuk mengurangkan import benih-benih itu?

Dato' Mustapa Mohamed: Dua persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pengkalan Chepa Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama sama ada kita dikenakan duti import ke atas pembelian benih daripada Taiwan ini satu perkara yang spesifik yang saya kena rujuk, saya kurang pasti sama ada duti import atau pun tidak.

Berkaitan dengan setakat mana MARDI, soalan kedua telah berjaya. MARDI memang telah berjaya untuk mengeluarkan beberapa *variety* baru padi umpamanya MR219, MR220, 90%

padi dalam negara adalah *variety* yang dihasilkan oleh MARDI hasil kajian MARDI. MARDI juga mengeluarkan benih-benih lain termasuklah sayur-sayuran dan boleh dibeli, kita buka tapak MAHA ini setiap hari Sabtu untuk orang ramai. Orang ramai boleh beli benih-benih sayur dan buah-buahan, *seedless watermelon* tadi saya difahamkan juga dikeluarkan dalam negara kita. Jadi, mana-mana pihak yang berminat untuk membeli benih-benih termasuk dikeluarkan Jabatan Pertanian dan MARDI silalah ke tapak MAHA setiap hari Sabtu pukul 9 hingga pukul 5 petang.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh dan Wangsa Maju berkaitan teguran audit - perolehan ternakan induk kacukan *yellow cattle*. Perkara ini memanglah dibangkitkan oleh pihak audit. Pihak audit telah menyatakan beberapa perkara yang tidak mengikut peraturan, beberapa syarat telah tidak dipenuhi termasuklah lembu kacukan yang sepatutnya beratnya 250 kg diterima sekurang-kurangnya tetapi ada yang kurang beratnya yang ditetapkan juga diterima.

Ada beberapa perkara dibangkitkan dalam laporan audit. Ini memang dalam pengetahuan kementerian. Kita memang serius perkara ini. Kementerian memandang serius dan mengambil berat perkara yang dibangkitkan oleh audit dalam tegurannya. Satu siasatan dalaman telah pun dijalankan. Ini berlaku pada awal tahun 2007, Februari 2007 apabila ternakan jenis *yellow cattle* dibawa negara China di mana syarikat berkenaan mengikut Laporan Audit telah tidak mematuhi syarat yang ditetapkan tetapi diterima oleh jabatan dan dibuat bayaran. Ini menjadi subjek dalam Laporan Audit. Saya ingin memaklumkan di sini bahawa kita tidak sekali-kali dengan izin, *tolerate* perkara ini dan siasatan sedang berjalan dan kita tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap mereka yang bersalah. Terima kasih diucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang membahaskan belanjawan. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani ada isu-isu yang tidak sempat saya jawab. Mungkin kita boleh teruskan debat dalam masa Jawatankuasa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

3.06 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya bagi pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu mengenai dasar, strategi dan program yang dilaksanakan oleh MOSTI. Izinkan saya mengambil peluang untuk menjelaskan semua isu yang telah dibangkitkan dan langkah-langkah yang sedang diambil untuk memastikan Sains, Teknologi dan Inovasi mampu memanfaatkan masyarakat di semua peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dimaklumkan, teras pembangunan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan yang berkaitan dengan MOSTI adalah untuk memanfaatkan sains, teknologi dan inovasi sebagai pemacu utama dalam meningkatkan keupayaan negara untuk menguasai dan menggunakan pengetahuan dalam menjana kekayaan dan kemakmuran serta membina sebuah masyarakat yang sejahtera.

Strategi dan kaedah yang diguna pakai oleh MOSTI bagi merealisasikan hasrat tersebut adalah seperti berikut:-

- (i) memperkukuhkan sistem inovasi kebangsaan;
- (ii) mempertingkatkan penyebaran dan penggunaan pengetahuan dan teknologi;
- (iii) menggabungkan inisiatif R&D dan pengkomersialan;
- (iv) meningkatkan kadar pengkomersialan R&D;
- (v) menggalakkan penstandard dan jaminan kualiti;
- (vi) menggalakkan kesedaran sains, teknologi dan inovasi (STI);
- (vii) mempertingkatkan rangkaian antarabangsa;
- (viii) menggalakkan keteknousahawanan;
- (ix) meningkatkan kemampuan dan keupayaan teknologi usahawan kecil dan sederhana; dan
- (x) meningkatkan pembangunan modal insan.

Berdasarkan strategi-strategi di atas, MOSTI telah pun menubuhkan jentera pelaksanaan serta beberapa inisiatif termasuklah penubuhan Majlis Inovasi Kebangsaan (NIC) bertujuan menerajui usaha menggubal dasar dan strategi utama bagi menggalakkan inovasi berlandaskan model inovasi di peringkat kebangsaan serta juga menyumbang ke arah pembangunan kelompok inovatif yang dinamik.

NIC dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Penubuhan Jawatankuasa Tindakan dan Penyelarasan Inovasi Negara (JTPIN) yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara. Melalui majlis dan jawatankuasa tersebut, kerajaan menerima maklum balas dan pandangan serta cadangan-cadangan daripada semua *stakeholders* dengan izin, mengenai keberkesanan program-program yang dijalankan dari masa ke semasa.

Ketiga, mempergiatkan kerjasama antara institusi penyelidikan dan universiti dengan industri dalam R&D bagi meningkatkan produktiviti dan pembangunan teknologi syarikat serta menambah hasil universiti dan institusi penyelidikan. Contoh program kerjasama termasuklah Malaysia MIT, Bioteknologi Partnership Program.

Keempat, bagi penyelidikan, penemuan produk semula jadi bioteknologi kelapa sawit dan bio plastik, kerjasama MOSTI dan FAMA Niaga Bhd bagi projek kacip fatimah dan usaha sama SIRIM dan Sireh Emas Sdn. Bhd bagi pengkomersialan produk pemutihan kulit. Penubuhan pusat-pusat kecemerlangan dalam teknologi terkini. Antara pusat-pusat kecemerlangan berkenaan ialah :-

- (i) Institut Agro Bioteknologi;
- (ii) Institut Farmaseutikal dan Neutrasedutikal
- (iii) Institut Genom Malaysia;

- (iv) Pusat Pemprosesan Herba;
- (v) Institut Pembangunan Pekerja Berpengetahuan atau *k-Knowledgeable Person* dengan izin;
- (vi) *Creative Multimedia Development Center*, dan
- (vii) *Smart Card New Application Center*.

Kelima, meningkatkan akses dan penambah baik mekanisme pembiayaan, unit pengurusan dana diperkemas dan tempoh pemprosesan permohonan dana telah disingkatkan daripada 45 hari kepada 20 hari. Permohonan dana juga boleh dibuat secara *online* melalui sistem MyDana dan satu garis panduan yang mesra pelanggan telah disediakan.

■ 1510

Keenam, memantapkan pangkalan data dengan mengemas kini pangkalan data MASTIC di MOSTI dan memantapkan portal *mosti.my* bagi memastikan maklumat dapat dimanfaatkan oleh semua *stakeholders* MOSTI dengan kerjasama agensi-agensi di bawahnya dan juga sektor swasta sedang mengambil inisiatif untuk menubuhkan inovasi *exchange* sebagai pelaku yang menemukan *inventor* dengan industri;

Meningkatkan pemindahan dan perolehan teknologi dan pengkomersialan dengan meningkatkan rangka kerja harta intelek IP. Satu dasar pengkomersialan IP bagi R&D yang dibiayai oleh dana kerajaan sedang dirangka dan dijangka akan dimuktamadkan dan dilancarkan pada tahun hadapan;

Meningkatkan bilangan RSE atau *researchers science engineers* melalui program pembangunan modal insan dan *brain gain* Malaysia. Dengan kelulusan Jemaah Menteri terhadap MOSTI pada 24 September 2008 yang baru, untuk meningkatkan bilangan calon peringkat Sarjana dan Ph.D dari 200 orang kepada 400 orang setahun, MOSTI percaya ia akan membantu mencapai sasaran 50 RSE bagi setiap 10 ribu tenaga kerja yang disasarkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan;

Meningkatkan bilangan pakar dalam teknologi maklumat ICT melalui penyediaan geran seperti e-Content, Demonstrator Application Grant Scheme atau DACS, Multimedia Grant Scheme (MGS) serta pelbagai geran lain di bawah MDeC. Seramai 64 pakar di bawah Geran e-Content dan 10 di bawah DACS telah mendapat faedah dalam skim ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan model inovasi dapat dilaksanakan dengan jayanya, MOSTI sedang mengkaji semula dan mengemas kini Dasar Sains dan Teknologi Kedua iaitu 2002 sampai 2010, dan sehubungan dengan itu, MOSTI sedang memuktamadkan kerangka pelan strategik dan pelan tindakan MOSTI yang bakal dibentangkan kepada JTPIN untuk pandangan dan maklum balas. Fokus utama pelan strategik dan pelan tindakan MOSTI adalah pembangunan modal insan untuk penjana ilmu, membudayakan kreativiti dan inovasi, meningkatkan penyelidikan R&D untuk pengkomersialan dan memperkasakan masyarakat akar umbi untuk menjana pendapatan dan kesejahteraan melalui STI, sains, teknologi dan inovasi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, MOSTI sentiasa mengambil berat dan memberi perhatian terhadap keperluan masyarakat akar umbi bagi membantu menjana pendapatan dan meningkatkan kesejahteraan serta kualiti hidup masyarakat luar bandar. Setakat ini, projek inovasi komuniti fasa pertama dengan kos RM6.7 juta sedang dalam peringkat pelaksanaan. Sebanyak 11 lagi projek komuniti fasa dua telah dikenal pasti dan akan dilaksanakan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengurangkan impak daripada krisis tenaga dan makanan terhadap rakyat, MOSTI akan terus memberi keutamaan kepada penyelidikan dan *pre* komersialisasi projek sumber tenaga alternatif dan boleh diperbaharui seperti nuklear, solar, angin, mini hidro, *geothermal*, ombak dan *biomass*, *bio diesel*, *bio ethanol*, *biogas* dan *bio hydrogen*. MOSTI telah membiayai 120 projek R&D dari Rancangan Malaysia Ketujuh sampai Rancangan Malaysia Kesembilan bernilai RM109.2 juta yang dijalankan oleh universiti dan institut penyelidikan tempatan dalam bidang-bidang ini.

Bagi menjamin sumber makanan yang mencukupi, MOSTI telah...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: *[Bangun]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya habiskan para ini dahulu. Bagi menjamin sumber makanan yang mencukupi, MOSTI telah membiayai penyelidikan untuk meningkatkan hasil pengeluaran pertanian. Antara projek dalam pelaksanaan ialah penyelidikan padi hibrid di Kampung Tebu Hitam, Rompin, Pahang dan kaedah pertanian tepat, *precision agriculture*, dengan izin, yang dibangunkan oleh MIMOS dan mengguna pakai pangkalan data tanaman secara digital mengandungi maklumat-maklumat yang terbukti berkesan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ada dua orang bangun, Balik Pulau dengan Pasir Salak.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: *[Bangun]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Sini dulu.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Cuma daripada penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi, saya melihat tanggungan kerajaan di dalam mempromosikan aspek sains di negara kita ini amat berat. Cumanya dari segi dasarnya, saya mohon penjelasan, baru-baru ini saya diberi kesempatan melawat ke pusat nuklear baru-baru ini tetapi yang memeranjatkan saya dan untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, seolah-olah terdapat satu persaingan di antara pihak kerajaan, agensi kerajaan dan juga badan swasta.

Seolah-olah pihak kerajaan juga melakukan kerja-kerja yang menjadi persaingan kepada orang swasta. Contohnya MINT, juga melakukan kerja-kerja komersial yang pada pendapat saya, mereka patut memfokuskan kepada kerja-kerja R&D dan kerja-kerja *regulatory*. Jadi saya memohon, apakah dasar kerajaan yang akan dibuat atau sedang dirancang dan saya dimaklumkan terutama sekali dari aspek tenaga baru iaitu nuklear itu. Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat hendak bagi Pasir Salak sebelum jawab?

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ada kaitan? Jika tidak, saya selesaikan ini dahulu. Yang Berhormat Balik Pulau, terima kasih atas makluman tersebut. Sebenarnya tidak timbul soal persaingan...

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]: Minta penjelasan.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya selesaikan dahulu. Kerana di peringkat kerajaan dan khususnya jika disentuh agensi nuklear kita, ia berfokus kepada bidang penyelidikan dan jika ada projek-projek yang barangkali kelihatan bersifat komersial, itu adalah peringkat *pilot application* yang mana kita hendak bukan sahaja telah cuba sesuatu teknologi di atas hasil penyelidikan, melalui dengan teknologi yang ada di MINT atau *nuclear agencies* tersebut tetapi kita hendak juga melihat itu dalam peringkat akar umbi, so kita lakukan juga dari segi pilot tetapi bukan untuk tujuan *commercialization*.

Setelah selesai pilot program tersebut, maka di mana projek itu boleh mendapat IP, paten dan seterusnya itu terserah kepada pihak swasta untuk menjalankan keusahawanan dan *business* menggunakan teknologi tersebut, tetapi begitulah sebenarnya cadangan dan ketetapan di situ, tidak ada operasi yang dilaksanakan untuk sekadar membuat *business* yang bersaing dengan pihak swasta. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Pertanyaan saya ialah berkenaan dengan kereta yang menggunakan tenaga elektrik. Dulu pernah saya bangkitkan dalam Dewan ini tentang penggunaan bateri. Banyak orang ketawakan saya. Dia kata yang kereta pakai bateri ini kereta budak-budak, tetapi sebagaimana yang kita baca di dalam surat khabar, dalam majalah, dalam itu dan ini, ianya bukan perkara main-main. Itu merupakan satu kemajuan dari segi teknologi di mana kereta masa depan tidak lagi bateri itu boleh memaju kereta atau kenderaan.

Saya juga ada baca juga apa yang dibuat oleh Petronas dengan sokongan kerajaan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, sejauh mana program ini telah dimajukan dan bilakah masa matlamat kita untuk mencapai kejayaan yang sebenarnya dalam projek ini, satu.

Kedua, kalau bolehlah saya minta, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, iaitu kita ini mempunyai kementerian MOSTI dan membuat penyelidikan dari segi teknologi dan sebagainya, tetapi sejauh mana sebenarnya penyelidikan yang kita buat, penemuan-penemuan baru yang kita

perolehi boleh mengangkat kedudukan kita sebagai sebuah negara industri pada tahun 2020. Kita hanya tinggal lagi lebih kurang 12 tahun untuk menjadi negara industri. Menjadi negara industri bermaksud seperti negara Jepun, Korea, Jerman, *France*, Amerika, iaitu mengeluarkan barang-barang yang bukan kita keluarkan di Malaysia ini iaitu mengeluarkan *industrial good, manufactured good, machineries, aeroplane, submarine* dan sebagainya.

Jadi kalau kita tengok kemajuan kita dalam mengeluarkan barang-barang ini, saya rasa tidak sampai pun 10% kemajuan kita capai. Kita masih lagi *agricultural based manufacturing*. Kita masih lagi *agriculture based industries* dan *manufacturing* yang lain-lain tidak berapa, perabotlah, plastiklah, apa lagi buat, *chemical product*, apa lagi, tidak ada *industrial good*, tidak ada. Jadi saya rasa MOSTI ini kena lebih cergas dan lebih rancak lagilah kalau kita hendak mencapai tahap industri, negara industri pada tahun 2020. Kalau tidak *target* itu meleset nanti. Kita tidak akan mencapai menjadi sebuah negara industri pada tahun 2020 nanti. Terima kasih.

■ 1520

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Saya hendak tambah sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Adakah perkara yang sama, Yang Berhormat?

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat Pasir Salak. Saya sentuh ini dahulu selepas itu kita maju ke hadapan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Salak di atas dua perkara yang dibangkitkan di situ iaitu mengenai dengan kereta yang dikuasai oleh tenaga elektrik. Sememangnya pihak kementerian sentiasa memantau kemajuan-kemajuan dalam bidang ini seperti saya sentuh tadi. Dalam bidang kereta yang dipandu dengan tenaga elektrik ini misalnya mahupun dari segi bateri ataupun dari segi solar, pihak MIGHT dan pihak SIRIM sentiasa memantau. Namun demikian dalam soal ini sememangnya kita dipandu juga oleh pihak swasta dari segi minat untuk mengemukakan dan menjalankan kajian-kajian tertentu sebab dari segi *priority* yang dijalankan oleh pihak kementerian memanglah fokus kepada lima sektor iaitu ICT, bioteknologi, *industrial technology*, iaitu dalam bidang seperti yang saya katakan tadi ialah kereta dan bahagian automasi dan seterusnya.

Jadi, dalam perkara ini kita sedang memantau tetapi saya katakan di sini bahawa di peringkat kita ada beberapa permohonan dana yang telah pun sedang diproses yang menunjukkan soal penggunaan perkara ini. Saya rasa *approach* kementerian dalam bidang ini melalui agensinya ... ataupun SIRIM hendaklah bekerjasama dengan syarikat-syarikat R&D di peringkat antarabangsa. Mengenai hal kedua dari segi peranan MOSTI untuk memastikan kita mencapai matlamat Wawasan 2020 sebagai sebuah industri serta Malaysia sebuah negara yang maju berasaskan kepada peranan sektor industri sememangnya inilah tugas utama peringkat MOSTI. Atas dasar itulah kita telah membentuk mulai tahun lalu iaitu model inovasi negara. Dalam bidang ini kita memperketat dan memperkukuhkan lagi R&D kita di peringkat dalaman iaitu dari segi agensi-agensi R&D kita. Pada masa yang sama kita telah memasukkan dalam

modul-modul itu pembelian, *acquisition* dengan izin, bidang teknologi yang terbaru di peringkat dunia yang boleh dibeli IPnya dan usahawan boleh menjalankan pengkomersialan secara di peringkat dalaman negara kita. Kita harap dua kali gus berjalan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, satu persoalan daripada Yang Berhormat Pasir Salak tadi, berhubung dengan kereta, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ya, itulah mengenai kereta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Adakah halangan daripada kementerian-kementerian lain umpamanya Kementerian Pengangkutan dan sebagainya tidak membolehkan kereta dan motor yang menggunakan...

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tenaga elektrik. Ini saya sudah sentuh tadi bahawa ini dalam peringkat penelitian dan seterusnya sebab belum ada kereta selain daripada *buggy* yang kita gunakan di *golf course* dan seterusnya, kebanyakannya yang lain itu dalam peringkat percubaan. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan dia pernah dalam menaiki satu percubaan menaiki sebuah kereta yang boleh dipacu melebihi 100 kilometer dalam tempoh *seconds* yang sedikit. Namun semua ini dalam peringkat industri dari segi peringkat percubaan dan belum dikeluarkan secara meluas kecuali di Amerika Syarikat dan Eropah. Saya ingin majukan...

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: [Bangun]

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: [Bangun]

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]: [Bangun]

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey, saya ingin majukan. Yang Berhormat Permatang Pauh ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Jasin bangun dulu, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat Jasin tidak ada bertanya semasa perbincangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ha, Yang Berhormat Jasin duduk. Kalau yang bertanya sahaja...

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tujuan penggulungan adalah bagi mereka yang telah pun menyentuh tetapi saya bagi satu peluang. Yang Berhormat Kelana Jaya.

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya apakah rancangan kementerian untuk menggalakkan penggunaan sumber tenaga yang mampan seperti hidro dan juga solar. Sekiranya ada golongan dalam masyarakat yang ingin memulakan projek kumpulan untuk *solar lighting* ataupun lampu solar, bagaimanakah kementerian dapat memberikan sokongan dan galakan? Apakah skim-skim bantuan yang diberikan oleh kementerian untuk menggalakkan inovasi di kalangan masyarakat. Terima kasih.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih, Yang Berhormat Kelana Jaya. Dalam bidang tenaga alternatif ini seperti yang saya sentuh dalam mukadimah saya tadi bahawa inilah antara sektor sebenarnya keutamaan dua *alternative energy*, kedua *agriculture productivity*, dengan izin dan industri-industri teknologi yang lain. Kita sentiasa mengamalkan permohonan-permohonan daripada pihak swasta untuk memohon dana yang sedia ada berasaskan kepada kriteria dan syarat-syarat yang ditetapkan. Untuk makluman di bawah pentadbiran MOSTI kita mengurus 16 jenis geran untuk tujuan tersebut dan bolehlah pihak swasta memasuki *website* kita. Saya sebutkan tadi bahawa boleh memohon melalui *website online*. Saya katakan tadi kita telah pendekkan permohonan daripada tiga bulan kepada 20 hari di mana ada respons diberi dalam tempoh tiga minggu. Kita boleh memberi respons sama ada sukses ataupun tidak atau perlu lagi dipanggil lagi untuk pusingan kedua untuk membuat pembentangan. Jadi, Yang Berhormat Kelana, itu senang sekalilah.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: [Bangun]

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya ingin teruskan dahulu memberi keutamaan kepada yang telah menyentuh perkara dasar.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, dalam mengunjurkan pembentangan *renewable energy blueprint* dan juga Yang Berhormat Menteri sedia memaklumi tentang keperluan kita *to go* atau pun untuk menggunakan alternatif *renewable energy sources*. Jelasnya *energy* per kilowatt daripada petrol *derived energy* - 9 sen, gas - 7 sentiasa. Kalau tidak silap saya dan kalau nuklear 1.73 sen per kilowatt. Maka dari sudut dasar MOSTI belum lagi menunjukkan satu ketegasan, kejelasan ke arah *deployment of* sumber nuklear ini. *We are always too late, too few*. Saya minta Yang Berhormat Menteri untuk memberikan sedikit penjelasan akan perkara ini khususnya walaupun *nuclear sources* ini dulunya ditanggapi sebagai suatu yang bahaya, diingatkan *Chernobyl*, kes-kes seperti *Three Miles Island incident* pada tahun 1979. Namun dengan IAEA, *nuclear plant* adalah lebih selamat dalam teknologi hari ini. Bagaimana pandangan dan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dalam dasar nuklear ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya sebenarnya akan menyentuh juga perkara itu dalam penyampaian ini. Saya hanya mengatakan bahawa kita sedang giat meneliti peranan dan sumbangan dalam sektor nuklear ini dari segi pembekalan tenaga. Namun memandangkan dasar belum lagi dibentuk maka pihak kementerian MOSTI dan KTAK sedang menyediakan satu rangka di peringkat dasar untuk dibawa kepada pihak Kabinet dan akhirnya kepada Parlimen dalam perkara ini. Namun persiapan-persiapan sedang dilaksanakan bukan sahaja melalui MINT dan khususnya MOSTI akan bertanggungjawab dari segi teknologinya dan akhirnya KTAK adalah bertanggungjawab dari segi pengeluaran. Namun selagi peringkat dasar itu belum lagi ditetapkan ataupun dikemas

kini maka setakat ini perhatian MOSTI dalam perkara ini adalah dari segi minat industri dan persiapan tenaga kerja kita.

Untuk makluman, saya sudah maklum apa yang disentuh tadi kos untuk per unit itu sampai dua dan perubahan-perubahan besar di negara-negara lain di Eropah adalah menuju *clean energy* seperti nuklear. Namun saya melihat dalam perbahasan yang dijalankan bahagian Pembangkang pun berbelah-bagi dalam perkara ini. Ahli-ahli Yang Berhormat lain menyokong saintis-saintis tetapi Yang Berhormat Seputeh misalnya, dia menegur. Jadi, tidak mengapa. Itulah pandangan yang kita perlu selagi kita dalam proses pembentukan dasar tersebut.

Yang Berhormat saya ingin majukan, melihat Timbalan Tuan Yang di-Pertua menyentuh bahawa sebenarnya di negara ini sudah ada yang cuba memandu kereta yang dipacu oleh kuasa elektrik. Jadi, minatnya memang ada. Kalau di negara Amerika Syarikat dan beberapa negara lain sebenarnya sebahagian motor ini boleh kita lihat di jalan raya. Sememangnya kita memantau perkara ini untuk tujuan penggunaan di peringkat industri dan komersialisasi.

■1530

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh dan Yang Berhormat Gopeng, Yang Berhormat Batu Pahat, Yang Berhormat Ipoh Timur dan Yang Berhormat Rompin telah membangkitkan isu berkenaan dengan jalur lebar berkelajuan tinggi (HSSB) *Good Band Penetration Digital Divide Economy* berasaskan pengetahuan. Isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi iaitu KTAK yang akan menggulung di sesi selepas saya.

Walau bagaimanapun MOSTI juga mempunyai tanggungjawab untuk membantu dalam menjayakan projek jalur lebar berkelajuan tinggi ataupun HSSB dan mengurangkan *digital divide*. MOSTI melalui MDeC telah menyumbangkan dalam mengenal pasti dan menjalankan usaha-usaha untuk mempromosikan inisiatif pembangunan maklumat dan aplikasi di bawah Pelan Jalur Lebar Negara. MDeC akan terus menerajui usaha menggalakkan pembangunan maklumat dan aplikasi untuk sektor swasta terutama dalam pembangunan industri kreatif dan multimedia tempatan.

MDeC telah menyediakan Pelan Pembangunan Maklumat *on-line* yang dikenali sebagai OCER (*On-line Content Ecosystem ...*) dan membentangkan kepada *Integrated Content Development (ICON) Task Force* yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara. Tuan Yang di-Pertua, untuk fokus utama MSC Malaysia pada lonjakan kedua MSC Malaysia 2004-2010 adalah untuk mengurangkan jurang digital. Antara strategi yang telah dikenal pasti untuk dilaksanakan dalam mengurangkan jumlah jurang digital ialah:

- (i) mengembangkan MSC Malaysia ke seluruh pelosok negara, melalui pelaksanaan MSC Malaysia National *Roll-Out*.
- (ii) merancang dan melaksanakan inisiatif *test bed* dengan izin, ini termasuklah akses kepada jalur lebar dengan menggunakan teknologi

wireless seperti WiMax untuk menyelesaikan masalah *last mile connectivity*, dengan izin. Bagi membolehkan akses internet keseluruhan negara.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan. Sungguhpun HSSB dalam Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi tapi oleh kerana MOSTI pun adalah terlibat dalam perkara ini. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa pemberian kontrak HSSB kepada Telekom secara memperkuatkan sistem monopoli tidak akan membantu matlamat supaya *broadband accessible* kepada semua. Sebenarnya akan menghindarkan program ini, sebab itu 10 tahun ini kita begitu mundur apabila berbanding dengan Singapura, Korea Selatan, Jepun, Hong Kong ialah kerana monopoli Telekom dalam perkara ini. Bukankah kementerian Yang Berhormat ada pendirian supaya kita perlu pecah monopoli Telekom itu kalau rakyat mahu dibebaskan monopoli itu supaya rakyat dapat *broadband*.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat Ipoh Timur, saya sedia maklum ini bukan pertama kali dibangkitkan dalam ucapan beliau pun begitu juga. Pihak MOSTI, sebelum itu tujuan soalan tersebut bagus ditujukan untuk Kementerian Kewangan yang memutuskan dari segi kontrak dan seterusnya. Akan tetapi, peringkat kita di MOSTI, kita berpendapat bahawa Telekom Malaysia memang mempunyai kekuatan-kekuatan yang perlu. Prestasi mereka dalam bidang ini adalah sesuatu yang kita berpendapat mempunyai *capacity, capability* untuk menjalankan *roll-out* bagi nasional *broadband roll-out* tersebut.

Jadi, dalam perkara ini kita tidak ada pandangan lain selain daripada menyokong ketetapan kerajaan dan memastikan peranan MOSTI dalam konteks *Content Development* itu dapat ditunai ke tahap yang lebih memuaskan. So...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan, yang terakhir mengenai perkara ini. Saya pun hairan kenapa Yang Berhormat Menteri ada sebut perkara ini patutlah dirujuk kepada Kementerian Kewangan. Ini bukan perkara kewangan sahaja sama ada kita mahu menjadi satu kuasa *broadband* atau tidak mahu dan menjadi kuasa *broadband* adalah menjadi kuasa ekonomi dalam keadaan *global economy* sekarang. Perkara ini bukan masalah kontrak bagaimana kita mahu adalah satu *quantum jump* dalam perkembangan *broadband*. Kenapa MOSTI tidak ada pendirian dan barulah berminat mengenai *content*, bukankah *content* kita pergi jauh kalau tidak ada liberalisasi *broadband*? Kenapa MOSTI begitu takut untuk mengambil satu pendirian yang perlulah satu liberalisasi *broadband* pecat monopoli Telekom.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ini bukan soal takut, kita seperti mana yang saya terangkan tadi dan kita pun telah terlibat juga untuk meneliti *submission* yang dibuat oleh pihak lain untuk terlibat dalam soal *broadband roll-out* ini dan apabila telah diputuskan bahawa itulah syarikat yang mempunyai *capacity, capability* dan *long-term plan, financing* dan sebagainya. Maka saya telah katakan tadi setuju dengan pandangan tersebut. Saya hanya katakan di sini bahawa dalam struktur pembentukan kita di MOSTI walaupun PM adalah *character* utama, tetapi

sebenarnya dalam soal pelaksanaan itu akan melibatkan syarikat-syarikat lain seperti Telekom, termasuklah syarikat-syarikat kecil dan besar, pihak kita dari Sabah dan Sarawak telah mengemukakan bahawa melibatkan syarikat-syarikat tempatan bekerjasama dengan Telekom yang besar.

Jadi ia bukan sebenarnya akan monopoli dalam soal pelaksanaan. Tuan Yang di-Pertua, MOSTI melalui MDeC telah pun menyumbang dalam mengenal pasti dan menjalan usaha-usaha untuk mempromosikan inisiatif pembangunan maklumat dan aplikasi di bawah Pelan Jalur Lebar Negara. MDeC akan terus menerajui usaha menggalakkan pembangunan maklumat dan aplikasi untuk sektor swasta terutama dalam pembangunan industri kreatif dan multimedia seperti mana yang saya sentuhkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini Ahli Yang Berhormat Rompin juga telah mencadangkan kerajaan supaya mewujudkan peluang pelaburan kepada usahawan dalam sektor yang tidak diceburi oleh usahawan lain seperti sektor animasi. Bagi mewujudkan peluang pelaburan kepada usahawan dalam sektor animasi sebuah Pusat Kandungan Kreatif Animasi Malaysia (*Malaysian Animation Creative Content Center*)(MAC3) yang diterajui MDeC telah pun ditubuhkan. Buat masa ini terdapat 235 syarikat berstatus MSC Malaysia seperti *Les'Copaque Production* yang telah menghasilkan siri animasi popular Upin dan Ipin dan bakal melahirkan sebuah filem animasi 3D pertama di Malaysia berjudul Geng.

Pelaksanaan MAC3 ini dijangka akan dapat:

- (i) mewujudkan 13,100 pekerja kemahiran tinggi;
- (ii) memberi peluang kepada 20 syarikat tempatan untuk menjalankan projek bertaraf dunia dan mewujudkan 3 ikon global; dan
- (iii) menjanakan pendapatan sebanyak RM1.14 bilion dan eksport sebanyak RM660 juta.

Buat masa ini MDeC telah mengambil langkah-langkah positif bagi pengoperasian MAC3 dengan melaksanakan sebahagian program-program MAC3 ataupun menubuhkan kelompok *content accelerator* dan *games department* ...

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Pahat mengenai kerajaan telah melancarkan satu projek bagi merapatkan jurang digital iaitu Makcik PC, sejauh manakah keberkesanannya dan berapa banyak PC yang sudah terjual. Setakat ini kerajaan melalui MIMOS telah menyiapkan reka bentuk dan telah membuat demonstrasi keupayaan *gen-i*, Makcik PC ini semasa kongres IT sedunia atau *World Congress On Information Technology (WCIT)* pada Mei 2008 yang lepas.

Projek ini adalah masih di peringkat perintis dan di mana langkah-langkah terperinci sedang diambil untuk memastikan isi kandungan dari pihak swasta adalah selaras dengan sistem penyampaian kandungan kerajaan melalui *gen-i*, Makcik PC kepada masyarakat awam. Pihak MOSTI dan MIMOS juga sedang bekerjasama dengan beberapa kementerian yang terlibat

terutamanya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk melancarkan projek perintis di beberapa kawasan terpilih yang akan ditentukan bagi memastikan keberkesanan dan impak sistem penyampaian *gen-i* berkenaan.

Pada masa ini pengisian kandungan *gen-i* sedang ditelitikan oleh KPWKM untuk dimantapkan berdasarkan kepada dua kumpulan sasar, iaitu golongan wanita dan warga emas. Untuk pengkomersialan produk ini MIMOS sedang mengenal pasti syarikat-syarikat ICT tempatan serta memastikan syarikat-syarikat ini berupaya memasarkan produk ini di pasaran tempatan dan juga global. Hanya saya ingin tambah di sini bahawa dalam bulan Mei tersebut semasa kongres WCIT sambutan pihak-pihak syarikat dan kerajaan di peringkat antarabangsa adalah begitu menarik sekali. Untuk makluman, kita juga akan mula antaranya untuk fail *testing* penggunaan ini di peringkat akar umbi, di peringkat sasaran yang saya katakan tadi di dalam program MOSTI.

Di kawasan saya sendiri di Kota Marudu kita akan lihat di situ penerimaan pihak awam, orang biasa dari segi penggunaannya.

■1540

Tuan Yang di-Pertua merujuk kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Petaling Jaya Selatan berhubung dengan pemanasan global dan perubahan iklim. Adalah dimaklumkan bahawa kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah berikut:-

- (i) penyesuaian (*adaptation*) terhadap kesan perubahan iklim termasuk kepada kajian cuaca ekstrem bagi tempoh jangka pendek, sederhana dan jangka panjang;
- (ii) membuat penilaian keperluan penyesuaian kepada sektor-sektor yang terjejas seperti sumber air, pertanian, ekosistem penempatan manusia dan kesihatan;
- (iii) mengurangkan kegunaan tenaga fosil bagi mengurangkan perlepasan gas-gas rumah kaca;
- (iv) mendidik dan meningkatkan kefahaman sains perubahan iklim kepada semua lapisan masyarakat;
- (v) menganjur seminar untuk memberi kefahaman sains berkaitan perubahan iklim dan kejadian cuaca ekstrem kepada peserta-peserta;
- (vi) memantau cuaca dan iklim secara sistematik;
- (vii) meningkatkan keupayaan dan ketetapan ramalan cuaca jangka pendek dan sederhana serta unjuran senario perubahan iklim untuk jangka panjang;
- (viii) bekerjasama dengan pusat penyelidikan perubahan iklim terkenal dunia Hadley Centre United Kingdom untuk mendapatkan senario perubahan iklim sepanjang abad ke 21 di seluruh negara;

- (ix) memantau *carbon dioxide*, ozon dan zarah-zarah terampai, aerosol; dan
- (x) menyertai secara aktif persidangan antarabangsa berkaitan dengan perubahan iklim dan pemanasan global.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pontian, Seputeh, Petaling Jaya Selatan, Hulu Langat, Rompin dan Pendang telah membangkitkan isu berkenaan sumber tenaga alternatif kepada minyak fosil. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat isu yang telah dibangkitkan telah pun diberikan perhatian oleh kerajaan khususnya oleh kementerian kita iaitu MOSTI. Penyelidikan dan pembangunan di peringkat R&D tenaga boleh diperbaharui dan alternatif telah dijalankan semenjak RMK-7 melalui geran-geran penyelidikan.

Sebanyak 120 projek penyelidikan berkaitan sumber tenaga solar, angin, ombak, hidro mini, geoterma dan biomas seperti yang saya sentuhkan tadi yang merangkumi bio diesel, bio etanol, bio gas dan bio hidrogen yang melibatkan pembiayaan sebanyak RM109.2 juta telah dilaksanakan. Hasil penyelidikan tersebut terutama tenaga solar dan angin akan dibangunkan ke skala komersial dalam tempoh dua atau tiga tahun lagi.

Bagi memantau kesan penggunaan bio negatif bermula dengan penggunaan biomas, SIRIM Berhad sentiasa menjalankan ujian *toxicity* penggunaan biomas agar ia tidak mencemar alam sekitar. Kerajaan telah memperuntukkan semenjak Rancangan Malaysia Ketujuh sehingga Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM3.75 juta untuk penyelidikan dan pembangunan solar atau *photovoltaic* seperti yang saya nyatakan tadi.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: [Bangun]

Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh): [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada dua bangun Yang Berhormat.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Bagi memastikan ianya mampu dipergunakan oleh orang awam kajian lanjut akan dijalankan untuk mengurangkan kos dengan menggunakan *cadmium telluride*. Saya habiskan dulu ini.

Untuk menghasilkan bio etanol kajian menggunakan AFB, 'empty food bun' daripada minyak sawit sedang dijalankan dan kajian melalui SIRIM Berhad sedang dalam rangka untuk menubuhkan *pilot plant* di Malaysia bagi menghasilkan bio etanol yang menggunakan teknologi usaha sama antara SIRIM Berhad denganRussia. MOSTI juga sedang mengkaji kemungkinan penggunaan tenaga nuklear yang saya sentuhkan tadi yang selamat untuk penjanaan kuasa elektrik di negara ini pada masa akan datang memandangkan ianya hanya lebih murah. Ianya lebih murah sebanyak 30% daripada sumber tenaga fosil dan hidro dalam jangka masa yang panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat mana satu? Yang Berhormat Pendang ...

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat Seputeh yang tidak sokong tenaga nuklear.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Saya rasa agak aneh juga kadang-kadang saya lihat kenyataan dibuat oleh menteri satu hari dia cakap “*Oh, kita akan membangunkan tenaga nuklear*”. Satu hari dia kata “*Kita hendak membangunkan tenaga solar, kajian di buat*”. Ini semua ulang-ulang banyak kalilah. Tapi sekarang kita lihat pelaburan asing ke Malaysia setelah tiga syarikat besar solar telah pun menaruh pelaburan mereka di Malaysia. Saya juga difahamkan ada beberapa syarikat solar antarabangsa juga berminat untuk melabur di Malaysia.

Akan tetapi yang aneh ialah kita menarik pelabur yang membuat solar sel tapi negara kita tidak menggunakan sinar matahari dengan sepenuhnya untuk membangunkan teknologi ini. Saya difahamkan salah satu cara bagi kita untuk membangunkan teknologi solar ialah dengan mengadakan *fixed in* tarif yang mana maksudnya adalah bagi setiap individu yang menggunakan teknologi solar dan kita boleh menjual balik kepada TNB. Sekarang TNB beli tapi beli dengan harga yang amat kurang sekali. Jadi kalau kita ada sistem *fixed in tariff* sebagai permulaan untuk menggalakkan lebih pemaju untuk membangunkan bangunan yang menggunakan sistem solar, kita boleh secara perlahan-perlahan menggalakkan seluruh Malaysia untuk menggunakan tenaga solar.

Kita boleh mengurangkan kos, mengurangkan harga yang kita bayar untuk menggunakan tenaga solar ini. Tapi saya rasa kenapa ini masih tidak diimplementasikan kerana saya tahu bila pelabur asing mereka juga selalunya bertanya sama ada negara kita melaksanakan *fixed in tariff* atau tidak. Kerana mereka juga mahu lihat sama ada Malaysia ada pasaran ataupun tidak bagi mereka untuk menaruh pelaburan. Sekarang yang pergi pengilang solar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ringkas Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Mereka datang Malaysia dan jual eksport ke luar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ringkas Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya ringkas. Ringkasan saya, saya rasa ada tiba masanya bagi kerajaan untuk mengadakan *fixed in tariff* dan kita lihat TNB. Sekarang harga *electricity* kita adalah paling mahal sekali sekarang. Mengapakah sekarang harga minyak telah pun turun separuh dan harga *electricity* kita masih begitu tinggi kenapa kita tidak menghendaki pihak TNB untuk menggunakan semua keuntungan yang mereka buat itu mengadakan sistem *fixed in tariff* sebagai

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat minta tolong Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Satu langkah untuk mengadakan sistem solar di negara kita

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey terima kasih Yang Berhormat dari Seputeh ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Berapa panjang lagi Yang Berhormat punya?

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya sebenarnya tujuh minit sudah habis, sekejap lagi. Sepuluh minit paling banyak. Saya ambil perhatian kepada apa yang disentuh oleh Yang Berhormat daripada Seputeh.

Apa yang disentuh itu memang sebahagian ada isi jugalah. Namun soalan asas dalam soal penggunaan teknologi solar ini adalah soal kos. Yang dijangka pada saat ini masih tinggi bagi pihak individu atau syarikat untuk menggunakannya. Sememangnya belum kita sampai ke tahap di mana kita menjualkan tenaga itu balik kepada TNB. Tapi sebagai galakkan untuk masa depan perkara seperti tarif yang disebutkan tadi bolehlah nanti dibangkitkan menggulung di peringkat KTAK nanti. Tapi pada saat ini peranan MOSTI adalah untuk menyokong, *support* R&D yang boleh mengurangkan kos tenaga solar ini supaya lebih *affordable* untuk pihak swasta khususnya individu untuk menggunakan.

Untuk makluman Yang Berhormat sememangnya memang ada tidak kurang dua atau tiga syarikat besar yang sedang mengusahakan *manufacturing* pengeluaran solar tapi belum ada yang secara *integrated*. Untuk mengeluarkan panel misalnya, tenaga solar ini dia tiga peringkat. Peringkat satu pembentukan kristal daripada silikon. Itu pun begitu *specialize* dia punya teknologi. Kedua dari segi persiapan *wafers* dan ketiga pembuat panel di mana ditaruknya. Belum ada syarikat yang sekali gus boleh buat tiga perkara ini. Ada yang pengeluaran kristal, ada pengeluaran *wafer film* dan kebanyakan pengeluaran panel sahaja menggunakan input-input ini Tuan Yang di-Pertua.

Jadi peranan kita dalam ini untuk menyokong penyelidikan yang boleh membantu mengurangkan lagi kos keseluruhan dari segi teknologi yang dikeluarkan. Memandangkan kajian-kajian penyelidikan antarabangsa begitu terfokus juga dalam perkara ini dalam tempoh dua tiga tahun dijangka bahawa dengan izin *solar technology will become more affordable* dan inilah sebenarnya dalam peringkat persiapan. *I think* soal tarif bolehlah difikirkan sebagai satu galakan untuk mempertingkatkan lagi penggunaan teknologi solar. Dalam pandangan saya sendiri saya setuju dengan Yang Berhormat Seputeh ini satu sumber yang tuhan kasi 12 jam satu hari ada di situ.

■1550

Akan tetapi kami MOSTI tidak lari daripada mengkaji teknologi-teknologi lain ombak ke, angin ke dan khususnya biomas tetapi pada masa yang sama tidak lari untuk memberi keutamaan kepada penggunaan dan pembentukan teknologi yang berasas kepada solar. Tuan Yang di-Pertua saya ingin teruskan...

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: [*Bangun*]

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat ada bahas pada masa dasar ke?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri...

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Tadi ada sebut, Menteri ada sebut tadi Pendang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat tidak ada bangkit apa benda pun.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya teruskan dahulu saya teruskan dahulu sebab sudah peringkat dasar ini kepada mereka yang telah pun membahar...

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Tadi ada Menteri sebut Pendang tadi.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ada?

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Ada tadi.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Pendang?

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Ya.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey, *last one*.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya saya ada sentuh beberapa kali dalam perbahasan sebelum ini berhubung dengan penggunaan biodiesel ini, sebab kita tahu dalam negara kita trend kepada *fast food* ini sudah meningkat di dalam masyarakat. Lebih banyak restoran-restoran makanan segera ini membuang hasil minyak kelapa sawit yang digunakan untuk menggoreng dalam kitar semula. Saya rasa salah satu daripada kitar semula yang perlu kita turuti adalah seperti mana yang dibuat di Amerika Syarikat. Mereka menggunakan hasil daripada *fried chicken* ini lebih kurang satu trilion liter satu tahun untuk dijadikan biodiesel.

Apakah kementerian mempunyai pandangan bahawasanya minyak-minyak yang dibuang ini tidak dimasukkan dalam saluran alam sekitar kita tetapi diproses digunakan sebagai biodiesel. Ini untuk menggantikan minyak sawit yang khabarnya akan dikurangkan pengeluarannya dalam negara kita kerana minyaknya sudah pun berkurangan harga untuk satu tan sekarang ini. Apa pandangan daripada kementerian? Terima kasih.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat Pendang terima kasih kerana begitu *fussy* dengan apa yang terjadi dalam sektor ini. Pihak kementerian melalui SIRIM kita sedang sebenarnya meneliti teknologi yang ada dalam perkara ini. Kita sedia maklum adalah

banyak jenis-jenis minyak yang terbuang sahaja mahupun hasil daripada industri kereta, industri kelapa sawit. Jadi soal sekarang ini melihat kepada teknologi yang berskala kecil ataupun sederhana, di mana minyak-minyak ini boleh diproses.

Baru sahaja dua bulan lalu kami berada di Indonesia sebenarnya untuk melihat satu teknologi di mana dia *multisource* bukan sahaja daripada *jatropha*, bukan sahaja daripada minyak kelapa tetapi minyak-minyak lain seperti minyak buangan. Itu peringkat-peringkat perintis dan kita sedang menelitikan dari segi adaptasinya ataupun pembentukan sendiri di peringkat SIRIM atau industri tempatan dan melihat jika ada usahawan-usahawan yang ingin masuk dalam sektor ini. Pasti kita sedang menggalakkan penggunaan teknologi seperti tersebut.

Tuan Yang di-Pertua Ahli Yang Berhormat daripada Pontian, Seputeh, Petaling Jaya Selatan, Rompin dan Pendang juga telah membangkitkan isu berkenaan dengan keselamatan penggunaan teknologi nuklear di negara ini. Berkaitan keselamatan penggunaan teknologi nuklear, kerajaan telah pun memberi perhatian dengan menggubal dan menguatkuasakan Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 atau Akta 304 dan persetujuan perundangan melalui Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB). Sukacita saya maklumkan bahawa laporan daripada Agensi Tenaga Atom Antarabangsa menunjukkan risiko kemalangan jiwa akibat logi jana kuasa ataupun kemudahan nuklear lain adalah jauh lebih rendah berbanding dengan aktiviti berkaitan dengan sumber tenaga bukan nuklear.

AELB bersama Majlis Keselamatan Negara juga telah merancang program kesiap siagaan kecemasan radio aktif-radio aktif *preparedness emergency*. Latihan kecemasan juga diadakan di kemudahan reaktor penyelidikan bagi memantapkan sistem kesiap siagaan, *radiological preparedness emergency system* yang sedia ada. Bagi pengurusan sisa bahan radio aktif dan bahan nuklear, langkah bagi menjamin keselamatan adalah dengan menentukan sisa tersebut diambil balik oleh pembekal atau distorkan dengan selamat di pusat pengurusan sisa radiologi kebangsaan yang sedia ada iaitu di Agensi Nuklear Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua Ahli Yang Berhormat Mambong telah membangkitkan isu adakah kerajaan telah mengadakan kajian untuk mendapatkan *jatropha* yang boleh menghasilkan minyak dalam iklim Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat penanaman *Jatropha* secara meluas belum digerakkan secara rasmi. Kajian perintis sedang dijalankan oleh kerajaan dan pihak swasta bagi menghasilkan baka *jatropha* yang sesuai untuk ditanam di negara ini dan mengeluarkan hasil yang tinggi. Agensi dan tumpuan kajian adalah satu *Malaysian Oil Palm Board (MPOB)* telah menanam *jatropha* pada 2005 di plot kajian Sepang untuk kajian *upstream* dan juga pengeluaran biodiesel. Universiti Putra Malaysia (UPM) memulakan tanaman ini pada 2006 untuk mengkaji *viability* penanaman *jatropha* di negara ini.

Ketiga, MARDI pula melakukan kajian pada tahun 2006 melalui kerjasama antarabangsa dengan The One Oil Sdn. Bhd. Tujuan kajian ialah untuk mengenal pasti pengeluaran dan *viability* *jatropha* di kawasan Kelantan, Kedah dan Perak. Tumpuan penyelidikan dilakukan oleh

MARDI adalah dalam soal pengumpulan “geo plasum” sejumlah 17 jenis atau ‘asisium’ dari sumber tempatan dan luar negara seperti India, Myanmar, Afrika dan Thailand untuk penyingkapan *variety* yang sesuai dan hasil yang tinggi. Ujian mutu minyak *Jatropha*, pembacaan dan jarak penanaman, makhluk perosak dan penyakit seperti koya, ‘mic’ dan reput akar telah dikenal pasti dan langkah pencegahan awal telah diambil. Saya sentuh ini Tuan Yang di-Pertua kerana di bawah tanggungjawab MOSTI adalah *Agricultural Biotech Institute* yang terlibat secara langsung bekerjasama dengan MARDI dan seterusnya.

Juga saya ingin sentuh di sini walaupun bukan dalam tanggungjawab saya, FRIM telah memulakan penyelidikan *culture tissue* *Jatropha* sebagai usaha menggunakan teknologi pembiakan yang lebih berkesan. Agensi-agensi lain sedang menjalankan kajian untuk penanaman *Jatropha* antaranya ialah Malaysian Tobacco Board, Sabah Land Development Board dan Lembaga Getah Malaysia. Saya ingin mengemukakan di sini bahawa pihak MOSTI melalui *Agricultural Biotech Institute* (ABI) dalam proses perbincangan dengan Universiti Bogor untuk bekerjasama juga dalam bidang ini sekali gus untuk menapis *variety* yang ada supaya petani-petani kita boleh mendapat benih-benih yang betul-betul sudah teruji dan sesuai untuk ditanam di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua Ahli Yang Berhormat Mambong telah meminta pihak kerajaan maklumkan apakah hasil R&D dalam bidang bioteknologi perubatan. Adakah untuk perubatan atau *pharmaceutical*. Secara ringkas projek-projek R&D dalam bidang bioteknologi perubatan yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sehingga kini ialah sebanyak 273 projek yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM2.06 juta. Penyelidikan telah menghasilkan produk biofarmasi dan neutrasedutikal seperti berikut *reagent* khusus untuk penggunaan kit diagnostik, penghasilan pengklonan gen bagi penyakit Hepatitis B, cucumber green mottle mosaic virus (CGMMV), kit untuk diagnosis cirit birit, kit untuk diagnosis sakit puan, bahan stok media untuk pertumbuhan tisu, gantian kulit untuk pesakit trauma, biomaterial untuk kornea dan rawatan pemutihan kulit neutrasedutikal. Ini antara produk-produk yang dihasilkan hasil daripada penggunaan dana yang kita keluarkan.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Bukit Bendera membangkitkan isu pemberian dana berjumlah RM7.5 juta dari MDeC kepada Entellium Technologies Sdn Bhd. Entellium Technologies Sdn Bhd (ETSB) yang merupakan anak syarikat kepada Entellium Corporation dari Amerika Syarikat telah diberi tahap syarikat berstatus MSC pada tahun 2006. MDeC tidak mempunyai sebarang ekuiti dalam ETSB. Sebagai syarikat berstatus MSC Malaysia, syarikat ini berhak memohon insentif yang diberikan kepada syarikat-syarikat berstatus MSC Malaysia.

Berkenaan isu yang dibangkitkan ETSB telah memohon dana *strategic trust area research* ataupun STAR MSC Malaysia dan permohonan syarikat ini telah diluluskan dengan peruntukan sejumlah RM7.5 juta untuk projek penyelidikan dan pembangunan. Kelulusan dana

ini dibuat mengikut peraturan dan proses seperti mana ditetapkan di bawah garis panduan dan syarat-syarat penilaian dari aspek teknikal dan kewangan projek R&D yang dicadangkan.

Pembiayaan dana STAR kepada ETSB dibuat berdasarkan kemajuan prestasi pelaksanaan projek yang didapati mengikut jadual apa yang kita sebut *milestone progress*. Sebanyak RM1.125 juta iaitu 15% daripada dana tersebut telah diagihkan kepada ETSB. Sebaik sahaja MDeC mendapat tahu bahawa pengurusan kanan ETSB ditahan oleh FBI Amerika Syarikat pemantauan yang rapi dijalankan terhadap syarikat tersebut dan dengan itu semua pembayaran seterusnya telah dibekukan sehingga kes ini selesai.

■ 1600

Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, MOSTI sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas minat serta perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai usaha, program dan strategi kementerian ini. Seterusnya MOSTI berharap dengan kerjasama dan keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat akan membantu kementerian dalam mencapai matlamat dan visi seperti mana harapan negara kita keseluruhannya. Dengan demikian, terima kasih bagi mereka yang saya tidak sempat untuk memberi penelitian, bolehlah bangkitkan balik dalam perbincangan di peringkat jawatankuasa. Sekian, terima kasih.

4.00 ptg.

Menteri Pelancongan [Datuk Seri Azalina binti Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2009 yang melibatkan Kementerian Pelancongan. Seramai 13 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian iaitu daripada Jempol, Pontian, Batang Sadong, Silam, Simpang Renggam, Langkawi, Dungun, Parit, Hulu Rajang, Lembah Pantai, Wangsa Maju, Ipoh Timur dan Sungai Petani.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Jempol telah mencadangkan supaya kementerian memberi lebih perhatian di dalam pembangunan infrastruktur pelancongan terutama di Parlimen Jempol. Sebenarnya jawapannya ialah perhatian sentiasa diberikan oleh Kementerian Pelancongan kepada pembangunan infrastruktur pelancongan di seluruh negara termasuk di kawasan Parlimen Jempol. Contohnya, kementerian telah menyediakan peruntukan sebanyak RM1 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan bagi membangunkan infrastruktur *Homestay* Kampung Lunik dan juga Batu Kikir. Infrastruktur yang dibangunkan termasuk menaik taraf jalan, tempat letak kereta, gerai cenderahati, kraf tangan dan juga tandas awam.

Yang Berhormat Jempol juga telah mencadangkan supaya kementerian bergabung tenaga dengan Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan untuk membantu perkembangan muzik tradisional ini tetapi akan dapat kita komersialkan sebagai produk pelancongan.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pelancongan walaupun telah berpecah di mana sebelum ini aspek kebudayaan dan kesenian adalah di bawah juga Kementerian Pelancongan tetapi sekarang ini di bawah bidang kuasa Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Bagi Kementerian Pelancongan memang kita melihat, mempromosikan kebudayaan, kesenian dan muzik adalah salah satu daripada promosi yang dapat membantu promosi negara kita.

Itu sebabnya daripada strategi-strategi bersama kalau kita lihat di peringkat antarabangsa terutama sekali, Kementerian Pelancongan dan Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah menjalankan kerjasama. Contohnya baru-baru ini yang berlaku pada tahun ini iaitu yang dilaksanakan di Ekspo Zaragoza di Espanol dan juga Pesta Edinburgh di London sebagai salah satu daripada strategi menaikkan minat pelancong asing bukan sahaja kepada apa yang dapat ditawarkan di Malaysia tetapi juga mempamerkan kebudayaan dan kesenian yang memang kita lihat mendapat kesan yang begitu positif.

Yang Berhormat Pontian pula telah mencadangkan...

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Boleh tambah menteri?

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Silakan.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Oleh sebab muzik tradisional ini adalah merupakan khazanah negara. Saya mencadangkan bukan sahaja kita meneruskan warisan ini tetapi kita menjalankan usaha untuk melahirkan barisan pelapis di mana anak-anak muda terutama sekali pelajar-pelajar sekolah, kita bekalkan dengan guru-guru yang mahir dalam bidang muzik tradisional dan juga kita bekalkan sekali peralatan-peralatan yang menyokong usaha ini. Saya yakin dan percaya ini akan dapat meneruskan warisan budaya yang sangat baik ini dan seterusnya ia akan menjadi produk pelancongan yang berkesan.

Selain daripada itu, tumpuan kementerian untuk membangunkan infrastruktur tadi tidak tepat kepada produk-produk yang begitu popular. Saya selalu menyebutkan tentang Teratak Zaaba mendapat kunjungan pelancong yang ramai tetapi kemudahan infrastrukturnya tidak bagus terutama sekali kemudahan-kemudahan untuk pelancong membeli belah, gerai-gerai cenderamata, makanan, minuman dan sebagainya. Ini bukan sahaja memberikan keselesaan kepada pelancong tetapi membolehkan juga rakyat untuk mengambil bahagian dalam perniagaan.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Pertama sekali berkenaan isu kebudayaan, kesenian dan warisan, ya. Saya cukup yakin kementerian yang relevan memang cukup bersetuju dan bagi Kementerian Pelancongan kita lihat memang aktiviti kebudayaan, kesenian dan warisan akan dapat memajukan pelancongan dalam negara.

Berkenaan dengan aspek yang disebut mengenai Teratak Zaaba sebenarnya jawapan yang disebut oleh Kementerian Pelancongan ialah berkenaan dengan soalan kemudahan *homestay* di Kampung Lunik dan Batu Kikir di mana kita letakkan di bawah Rancangan Malaysia

Kesembilan. Salah satu daripada pendekatan yang diwujudkan ialah kerja membaiki bahu jalan, mengalihkan tiang, membina kawasan, kerja-kerja mengecat, menurap, membina bangunan, membina jambatan konkrit, memasang *jogging track*, membina tembok, membina empangan, membina rumah bertapak dan seterusnya.

Bagi Kementerian Pelancongan ini ditentukan daripada permohonan daripada agensi pelaksanaan iaitu Unit Perancangan Ekonomi Negeri Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Jempol itu akan saya bawa kembali ke kementerian untuk mengkaji dari segi Teratak Zaaba sama ada aspek menaik taraf yang dilakukan oleh kementerian sama ada mencukupi ataupun tidak, Insya-Allah.

Yang Berhormat Pontian menimbulkan soalan tentang mencadangkan Kementerian Pelancongan untuk lebih fokus kepada ekopelancongan. Bagi pihak Kementerian Pelancongan, kita memang cukup berterima kasih kepada Yang Berhormat Pontian kerana tidak boleh dinafikan satu kajian yang dibuat oleh *World Tourism Organization* pada tahun 2005 bahawa ekopelancongan merupakan salah satu daripada industri pelancongan global yang mengalami pertumbuhan yang begitu pantas.

Secara keseluruhannya pelancongan *echo tourism* mewakili 20% daripada pelancongan antarabangsa dan menyumbang lebih USD20 bilion setiap tahun di peringkat global. Justeru itu bagi Kementerian Pelancongan kita melihat potensi pulangan yang lebih banyak dapat dilaksanakan dalam aspek ekopelancongan.

Walaupun bagaimanapun, pada saat saya bercakap sedemikian apa yang kita perlu dalam pendekatan ekopelancongan pembangunan ialah apa yang disebut dengan izin iaitu pembangunan bertanggungjawab, *sustainable development programme* dengan izin supaya kita tidak mahu apabila kita mengejar pembangunan, aspek ekopelancongan tersebut diketepikan.

Terutama sekali dalam aspek pembangunan Tuan Yang di-Pertua, itu sebabnya di Malaysia kalau kita tengok pakej-pakej ekopelancongan ini lebih banyak tertumpu di Sabah dan Sarawak. Dan kalau kita tengok contohnya Mulu Cave dan Gunung Kinabalu telah disenaraikan sebagai tapak warisan dunia, *world heritage site* oleh UNESCO pada tahun 2000 dan 2001. Memang bagi pihak Kementerian Pelancongan kita melihat pendekatan ekopelancongan ini ialah pendekatan yang cukup memberangsangkan.

Itu sebabnya baru-baru ini Kementerian Pelancongan telah bekerjasama dengan Kementerian Alam Sekitar untuk mewujudkan sekretariat bersama ekopelancongan. Tanggungjawab ini sebenarnya adalah menentukan bahawa kedua-dua kementerian dapat membantu melaksanakan strategi-strategi dan pelan tindakan yang bersepadu untuk tujuan promosi dan penjenamaan Malaysia sebagai destinasi ekopelancongan yang terkemuka di rantau ini.

Bagi pihak Kementerian Pelancongan kita menyedari antara yang diperlukan ialah sikap bertanggungjawab oleh mereka-mereka yang mentadbir mana-mana premis yang disebut

sebagai ekopelancongan. Oleh itu, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pontian, bagi pihak Kementerian Pelancongan ini memang menjadi dasar Kementerian Pelancongan bagi tahun 2008.

Yang Berhormat Batang Sadong pula telah mencadangkan supaya Kementerian Perindustrian dan Asas Tani boleh mengadakan usaha sama dengan Kementerian Pelancongan dalam melaksanakan projek-projek *homestay* di kawasan luar bandar yang dirasakan sesuai.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan memang bekerjasama dengan banyak kementerian. Kalau kita tengok apabila bercakap tentang produk-produk pelancongan seperti *homestay*, ini sentiasa menjadi satu bidang kuasa kerjasama di antara Kementerian Pelancongan dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Apa yang berlaku sekarang bagi pihak Kementerian Pelancongan, kita menawarkan bantuan kepada kawasan Parlimen dan kawasan Dewan Undangan Negeri untuk membantu menaikkan taraf *homestay* yang berada di bawah bidang kuasa.

Apa yang berlaku dalam proses ini ialah pemohon-pemohon boleh mengikuti kursus asas pelancongan desa *homestay* yang akan dianjurkan oleh Institut Kemahiran Desa iaitu INFRA sebuah agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Apa kita dapat lihat minat kepada produk *homestay* ini boleh dilihat sebagai satu trend yang baru. Disebabkan pelancong-pelancong kadang-kadang suka melihat kepada pengalaman, bukan sahaja melihat sektor-sektor perniagaan dan juga sektor-sektor tempat bersejarah. Akan tetapi aspek *homestay* itu dilihat sebagai satu pendekatan yang cukup baik.

■ 1610

Kalau kita lihat dari segi kajian, Kementerian Pelancongan melihat banyak permohonan *homestay* datang daripada masyarakat Melayu di Singapura. Ini kerana kadang-kadang mereka mahu melakukan aktiviti-aktiviti ibadah seperti korban dan aqiqah. Mereka melakukan di Malaysia atas sebab kononnya di Singapura tidak dapat dilaksanakan dengan cara yang lebih sempurna. Itu sebabnya kita melihat program *homestay* ini boleh juga dilihat sebagai satu program pelancongan ibadah kalau kita mahu bekerjasama dengan kementerian yang relevan.

Yang Berhormat Silam pula telah menimbulkan harapan kepada Kementerian Pelancongan supaya menjadikan kawasan Parlimen Silam sebagai pusat *ecotourism* untuk negeri Sabah di kawasan Pantai Timur. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan sentiasa berusaha untuk membangunkan pelancongan eko di seluruh negara dan pada masa ini pihak kementerian telah mengenal pasti 48 tapak ekopelancongan dalam negara. Tapak-tapak melibatkan semua negeri yang terdapat dalam Malaysia. Antara lokasi yang dikenal pasti sebagai pusat ekopelancongan adalah Bukit Silam di negeri Sabah.

Yang Berhormat Simpang Renggam pula ada menyatakan supaya Kementerian Pelancongan dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi boleh bekerjasama untuk mengatasi masalah teksi.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: *[Bangun]*

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan sentiasa berharap pelancong-pelancong yang datang ke negara Malaysia akan kembali semula dan bukannya pulang ke rumah dengan kenangan yang buruk. Jadi oleh itu, bagi tarikan pelancongan...

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Tuan Yang di-Pertua. Boleh minta laluan? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri, saya telah pun dengar tentang *homestay* yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa kalau saya tidak silap beberapa bulan lalu Yang Berhormat Menteri telah pun mengatakan bahawa satu dana akan diberi pada setiap Parlimen untuk *homestay* dan setakat ini belum ada lagi kita menerima. Adakah ini juga satu janji di mana selaku waktu Yang Berhormat Menteri menjadi Menteri Belia dan Sukan telah pun berjanji untuk memberi mini stadium setiap Parlimen. Akan tetapi janji. Kita janji dengan ahli-ahli kita dan sampai sekarang janji itu tidak pernah ditunaikan.

Adakah ini janji palsu yang kita telah pun berjanji dengan orang-orang kita di kawasan, sampai hari ini pun belum sampai. Minta penjelasan.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat Kimanis, sebenarnya permohonan yang dibuat di bawah *homestay* yang disebut oleh kementerian adalah satu permohonan yang diberi kepada Ahli Parlimen dan juga Ahli Dewan Undangan Negeri, prosedur yang dipohon adalah untuk melakukan permohonan di mana terutama sekali produk di bawah bidang kuasa setiap kawasan Parlimen itu perlu menjadi produk yang boleh dikenal pasti sebagai satu produk *homestay*. Itu adalah syarat utama yang diberikan.

Seperti yang saya sebut tadi, antara prosedur syarat tersebut ialah mengisi borang dan kampung-kampung tersebut akan dikaji selidik oleh Kementerian Pelancongan sama ada sesuai atau tidak untuk menjadi satu produk *homestay*. Selepas itu apabila kampung tersebut boleh dilihat sebagai kampung yang sesuai menjadi produk *homestay*, maka pemohon terutama sekali persatuan yang menjalankan program *homestay* tersebut yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat Parlimen dan juga Dewan Undangan Negeri boleh membuat permohonan kepada Kementerian Pelancongan untuk menaik taraf produk-produk *homestay* yang ada di situ.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: *[Bangun]*

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Ini tidak bererti bahawa hanya kerana mahukan produk *homestay* itu dinaiktaraf, diberi secara automatik. Itu sebabnya dalam kenyataan saya, kenyataan saya adalah bahawa permohonan perlu dibuat untuk mewujudkan produk *homestay* di kawasan Parlimen tersebut. Kemudian selepas mendapat sijil untuk diadakan *homestay*, maka bantuan akan diberi tertakluk kepada permohonan yang dibuat oleh kawasan *homestay* tersebut.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Setakat ini kita belum lagi mendapat borang tetapi Yang Berhormat Menteri telah pun menyuarakan dan memberi maklum bahawa setiap Parlimen. Waktu dulu yang saya katakan tadi, apabila Yang Berhormat Menteri menjadi Menteri Belia dan Sukan, kita telah pun beri tapak tanah dan kita telah pun beri maklumat-maklumat. Akan tetapi tidak ada juga maklum balas. Kita khuatir nanti kalau sekiranya Yang Berhormat Menteri cuma melepaskan batuk di tangga dan kita selaku Ahli Parlimen, kita telah pun memaklumkan dan apabila ia tidak diberi, maka kita juga akan menerima padah. Jadi adakah ini satu retorik ataupun cuma promosi untuk politik semata-mata dan menipu rakyat di kawasan kita?

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat Kimanis, sebenarnya dalam aspek *homestay* tersebut apabila kementerian mendapat mana-mana surat daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang relevan, kementerian akan memberi borang permohonan di mana di dalam borang ini akan dinyatakan cara pelaksanaan untuk mengenal pasti produk tersebut di bawah kawasan bidang kuasa kawasan Ahli Parlimen dan juga Dewan Undangan Negeri boleh dikategorikan sebagai produk *homestay*.

Berkenaan dengan Kementerian Belia dan Sukan, saya ingin menyatakan bahawa apa-apa keputusan yang dibuat tertakluk kepada Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan dan juga apabila prosedur untuk mengenal tapak yang telah diberikan tempat oleh mana-mana Ahli-ahli Parlimen, apa yang berlaku ialah permohonan dikaji bukan saja oleh Kementerian Belia dan Sukan tetapi juga oleh Kementerian Kewangan dan juga EPU untuk menentukan tapak tersebut adalah sesuai. Saya merasakan mungkin lebih elok kalau jawatan ini dapat diberi oleh Kementerian Belia dan Sukan. Saya tidak melepas batuk di tangga tetapi hanya menjawab soalan-soalan yang telah disertakan dan ini tidak ditimbulkan dalam debat.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Tidak, janji ini dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri selaku Menteri Belia dan Sukan. Jadi kenapa pula Menteri yang baru pula menjawab sedangkan Yang Berhormat Menteri kalau katakan bahawa Jawatankuasa Kabinet belum luluskan, jangan umumkan. Jangan umumkan oleh kerana pengumuman Yang Berhormat Menteri begitu tepat sekali bahawa setiap kawasan Parlimen akan diberi satu mini stadium dan diminta Ahli-ahli Parlimen mengemukakan tapak tanah yang sesuai.

Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Menteri berapakah mini stadium? Akan tetapi kalau Yang Berhormat Menteri tidak boleh jawab, tidak apalah tetapi berapakah mini stadium yang telah pun dilaksanakan. *Homestay* pula, bukan kita menulis kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri apabila membuat keputusan, pada pandangan saya Yang Berhormat Menteri bahawa sediakan borang itu dan edarkan borang-borang itu kepada Ahli-ahli Parlimen. Bukan kita pula menulis surat kepada Yang Berhormat Menteri fasal Yang Berhormat Menteri yang memaklumkan. Maklumkan mesti ada garis panduan dan mesti ada borang-borang yang disediakan. Edarkan kepada Ahli-ahli Parlimen. Ahli-ahli Parlimen bolehlah

kita isi borang dan kita kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri. Jangan buat satu kenyataan akhbar saja. Itu saya ingat satu *delivery system* yang tidak begitu cerdik. Minta penjelasan.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: *[Bangun]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat, sebenarnya apabila kita tulis surat kepada setiap kawasan Ahli Parlimen, kita telah memaklumkan prosedur yang diperlukan dan bagi saya kalau Yang Berhormat mahu tanya saya tentang mini stadium, tanyalah kepada kementerian relevan. Kalau saya menjawab saya takut jawapan saya mungkin salah dan tidak berlaku adil kepada kementerian yang ada pada hari ini.

Walau bagaimanapun, ingin saya memaklumkan apa pun prosedur untuk permohonan itu adalah permohonan yang kaji semula. Kadang-kadang masalah-masalah tanah yang dilihat sebagai masalah tanah yang mempunyai tuan tanah dan masalah dari segi kawasan yang dilihat. Macam mana pun Tuan Yang di-Pertua, bagi saya adalah lebih baik kalau membenarkan saya melaksanakan bahas bagi Kementerian Pelancongan. Yang Berhormat boleh tanya saya di luar. Untuk mengambil kesempatan di sini bagi saya telah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu Pahat, Yang Berhormat Batu Pahat isu yang sama?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, ya. *Homestay.*

Tuan Yang di-Pertua: *Homestay?* Bukan seperti Yang Berhormat Kimanis punya pertanyaan?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tidak, tidak. *Homestay.*

Tuan Yang di-Pertua: *Homestay.* Ya saya tahu *homestay* tapi adakah itu berbeza dengan Yang Berhormat Kimanis?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tidak, tidak. *Homestay.*

Tuan Yang di-Pertua: Mahu kasi laluan? Mahu kasi laluan, Yang Berhormat Menteri?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ini *homestay.*

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: *This* untuk bercakap fasal isu *homestay* kalau ada dan...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, ya okey.

Tuan Yang di-Pertua: Mahu kasi laluan atau tidak?

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Ya, silakan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Akan tetapi tertakluk kepada *homestay.*

Tuan Yang di-Pertua: *Homestay* ya.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan ... *Homestay*.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya *homestay*.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sebab kita dapat surat dan kita sudah hantar cadangan sebab memang tidak ada borang diberikan.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: [*Bangun*]

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [*Bangun*]

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Jadi, oleh kerana itu sekarang timbul soal borang pula. Jadi saya tidak tahulah sebab kita ambil gambar dan sebagainya dan kita sudah hantar. Cuma saya ingin tahu pula iaitu benarkah bahawa permohonan ini akan ditolak jika sekiranya kawasan itu tidak berdaftar sebagai kawasan *homestay* sebab apa yang saya dimaklumkan, maksudnya kalau kita mahu memohon, maksudnya dia sudah berdaftar sebagai kawasan *homestay*. Jadi itu yang saya agak musykil kerana tidak begitu jelas dan inilah yang dibangkitkan soal *delivery system* dan kita masih menunggu dan kita mengharap sebenarnya. Terima kasih.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat Batu Pahat, sebenarnya apabila kita sebut tentang proses permohonan, kita perlu menerima hakikat bahawa masalah prosedur yang diwujudkan. Ini bukan wujudnya satu kewujudan seolah-olah geran politik dengan izin. Apa yang berlaku proses untuk memuaskan hati bahawa premis yang ada itu mungkin boleh dilihat sebagai produk *homestay*. Apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang produk-produk tersebut mungkin kita lihat adalah produk yang kita lihat rumah yang boleh menawarkan diri.

Akan tetapi daripada segi senarai yang diwujudkan, apa yang berlaku ialah kita mesti melihat kesesuaian tapak, kesesuaian jenis rumah, kesesuaian dari segi produk dalam rumah, jiran dan sebagainya. Akan tetapi apa yang berlaku ialah dari segi Kementerian Pelancongan kita mempunyai *directory homestay* yang diwujudkan pada tahun ini di mana dalam *directory homestay* ini juga diwujudkan borang permohonan.

■1620

Negeri-negeri yang diletakkan ialah mewujudkan dari segi menyeluruh Program-program *Homestay* contohnya:

Negeri	Jumlah Homestay
Johor	15
Kedah	9
Kelantan	7
Melaka	4
Negeri Sembilan	8

Pahang	22
Perak	7
Perlis	2
Pulau Pinang	9
Sabah	19
Sarawak	16
Selangor	16
Terengganu	5
Wilayah Persekutuan	3

Jadi dari segi *directory* tersebut, kewujudan produk *homestay* yang ada sudah didaftarkan dan dalam *directory* tersebut kita meletakkan juga borang permohonan. Jadi apa yang dilakukan apabila kita menulis surat, kalau adanya surat balasan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat, kita akan memberi balasan dengan memaklumkan dari segi borang.

Bagi pihak kementerian, kalau kita hanya terus memberi borang adalah tidak adil. Takut pembaziran maklumlah mungkin ada Yang Berhormat tidak berminat. Jadi apa yang dilakukan, mereka menulis minat kemudian diikuti dengan borang, itulah prosedur yang kita pakai.

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua lagi Yang Berhormat berminat.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang mana?

Tuan Yang di-Pertua: Yang belakang itu atau ...

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Hulu Langat.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat Hulu Langat.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Di Hulu Langat ini ada *homestay* dan saya difahamkan pihak Kementerian Pelancongan telah pun memberi peruntukan untuk menyediakan kemudahan asas, tetapi apa yang saya ingin penjelasan dari segi *maintenance* sama ada *maintenance homestay* itu dan juga kebersihan di sekitarnya, adakah pihak kementerian juga bertanggungjawab atau menyerahkan kepada agensi-agensi lain? Terima kasih.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Berkaitan dengan *homestay* juga. Yang Berhormat Menteri saya tadi dengar ada surat yang dihantar kepada Ahli-ahli Parlimen mengenai Program *Homestay* ini. Setahu saya kami tidak terima langsung apa-apa surat. Adakah ia hanya untuk kawasan-kawasan yang dimenangi oleh BN sahaja kerana ini adalah program, projek untuk rakyat bukan untuk kawasan-kawasan yang dimenangi sahaja, sila jelaskan.

Tuan Yang di-Pertua: *Homestay* sudah selesai, selepas ini sudah tidak ada *homestay* lagi. Sila.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat Kimanis dan juga Yang Berhormat Hulu Langat. Berkenaan dengan Yang Berhormat Kimanis, mengenai

homestay, bantuan yang diberi oleh kementerian selalunya lebih kepada menaik taraf bilik air, Tuan Yang di-Pertua.

Itu selalunya daripada segi peraturan dasar yang diwujudkan oleh dengan izin EPU. Berkenaan dengan kawasan-kawasan persekitaran saya menjawab dari segi Yang Berhormat Jempol bertanya, kita ada memberi peruntukan untuk menaik taraf kawasan-kawasan di mana adanya premis *homestay*. Jadi ini memberikan erti bahawa ia tertakluk kepada setiap kawasan dan setiap permohonan Tuan Yang di-Pertua.

Berkenaan dengan Yang Berhormat Hulu Langat. Memang sebenarnya pada tahap pertama, fasa pertama kita telah menulis kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional dan kita pun telah merasmikan Director Homestay Zoom Malaysia. Jadi daripada publisiti yang wujud di surat khabar bagi pihak kementerian kita hendak melihat dari segi kesan, keberkesanan produk projek *homestay* tersebut.

Jadi kalau Yang Berhormat daripada parti pembangkang ingin menuliskan surat untuk membuat permohonan pun kita tidak ada masalah, itu mungkin boleh dilihat dari segi fasa kedua, tetapi dalam aspek fasa pertama sekalipun kesan daripada kawasan yang kita lihat adanya kesan yang positif, ada kesan yang tidak positif. Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Simpang Renggam, Barisan Nasional...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan. *Homestay*. Yang Berhormat Menteri saya rasa tidak adillah Yang Berhormat untuk menarik pelancong, mempromosikan Program *Homestay* ini juga mahu berpolitik. Apa maksud fasa pertama tulis kepada parti Ahli-ahli Barisan Nasional dahulu, mengapa *double standard* sedemikian, mengapa tidak boleh demi kepentingan negara kita boleh bersama-sama mempromosikan program ini yang akan membawa pendapatan kepada negara?

Jadi Yang Berhormat orang muda, generasi muda tidak boleh ubah sedikit *mentality*, *mindset*, semua aspek lihat daripada aspek politik sahaja. [Tepuk] Mengapa tidak boleh bersama-sama demi kepentingan negara untuk tarik pelancong bersama-sama menjayakan Program *Homestay* bersama? Apabila ada masalah timbul, Program *Homestay* kita bangkitkan ia akan menyatakan tentu kita hanya tahu kritik sahaja, tetapi apabila ada program untuk menjayakan, mempromosikan, tidak mahu melibatkan kami bersama, mengapa sedemikian Yang Berhormat Menteri?

Dato' Haji Lilah Yassin [Jempol]: Dia itu tidak berbahas Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Menteri sudah cakap hantar surat.
[Ketawa]

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat, dari segi Perak, Batu Gajah tidak ada *homestay*, tetapi kalau Yang Berhormat hendak menawarkan rumah untuk *homestay* saya boleh menghantar surat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bukan isu saya, kawasan saya sahaja Yang Berhormat, bukan isu untuk dimain-mainkan.

Dato' Haji Lilah Yassin [Jempol]: Itu dia tidak boleh bahas Tuan Yang di-Pertua, buang masa.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat tulis suratlah. Yang Berhormat jangan marah-marah Yang Berhormat, nanti cepat tua. Sabar Yang Berhormat, tiada masalah, rumah pun boleh *homestay* tetapi tulis suratlah, sabar bah! *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Hujan pun kalau turun tidak serentak sekali gus semua ada hujan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bukan sabar atau tidak sabar, ekonomi kita sudah meleset mahu berpolitik lagi.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak payah jawablah nanti cerita lain pula. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Simpang Renggam menyatakan bahawa pelancongan...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak kerana politik kita semua tidak duduk di sini, ini semua pasal politik. Sila teruskan.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Ia bah! Bagi Kementerian Pelancongan memanglah kita suka hendak bekerjasama dengan semua kementerian dalam aspek mengatasi masalah teksi, saya sudah jawab. Yang Berhormat Langkawi pula telah menimbulkan soalan ingin bertanya kepada kerajaan supaya dapat menumpukan lebih perhatian terhadap kesukaran yang dihadapi oleh pelancong tempatan dan pelancong asing yang berkunjung ke Langkawi.

Memandangkan keadaan cuaca dan air surut menyebabkan feri penumpang yang digunakan menghadapi kesukaran untuk menghampiri jeti dan terpaksa menggunakan khidmat bot berasingan untuk jeti tersebut. Memang benar Tuan Yang di-Pertua, masalah sekarang dari segi Langkawi secara tidak langsung telah menurun dari segi promosi dan juga produk pelancongan.

Saya telah dimaklumkan bahawa ada beberapa tuan punya hotel di Langkawi pun merasakan mereka tidak begitu berpuas hati. Apa yang berlaku sebenarnya Tuan Yang di-Pertua contohnya dari segi aspek penerbangan. Langkawi mempunyai lapangan terbang antarabangsa, tetapi kapal terbang-kapal terbang antarabangsa tidak turun ke Langkawi, itu salah satu daripada faktor. Berkenaan dengan masalah-masalah jeti memang kita melihat masalah ini.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan. Minta penjelasan sedikit.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Boleh saya cakap dahulu berkenaan isu jeti. Bagi kementerian ini memang satu isu. Itu sebabnya penyediaan dan naik taraf jeti di terminal feri adalah di bawah bidang kuasa kementerian yang berkenaan Tuan Yang di-Pertua, sila.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin menarik perhatian berkaitan dengan perkhidmatan teksi, berkaitan dengan pelancongan di negara kita.

Kebetulan kawasan saya adalah kawasan sempadan yang memang setiap hari menerima kedatangan pelancong. Jadi saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian, adakah kementerian sedar apa yang sedang berlaku sekarang ini banyak daripada teksi-teksi ataupun kereta sewa daripada negara jiran ataupun sempadan yang masuk ke negara kita, yang mana menghantar penumpang-penumpang jauh ke dalam negara kita yang menjejaskan pendapatan pemandu-pemandu kereta sewa dan teksi tempatan.

Perkara ini berlaku berleluasa tanpa kawalan. Jadi saya minta adakah satu kerjasama ataupun perundingan dibuat dengan pihak negara jiran termasuk penguatkuasaan sama ada LPKP, polis, JPJ supaya perkara ini tidak berleluasa yang kesannya amat besar terutama kepada pemandu-pemandu pengangkutan awam dalam negara kita. Terima kasih.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Soalan yang ditanya tidak dapat saya jawab. Sebenarnya bagi pihak kementerian dalam isu teksi kita hanya melibat diri kepada teksi pelancongan sahaja itu pun lesen dikeluarkan oleh kementerian yang lain. Berkenaan dengan isu ini memang bagi kementerian kita pun tahu tetapi selalunya dari segi sempadan kalau kita tengok di sempadan Johor dari segi Tambak Johor. Saya memaklumkan sama ada polisi yang sama dipakai oleh negara-negara jiran, bagi kementerian saya tidak dapat jawablah.

Mungkin kalau soalan ini ditanya kepada kementerian yang relevan, tetapi bagi pihak Kementerian Pelancongan kalau kita tengok dari segi peratusan laporan untuk masalah teksi dengan jumlah teksi dan juga lesen teksi yang ada, dan juga jumlah penumpang yang menggunakan teksi, dari segi aspek pelancongan, peratusan laporan adalah begitu kecil, kurang daripada 1% dari segi perasaan tidak puas hati pelancong kepada perkhidmatan teksi dalam negara.

Jadi setakat ini dari Januari hingga bulan September 2008 kadar kemasukan pelancong dalam negara kita berbanding dengan Januari hingga September bagi tahun 2007 kita berjaya meningkat sebanyak 4.4%, kalau kita bandingkan dengan negara jiran seperti Singapura, Indonesia dan juga Thailand, mereka adalah pada kadar yang sama mendapat penurunan dari segi kehadiran pelancong dalam negara Malaysia.

Jadi ini menunjukkan memang masalah teksi itu kadang-kadang memalukan kita, tetapi dari segi peratusannya tidaklah begitu tinggi yang menyebabkan pelancong masih suka datang ke negara kita, yang menyebabkan Malaysia dilihat sebagai sebuah negara yang menjadi dengan izin mendahului aspek pelancongan, kalau kita tengok berbanding dengan negara-negara jiran di Asian sebagai contoh.

■1630

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat dari Dungun yang telah menyarankan Kementerian Pelancongan untuk menyediakan dana khas berbentuk geran untuk membaik pulih dan menaik taraf chalet-chalet di Pantai Timur termasuk di kawasan pelancongan strategik seperti di Rantau Abang, Dungun dan lain-lain. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan sentiasa memberi perhatian kepada pembangunan infrastruktur pelancongan di seluruh negara termasuklah di Terengganu bagi tujuan memacu perkembangan industri berkenaan. Contohnya bagi negeri Terengganu, kementerian telah menyediakan peruntukan sebanyak RM24.1 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk membangunkan infrastruktur pelancongan di bawah program peningkatan kemudahan pelancongan, menaik taraf dan menyelenggarakan infrastruktur pelancongan termasuk hotel-hotel dan chalet-chalet.

Bagi memantapkan industri pelancongan di negeri Terengganu khususnya di kawasan pelancongan yang strategik seperti di Rantau Abang dan kawasan Dungun. Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM2.597 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan bagi projek-projek berikut iaitu:

- (i) peningkatan kemudahan asas Hutan Lipur Cemerung, Hulu Terengganu - RM917,000;
- (ii) peningkatan kemudahan pelancongan di sepanjang kawasan pantai Dungun sebanyak RM1.5 juta; dan
- (iii) pembinaan tandas awam dan surau di Telok Gadong, Rantau Panjang dan Pantai Tanjung Lipat, Dungun sebanyak RM180,000.

Bagi projek-projek membaik pulih dan menaik taraf hotel-hotel dan chalet-chalet milik swasta, adalah disarankan supaya pihak berkenaan memohon peruntukan dan pinjaman daripada tabung infrastruktur pelancongan di bawah Bank Pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Abit Joo telah mencadangkan agar Kementerian Pelancongan membangunkan produk ekopelancongan di Gua Niah dan Gua Mulu dengan menyediakan kemudahan seperti mini zoo, taman herba dan lain-lain sebagai salah satu daya penarik pelancongan di kawasan tersebut.

Kementerian Pelancongan bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat untuk membangunkan produk ekopelancongan di Gua Niah dan Gua Mulu dengan menyediakan kemudahan seperti mini zoo dan taman herba dan yang lain-lain sebagai salah satu daya penarik pelancongan di kawasan tersebut. Akan tetapi pembangunan kemudahan seperti mini zoo dan taman herba terletak di bawah tugas dan tanggungjawab pihak pengurusan tempat berkenaan iaitu 'bese' Mulu dan Jabatan Hutan Sarawak. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pelancongan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1.75 juta bagi menaik taraf kemudahan pelancongan yang terdapat di lokasi berkenaan. Antara kemudahan pelancongan...

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Lalan.

Datuk Azalina binti Othman Said: Boleh saya habis ini Tuan Yang di-Pertua? Antara kemudahan pelancongan yang telah di baik taraf adalah seperti pusat interpretasi, bilik audio visual, bilik seminar dan pembangunan pusat pengurusan bersepadu.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Menteri. Saya ingin menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan Gunung Jerai, destinasi pelancongan yang agak besar di Malaysia ini yang berada di tengah-tengah bandarlah. Maksud saya semua gunung di tengah hutan tapi Gunung Jerai dikelilingi Bandar Yan dan Bandar Gurun. Walaupun dia gunung tapi Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, ia merupakan destinasi pelancongan yang cukup menarik. Jadi, apakah kementerian menyediakan peruntukan khas atau geran yang dicadangkan melalui pelancongan negeri untuk membangunkan persekitaran Gunung Jerai dan juga *homestay-homestay* yang dibina oleh masyarakat tempatan, itu yang pertama.

Yang kedua, bagaimana keadaan Jerai *endurance* yang saya difahamkan telah pun diserahkan kepada seorang bekas wakil rakyat tidak melalui kerajaan negeri. Jadi bagaimana statusnya dan kenapa jadi begitu. Kalau benarlah kementerian ingin memajukan pelancongan di semua negeri Pakatan Rakyat, jadi saya pohon penjelasan. Terima kasih.

Datuk Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Jerai menimbulkan soalan. Sebenarnya berkenaan soalan dari segi fakta spesifik, saya tidak jawab kecuali mungkin daripada segi jawapan bertulis berkenaan dengan Gunung Jerai tetapi setahu saya daripada segi proses dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, permohonan dimasukkan oleh kerajaan negeri dan kemudian pihak Kementerian Pelancongan akan mengkaji semula dengan EPU untuk menentukan sama ada produk tersebut perlu dinaiktaraf ataupun perlu dilakukan apa-apa pelaksanaan.

Daripada segi spesifik Gunung Jerai, saya tidak mempunyai senarai di sini tetapi yang ada dalam senarai saya di sini untuk negeri Perlis di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ialah:

- (i) pembangunan infrastruktur untuk aktiviti Taman Negeri Perlis;
- (ii) projek agro pelancongan Kompleks Pertanian Bukit Temiang, Perlis;
- (iii) kemudahan pelancongan di Rizab PERHILITAN Wang Pinang Mukim Kuala Perlis, Perlis;
- (iv) kemudahan pelancongan di Rizab PERHILITAN Mukim Kurung Batang Sungai Batu Pahat, Perlis; dan
- (v) peningkatan kemudahan pelancongan negeri Wang Kelian Fasa Kedua, Perlis

Itu saja yang saya ada di sini.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Menteri, saya pohon masukkan dalam senarai kementerian boleh?

Datuk Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, ini ialah Rancangan Malaysia Kesembilan yang sudah wujud sekarang. Apa yang saya boleh lakukan? Saya tidak ada kuasa untuk meletakkan sekarang sebab ia dah dilaksanakan. Jadi saya minta Yang Berhormat mungkin boleh berhubung dengan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri dan juga pejabat Exco Negeri untuk membincangkan berkenaan dengan Gunung Jerai, mungkin insya-Allah pada Rancangan Malaysia Kespuluh.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Mohd. Nizar pula telah menyarankan agar Kementerian Pelancongan menjalankan program pemuliharaan tempat-tempat bersejarah dan artifak di kawasan Parit yang boleh dijadikan sebagai produk pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengambil berat semua tempat-tempat bersejarah yang mempunyai potensi yang tinggi untuk menarik pelancongan. Kementerian Pelancongan bertanggungjawab untuk mempromosikan tempat-tempat bersejarah berkenaan. Antara tempat-tempat bersejarah yang dipromosikan oleh kementerian adalah Kompleks Sejarah Pasir Salak. Untuk maklumat Yang Berhormat, program-program pemeliharaan tempat-tempat bersejarah di semua negeri adalah sebenarnya di luar bidang kuasa dan tanggungjawab kementerian. Walau bagaimanapun, pihak kementerian akan bekerjasama dengan pihak berkenaan untuk membantu memelihara tempat-tempat bersejarah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada...

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: *[Bangun]* Boleh?

Datuk Azalina binti Othman Said: Sila.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Adakah Yang Berhormat sedar baru-baru ini jalan bersejarah Jalan Alor ditukar nama Jalan Kejora. Oleh kerana Jalan Alor merupakan salah satu tempat tarikan pelancong dari luar negara khususnya dari Australia, UK, Hong Kong dan China. Baru-baru ini oleh kerana kerajaan tempatan, DBKL menukar nama tanpa memberitahu kepada para peniaga dan juga penduduk di sana dan juga Ahli Parlimen di kawasan itu. Adakah Yang Berhormat berhasrat bekerjasama dengan Kementerian Wilayah Persekutuan bahawa semua jalan-jalan yang bersejarah haruslah dikekalkan untuk memastikan bahawa imej negara tidak terjejas khususnya untuk mempromosikan pelancong, untuk menarik lebih ramai pelancong dari luar negara. Minta penjelasan.

Datuk Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat Bukit Bintang, sahabat saya Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan mengambil maklum sebentar bahawa dia boleh jawab. Daripada segi Kementerian Pelancongan, kalau Yang Berhormat Wilayah tanya Kementerian Pelancongan, kita pun akan jawab mengatakan kita pun mengharap apa-apa pertukaran perlu

mengambil kira isu pelancongan tetapi sebab Kementerian Pelancongan tidak ditanya jadi saya tidak dapat menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya baru dimaklumkan oleh pegawai ...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Mohon pertanyaan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Mana satu? Yang Berhormat Pasir Salak ke Putatan? Mana satu Yang Berhormat?

Datuk Azalina binti Othman Said: Dua-dua pun boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Dua-dua boleh tapi mana yang dahulu ini?

Datuk Azalina binti Othman Said: Mana-mana.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tiga boleh?

Datuk Azalina binti Othman Said: Terpulanglah. Satu Melaka, satu Perak. Saya rasa biar Perak dululah kemudian Melaka.

Tuan Yang di-Pertua: Ha dia mahu Perak dulu lepas itu baru Putatan baru Pasir Salak.

Tuan Yang di-Pertua: Mana?

Datuk Azalina binti Othman Said: Perak dulu baru Melaka.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Perak dulu. Okey, sila.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Saya ingin merujuk kepada kenyataan Yang Berhormat Menteri tadi yang menyatakan bahawa pengendalian destinasi pelancongan ini daripada segi *maintenance* ke pembangunan ke melainkan semuanya itu di luar daripada tanggungjawab Kementerian Pelancongan. Di sini saya agak musykil sedikit sebab Kementerian Pelancongan membuat papan tanda besar-besaran di tepi-tepi jalan, di *highways* mengiklankan destinasi-destinasi pelancongan seolah-olah destinasi itu memang sangat-sangat menarik kepada pelancong-pelancong. Di antara destinasi itu termasuk juga di Pasir Salak yang diiklankan dengan besar-besaran itu, sekiranya tidaklah dipastikan ianya benar-benar menarik, jadi apa gunanya iklan-iklannya itu? Menghabiskan peruntukan kewangan kementerian dan kerajaan sahaja semata-mata.

■1640

Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian supaya kalau pun bukan tanggungjawab kem biarlah ada koordinasi penyelarasan di antara Kementerian Pelancongan dengan pihak yang bertanggungjawab dari segi menyediakan tempat itu ada penyelarasan. Kalau tempat itu tidak elok tidak usah diiklankan. Jadi apa gunanya? Rugi kerana kalau kita buat begitu, yang untung siapa? Yang untung yang orang buat iklan sahajalah. Satu iklan papan tanda itu saya tidak tahu berapa.

Yang Berhormat Batu gajah itu angkat tangan. Berapa dia belanja dia tidak tahu mungkin Menteri boleh bagi tahu satu papan tanda ada RM10 ribu kah, RM50 ribu kah, RM100 ribu kah? Jadi kalau tengokkan papan tanda ini gambar Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, gambar menteri-menteri ini semua orang kenal. Kita pun tengok dia suka juga, comel sahaja orangnya. Ya tidak? Tidak payah hendak iklan-iklan sangat pun. Jadi belanja banyaklah. Tolong jawab sikit.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Sambung kepada...

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, satu-satu ke?

Tuan Yang di-Pertua: Satu-satu.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Satu-satu bah. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya mengenai soalan yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Salak sebenarnya apa yang kita buat dari segi papan tanda adalah sebenarnya di bawah bidang kuasa pelancongan domestik. Apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Pelancongan berhadapan dengan keadaan dari segi masalah daripada awal tahun isu berkenaan dengan masalah pelancongan antarabangsa. Walaupun terdapat kenaikan yang saya sebut 44% daripada Januari sampai September kita tidak mahu menolak potensi pelancongan domestik sebagai salah satu potensi untuk membawa kewangan kepada negara.

Jadi strategi Kementerian Pelancongan di mana bahagian domestik memang telah wujud adalah untuk menggalakkan supaya rakyat Malaysia meletakkan keutamaan untuk bercuti dalam negara. Jadi apa yang berlaku ialah *billboards* yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Salak tersebut adalah salah satu daripada kempen. Selain daripada *billboard* kita juga akan membuatkan kempen di televisyen, di radio, di surat khabar yang menjadi salah satu daripada pendekatan kempen promosi yang dipertanggungjawabkan oleh *Tourism Malaysia*. Jadi daripada pendekatan yang kita buat, saya dapat menyatakan dari segi penginapan hotel. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2007 kita mendapat kadar penginapan pada tahun 2006 kepada 2007 kenaikan sebanyak....

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [*Bangun*]

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: 13.65%. Tapi dengan adanya kempen ini domestik kempen, Yang Berhormat daripada Pasir Salak. Januari hingga Jun setakat ini kita tiap *quarterly* Tuan Yang di-Pertua. Kita telah mendapat jumlah penginap di hotel ini tidak kira produk *homestay*kah ataupun bajet hotelkah ataupun di tempat-tempat yang lain. Akan tetapi dari segi penginapan hotel kita dapat daripada Januari hingga Jun 2008 adalah sebanyak 17.48 juta orang keluar masuk. Mungkin Yang Berhormat-Yang Berhormat yang balik ke kawasan pergi ke tempat lawatan. Bererti bahawa strategi Kementerian Pelancongan ialah untuk menggalakkan.

Jadi apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Salak, dia kata gambar-gambar sebenarnya kita hendak mempromosikan tempat-tempat yang orang jarang pergilah salah satu daripada strategi. Sebab kadang-kadang kalau kita tengok Malaysia, kita selalu menjual produk-

produk yang sama sahaja contohnya Sabah, Sarawak, Pahang, Pulau Pinang semua tempat yang sama. Itu sebabnya bagi kempen domestik *tourism*. Kita hendak mewujudkan pendekatan-pendekatan supaya orang melihat Malaysia menawarkan banyak lagi tempat. Jadi dari segi statistik yang kita dapat memang terdapat kenaikan. Jadi kalau kita tanya tentang gambar-gambar sebenarnya strategi ialah untuk menarik minat.

Kalau kita tengok sekarang ini gambar-gambar yang kita wujud kita telah mula ubah kepada *event* yang akan berlaku contohnya kalau kita tengok “uni “ di depan PWTC dari produk ini kita tukar kepada *mega sale* dan kita akan juga tukar kepada program tenis antarabangsa dan sebagainya. Jadi pendekatan Kementerian Pelancongan dari segi aspek itu memang tanggungjawab menggalakkan pelancongan. Tanggungjawab dia untuk mempromosikan. Jadi Yang Berhormat Pasir Salak bertanya tentang isu infrastruktur itu adalah bidang kuasa Kementerian Pelancongan tetapi bidang kuasa *Tourism Malaysia* ialah mempromosikan. Kalau kita tengok...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Minta laluan.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Kalau tengok, dengan izin biar saya habiskan. Kalau kita tengok dari segi semua negara-negara jiran ataupun negara-negara Eropah ataupun Amerika Syarikat mana negara pun dia punya lembaga penggalakan promosi pelancongan melaksanakan strategi-strategi yang lebih kurang sama. Dari segi Malaysia kita dapat lihat kita mendapat pendekatan yang berjaya sebab kalau kita tengok dari segi peringkat antarabangsa saya telah sebut kita dapat kenaikan 44%. Ini berbanding dengan Singapura yang kononnya dilihat sebagai negara yang begitu bandar berbanding dengan Thailand yang kononnya sebuah negara yang menawarkan macam-macam aktiviti selain daripada bercuti.

Kita juga telah berjaya. Secara tidak langsung kita perlu bergembira kerana kita telah berjaya menggalakkan. Jadi dari aspek domestik pun kita hendakkan rakyat Malaysia tengok tempat, dia tengok gambar pemimpin kemudian dia kata “Eh, apa tempat ini?” kemudian dia pergi. Walau bagaimanapun memang dalam proses ini kita bertukar gambar. Jadi isu sekarang ini memang dalam bidang kuasa...

Dato’ Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Memang berjaya Tuan Yang di-Pertua. Saya pun setuju berjaya. Saya pun hendak puji juga kejayaan menteri dan kementerian. Saya tidak menafikan kejayaan cuma yang saya kata tadi ada tempat-tempat itu, diiklankan promosi tapi tempat itu tidak dijaga dengan baik. Jadi pelancong pergi ke sana aniaya lah dia.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat kalau Yang Berhormat dapat sebut mana kawasan yang kita promosikan tetapi...

Dato’ Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Termasuk Pasir Salak kawasan saya. Tolong buat lawatan.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Kita akan siasat Yang Berhormat Pasir Salak. Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan....

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Bagi ruang sikit?

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat berkenaan..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Putatan dia tidak berhenti.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Sudah lama sudah. Tahniahlah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada Menteri Pelancongan kerana gambar selalu di letak dekat papan-papan tanda atau *billboards* cantik, boleh menarik pelancong. Saya tidak pasti kalau itulah hasil daripada kenaikan jumlah pelancong ke negeri kita melihat gambar menteri dan pemimpin-pemimpin kita. Apa berlaku kalau pada satu hari nanti Menteri Pelancongan akan bertukar? Adakah *billboards* itu pun ditukar juga balik?

Jadi soalan yang kedua, saya lihat banyak kempen dilaksanakan di negeri Sabah khususnya. Apabila saya mendengar kenyataan daripada menteri bahawa ini bidang kuasa ini. Ini bidang kuasa itu. Ini bidang kuasa agensi negeri, ini bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah khususnya. Jadi saya mahu tanya kepada menteri berapa kerap kalilah Menteri Persekutuan berhubung dengan Menteri Pelancongan Negeri untuk kerja sama-sama untuk membuat satu kempen mempromosikan tempat-tempat menarik di negeri Sabah dan berapakah peruntukkan yang disalurkan kepada kementerian tersebut daripada kementerian Yang Berhormat?

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat Putatan sebenarnya berkenaan dengan soalan tersebut kalau kita lihat sebenarnya kementerian mempunyai juga pengarah negeri di setiap negeri-negeri terutama sekali di Sabah sebagai contoh dan kita juga bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan di Sabah yang diketuai, dipimpin oleh menteri negeri. Di mana kalau kita kata tidak bekerjasama memang kita sentiasa bekerjasama kerana Sabah dan Sarawak sebagai contoh adalah apa yang saya sebutkan tadi dalam kenyataan saya adalah salah satu daripada negeri-negeri yang berjaya membawa produk eko pelancongan.

Kalau Kementerian Pelancongan dari segi pusat tidak mengakui apa yang berlaku di Sabah, jadi jumlah pelancong yang masuk ke negara kita sama ada di Sabahkah, di Sarawakkah mana-mana negeri juga adalah kiraan secara menyeluruh. Dari segi bantuan yang kita beri, saya tidak ada statistik dari segi nombor tapi saya boleh maklumkan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Namun tidak boleh melihat bahawa Kerajaan Negeri Sabah atau Kerajaan Negeri Sarawak ataupun Semenanjung diperbezakan. Itu sebabnya saya juga berkata dari aspek kerajaan negeri pembangkang pun bagi Kementerian Pelancongan adalah amat penting untuk aktiviti pelancongan. Kita tidak mewujudkan perbezaan tetapi konsep promosi yang dilakukan di negeri-negeri bidang kuasa negeri pun melakukan promosi.

Contohnya baru-baru ini Persatuan Tengok-tengok Burung atau *Birdwatchers Association*, menteri dari Sabah telah pergi ke United Kingdom kerana paling ramai *bird watchers* adalah daripada United Kingdom turun ke negeri Sabah. Negeri Sabah kalau kita lihat dari segi *connectivity* kapal terbang AirAsia, Malaysia Airlines memang begitu banyak. Juga di negara, kita pergi ke Korea, ke Jepun semua memang puji kepada negeri Sabah. Jadi dari aspek

Kementerian Pelancongan kita tidak mewujudkan pendekatan yang berbeza kerana kita mahu mewujudkan penggalakan.

■1650

Jadi, berkenaan dengan *billboard* itu, ada di negeri-negeri tidak semestinya muka Menteri Pelancongan, kita juga letak kepimpinan negeri kerana kita hendak beri jaminan dan juga menarik minat. Akan tetapi, saya sudah sebutkan tadi antara pendekatan kita ialah menukar fasal demi fasal tertakluk kepada aktiviti yang akan berlaku sebab kita hendak mewujudkan dan ini wujud dalam bidang kuasa kita. Apa yang berlaku ialah *billboard* tersebut kita sewa. Kalau hendak kata kos Yang Berhormat, kita di mesyuarat hari ini pakai lampu pun kos. Kita pergi mana pun pakai kos. Jadi, yang penting kepentingan yang kita dapat daripada pendekatan pelancongan.

Jadi, Yang Berhormat dari segi parti pembangkang hendak mewujudkan bantahan, kalaulah aktiviti perbelanjaan menurunkan kehadiran pelancong saya tidak menafikan Yang Berhormat boleh berkata yang pendekatan kita salah tetapi kalau naik 4.4% strategi kita telah berjaya. Jadi, Yang Berhormat sebagai wakil rakyat perlu berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana kita berjaya menaikkan taraf pelancongan. Jadi, walaupun aktiviti *billboard* kah tidak, sebenarnya aktiviti kita membawa kepada kehadiran pelancong. Saya tidak tahulah kalau Yang Berhormat memerintah atau kerajaan pembangkang, apa strategi yang akan dipakai. Akan tetapi, bagi saya, saya faham mungkin kerana kerja pembangkang untuk membangkang. Namun, apa pun strategi yang kita lakukan telah menunjukkan kenaikan dari segi kenaikan pelancong dan itu perlu menjadi tanggungjawab Yang Berhormat sebagai wakil rakyat, beritahu kepada rakyat pelancongan naik. Itu tanggungjawab Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Beri laluan sama Yang Berhormat Kota Melaka.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Itu tanggungjawab Yang Berhormat, takkan Yang Berhormat ingin lari dari tanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Beri laluan kepada Yang Berhormat Kota Melaka selepas itu, teruskan kepada isu lain. Sila.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, tadi semasa Yang Berhormat Menteri memulakan jawapan, tidak sebut tentang Kota Melaka sebab saya pernah bangkitkan satu projek pelancongan iaitu *Eye on Malaysia* yang akan dibina di Melaka. Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, dengan pengalaman kementerian dengan projek *Eye on Malaysia* di Titiwangsa, saya ingin hendak tanya Yang Berhormat Menteri iaitu adakah kementerian menyokong tentang projek *Eye on Malaysia* ini di pindah atau dibina di Melaka dan juga apakah rasional penubuhan ini? Sokongan untuk pindahan *Eye on Malaysia* ini? Bolehkah saya mendapatkan pandangan atau penjelasan dari...

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat Kota Melaka, sebenarnya *Eye on Malaysia* telah dijalankan di Wilayah Persekutuan di Titiwangsa tetapi hanyalah pada kadar

sewa. Apabila kontrak telah tamat, Kerajaan Melaka telah menawarkan diri untuk mengambil alih. Bagi Kementerian Pelancongan, kalau itulah yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri, atas kos kerajaan negeri kerana mereka melihat pendekatan ini akan membawa ramai orang pergi ke negeri Melaka. Kementerian Pelancongan memang cukup bersetuju.

Kalau kita tengok sekarang, Melaka dan Pulau Pinang sebagai *World Heritage City*, Kementerian Pelancongan kalau kita tengok dari segi bahas pembentangan belanjawan berkenaan dengan RM50. Kita kombinasi di Melaka di antara barang yang moden dengan *heritage* dengan izin adalah mungkin menggalakkan dan kita tidak boleh menafikan kehebatan negeri Melaka untuk membawa ramai pelancong. Saya tidak ada *detail* berkenaan berapa banyak belanja oleh Kerajaan Negeri Melaka saya tidak tahu tetapi saya melihat mungkin strategi yang hendak dilakukan oleh Kerajaan Negeri Melaka adalah strategi yang telah dilakukan oleh Kementerian Pelancongan apabila telah menyewa *Eye on Malaysia* untuk diletakkan di tapak Tasik Titiwangsa yang telah, saya dimaklumkan kehadiran pelancongan dalaman dan di luar negara begitu tinggi kerana kewujudan *Eye on Malaysia*. Saya tidak ada statistik ya Yang Berhormat. Saya tidak ada statistik. Akan tetapi, kalau Yang Berhormat hendak menyuruh saya menulis surat *Eye on Malaysia* di bawah Kementerian Pelancongan, berapa banyak orang yang datang insya-Allah saya akan mengarahkan Ketua Setiausaha Kementerian tetapi sekarang saya tidak ada statistik tetapi mungkin Melaka hendakkan pendekatan yang sama supaya ramai orang bertambah pergi ke negeri Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini tidak ditimbulkan semasa dalam bahas. Jadi, kami tidak menyediakan fakta. Jadi, saya minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Sering kali saya timbulkan ini, perkara-perkara baru.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri, dalam perbahasan saya, saya memang ada membangkitkan tentang *Eye on Malaysia*. Perbahasan saya ada di tangan saya dan juga di Hansard. Memang saya ada bangkitkan.

Beberapa Ahli: Jawab, jawab.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat, saya minta maaf. Ini disediakan oleh pegawai bertugas. Saya pohon maaf.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Ya, saya faham, saya faham. Saya tidak salahkan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Jadi, kalau Yang Berhormat hendak statistik saya boleh tulis tetapi saya tidak ada sekarang. Saya minta maaf.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Saya minta maaf, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada. Minta maaf, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Mohon laluan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Tak kan itu pun tidak boleh. Yang Berhormat Timbalan Menteri ganti menteri tidak apa lah. Yang *you* hendak marah apa pasal?

Seorang Ahli: Bukan marah, tetapi tidak cantik, tidak ada ...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri. Boleh saya tambah sedikit?

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: ...Tanya *Eye on Malaysia*, saya tidak ada fakta saya beri kepada fakta lah.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, ini bukan musim untuk berbahas. Ini menggulung, Yang Berhormat Menteri menggulung. Selepas itu, kalau ada perkara timbul yang perlu ditimbulkan timbulkan. Bukan untuk berbahas lagi, sudah kita gulung bongkar lagi balik.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Yang Berhormat Kota Melaka boleh duduk.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Sedikit sahaja. Okey Yang Berhormat Kota Melaka sedikit sahaja.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri, memang saya ada maklumat dari kementerian Yang Berhormat. Saya ingin hendak tanya iaitu sebab memandangkan kementerian menghadapi satu kerugian yang begitu besar dengan projek *Eye on Malaysia* di Titiwangsa, atas sebab itu dengan pengalaman kementerian ini, adakah kementerian dengan ini satu keputusan oleh Kerajaan Negeri Melaka ia adalah tidak waras atau tidak betul sebab itu saya tanya pandangan dari Yang Berhormat Menteri sebab ini pengalaman dan saya dapat ini dari kementerian juga tentang satu kerugian yang begitu besar.

Ini bukan saya yang sediakan, ini disediakan oleh kementerian sebab itu saya hendak minta pandangan adakah projek ini disokong oleh kementerian dan atas rasional apa? Itu yang amat penting kepada kita.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya sudah terangkan tadi bahawa kementerian telah sewa *Eye on Malaysia* untuk diletakkan di Taman Titiwangsa. Selepas sewaan itu habis, permohonan di buat oleh Kerajaan Melaka, perundingan mungkin dengan Kementerian Kewangan, dengan EPU adalah tertakluk dengan kepada bidang kuasa Kerajaan Negeri Melaka. Saya tidak dapat jawab sama ada waras atau pun tidak. Saya tidak tahu waras kah tidak tetapi yang saya tahu bahawa di Titiwangsa telah mendatangkan ramai pelancong. Akan tetapi saya tidak ada statistiknya. Mungkin Yang Berhormat Kota Melaka tahu statistiknya. Saya tidak ada sebab soalan ini tidak diberitahu kepada saya, jadi saya minta

maaf. Jadi, boleh kah saya tulis surat kepada Yang Berhormat dan saya letak sama ada waras atau pun tidak?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat, banyak lagi Menteri hendak jawab.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Maaf diterima, maaf diterima.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Titiwangsa jangan campur lah Titiwangsa.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Wangsa Maju mahu campur lagi?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Menteri Pelancongan. Saya amat tertariklah dengan apa yang dihuraikan di sini oleh Yang Berhormat Menteri mengenai projek-projek pelancongan. Kalau Yang Berhormat Menteri tidak lupa, pada sesi Julai dan Ogos saya telah membangkitkan mengenai dengan satu syarikat GLC, **Pempena** Sdn. Bhd di bawah Kementerian Pelancongan dan juga pada sesi ini saya juga membangkitkan perkara ini di mana Yang Berhormat Menteri telah berjanji di dalam Dewan ini mengatakan bahawa Yang Berhormat Menteri telah mengarahkan satu audit terhadap syarikat ini di mana ada tuduhan-tuduhan *financial scandal* dengan izin terhadap pegawainya iaitu Lim Khing Thai dan Raja Norsan Raja Nasrun di mana telah dikeluarkan, disiarkan dalam *Malaysiakini* bahawa kedua-dua orang ini atau pun pegawai yang lain telah *pocketed commission when refinancing luxury vehicles for hired and tourist taxi services. Approved several contract to RM2.00 companies supplying services for tourism based project. Over stated the cost of creating e-tourism portal by about RM5 million and bypass Pempena board of the director in investing in the restaurant project in Melbourne.*

Yang Berhormat kata, Yang Berhormat akan memberikan satu penjelasan dan juga jawapan di sini mengenai dengan hasil audit tersebut. Bolehkah Yang Berhormat memberikan satu jawapan yang tepat mengenai dengan hasil ini?

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan Yang Berhormat Wangsa Maju telah saya sediakan jawapannya dan juga Yang Berhormat Ipoh Timur berkenaan.....

Tuan Yang di-Pertua: Sabarlah, sabarlah Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya tidak akan tunggu. Tunggu, kita tunggu. Kita takut.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Jadi, saya boleh jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Itulah kata-kata Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak ada kesabaran. Cuba ikut contoh Tuan Yang di-Pertua, sabar selalu.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sebab kita takut nanti menterinya duduk terus, dia tidak jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat Wangsa Maju sila duduk.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, orang yang berumur perlu sabar. Saya masih muda, jadi berilah saya peluang. Saya belum berumur lagi. Saya akan jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, sila. Sila teruskan.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat Wangsa Maju, sebenarnya kita telah mengarahkan Pricewaterhouse untuk membuat audit dalam persidangan ...

Seorang Ahli: Belum kahwin kah?

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Memang belum kahwin.

Tuan Yang di-Pertua: Ada, ada lagi.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Jadi, Yang Berhormat ini pelancongan, ini bukan Kementerian Wanita. Yang Berhormat ...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ada calonkah?

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Itu peribadi lah. Jadi, Yang Berhormat memang kita telah menjalankan audit dan daripada draf kesimpulan, saya memang dimaklumkan oleh Syarikat Pricewaterhouse memang terdapat beberapa salah tatacara dipersetujilah.

■ 1700

Terdapatnya situasi di mana beberapa pelaburan yang dilakukan adalah pelaburan yang tidak sepatutnya dilakukan dan memang kita persetujui bahawa syarikat-syarikat yang menjalankan beberapa aktiviti memang sepatutnya tidak melakukan aktiviti tersebut, tidak mempunyai kemahiran tetapi diberikan amanah menjalankan kemahiran tersebut. Jadi secara rasminya laporan akan dilakukan, ditulis secara rasminya oleh PricewaterhouseCoopers pada hari Rabu ini. Insya-Allah saya akan serahkan kepada Yang Berhormat. Lapornya begitu tebal tetapi saya diberikan draf, tetapi secara umumnya pelaburan yang dibuat, keputusan yang dibuat ada yang betul, ada yang salah. Jadi apa yang Yang Berhormat kata itu memang dipersetujui.

Berkenaan dengan Yang Berhormat Ipoh Timur tanya pasal Malaysia Kitchen..

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Wangsa Maju, belum lagi menteri perelaskan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tetapi janganlah tukar ke tajuk lain.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Saya mengakui kita buat *research review* memang terdapat beberapa kesimpulan, tetapi secara menyeluruhnya hari Rabu, tetapi drafnya saya dimaklumkan terdapat beberapa keputusan yang betul, ada yang tidak dan apa yang dilakukan adalah bahawa syarikat yang dilaburkan duit adalah melakukan beberapa aktiviti yang tidak sepatutnya dilakukan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Apakah tindakan yang akan diambil?

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Bagi kementerian, kalau syarikat itu dibuktikan bersalah, perlu diadakan tindakan. Kita tidak boleh menyembunyikan mana-mana pihak.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Wangsa Maju, duduklah, duduk, jangan berebut-rebut.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yes.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih. Saya sudah tunggu lama supaya dapat jawapan Yang Berhormat Menteri kepada beberapa *point* saya ada kemukakan. Satu ialah Pempena. Dalam ucapan saya, saya ada sebut mengenai di mana ada tuduhan yang sangat serius bahawa Yang Berhormat Menteri ada salah guna kuasa oleh kerana ada mengupah 30 orang kakitangan yang luar daripada diizinkan oleh kerajaan dan sebab itu PSD tidak mahu bayar dan mereka semua ditempatkan dalam anak syarikat Kementerian Pelancongan termasuk satu ialah Pempena. Bukankah ini benar dan kenapa ini boleh berlaku dan bukankah sebenarnya ada ramai kakitangan ini yang luar daripada dibenarkan oleh prosedur kerajaan sebenarnya ditempatkan di tingkat 36 PWTC ialah pejabat Yang Berhormat Menteri dan bukan dalam pejabat-pejabat Pempena yang di mana kata kakitangan mereka dan dibayar gaji mereka termasuk Chew Mei Fun.

Chew Mei Fun yang dapat gaji RM10 ribu sebulan dengan kereta, dengan drebar. [Disampuk] Bukankah ini *padding political* sebenarnya penyalahgunaan kuasa? Adakah perkara ini disiasat, rela dirujuk kepada ACA untuk siasat sama ada ada elemen-elemen penyalahgunaan kuasa. Itu satu, Pempena. Harap Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat, berkenaan dengan soalan tersebut, saya telah memaklumkan bahawa berkenaan dengan pegawai-pegawai yang bekerja di pejabat menteri, sebenarnya secara rasmi kita mempunyai pegawai-pegawai sebanyak lapan orang yang terdiri daripada satu Pegawai Tugas-Tugas Khas, Setiausaha Sulit Kanan, Setiausaha Sulit, Setiausaha Akhbar, Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan), Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi), Pembantu Am Pejabat dan Pegawai Pengiring.

Dimaklumkan semua pelantikan pegawai dan kakitangan di pejabat menteri telah dibuat berdasarkan kepada peraturan yang telah ditetapkan. Seramai lapan orang pegawai dan kakitangan telah dilantik di pejabat menteri selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. Tahun 2008. Pelantikan pegawai tambahan adalah seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Timur bagi jawatan di dalam syarikat *subsidiary* Tourism Malaysia dan pelantikan ini dibuat selaras dengan keperluan perancangan perniagaan yang diperlukan bagi syarikat berkenaan.

Pelantikan pegawai-pegawai berkenaan adalah mengikut peraturan pelantikan, pegawai kakitangan syarikat berkenaan. Pengisian jawatan berkenaan dibuat setelah beberapa sesi

pemilihan dan temu duga diadakan. Semua pelantikan ke jawatan berkenaan adalah bukan lantikan yang tetap. Semua pegawai berkenaan perlulah menunjukkan prestasi yang baik dan mencapai KPI yang telah ditetapkan untuk kekalkan jawatan berkenaan.

Jadi Yang Berhormat Ipoh Timur telah menyebut tentang Datin Paduka Chew Mei Fun. Ya, memang benar beliau telah dibayar gaji kerana kita tahu beliau telah tidak lagi bekerja sebagai Setiausaha Parlimen dan tidak lagi menjadi wakil rakyat. Jadi kita mengambil kemahiran yang beliau ada sebagai pentadbir untuk bekerja. Memang kita telah memberikan dia gaji dan juga kenderaan bertaraf kepada jawatan yang telah dia pegang. Individu yang sebelum ini memang jawatan tersebut juga mendapat yang sama, tidak bererti bahawa terdapat penambahan dalam aspek tersebut. Jadi kalau Yang Berhormat Ipoh Timur mengatakan bahawa prosedurnya adalah salah, ini tidak dilantik atas prosedur kerajaan, ini adalah syarikat dan tidak semestinya daripada syarikat yang disebut hanya daripada Pempena.

Berkenaan dengan Yang Berhormat Wangsa Maju bertanya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Minta penjelasan berkenaan ini. Kita tahu, kita bukan bantah oleh kerana Chew Mei Fun ada kerja, itu hal Chew Mei Fun, tetapi kalau ada Chew Mei Fun dan lain-lain orang, 30 orang diambil untuk kerja politik dan bukan untuk kerja pelancongan, bukankah ini penyalahgunaan kuasa dan wang kerajaan dan oleh kerana bahawa mereka perlulah ditempatkan dalam anak-anak syarikat seperti Pempena bahawa berlaku penyalahgunaan kuasa dan penyalahgunaan wang yang begitu berleluasa seperti masalah Malaysia Kitchen, saya ada sebut RM30 juta diperuntukkan, mengenai *tourism e-portal*, RM10 juta, semua pembaziran yang berleluasa berlaku. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jawapan mengenai soalan pembaziran, penyalahgunaan kuasa, wang rakyat dalam Malaysia Kitchen RM30 juta dan juga *tourism e-portal* RM10 juta dan juga *tax* Pempena *Executive Taxi*, lagipun penyalahgunaan kuasa yang begitu berleluasa.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat telah saya letak sebagai jawapan untuk bahas. Jadi saya mengambil kira jika saya jawab seperti yang saya jawab dalam bahas dan saya tidak akan menjawab lagi ya, Tuan Yang di-Pertua.

Sebenarnya, Yang Berhormat Ipoh Timur, bagi kementerian, bila bercakap pasal Restoran Malaysia The Truly Asian Kitchen (MTAC) ataupun Malaysia Kitchen, dengan izin, adalah satu program untuk mempromosikan Malaysia melalui makanan dan restoran di luar negara. Satu jawatankuasa khas yang telah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adalah dianggotai oleh tujuh kementerian yang lain yang relevan bertanggungjawab kepada Malaysia Kitchen dalam aspek aktiviti menjual makanan dan restoran Malaysia di luar negara sebagai salah satu strategi promosi.

Kementerian-kementerian tersebut adalah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian

Sumber Manusia, Kementerian Kewangan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri. Jadi Kementerian Pelancongan menjadi salah satu daripada jawatankuasa ini dan tanggungjawab Kementerian Pelancongan adalah untuk menjalankan aktiviti promosi sahaja.

Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan telah diluluskan kewangan sebanyak RM30 juta daripada Unit Perancangan Ekonomi selama empat tahun daripada tahun 2007 hingga 2010. Daripada jumlah tersebut, RM10 juta telah disalurkan untuk perbelanjaan bagi tempoh 2007 hingga 2008. Setakat 15 Oktober 2008, peruntukan yang telah digunakan adalah sebanyak RM9.1 juta sahaja. Daripada Mac hingga Oktober 2008, sebanyak RM3.17 juta telah dibenarkan untuk pelbagai aktiviti promosi. Manakala bakinya sebanyak RM0.9 juta akan dibelanjakan mengikut program yang telah ditetapkan sehingga akhir tahun ini. Sebanyak RM20 juta...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan dalam perkara ini.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya habis jelas, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey, okey.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: *Let's be fair.* Sebanyak RM20 juta lagi masih disimpan oleh Kementerian Pelancongan. Maksudnya RM20 juta masih disimpan sehingga hari ini kerana ini adalah untuk perbelanjaan tahun 2009 dan 2010. Jadi kesan daripada promosi yang dilakukan oleh Tourism Malaysia kepada projek Malaysia Kitchen ini adalah sebanyak 64 permohonan untuk membuka restoran telah diterima oleh pihak EXIM Bank dan sebanyak 12 permohonan telah diluluskan. Sehingga kini sebanyak 506 buah restoran telah disenaraikan sebagai restoran Malaysia di luar negara.

Yang berlaku di negeri Jepun dan London, yang buka *outlet* makanan, Tuan Yang di-Pertua, adalah dalam produk Jom Makan. Ini di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Ini soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat dari Lembah Pantai. Ini di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Kementerian Pelancongan hanya terlibat secara langsung untuk mempromosi dan memikat hati rakyat di luar daripada negara untuk berminat kepada pemakanan Malaysia. Ini setakat jawapan rasmi yang saya ada. Silakan.

■1710

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih. Kita tahu bahawa RM30 juta ialah untuk empat tahun, tetapi kita mahu tahu kenapa satu akaun yang berasingan tidak dibukakan untuk *Malaysia Kitchen* yang dikehendaki oleh EPU dan syarat ini tidak diikuti.

Kedua, bukankah benar bahawa Pempena ada diberikan 10% sebagai *management fee* sebanyak RM100 juta. Kenapa ini berlaku?

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat, RM100 juta Yang Berhormat sebutkan itu adalah pada awalnya tetapi telah ditukar oleh kerana masalah ekonomi dunia dari

segi peruntukan. Jadi, Kementerian Pelancongan dimaklumkan oleh Unit Perancang Ekonomi hanya diberi sebanyak RM30 juta.

Berkenaan dengan perbelanjaan *Malaysia Kitchen*, ia dilaksanakan oleh Syarikat Pempena yang menentukan ahli-ahli Lembaga yang terdiri daripada Ketua Pengarah Tourism yang terdiri daripada wakil Kementerian Pelancongan, yang terdiri daripada ramai wakil kerajaan yang melibatkan diri dalam Lembaga Pempena. Jadi, dia yang menentukan perbelanjaan dan perbelanjaan sebanyak RM10 juta telah dibelanjakan pada tahun 2007. Bagi tahun 2008 perbelanjaan bagi Mac hingga Oktober hanya sebanyak RM3.17 juta. Jadi, RM20 juta itu masih disimpan.

Jadi, soalan yang Yang Berhormat Wangsa Maju tanya tentang salah guna. Saya tidak jawab lagi sebab Yang Berhormat Ipoh Timur tanya saya pasal isu perbelanjaan *Malaysia Kitchen*. Jadi, itu yang saya hendak beritahu tentang perbezannya. Walau bagaimanapun kajian telah dibuat oleh *Pricewaterhouse*, ada juga beberapa pelaburan yang telah dibuat. Pelaburan tersebut terdapat masalah-masalah yang tidak sepatutnya ada tetapi ada masalah tersebut. Inilah sebenarnya di mana Kementerian Pelancongan, Tourism Malaysia telah mengarahkan satu audit dijalankan kenapa keputusan ini telah dibuat dari segi aspek perniagaan. Sebagai contohnya, hendak buka restoran di negara ini tidak mempunyai syarat tertentu diletakkannya pelaburan. Jadi, kenapa perkara ini berlaku?

Jadi, Yang Berhormat Ipoh Timur, Kementerian Pelancongan tidak mahu menyembunyikan apa-apa fakta. Itulah sebabnya kita mahukan audit ini dijalankan dan kalau dilihat adanya pegawai yang salah laku perlu diadakan tindakan kerana telah membazirkan wang rakyat yang telah disebut oleh Yang Berhormat Wangsa Maju dan juga Yang Berhormat Ipoh Timur. Jadi, berkenaan dengan e-portal...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: *You want me to stop...*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Malaysian Kitchen*. Sungguhpun Yang Berhormat Menteri ada berkata tadi bahawa *Pricewaterhouse* ada satu siasatan dan hari Jumaat akan kemukakan laporan...

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Rabu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Rabu? Saya harap beliau akan mengotakan jaminan bahawa akan membentangkan laporan itu di Dewan yang mulia ini. Bukankah Yang Berhormat Menteri sudah tahu selepas satu audit dalaman bahawa ada berlaku banyak penyelewengan dalam *Malaysia Kitchen* khasnya oleh kerana adalah semua peraturan yang ada diikuti, ada syarikat-syarikat diberikan pendahuluan tanpa apa-apa janji kontrak dan tanpa apa-apa jaminan boleh bayar balik sama ada Awana Chelsea, Sri Kebaya Doha, Awana Beijing, atau di Melbourne, dan juga kenapa tidak ada satu peraturan untuk menjamin bahawa pembayaran ini mengikut peraturan seperti satu peruntukan sebanyak RM300,000 untuk Umi Hafilda bagi

program amal '*dietlife*' di Kuala Lumpur. Akhirnya program itu tidak ada, tidak ada pembayaran balik, Umi Hafida pun sudah bankrap tidak boleh kutip, kenapa semua ini berlaku? Apa yang berlaku adalah satu *returning of 'terror Tories'* sebagaimana berpuluh-puluh juta ringgit dibazirkan tanpa apa-apa tanggungjawab. Kenapa ini boleh berlaku?

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Saya bersetuju, Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sebelum menjawab. Saya ingatkan lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat masa kita tidak mengizinkan. Saya seronok dengar perbahasan seperti yang telah berlaku dan sekarang ini yang sedang berlaku tetapi masa tidak mengizinkan. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat tidak mendisiplinkan diri terpaksa saya menggunakan kuasa untuk meningkatkan penggulungan perbahasan daripada Yang Berhormat Menteri dan saya tidak membenarkan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mencelah lagi. Tiada masa lagi, Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan sudah sejam lima belas minit. Sila teruskan, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat, memang kita bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur. Itulah sebabnya kita telah mengarahkan diadakan audit oleh *Pricewaterhouse* dan juga *Bussiness Review* untuk mengkaji sama ada pelaburan perniagaan itu betul ataupun tidak. Saya juga memang bersetuju bahawa audit dalam telah dilakukan. Walau bagaimanapun kita mahukan kepastian bahawa prosedur, itu satu hal tetapi dari segi falsafah pelaburan yang telah dibuat, *the justification*, dengan izin, ke atas pelaburan itu, kita mahu siasat. Itulah sebabnya saya dimaklumkan bahawa *Pricewaterhouse* telah membuat kesimpulan bahawa ada pelaburan, ada satu dua yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur saya dimaklumkan memang ada disebutkan seperti pendekatan yang tidak betul.

Walaupun bagaimanapun, bagi saya, saya memberikan laporan bertulis itu pada hari Rabu sebab saya dijanjikan pada hari Rabu dan saya sendiri memang cukup bising kepada *Pricewaterhouse*, kerana saya mahukan sebelum hari Isnin, hari ini, supaya saya dapat memberikan penerangan secara lebih *detail*...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Kita sabar tunggu hari Rabu. Yang Berhormat Wangsa Maju, bersabar hingga laporan selesai.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Sabar, tetapi kita tidak akan membela atau menyembunyikan mana-mana fakta yang dianggap sebagai silap.

Akhir sekali berkenaan dengan soalan kepada isu e-Portal. Saya juga memang sangat bersetuju kita mewujudkan satu syarikat yang dipanggil Syarikat Malaysia My *Destination*, pelaburan duit telah diberi. Kemudian syarikat tersebut telah tidak melaksanakan perniagaannya. Kemudian itu pendekatan yang sama telah kita lakukan. Itulah sebabnya siasatan demi siasatan perlu kita lakukan.

Saya ingin memaklumkan sebagai contohnya Syarikat Malaysia *My Destination*, ketua pegawai eksekutifnya telah dipecat pada 22 Ogos 2005. Syarikat Ahli Lembaga Kementerian Pelancongan dalam aspek beberapa perniagaan yang telah dilakukan terdiri daripada wakil daripada kementerian, terdiri daripada ketua pengarahnya sendiri. Jadi, inilah yang perlu kita siasat supaya orang yang salah tidak dituduh. Itu sebabnya Yang Berhormat Wangsa Maju dan Yang Berhormat Ipoh Timur, bagi pihak saya selaku Kementerian Pelancongan memang kita melihat.

Begitu juga berkenaan perkhidmatan teksi yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur memang betul. Hari ini kami dimaklumkan bahawa duit yang dilabur dalam syarikat untuk bayar dengan izin, *hire purchase* kepada pembelian teksi-teksi telah tidak dibuat, di mana teksi telah diambil balik oleh bank kerana syarikat telah gagal dan syarikat tersebut dikenali sebagai syarikat yang dipanggil 'syarikat dalam emas'. Ini semua yang kita perlu siasat. Jadi, Yang Berhormat Ipoh Timur dan juga Yang Berhormat Wangsa Maju perlu melihat keikhlasan pihak Kementerian Pelancongan untuk menentukan bahawa perkara ini dapat diselesaikan dan pihak yang bersalah perlu dihukum.

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Penjelasan.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Bagi pihak Kementerian Pelancongan kita mengakui bahawa strategi pelancongan negara kita berhadapan dengan cabaran masalah ekonomi dunia. Itulah sebabnya kita mempunyai beberapa bulan sehingga bulan Disember untuk mendapat *target* yang diharapkan oleh kementerian. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Eh, selesai?

5.18 ptg.

Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Sri Zulhasnan Rafique]: Terima kasih. Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara dalam bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan semasa perbahasan Bajet 2009 di peringkat dasar. Dengan itu saya akan memberikan penjelasan terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai membangkitkan isu pelantikan kontraktor di Projek Kompleks Pasar Keramat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai, Lembaga Perolehan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur membuat pengesyoran pelantikan Syarikat Pelaras Utara Sdn. Bhd. pada tahun 2001 berdasarkan kepada faktor-faktor berikut:

- (i) prestasi yang baik pada masa itu yang ditunjukkan semasa melaksanakan kerja dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada ketika itu dari segi pengurusan projek tapak serta kemajuan pelaksanaan projek lebih awal daripada perancangan; dan

- (ii) harga yang ditawarkan secara keseluruhannya adalah 10.64% lebih rendah daripada harga anggaran. Pada kebiasaannya Lembaga Perolehan DBKL timbangan tawaran dalam lingkungan harga *plus-minus*, dengan izin 15% daripada harga anggaran. Memandangkan harga yang ditawarkan oleh Pelaras Utara 10.46% lebih rendah daripada harga anggaran, maka Lembaga Perolehan DBKL mendapati harga yang ditawarkan masih berpatutan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kontrak Syarikat Pelaras Utara telah ditamatkan menurut Fasal 51(A) Kontrak DBKL 203A.

■1720

Di mana kontraktor telah melakukan kemungkiran seperti berikut:

- (i) gagal menguruskan kerja dengan mengikut aturan dan tekunan;
- (ii) gagal melaksanakan kerja mengikut kontrak ini atau berulang kali cuai menunaikan obligasi di bawah kontrak; dan
- (iii) mungkir atau berulang kali cuai patuhi suatu notis bertulis daripada pegawai penguat kuasa untuk menukar atau menggantikan apa-apa kerja yang cacat atau bahan atau barang-barang yang tidak sesuai.

Kerja-kerja sambungan kepada Pasar Keramat telah ditawarkan kepada Tetuan Pembinaan Ikkhas-Merak Sdn Bhd. Pembinaan projek ini dalam telah mencapai tahap 97% siap, dijangka dapat disiapkan sepenuhnya pada akhir Disember 2008.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Mohon penjelasan. Boleh saya tanya sikit?

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Ya, sila.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tahniahlah kerana kontraktor tersebut telah ditamatkan tapi pada masa yang sama saya mahu bertanya kenapa projek atau kontraktor tersebut SPUSB diberikan lanjutan masa sebanyak tujuh kali. Walaupun pada permulaannya ada sebab-sebab diberikan memberikan mereka kontrak tapi bila tujuh kali dilanjutkan pada saya melebihi daripada apa-apa alasan yang munasabah. Tambahan lagi tinjauan pihak audit menunjukkan bahawa kualiti kerja SPUSB ini tidak memenuhi spesifikasi. Jadi saya mahu menanyakan kepada Yang Berhormat Menteri adakah dalam kontrak atau projek-projek lain perkara sedemikian diambil kira dengan lebih serius dan pihak kementerian memastikan dalam pemilihan kontraktor tidak akan lagi diberikan lanjutan kalau wujud masalah dari peringkat awalan. Terima kasih.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua, isu yang sama.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Sila.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri mengenai projek-projek Damansara 21 di Medan Damansara di

mana tanpa memenuhi *requirement* daripada Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan iaitu projek itu telah melebihi kecerunan 35° sudut tetapi projek itu masih mendapat kelulusan daripada DBKL. Selepas pilihan raya saya menerima aduan dan dengan bantuan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan satu arahan *stock order* telah diberi oleh DBKL terhadap pemaju itu iaitu Selangor *Dredging*. Saya hendak tanya kenapa *stock order* itu dibatalkan tanpa apa-apa mesyuarat dengan penduduk-penduduk di Medan Damansara.

Projek itu pada mulanya mendapat DO daripada DBKL pun langsung tiada mesyuarat dengan penduduk untuk mendapat pandangan-pandangan atau bantahan-bantahan daripada penduduk. Kenapa begitu, dan projek itu pada saya, saya telah mendapat beribu bantahan daripada semua keseluruhan penduduk di Medan Damansara. Saya juga telah menerima aduan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional yang tinggal di sana terhadap projek itu dan kenapa projek itu masih diluluskan oleh pihak DBKL. Adakah DBKL mengutamakan kepentingan syarikat swasta, pemaju lebih daripada kepentingan rakyat, itu contoh pertama.

Contoh yang kedua, lagi satu projek nama projek itu Glomac Damansara di Jalan Damansara. Glomac Damansara sebelum mendapat kelulusan DO dari pihak DBKL saya telah mengadu kepada DBKL. Saya kata mesti ada satu mesyuarat untuk mendapat pandangan-pandangan daripada penduduk-penduduk di sekitarnya seperti TTDI, Damansara 'Kim' atau di Kondominium Desa Kiara. Akan tetapi surat saya, aduan saya langsung tidak dilayan, tidak di peduli, saya telah di maklum pada dua bulan yang lalu DO, kelulusan untuk menjalankan projek itu telah diberi oleh DBKL. Saya minta penjelasan, terima kasih.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Terima kasih. Saya akan jawab soalan yang pertama Ahli Parlimen daripada Lembah Pantai. Apabila projek ini diberi kepada Syarikat Pelaras Utara pada tahun 2001 ini telah dilakukan secara tawaran tender terbuka dan pada masa itu prestasi syarikat ini amatlah baik. Dirujuk kepada satu projek pada masa itu yang syarikat ini juga diberi peluang untuk dapat projek itu. Dengan itu atas beberapa perkara dan termasuk membaiki kerja-kerja yang telah dijalankan, penyelarasan kerja-kerja struktur, tambah kerja eskalator, arahan kabinet, kesukaran mendapat pekerja dan lain-lain.

Keputusan telah dibuat untuk memberi lanjutan kerja ataupun *extension of time* selama tujuh kali dan bila selepas tujuh kali itu dan masalah itu di bawa kepada perhatian saya dan dalam mesyuarat saya dan juga Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur kita telah membuat keputusan untuk menamatkan kontrak ini kepada syarikat ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu kebanyakan kontrak-kontrak yang diberi kepada syarikat-syarikat sekarang adalah melalui tawaran-tawaran yang tertentu dan inilah satu contoh yang mungkin tidak baik untuk kita maklumkan dan dengan itu saya ingat selepas ini tidak akan berlaku sekali lagi contoh seperti ini.

Projek Damansara 21 Tuan Yang di-Pertua dan juga projek Glomac. Saya hendak tanya Yang Berhormat Segambut ada tak Yang Berhormat Segambut bangkitkan dalam ucapan Yang Berhormat semasa Yang Berhormat

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Saya tidak diberi peluang lah. Dua minit pun tidak.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: So dengan itu Tuan Yang di-Pertua, berilah peluang kepada saya untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci sebab kita tidak ada jawapan di sini. Terima kasih.

Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju telah turut mengambil bahagian bertanya mengenai isu berkenaan kehilangan peralatan bernilai RM3.4 juta oleh Syarikat *Rizal Securities Sdn Bhd*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tindakan undang-undang telah dimulakan terhadap Tetuan *Rizal Securities Services* bagi kerugian serta kejadian kecurian di tapak projek Pasar Datuk Keramat Kuala Lumpur. Writ saman dan pernyataan tuntutan telah difailkan terhadap syarikat tersebut pada 22 Julai 2008 dan jumlah tuntutan bagi kerosakan dan kehilangan barangan di tapak projek adalah sebanyak RM5.251 juta.

Perkhidmatan kawalan keselamatan di atas Kompleks Pasar Besar Keramat pada mulanya telah ditawarkan kepada *North Borneo Security* pada Februari 2006 perkhidmatan tamat pada Ogos 2006. *Rizal Securities Services* telah dilantik melalui tender terbuka telah ditawarkan kontrak perkhidmatan kawalan daripada September 2006 dan akan tamat pada September 2009. Penempatan pengawal keselamatan pada asalnya adalah seramai empat orang pegawai menjalankan aktiviti kawalan keselamatan untuk tempoh 24 jam.

Walau bagaimanapun, DBKL telah meminta RSSB menambahkan bilangan pegawai kepada lapan orang pengawal supaya kawalan terhadap tapak projek seluas 4.7 ekar dapat dilaksanakan dengan lebih baik. Namun demikian, kehilangan masih juga berlaku di tapak tersebut. Bagi memastikan syarikat kawalan keselamatan terbabit bertanggungjawab menjelaskan tuntutan kerugian, Jabatan Keselamatan dan Penguat kuasa DBKL selaku jabatan yang telah melantik syarikat keselamatan telah mengeluarkan notis tuntutan bertarikh Mei 2007 sebanyak RM3.474 juta atas kehilangan dan kerugian melibatkan kerja-kerja mekanikal dan *electrical* serta kerja-kerja seni bina di Pasar Datuk Keramat.

DBKL telah melantik peguam panel untuk meneruskan tindakan pada Julai 2007 seterusnya pihak peguam panel telah mengeluarkan notis tuntutan bertarikh Disember 2007 dan menuntut sejumlah RM5,251,010 setelah Jabatan Arkitek DBKL mengesahkan jumlah sebenar kerugian dan kerosakan.

■1730

Antaranya melibatkan kerosakan siling, tingkap, pintu rintangan api pada bangunan utama dan kehilangan serta kerosakan kerja-kerja mekanikal dan elektrik yang melibatkan alat penghawa dingin, lif, eskalator, dan telefon. Panel peguam telah memfailkan writ saman pada Julai 2008 dan pihak mahkamah masih belum menetapkan tarikh perbicaraan atas kes ini.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya tertariklah dengan jawapan Yang Berhormat Menteri yang mengatakan DBKL telah mengalami kerugian dan tindakan juga telah diambil selepas Ketua Audit Negara buat laporan dalam Laporan Tahunan 2007. Soalan saya ialah mengapakah DBKL ada berbagai-bagai jabatan di bawahnya atau di bawah Datuk Bandar dan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan. Mengapakah mereka tidak ambil tindakan sendiri di mana kita sudah nampak kerugiannya bukannya RM30,000, bukannya RM300,000, tetapi RM3.7 juta, RM3.4 juta. Ini bukannya jumlah yang sedikit, ini wang rakyat semuanya ini.

Mengapa DBKL atau Kementerian Wilayah Persekutuan tidak ambil tindakan bersendirian, *by themselves* dan kena tunggu sampai Ketua Audit Negara mengambil tindakan membuat satu laporan dalam Buku Laporan Tahunan 2007. Ini adalah yang amat penting kenapa tidak secara persendirian, secara automatik mereka mengambil tindakan. Bukankah ini menunjukkan bahawa Datuk Bandar sekarang ini ataupun pegawai-pegawai DBKL ini semua tertidur. Ini adalah masalah tunggalnya. Terima kasih.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju. Masalah ini telah dikenal pasti sebelum audit dimulakan ke atas Penyata Dana Kuala Lumpur dan dalam semua aspek-aspek di mana kita perlu proses perundangan dimulakan, ini akan mengambil masa. *Details* nya Tuan Yang di-Pertua saya telah pun maklumkan tadi kepada Yang Berhormat Wangsa Maju. Kita berharap mahkamah akan memberi satu keputusan yang baik. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya bukannya sama ada tindakan telah diambil selepas laporan tahunan Ketua Audit Negara. Soalan saya ialah kenapakah pegawai DBKL mesti ada audit dalaman, mesti ada pengarah jabatan tertentu dan juga Kementerian Wilayah Persekutuan, *oversee* dengan izin tindakan-tindakan atau tingkah laku DBKL. Kenapakah mereka tidak secara automatik mengambil tindakan? Kenapakah mereka mesti menanti selepas Ketua Audit Negara membuat laporan tertentu itu. Kalau Ketua Audit Negara tidak dapat memastikan skandal ini, memang terlepaslah kes ini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya baru jawab tadi tentang di mana masalah ini telah dikenal pasti sebelum Ketua Audit Negara membuat audit. Akan tetapi oleh sebab masalah-masalah yang berkaitan dengan perundangan akan mengambil masa, dalam masa yang sama proses untuk mengenal pasti dan jabatan dalaman juga daripada Kuala Lumpur akan membuat auditnya sendiri. Oleh sebab itu,

selepas keluar di Laporan Audit Negara, prosesnya telah pun bermula. Proses ini akan berakhir selepas mahkamah membuat keputusan atas isu ini.

Isu kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju ialah wang pampasan bagi pengambilan tanah untuk projek pelebaran Jalan Genting Klang. Dari peringkat awalnya, kos peruntukan projek pelebaran Jalan Genting Klang dilaporkan kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut adalah sebanyak RM40 juta. Kos pengambilan tanah dan kos pembinaan masing-masing berjumlah RM20 juta. Projek pelebaran jalan ini melibatkan tanah rizab jalan kerajaan dan juga persendirian. Luas tanah, jalan terbina sedia ada atau *existing road* dengan izin ialah 70,400 meter persegi. Walau bagaimanapun kelebaran jalan yang terbina ini adalah tidak seragam iaitu di antara 16 hingga 20 meter. Untuk menyeragamkan kelebaran jalan kepada 33 meter, pengambilan tanah perlu dilakukan.

Sehubungan dengan itu, 21 lot tanah persendirian dengan jumlah keluasan 4,569 meter persegi telah terlibat dengan proses pengambilan tanah bagi projek ini dengan anggaran kos sebanyak RM16 juta. Terdapat juga enam lot tanah kerajaan dengan keluasan 14,402.179 meter persegi turut terlibat dalam pelebaran jalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kos RM16 juta hanyalah merupakan anggaran kos yang telah dibuat dan peruntukan oleh Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur. Bayaran pampasan kepada pemilik tanah adalah berdasarkan nilai pasaran semasa. Kos sebenarnya bagi pengambilan tanah hanya akan dapat diketahui nilainya ditentukan dengan tepat oleh Jabatan Penilaian Harta Kementerian kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju juga telah mendakwa bahawa harga pengambilan tanah di kawasan itu lebih mahal daripada tanah di KLCC dan Bangsar. Ini adalah tidak tepat kerana kos tanah bagi projek pelebaran jalan ini dianggarkan sebanyak RM3,000 semeter persegi atau RM300 sekaki persegi termasuk kos nilai tanah. Bayaran penjejasan kecederaan dengan *izin injurious affection, severance and incidental cost* dan juga kos-kos sampingan. Jika dibuat perbandingan, nilai tanah sahaja tidak termasuk bayaran penjejasan dan pampasan di KLCC yang dianggarkan di antara RM8,600 ke RM17,000 semeter persegi atau 800 hingga 1600 kaki persegi. Nilai anggaran tanah di Bangsar pula adalah dalam lingkungan RM5,000 semeter persegi atau 464 kaki persegi.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri mengatakan kos pengambilan tanah ini termasuk *injurious cost* dan juga *affection cost*. Ini saya rasa tak berapa tepat. Yang saya tahu dalam pengalaman seorang peguam bahawa iaitu pengambilan tanah ini harga yang diambil oleh kerajaan adalah kos yang dinilai oleh *cost valuer*. Tak termasuk kos *injury, affection*, tak pernah. Mengapakah dalam kes ini agak *special* sedikit?

Pada pandangan saya, di kawasan Jalan Genting Klang, saya tengok *stage* satu daripada jabatan JPJ sehingga lampu merah, *traffic light* selepas JPJ ini amat pendek.

Semuanya lebih kurang satu kilometer sahaja. Saya tak nampak pun ada pengambilan tanah di sana. Saya hairan kenapa ada pengambilan tanah 21 lot di sana. Luasnya lebih kurang 8,000 meter persegi. Itu yang penting. Tak pernah ada kos untuk *injurious*, *affection* dan sebagainya. *Only on valuation* yang dibuat oleh *valuer* yang bertauliah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dari. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, berapa panjang ucapan?

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Baru bermula dan saya ingat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dari. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya tahu Yang Berhormat. Saya bertanggungjawab kepada kementerian yang banyak lagi ni Yang Berhormat. Kita kena habiskan. Jadi, jangan bagi peluang banyak sangat bertanya macam-macam perkara yang kecil-kecilan itu.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Tuan Yang di-Pertua, adalah biasanya apabila kita menentukan kos-kos termasuk kos pengambilan tanah di mana apabila kita dan masalah-masalah daripada segi *injurious*, *affection* dan juga *severance incidental cost* ialah sesuatu yang apabila kita gariskan sempadan untuk mengambil balik tanah dan biasa apabila garisan itu menyebelahi atau *cut across the boundary*, kita memerlukan satu jumlah di mana kita perlu *reserve* untuk kita ambil tanah itu jika pemilik tanah itu juga berasa beliau perlu serahkan tanah itu kepada Dewan Bandar raya Kuala Lumpur.

■ 1740

Pada masa yang sama Yang Berhormat Wangsa Maju, inilah satu anggaran yang kita belum lagi keluar peruntukan sebabnya adalah Jabatan Penilaian Harta belum lagi memberi kita satu jumlah yang tepat. Tadi saya hanya memberi satu perbezaan antara kos-kos di Jalan Genting Klang dan KLCC dan juga di Bangsar tadi ya. Dengan itu soalan kedua di mana Yang Berhormat tanya kenapakah kita ada 21 lot. Kita ada 21 lot tanah persendirian *private property* dengan izin dan jumlah keluasan 4,569 meter persegi. Dalam masa yang sama kita ada enam lot tanah kerajaan dengan keluasan 14,402.179 meter persegi bermakna tanah persendirian itu Yang Berhormat hanya 30% daripada tanah kerajaan yang akan juga diambil balik untuk pelebaran jalan ini. Terima kasih.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan juga terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut berbangkit juga dalam masa perbahasan bajet ini di mana saya mengatakan itu yang dapat projek peluasan pelebaran jalan ini adalah Mentari Contracting Sdn. Bhd. di mana Kapten Zahar bin Hashim itu *director* dan anak-anaknya juga ada dalam *director* di Mentari Services Sdn. Bhd. Di mana ditimbulkan di sini bahawa mereka adalah satu pengadu mengenai dengan Eurocopter itu. Sama ada ini satu *coincident* di mana mereka tidak dapat Eurocopter *deal* ini dan di sini mereka dapat itu *road project* ini. Sama ada ini adalah satu tender terbuka dilaksanakan. Terima kasih.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju. Pelawaan tawaran projek ini dibuat secara tawaran terbuka pada kontraktor-kontraktor Kelas A melalui iklan yang dibuat pada April 2007 dan ditutup pada 3 Mei 2007 dan sebanyak 49 petender telah mengambil bahagian. Syarikat ini telah berjaya untuk menang tender itu dan saya ingat tidak ada kaitan langsung dengan isu-isu yang lain atas kontrak ini. Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju juga telah menaikkan isu tawaran kompaun oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengenai tanah di Jalan Tuanku Abdul Rahman. Cadangan pembangunan yang dimaksudkan merupakan cadangan pembinaan tiga blok arked membeli belah dua tingkat di atas bahagian lot 1835 Seksyen 4436 Jalan Tuanku Abdul Rahman bersebelahan jalan Panggung Odeon bertentangan dengan kompleks membeli belah Pertama.

Perintah pembangunan telah dikeluarkan pada 19 September setelah pemohon membayar kompaun jumlah RM50,000 atas kesalahan memulakan kerja-kerja pembinaan terlebih dahulu tanpa kelulusan kebenaran perancangan. Walau bagaimanapun pemohon telah membina struktur bangunan tersebut dengan tidak mengikut pelan kelulusan. Notis-notis penguatkuasaan telah dikeluarkan pada 13 Februari 2007 dan 18 Jun 2007. Pemohon telah diarahkan untuk merobohkan struktur tambahan yang dibina di atas kawasan anjakan memisahkan bangunan tersebut dengan bangunan Odeon. Merobohkan tambahan satu tingkat di atas bumbung dan membuka panel-panel paparan iklan. Mohon diberi tempoh masa sebulan dari tarikh notis.

Namun begitu pemohon masih gagal mematuhi arahan selepas tempoh masa yang telah ditetapkan. Justeru Jawatankuasa Perancangan Bandar telah memutuskan agar tindakan fizikal penguatkuasaan menurunkan paparan iklan dijalankan dan kesalahan membina struktur tambahan yang dibina di kawasan anjakan dirujuk ke mahkamah kerana kerja-kerja perobohan tersebut perlu dibuat dengan berhati-hati. Kesan itu kerja-kerja merobohkan akan melibatkan kekukuhan struktur bangunan tersebut, bangunan Odeon dan keselamatan orang ramai. Dan untuk memendekkan Tuan Yang di-Pertua pada bulan Ogos 2007 tindakan fizikal penurunan papan iklan telah dilaksanakan. Bahan-bahan aduan mahkamah telah dikemukakan kepada Jabatan Hal Ehwal Undang-undang untuk tindakan mahkamah dan DBKL telah merobohkan keseluruhan. DBKL tidak merobohkan keseluruhan bangunan ini kerana projek ini telah mendapat kelulusan perintah pembangunan dan kerja-kerja perobohan hanya boleh dilakukan terhadap struktur yang tidak mematuhi kelulusan perintah pembangunan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah di sini adalah di dalam Dewan Bandaraya adalah satu undang-undang yang sedia ada bahawa bangunan tidak boleh *join* kepada bangunan yang lain. Mesti ada anjakan 20 kaki di mana di sini sudah ada amat jelas ada anjakan. Mereka link dengan izin dengan bangunan Panggung Odeon itu. kenapakah tidak ada tindakan yang diambil langsung? Perkara ini telah berlaku daripada 2006 13 September di mana pemiliknya didenda

RM50,000 sampai hari ini 2008 masih cakap ambil tindakan undang-undang. Ini masalahnya yang saya nampaknya kalau ambil tindakan terhadap penjaja DBKL amat cepat. Ambil tindakan terhadap penjaja ataupun rakyat-rakyat jelata. Mereka bila menghadapi dengan orang kaya orang tertentu mereka tidak berani. Mereka keluar kompaun, mereka keluarkan notis, mereka nanti sahaja dan mereka nanti hendak minta penasihat daripada penasihat undang-undang. Bila mereka mengambil tindakan terhadap penjaja-penjaja mereka tidak payah mengambil itu nasihat daripada penasihat undang-undang. Itu masalahnya bukannya ini menunjukkan bahawa DBKL ini adalah memilih kasih ataupun amat *friendly* kepada orang kaya- raya. Terima kasih.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Terima kasih tadi pun saya sudah sebut Yang Berhormat perintah pembangunan telah dikeluarkan pada bulan September 2006. Notis penguatkuasaan telah pun dikeluarkan pada bulan Februari 2007 sekali lagi bulan Jun 2007. Cadangan itu saya ingat isu ini ialah satu isu yang berterusan dan notis-notis penguatkuasaan telah pun diberi dan oleh sebab yang saya maklumkan tadi di mana bangunan tambahan ini adalah sesuatu yang melibatkan struktur yang berkaitan dengan bangunan yang kukuh. Ini bermakna kita perlu merujuk kepada mahkamah sebelum kita merobohkannya. Dari segi contoh Yang Berhormat tadi yang mengatakan mungkin di tempat-tempat yang lain di mana kompleks-kompleks penjaja di dapat ada kes-kes yang kita merobohkan.

Kerja-kerja perobohan gerai-gerai penjaja di setengah-setengah kawasan di lakukan kerana ia dibina atas kawasan lapang, rizab-rizab tertentu dan juga balai-balai polis. Inilah sebabnya kalau ada *development order* ataupun perintah pembangunan telah diberi saya ingat tidak ada sebab untuk kita merobohkan ya. Saya teruskan.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya sila Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Segambut, duduklah Yang Berhormat.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Saya teruskanlah ya. Isu mengenai pentadbiran tanah di Wilayah Persekutuan Yang Berhormat Wangsa Maju. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kanun Tanah Negara atau KTN tidak memperuntukkan klausa untuk penyewaan tanah kerajaan atau *state land* dengan izin oleh sebab tidak ada dokumen hak milik ataupun geran. KTN hanya memperuntukkan pelupusan tanah kerajaan, *disposal of head land* dengan izin dan belum dikeluarkan hak milik melalui kaedah pemberi milikan alienation iaitu secara selama-lamanya *free hold* ataupun pajakan *lease hold* dengan izin, rizab, permit dan lesen menduduki sementara atau *temporary of license* (TOL) dengan izin. Mengikut Seksyen 62, 65, 70, dan 76 Kanun Tanah Negara.

■ 1750

Pemberi milikan secara selama-lamanya iaitu *freehold* merujuk kepada tanah yang diberi milik tanpa dikenakan syarat pajakan tidak bertempoh. Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pemberi milikan secara selama-lamanya tidak lagi dikeluarkan bagi tanah-tanah baru.

Bagi tujuan pajakan, pemberi milikan tanah *alienation* dengan izin, boleh dikeluarkan dengan tempoh tidak melebihi 99 tahun. Dan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, permohonan pemberi milikan tanah perizaban, permit dan lesen menduduki sementara (TOL) seperti yang disebutkan tadi boleh dikemukakan kepada Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pembayaran premium atau lesen akan dikenakan kepada pemohon yang berjaya mengikut kadar kaedah tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Justeru maklumat berkenaan adalah untuk maklumat Yang Berhormat Wangsa Maju sebab Yang Berhormat Wangsa Maju tidak mengemukakan contoh yang spesifik. Dan inilah maklumat untuk pengaduan Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Minta penjelasan sikit, sikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Apa yang dibangkitkan oleh saya pada masa perbahasan ialah pentadbir tanah dan galian di mana mereka menyewa tanah kerajaan kepada orang tertentu dan katalah dengan harga RM2,000 sebulan dan orang tertentu menyewa pula, *sub let* dengan izin, kepada orang lain dengan harga yang mungkin RM15,000, RM20,000 di *prime land* di Kuala Lumpur seperti Jalan Tun Razak. Itu yang saya bangkitkan.

Saya nak tahu kenapakah kerajaan menyewakan kepada orang itu di mana orang itu tidak perlu tanah itu. Dan selepas mereka dapat sewaan daripada kerajaan, dan orang tertentu itu pula menyewakan dengan harga yang lebih tinggi. Itu yang menjadi masalah dan saya akan memberikan maklumat yang terperinci kepada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Terima kasih, *just* satu minit atas isu ini. Penyewaan tanah adalah merujuk kepada tanah-tanah milik bersama kepunyaan individu syarikat atau tanah kepunyaan Kerajaan Persekutuan iaitu tanah-tanah milik Kerajaan Persekutuan berdaftar di atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan atau PTP. Tanah-tanah ini Yang Berhormat, boleh disewakan melalui tatacara yang telah ditetapkan oleh Jabatan Ketua Pengarah Galian dan Galian Persekutuan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Apabila kita mendapat contoh-contoh yang disebutkan tadi, kita akan mengenal pasti jika kementerian saya atau kementerian sahabat saya akan menjawab.

Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang memohon peruntukan kawasan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, kerajaan dan pihak DBKL tidak mengagihkan perbelanjaan pembangunan yang dibuat mengikut kawasan Parlimen. Sebaliknya sesuatu pembangunan akan dilaksanakan dengan mengambil kira keperluan dari masyarakat setempat dan juga kesesuaian tapak pembangunan.

Sebagai contoh, kerajaan dan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melaksanakan pelbagai projek di kawasan Parlimen Bukit Bintang seperti membina, menaik taraf pasar dan pusat penjaja, meningkatkan ciri-ciri landskap dan seni taman di jalan-jalan utama dan kawasan taman, cadangan membina pusat-pusat perniagaan dan komersial seperti lot PT80

Jalan Masjid India, membina dan mempertingkatkan persimpangan bertingkat dan infrastruktur jalan raya seperti persimpangan bertingkat di Jalan Tun Razak, Bulatan Kampung Pandan ke Jalan Imbi, meningkatkan rangkaian pejalan kaki seperti Jalan Tunku Abdul Rahman dan sekitar kawasan Jalan Raja Alang, meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam yang meliputi kerja-kerja pembinaan laluan berbumbung pejalan kaki, lampu isyarat, tempat menunggu teksi dan bas.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Wilayah Persekutuan tidak merasakan sebarang keperluan bagi menyediakan peruntukan khusus untuk setiap kawasan Parlimen pada masa ini kerana kerajaan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak pernah membelakangkan pembangunan sesuatu kawasan Kuala Lumpur berdasarkan fahaman politik partisan.

Yang Berhormat Bukit Bintang telah membangkitkan masalah penambahan 94 petak penjaja di Jalan Petaling. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, pihak kerajaan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengadakan program pemindahan dan naik taraf Jalan Petaling, Jalan Hang Lekir merupakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri, tolong duduk dulu. Yang Berhormat Menteri ada usul ni.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

5.55 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 11.30 malam ini. Selepas itu, Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 4 November 2008.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang telah dikemukakan hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: ...yang merupakan salah satu tumpuan pelancong di Kuala Lumpur. Program ini telah dilaksanakan secara berperingkat sebanyak empat fasa mulai Mac 2003 sehingga Julai 2004. Pada Mei 2008, DBKL telah menerima permohonan dari Persatuan Pengasih Malaysia menganjurkan *China Town night market* di Jalan Petaling bermula di persimpangan Jalan Hang Lekir sehingga ke Jalan Tun Tan Cheng Lok. Tapak yang dipohon merupakan laluan sehala yang dibuka untuk kegunaan trafik sehingga jam 5.00 petang. Selepas jam 5.00 petang, laluan tersebut akan ditutup untuk memberi laluan kepada penjaja-penjaja berlesen untuk menjalankan perniagaan.

Manakala laluan di Jalan Petaling dari persimpangan Jalan Hang Lekir hingga Jalan Tun Tan Cheng Lok kekal kosong 24 jam untuk digunakan sebagai laluan trafik. Walau bagaimanapun laluan dikekalkan kosong tersebut disalahgunakan sebagai tempat menjual VCD haram dan lucah, penglibatan penjaja-penjaja tanpa lesen termasuk warga asing. Perkara tersebut telah dibantah oleh Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Kuala Lumpur mewakili penjaja-penjaja Jalan Petaling. Sehubungan dengan itu pihak DBKL telah memutuskan untuk menangguk cadangan penambahan 94 petak penjaja berkenaan.

Yang Berhormat Bukit Bintang membangkitkan tentang penukaran nama Jalan Alor kepada Jalan Kejora. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, pertukaran nama sesuatu jalan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah di bawah Jawatankuasa Penamaan Jalan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan kemudiannya dirujuk ke Jawatankuasa Nama Geografi bersesuaian dengan seksyen 29 Akta Jalan, Parit dan Bangunan.

Jawatankuasa ini akan mempertimbangkan atau memutuskan untuk menukar atau mengekalkan nama sesuatu jalan sedia ada seandainya terdapat permintaan atau permohonan. Setakat ini permintaan bagi penukaran nama jalan di kawasan tersebut hanya melibatkan Jalan Alor sahaja. Keputusan untuk menukarkan nama Jalan Alor dengan nama baru adalah atas cadangan dan permintaan dari pihak Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Pihak MTEN sedia maklum akan kepesatan Jalan Alor dengan terdapatnya kedai-kedai makan di samping menjadi tumpuan para pelancong. Selaras dengan itu, MTEN meminta supaya kawasan diperindah serta nama jalan tersebut ditukar. Selaras dengan permintaan itu, jawatankuasa telah membuat keputusan pada tahun 2005 untuk menggunakan nama Jalan Kejora bagi menggantikan Jalan Alor.

Walaupun bagaimanapun para penduduk setempat dan peniaga di kawasan ini telah mengemukakan bantahan dan cadangan termasuk fakta sejarah untuk mengekalkan nama Jalan Alor. Setelah berbincang dengan para penduduk serta mendapat pandangan awam, jawatankuasa telah mendapati banyak perkara dan dengan itu telah mengambil keputusan pada 28 Oktober untuk menukarkan kembali nama Jalan Kejora kepada nama asalnya iaitu Jalan Alor.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: [Bangun]

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: [Bangun]

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Sebagai penambahbaikan kepada dasar ini untuk masa yang akan datang, jawatankuasa juga memutuskan supaya satu notis pemberitahuan kepada para penduduk setempat dapat dibuat bagi memaklumkan sekiranya terdapat pertukaran nama jalan sesuatu kawasan bagi mendengar bantahan penduduk sebelum pemasangan papan tanda penambahan jalan dibuat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya ingat Yang Berhormat, kalau persoalan Jalan Alor, keputusan dah dibuat secara *final* tidak diubahkan nama, saya lihat ia tidak perlu dibincangkan lagi Yang Berhormat. Saya faham Yang Berhormat, benda yang sudah diputuskan oleh Menteri. Sila Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Terima kasih.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak payahlah Yang Berhormat Wangsa Maju, tak payahlah.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Saya teruskan ya, saya teruskan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang penjelasan bukan mengenai isu Jalan Alor ini, yang tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan mengenai dengan orang asing di Jalan Petaling. Itu sangat penting oleh sebab Jalan Petaling ini sudah jadi satu *open secret* di mana ramai orang asing. Sekarang ini bukan lagi *China Town, Bangladeshi Town*.

■ 1800

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ini Jalan Alor, Yang Berhormat. Bukan Jalan...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tadi Yang Berhormat Menteri ada beri jawapan mengenai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang tadi sudah lepas, Yang Berhormat. Tidak payah, Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Baru, baru sedikit saja. Itu sangat penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat. Yang Berhormat, Yang Berhormat. Bantulah saya, Yang Berhormat. Kita belum setengah lagi kementerian, Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, sudah ambil perhatian. Yang Berhormat Menteri sudah mengambil perhatian.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Boleh tanya MTEN? MTEN?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila, sila Yang Berhormat Menteri. Duduk, Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kalau benda yang logik saya akan beri peluang, Yang Berhormat.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Yang Berhormat Bukit Bintang turut membangkitkan masalah pembangunan terbengkalai melebihi sepuluh tahun di Kuala Lumpur. Kerajaan sedar mengenai masalah yang dihadapi oleh pembeli yang telah melabur wang mereka bagi projek Nas Pavilion, Jalan Imbi, Kuala Lumpur. Projek tersebut merupakan sebuah projek swasta yang telah dimulakan sejak tahun 1988 di mana pemaju asal iaitu Pre Sentosa telah mengalami masalah kewangan. Pemaju kedua iaitu Wahab Sdn. Bhd yang mengambil alih projek ini pada tahun 2005 turut mengalami masalah kewangan. Tanah tapak projek telah dicagarkan kepada Bank RHB disebabkan masalah kewangan yang dihadapi oleh pemaju tersebut. Rundingan di antara DBKL dan pihak pemaju dan bank masih diteruskan dalam usaha memastikan projek tersebut dapat disambung.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi pembangunan-pembangunan swasta, pihak kerajaan tidak mempunyai mekanisme atau bidang kuasa yang khusus untuk memastikan pemaju-pemaju yang menghadapi masalah menyiapkan projek-projek pembangunan terbengkalai dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak swasta. Di peringkat kementerian, kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Menangani Masalah Projek Terbengkalai Wilayah Persekutuan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan, Jawatankuasa Kerja Menangani Masalah Projek Terbengkalai Wilayah Persekutuan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan.

Sejak tahun 2004 Yang Berhormat, sebanyak 38 buah projek terbengkalai telah dirujuk untuk perhatian kementerian. Setakat ini sebanyak 29 projek pembangunan telah dipulihkan semula seperti mengemukakan plan pindaan, mendapat kelulusan pindaan, perintah pembangunan, sedang dibina ditapak dan telah disiapkan. Manakala sehingga hari ini hanya 9 buah projek pembangunan yang masih terbengkalai.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Oleh kerana projek terbengkalai mahupun swasta ataupun usaha sama dengan DBKL. Adakah Yang Berhormat Menteri sudah berjanji di Dewan yang mulia ini bahawa projek Pasar Rakyat yang lama terbengkalai dan dijanjikan oleh kementerian bahawa akan dipulihkan projek ini. Akan tetapi dalam tempoh beberapa tahun ini, projek terus terbengkalai. Bilakah ini akan dimulakan oleh kerana ramai para pembeli telah membayar deposit dan tunggu sehingga 12 tahun belum dapat apa-apa hasilnya. Bolehkah Yang Berhormat Menteri janji kepada Dewan yang mulia ini bahawa projek ini bilakah akan siap dan memberi hasil kepada para pembeli? Terima kasih.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *[Bangun]*

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Terima kasih. Ya, sila.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang sama. Saya juga ingin tahu kenapa MTEN tidak mengambil satu sikap yang lebih proaktif dalam isu ini kerana bagi saya isu projek terbengkalai ini lebih mustahak daripada tukar nama Jalan Alor dan banyak lagi perkara-perkara yang lebih penting. Saya juga ingin dapat sedikit maklumat yang 9 projek yang belum selesai ini apakah tindakan-tindakan yang lebih berkesan boleh diambil dan di kalangan 9 ini, berapa ini melibatkan rumah kos rendah dan sederhana? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri, kalau tidak dibangkitkan masa perbahasan dulu, boleh jawab secara bertulis.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang dan Yang Berhormat Batu. Projek Pasar Rakyat ini, tindakan telah pun diambil dan kita boleh mengumumkan dalam masa yang terdekat dengan tidak memasukkan dengan secara mendalam. Tadi Yang Berhormat Batu telah bangkitkan tentang MTEN. Jawatankuasa Pemandu Menangani Masalah Projek Terbengkalai Wilayah Persekutuan, kita ada ramai yang hadir. Dalamnya yang menjadi ahli adalah Unit Perancang Ekonomi, PTGKL, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kewangan, Bank Negara dan lain-lain.

Di bawah saya iaitu Menteri Wilayah Persekutuan kita telah mengenal pasti 38 dan 29 Tuan Yang di-Pertua telah pun dipulihkan dan 9 itu saya akan beri kepada Yang Berhormat sebab saya ada senarai di sini. Mungkin kita tidak perlu masukkan dan kita akan beri kepada Yang Berhormat senarai 9 tadi.

Yang Berhormat Bukit Bintang. Kelulusan pembangunan tiga blok bangunan berdensiti tinggi di Jalan Cylon walaupun dibantah penduduk kerana kawasan bercerun tinggi. Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah pun dijawab kepada Yang Berhormat Bukit Bintang secara bertulis bertarikh 14 Oktober dan mungkin ini suatu yang kita tidak perlu masuk dengan secara mendalam.

Yang Berhormat Bukit Bintang juga mempersoalkan lawatan Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan dan rombongan DBKL ke luar negara yang memakan kos yang tinggi. Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, perkara ini telah pun juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Cheras dalam soalan lisan dan telah dijawab dengan bertulis kepada Yang Berhormat Cheras dan juga satu salinan telah diberi kepada Ahli Parlimen Bukit Bintang.

Sebagai makluman Dewan yang mulia ini, lawatan kerja terbabit adalah lanjutan daripada 15 *retreat* yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi-agensinya. Nota mengenai lawatan kerja tersebut telah diangkat dan diluluskan oleh Jemaah Menteri pada mesyuaratnya bertarikh 16 Mei 2008. Lawatan kerja ini juga dilakukan sebelum keputusan kenaikan harga minyak diumumkan oleh kerajaan. Ia juga adalah selaras dengan proses penambahbaikan berterusan yang sedang dilaksanakan Kementerian Wilayah Persekutuan sejak tahun 2006 lagi dalam memantapkan sistem penyampaian kerajaan di dalam mencapai matlamat dan visi sebuah Wilayah Persekutuan maju dan sejahtera.

Inilah konsep yang berkekalan dan menjadi tunjang kepada pembangunan bandar raya lestari yang membolehkan bandar raya berkenaan terus membangun dan berkembang tetapi masih mematuhi prinsip-prinsip asas pembangunan.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, mengapakah Datuk Bandar yang terkenal di kalangan kakitangan DBKL sebagai *frequent flyer* dibenarkan menyertai begitu banyak lawatan ke luar negara. Saya kira lebih daripada sepuluh kali dalam kurang daripada 20 bulan sejak beliau memegang jawatannya. Walaupun lawatannya dikatakan bertujuan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya yang bertaraf dunia, tetapi tidak boleh dinafikan bandar raya ibu kota kita ini semakin mengalami masalah yang lebih teruk jika berbanding dengan masa ia ditubuhkan 36 tahun yang lalu iaitu pada tahun 1972 dan begitu banyak beratus-ratus lawatan ke negeri oleh Datuk Bandar kini, dulu dan pegawai-pegawai kanan yang lain termasuk Menteri-menteri Wilayah Persekutuan ini dan sebanyak berjuta-juta ringgit telah pun dibazirkan.

Apakah hasil yang boleh meyakinkan Dewan ini bahawa lawatan-lawatan ini adalah cukup berkesan?

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Terima kasih Yang Berhormat Cheras. Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang diberi kepada Yang Berhormat Bukit Bintang dan Cheras begitu panjang sekali dan dengan itu saya ingat kalau kita masuk kepada semua sekali jawapan mungkin akan mengambil masa yang panjang. Jadi soalan perbelanjaan Datuk Bandar yang mencecah RM1 juta tadi yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jelutong, daripada segi perjalanan Datuk Bandar keluar negara dalam tempoh setahun bernilai RM1 juta adalah tidak tepat. Untuk makluman Yang Berhormat Cheras dan juga Yang Berhormat Jelutong, Datuk Bandar Kuala Lumpur telah mengadakan sebanyak tujuh perjalanan keluar negara pada tahun 2007 dan empat perjalanan pada tahun 2004. Perjalanan beliau di luar negara tersebut turut disertai 38 pegawai-pegawai DBKL yang lain.

■1810

Sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur beliau sering menerima undangan dari pihak Datuk Bandar bandar-bandar yang lain terutama di rantau Asia untuk menghadiri sesuatu acara rasmi bandar raya-bandar raya tersebut. Beliau juga sering dijemput untuk menghadiri majlis penyerahan sebagai tuan rumah bagi sesuatu acara besar yang akan berlangsung di Kuala Lumpur.

Selain itu lawatan ke luar negara juga diperlukan bagi melihat amalan terbaik, *best practices* bagi tujuan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan DBKL. Untuk makluman Yang Berhormat Cheras, pada tahun 2007, jumlah kos perjalanan ialah RM895,978 dan pada tahun 2008 sehingga hari ini adalah RM433,219 di atas destinasi dan tujuan-tujuan lawatan yang berbeza dan kita sedia untuk memberi senarai ini kepada Yang Berhormat Cheras, terima kasih.

Yang Berhormat Titiwangsa membangkitkan isu para peniaga dan penjaja di Desa Pandan serta pelan strategik penjaja kecil DBKL. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Titiwangsa, penjaja di Jalan 5/76B Desa Pandan adalah merupakan penjaja tanpa lesen di mana DBKL akan mengambil tindakan penguatkuasaan bagi mengosongkan tapak tersebut kerana telah di naik taraf sebagai laluan pejalan kaki.

Bagi penjaja berlesen di Jalan 2, di hadapan Maybank DBKL telah memberi sokongan kepada agensi-agensi lain yang berkaitan bagi mendapatkan kemudahan asas seperti elektrik dan air. Perkara ini diuruskan dan ditanggung sendiri oleh penjaja. Pada dasarnya Yang Berhormat Titiwangsa, DBKL menyediakan kemudahan asas seperti kemudahan utiliti tandas, tempat letak kenderaan sebagaimana di pusat penjaja yang dibina oleh DBKL.

Bagi penjaja statik di tepi jalan pula, DBKL hanya mengeluarkan surat sokongan kepada agensi berkaitan seperti TNB dan Syabas untuk mendapatkan kemudahan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Wilayah Persekutuan sedang dalam proses menggubal dasar penjaja selepas *retreat* penjaja Wilayah Persekutuan dan juga Kongres Penjaja Melayu Kecil Wilayah Persekutuan pada 14 Ogos 2008.

Statistik tentang jumlah penjaja dan juga penjaja mengikut kategori lesen ada dengan saya dan kita boleh beri pada Yang Berhormat. Bolehkah saya cadangkan saya berikan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Titiwangsa sebab beliau tidak ada di dalam Dewan dan beliau ada dua lagi, hanya dua lagi soalan tentang tapak bazar Ramadan dan juga Projek Dewan Orang Ramai Taman Rekreasi Keramat dan saya akan memberi jawapan bertulis pada beliau.

Dengan itu saya mengucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua kepada semua sekali yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2009 peringkat dasar.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *[Bangun]*

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Sedikit sahaja. Ada soalan yang saya kemukakan isu bajet Wilayah Persekutuan DBKL dan sehingga sekarang kita tidak nampak ada penjelasan dalam isu bajet DBKL ini. Di negeri-negeri yang lain, Ahli Parlimen atau orang awam dapat membahaskan dan juga meneliti bajet tetapi Wilayah Persekutuan DBKL merupakan satu badan yang begitu besar tetapi tidak pernah melaksanakan satu *practice* yang *transparent*.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Tuan Yang di-Pertua, mungkin pegawai yang hadir di sini pada hari itu tidak mencatat dalam jawapan saya dan kita akan memberi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Batu, terima kasih.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Sedikit sahaja.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Sedikit, saya hanya ingin tahu adakah DBKL akan mengumumkan bajet supaya Ahli-ahli Parlimen dan juga orang awam akan dapat menyertai perbahasan tentang bajet DBKL.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada tiap-tiap tahun seperti biasa akan membuat pengumuman, kalau saya tidak silap pada bulan November atau

Disember pada tiap-tiap tahun. Sekarang ini kita sudah masuk bulan November, bajet belum diangkatkan kepada kementerian saya dan masih di bawah peringkat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, so dengan itu Tuan Yang di-Pertua adalah dimaklumkan ...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *[Bangun]*

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua walaupun bajet ini adalah diumumkan tetapi cuma ucapan oleh Datuk Bandar yang dikemukakan pada satu persidangan akhbar dihadiri oleh kakitangan-kakitangan DBKL sahaja tanpa diberikan butir-butir macam mana setiap perbelanjaan itu digunakan.

Saya ingin tanya menteri, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa peruntukan yang diberikan kepada DBKL setiap tahun jumlahnya adalah kedua terbesar jika berbanding dengan negeri-negeri yang lain dan tidak sekalipun butir-butir secara terperinci dapat diumumkan kepada warga kota dan kesemua butir-butir yang ada tersembunyi.

Mengapakah pihak DBKL mengambil sikap yang rahsia ini, adakah kerana perbelanjaan itu untuk maksud-maksud yang tidak dapat ditafsirkan atau tidak boleh dijelaskan. Bolehkan sikap ini berubah mulai tahun ini?

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Terima kasih Yang Berhormat Batu dan Yang Berhormat Cheras. Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan ini kalau kita tengok rujukan kepada Akta Kerajaan Tempatan 1971 Linkuran AKT dan Akta Ibu Kota Persekutuan 1960, ini telah menyatakan beberapa perkara di dalam kedua-dua akta ini tidak ternyata di mana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk selain daripada secara dalaman dan juga Ahli Majlis tidak perlu untuk merujuk kepada mana-mana pihak sebab apabila diumumkan dan selepas itu belanjawan dibentangkan di Parlimen, Ahli-ahli Parlimen yang telah dipilih oleh rakyat boleh dalam masa mereka sendiri kemukakan isu-isu dan cadangan-cadangan yang tertentu.

Di dalam kedua-dua akta itu sudah jelas dan tidak menyatakan dan saya pun tidak berapa pasti negeri-negeri yang lain di mana di dalam perundangan dan akta mereka pun ada ternyata. Maka dengan itu dengan jawapan itu saya berharap Yang Berhormat di dalam perbahasan...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Sedikit sahaja, sedikit sahaja.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Dalam perbahasan Yang Berhormat bolehlah kemukakan dan bangkitkan isu-isu berkaitan belanjawan dan itulah cara yang telah dipraktikkan selama ini dan kita perlulah, okey sila.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Kita bangkitkan di sini kerana apabila kita bincang tentang bajet negara kita tidak ada Bajet DBKL dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur berbeza dengan negeri-negeri lain kerana tidak ada wakil-wakil yang dipilih duduk dalam perbincangan penyusunan bajet DBKL.

Ini telah menafikan hak warga kota untuk memberi input dan juga menjalankan tugas dia untuk monitor dan juga memeriksa perbelanjaan dalam DBKL, itu yang kita mempertikaikan.

Selama ini kalau betul dalam akta tidak ada peruntukan untuk orang awam tetapi sekurang-kurangnya di dalam Dewan ini di mana Kuala Lumpur ini adalah sebahagian daripada Wilayah Persekutuan yang *direct* di bawah Kerajaan Pusat kita sepatutnya ada ruang untuk membahaskan belanjawan bandar raya Kuala Lumpur.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Tuan Yang di-Pertua, saya ulangi jawapan tadi dalam Akta Kerajaan Tempatan dan juga Akta Ibu Kota khususnya seksyen 55 dan juga dalam seksyen 14 telah ternyata di mana tidak ada peruntukan untuk kita berbincang dan kepada Ahli Parlimen bolehlah kita berbahas apabila belanjawan itu dibentangkan dan selepas diumumkan oleh Datuk Bandar. Sila Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua penjelasan. Memang Yang Berhormat kalau kita ikut Akta Kerajaan Tempatan seksyen 55 tidak ada peruntukan untuk menjemput Ahli-ahli Parlimen tetapi saya boleh memberi peringatan kepada Yang Berhormat semasa Tan Sri Alias jadi Datuk Bandar, Tan Sri Alias Omar menjadi Datuk Bandar bukan sahaja dia jemput semua Ahli Parlimen ke situ semasa dia bentangkan belanjawan.

■1820

Dia jemput semua hadir ke situ dan ini memudahkan dia menjalankan tugas dan Yang Berhormat pun patut mempertimbangkan. Tak lama lagi nak bentangkan satu Bajet 2009, jemput semua sepuluh Ahli Parlimen ke situ dan itulah caranya dan kemudian saya sampai sekarang pun, Buku Bajet 2008 saya belum dapat lagi. Itu masalah Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dah, dah Yang Berhormat.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Terima kasih Yang Berhormat dari Kepong. Kita tidak ada masalah untuk menjemput semua sekali Ahli Parlimen di masa Datuk Bandar membentangkan bajet yang telah diluluskan. Soalan ditanya oleh Yang Berhormat Batu dan Yang Berhormat Cheras adalah dalam peruntukan akta, ada peruntukan di mana Ahli Parlimen yang terpilih di Wilayah Persekutuan dapat melibatkan diri dalam bajet sebelum dibentangkan. So saya hanya beritahu daripada segi akta ya Yang Berhormat Batu. Itu yang saya sebutkan tadi dan ada juga banyak lagi peruntukan dan cara dan atur cara yang telah disebut dalam akta dan kita boleh maklumkan kepada Yang Berhormat secara terperinci. Daripada segi salinan belanjawan itu saya ingat tidak ada masalah untuk kita memberi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Yang Berhormat Seputeh, lama tak dengar. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Habis dah Yang Berhormat?

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Habis dah. Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Selalunya bila Bajet DBKL diumumkan, pemberita akan panggil Ahli Parlimen Kuala Lumpur untuk beri pandangan dan jawapan yang selalu kami beri kepada pemberita ialah kami belum

dapat salinan Bajet itu lagi, jadi macam mana nak komen. Jadi ucapan bajet dan kami selalunya nak minta mereka faks ke *office* kami supaya kami boleh baca, lepas itu baru komen. Kenapakah ini boleh berlaku?

Saya pernah dengar Yang Berhormat Menteri berkata semasa seminar *retreat one and only retreat* selepas pilihan raya bulan Mac itu bahawa setiap tiga bulan Yang Berhormat akan panggil semua wakil rakyat di Kuala Lumpur untuk adakan rundingan tapi seminar itu diadakan satu kali sahaja. Apakah Yang Berhormat boleh terus menunaikan janji, panggil kami semua untuk mengadakan perbincangan *close door* kalau perlu. Kita membincangkan apakah keperluan peruntukan di setiap kawasan kita dan juga pembangunan kecil yang diperlukan di setiap kawasan kita dan juga pembangunan kecil yang diperlukan di setiap kawasan kita dalam bajet yang akan datang.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Terima kasih Yang Berhormat Seputeh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kalau dapat jawab, jawab dapat. Kalau tak dapat, jawab tak dapat Yang Berhormat.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Saya dah jawab kebanyakan daripada soalan tadi. Yang terakhir sekali daripada segi perbincangan di antara Ahli Parlimen dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, ini sesuatu yang boleh diteruskan, tidak ada masalah. Apabila ada masalah-masalah yang tertentu pun, banyak Yang Berhormat berjumpa saya, berjumpa Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga berjumpa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Dengan itu semua sekali masalah-masalah yang dikemukakan boleh dilihat dan dibincangkan pada masa itu juga. Yang lain itu saya ingat saya dah jawab Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Menteri, beberapa isu yang saya panjangkan kepada Yang Berhormat sampai sekarang pun tak selesai lagi.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Isu mana?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Banyak. Isu *KL Linear City* yang perumahan yang pihak DBKL janji bagi pada mereka itu sampai sekarang pun tak ada lagi.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Tuan Yang di-Pertua, saya nak tanya adakah Yang Berhormat Seputeh bahas dalam ucapan dasar pada kali ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak apa Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi Yang Berhormat akan kata kita akan kaji, kaji. Sudah kaji lapan tahun pun masih kaji, kaji.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Sila jawab soalan saya Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat Seputeh bahas dalam ucapan dasar pada kali ini?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Boleh.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Bila Yang Berhormat Seputeh bahas?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Boleh, boleh.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Bukan boleh, boleh. Yang Berhormat Seputeh ada ke bahas dalam ucapan dasar? Jawab soalanlah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat kata banyak isu boleh panjangkan. Panjangkan pun tak guna, selalunya tak ada keputusan.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Tuan Yang di-Pertua, sebab Yang Berhormat Seputeh tak bahaskan, oleh sebab itu tak ada *points* yang dia telah sebut tadi di dalam untuk kita menjawab. Saya ingat kita boleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya lah, Yang Berhormat dah kata nak habis, habislah tu.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Terima kasih. So dengan itu saya ucap terima kasih dan kita sekali lagi Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Seputeh yang saya selalu jumpa di luar Dewan, kita bersama dan kita boleh bertemu bila-bila masa untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dibangkitkan oleh semua sekali Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Itu saja Yang Berhormat ya? Itu saja?

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Ya.

6.25 ptg.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Douglas Uggah Embas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin ucap terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan dan pandangan terhadap perkara-perkara menyentuh bidang kuasa kementerian semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2009 di Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, isu yang pertama telah disentuh adalah mengenai projek e-Tanah di Pulau Pinang. Yang Berhormat dari Machang telah membangkit isu pelaksanaan projek perintis e-Tanah di Pulau Pinang.

Untuk makluman Yang Berhormat, projek e-Tanah adalah projek e-Kerajaan yang bermatlamat meningkatkan pencapaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat terutamanya di peringkat pejabat tanah dan daerah. Objektif utama projek adalah untuk membangunkan sistem pengurusan dan pentadbiran tanah yang bersepadu melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. Pada masa kini, sistem ini menghadapi sedikit masalah yang berpunca daripada data yang tidak bersih; di mana sejumlah 58,900 daripada 297,000 hak milik tidak dapat dipadankan.

Ini adalah merupakan kesan daripada sistem lama yang diguna pakai iaitu sistem pendaftaran tanah berkomputer dan sistem pungutan hasil berkomputer yang tidak berintegrasi antara satu sama lain. Perkara ini sedang diatasi oleh pihak vendor. Walau bagaimanapun, beberapa modul utama seperti modul pendaftaran hasil dan lelong telah pun diguna pakai di pejabat-pejabat tanah di Pulau Pinang sementara modul-modul lain sedang distabilkan dan akan dapat digunakan sepenuhnya pada awal tahun 2009.

Justeru adalah tidak benar untuk mengatakan bahawa projek perintis ini gagal di Pulau Pinang, berikutan lawatan saya ke Pulau Pinang baru-baru ini untuk melihat sendiri perkembangannya, saya yakin projek ini akan dilaksanakan sepenuhnya pada awal tahun 2009 berdasarkan tahap kemajuan yang kini melebihi 90%. Berhubung pertanyaan sama ada projek e-Tanah ini akan menular ke seluruh negara, untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini masih dalam pertimbangan kerajaan.

Yang kedua isu e-Kadaster . Untuk makluman Yang Berhormat, projek e- Kadaster atau *e-Coordinated Cadastral Infrastructure* or e-Kadaster merupakan projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia. Ia melibatkan pemerkasaan sistem ukur kadaster negara yang sedia ada yang merangkumi 13 jabatan ukur dan pemetaan negeri termasuk di Wilayah Persekutuan.

Matlamat projek ini, kita mengharapkan ia dapat memberi faedah antara lainnya adalah;

- (i) mempercepatkan ukuran hak milik tanah daripada tempoh dua tahun sekarang kepada dua bulan;
- (ii) mempercepatkan ukuran hak milik strata daripada 258 hari kepada 14 hari;
- (iii) membolehkan semua data-data pemetaan imej satelit untuk di integrasi dalam satu pangkalan data; dan
- (iv) mewujudkan pangkalan data ukur kadaster kebangsaan yang tepat, lengkap dan kemas kini yang akan membantu meningkatkan prestasi sistem penyampai kerajaan serta dapat memudahkan segala urusan perancangan pembangunan negara

Penyediaan infrastruktur e-Kadaster ini adalah sebahagian daripada proses bagi mewujudkan *national cadastral database* dengan izin yang merupakan komponen utama projek e-Kadaster JUPEM. Infrastruktur ini adalah penting dalam menyediakan rujukan kepada kawalan *global position system* dengan izin semasa proses pelarasan pangkalan data ukur kadaster yang sedia ada. Semua sistem stesen GPS yang diwujudkan semasa pelaksanaan CCSI perlu bertepatan dan tanda-tanda sempadan sedia ada di dalam DCDB. Sekiranya ini tidak berlaku, ukuran ikatan antara kedua-duanya perlu dijalankan bagi mewujudkan satu jaringan kawalan.

Untuk makluman Yang Berhormat, status pelaksanaan projek e-Kadaster sekarang adalah melebihi 80% dan dijangka siap pada penghujung tahun 2008.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Putatan bangun, nak bagi dia Yang Berhormat?

■1830

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tahniah kerana telah mulai melaksanakan e-Kadaster dan e-Tanah.

Saya berharap projek ini dapat dipanjangkan juga kepada negeri Sabah dan Sarawak iaitu kawasan Yang Berhormat Menteri sendiri. Yang saya tahu dan yang kita sedia maklum Yang Berhormat, masalah penyukatan tanah, segala-galanya adalah masalah tentang hal ehwal tanah itu memang masih wujud di negeri Sabah dan Sarawak. Saya berharap Yang Berhormat dapat memberi penjelasan sedikit apa rancangan Kerajaan Persekutuan untuk membantu kerajaan negeri untuk mempercepatkan penyukatan tanah di negeri Sabah. Minta penjelasan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Boleh saya jawab dulu? Terima kasih. Yang Berhormat Putatan, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya juga datang dari Sarawak, jadi saya sedar bahawa beberapa masalah yang wujud mengenai penyukatan tanah di negeri Sabah dan Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini kita belum ada membuat apa-apa keputusan mengenai bagaimana kita nak membantu kedua-dua negeri ini mengatasi masalah yang disebutkan Yang Berhormat. Akan tetapi secara umumnya kita telah pun berbincang dan mencari jalan bagaimana kita dapat membantu Kerajaan Persekutuan mengenai masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Mengenai sama ada kita nak memanjangkan program e-Tanah kepada negeri Sabah kerana negeri Sabah ada mempunyai undang-undang tanahnya sendiri, maka undang-undang tanah itu perlu di ubah suai supaya dapat membolehkan program e-Tanah ini dipanjangkan ke negeri Sabah atau pun Sarawak.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya membangkitkan waktu perbahasan berkenaan dengan e-Tanah dan e-Kadaster. Saya cuba mendapat gambaran lebih daripada laman web kementerian Yang Berhormat Menteri. Saya mohon Yang Berhormat Menteri perjelasan apa sebenarnya perbezaan antara e-KPTG dan e-Tanah ini sebab bila saya teliti kebanyakan aplikasinya hampir sama. Ada banyak duplikasi antara skop e-Tanah dan praktis di dalam e-KPTG yang dimulakan pada 1996 dan kemudiannya berkembang sehingga 1999 dan sampai sekarang di mana saya melihat kekuatan dari sudut pengurusan tanah negara ada di sini sebenarnya, e-KPTG kerana rangkaian pejabat tanah daerah, pejabat galian daerah di seluruh negara. Kepakarannya ada di situ, tetapi di satu sisi lain kita kemudian membuat keputusan untuk mengadakan pula projek e-Tanah dengan satu lagi perbelanjaan besar. Projek perintisnya di Pulau Pinang ini sahaja telah menelan RM65 juta, Walaupun Yang Berhormat Menteri terus mempertahankan bahawa projek ini bukan gagal, yang jelas ialah tarikh siapnya telah beberapa kali dipinda. Itu fakta. Jadi, yang saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri ialah anehnya bila saya teliti dalam carta organisasi e-Tanah dalam laman web kementerian ini, dalam struktur tiga cabangnya, tiga unitnya itu, unit undang-undang itu tak ada pegawai. Dalam urusan tanah yang melibatkan pelbagai jenis undang-undang, undang-undang berkaitan Perlembagaan, Kanun Tanah Negara sampailah kepada undang-undang di peringkat negeri, pegawai undang-undang tak ada dalam carta organisasi e-Tanah setakat Ogos 2008.

Ini isu besar saya fikir. Bagaimanakah jaminan dari sudut piagam pelanggan kementerian yang saya baca bagi memastikan perkhidmatan yang berkualiti dan memudahkan rakyat ini boleh dilaksanakan kalau bahagian undang-undang itu kosong. Itu yang saya nak timbulkan. Sementara di peringkat e-KPTG, saya melihat tiga modulnya, permohonan tanah, kemudian pengurusan rekod tanah, pengambilan balik tanah. Dalam skop e-Tanah pun ada juga. Ia melibatkan pengambilan tanah, hasil tanah, hak milik tanah, pindah milik tanah. Jadi Yang Berhormat Menteri, operasi e-KPTG sudah lama bertahan. Alangkah baiknya kalau kita menjimatkan belanja untuk e-Tanah tetapi menambahbaikkan lagi di peringkat organisasi e-KPTG kerana kepakarannya di situ, pengalamannya di situ. Akan tetapi di sini apabila projek perintis dilaksanakan di Pulau Pinang misalnya, kita terpaksa tender kepada pihak swasta dan kita menghabiskan RM65 juta. Kalau sekiranya *roll out* itu jadi Yang Berhormat Menteri, ia akan melibatkan pula hampir lebih RM 1 bilion dan ini melibatkan dana. Sebab itu saya mohon dulu dua, tiga perkara bagi pusingan awal, saya nak minta beberapa laluan lagi selepas ini, saya akan tekun mendengar penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Yang pertama Yang Berhormat persoalkan mengapa e-Tanah perlu dibangunkan sedangkan kita sekarang ada e-KPTG. Ingin saya menjelaskan bahawa matlamat untuk membangunkan e-Tanah adalah untuk meningkatkan sistem pengurusan tanah kita di seluruh negara kerana kerajaan sedar bahawa urusan pentadbiran tanah adalah satu urusan yang begitu penting sekali dan kita mesti menentukan bahawa kita dapat menggunakan teknologi yang terkini untuk mewujudkan sistem-sistem yang cukup mantap, berkesan, selamat, memberikan keyakinan penuh pada sistem tanah kita. Oleh yang demikian, maka wujudlah satu idea untuk membuat projek perintis e-Tanah di Pulau Pinang. Apabila kita melihat apa yang telah berlaku, dilaksanakan, kita nampak projek e-Tanah ini memang di Pulau Pinang telah pun menunjukkan ia lebih mantap dari apa yang telah sedia ada. Ini kerana apa yang sedia ada, yang ada pada kita sekarang, sistem pendaftaran tanah berkomputer, sistem pungutan hasil berkomputer hanya menguruskan sebahagian daripada beberapa pengurusan tanah secara berkomputer.

Akan tetapi apabila kita menggunakan sistem e-Tanah, maka segala sistem pengurusan tanah kita dapat disatukan dan beberapa manfaat yang saya telah jelaskan apabila saya menjawab jawapan lisan Yang Berhormat tempoh hari kita dapat capai dan saya sendiri telah melihat dan menyaksikan bagaimana satu urusan pendaftaran gadaian dapat dijalankan dalam waktu 15 minit walaupun KPI kita telah lebih kurang dalam dua jam. Bagi kerajaan, kita yakin ini telah pun berjalan, kita pun telah pun laksanakan beberapa pejabat tanah di seluruh Pulau Pinang. Bagi saya inilah satu sistem yang cukup mantap, dapat membantu kita khususnya dalam usaha-usaha kita nak menentukan bahawa isu-isu penyelewengan, isu-isu *land fraud* dengan izinnya dapat kita tangani. Dengan adanya sistem e-Tanah ini, kita dapat *link* dengan polis, mahkamah dan Jabatan pendaftaran Negara dan sebagainya. Oleh yang demikian, kita yakin

bahawa projek ini dapat membantu kita dalam meningkatkan pengurusan tanah kita. Jadi sama ada ia akan dilaksanakan di seluruh negara, ia akan dikaji dan akan ditimbang oleh Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, baik e-KPTG ataupun e-Tanah, keduanya bertolak perancangan strategi teknologi maklumat, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian. E-Tanah pun bertolak di atas perancangan strategi ini, e-KPTG juga sama. Sistem maklumat bersepadu dan beberapa modul yang serupa. Jadi persoalan saya ialah di mana cacat e-KPTG sampai kementerian menggerakkan pula e-Tanah. Itu persoalan pertama.

Bolehkah Yang Berhormat Menteri senaraikan kecacatan-kecacatan ketara, besar yang di dapati di bawah program e-KPTG sehingga memerlukan kementerian melaksanakan pula e-Tanah yang wujud pula carta organisasi baru, wujud pula peruntukan baru yang menelan belanja yang besar. Itu perkara yang saya mohon penjelasan Yang Berhormat.

■ 1840

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya telah memperjelaskan bahawa sistem yang kita sedia ada seperti sistem pendaftaran tanah berkomputer, sistem pungutan hasil berkomputer adalah hanya meliputi sebahagian daripada pengurusan tanah kita. Seperti Yang Berhormat sebut tadi, pengurusan tanah ini berbagai-bagai bentuk, berbagai-bagai jenis dan kebanyakannya tidak masuk dalam sistem komputer yang sedia ada. Kita kena berurusan dengan secara fizikal kepada satu jawatan kepada suatu tempat ke satu tempat.

Misalnya kalau seseorang mendaftar atau pun menukar hak milik, mereka perlu pergi ke tempat pendaftaran selepas itu perlu *check* ke pejabat hasil untuk tentukan hasil-hasil yang telah pun dibayar, selepas itu, tentukan kepada peringkat bahagian penilaian dan sebagainya. Jadi, itulah antara catatan-catatan yang kita dapat nampak. Jadi, matlamat e-tanah ini adalah untuk menyelesaikan masalah ini supaya apabila Yang Berhormat berurusan dengan Pejabat Tanah, Yang Berhormat dapat pergi ke suatu tempat dan kemudian dapat berurusan *a single point of contact* dengan sistem yang sedia ada dan berbagai-bagai ciri-ciri yang lain yang dapat membantu kita untuk menentukan segala urusan sistem tanah kita ditingkatkan, dari segi kecekapannya dan dari segi keselamatannya. Jadi, Yang Berhormat mengenai e-tanah itu sahaja saya hendak jawab pada petang ini.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Pegawai undang-undang Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas: Pegawai undang-undang. Untuk makluman Yang Berhormat, kita memang ada pegawai undang-undang di peringkat kementerian dan beliau adalah sama pasukan dalam projek e-tanah ini. Saya fikir Yang Berhormat mungkin ada

membaca *flying letter* dengan izin, mungkin itulah beberapa isu yang disebut oleh Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Izinkan, saya minta izin. Yang Berhormat Menteri, dalam carta kementerian setakat Ogos 2008, Yang Berhormat Menteri saya mohon sedikit, dengan izin sedikit sahaja.

Datuk Douglas Uggah Embas: Okey.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Isu saya ialah urusan tanah ini Yang Berhormat Menteri terlibat pelbagai perkara undang-undang, jaminan kecekapan sistem penyampaian dalam e-tanah sudah pasti akan melibatkan proses nasihat, dan pandangan undang-undang sebab itu dalam carta yang begini besar, satu jawatan kosong, apa jaminan ianya boleh memberikan yang terbaik. Saya beri contoh, pengalaman rakyat yang mendatangi saya memberitahu antara perkara yang berlaku ialah dari segi status tanah, pajakan 999 tahun tertera di dalam dokumen tanah mereka. Ya, 999 tahun. Okey, baik. Itu apabila mereka jumpa pegawai Yang Berhormat, walaupun Yang Berhormat pergi ke Pulau Pinang, mereka jumpa pegawai, pegawai kata ini kes terencil, ada *human error* dan sebagainya. Tidak apalah, tetapi isunya ialah proses hendak membetulkan itu, mereka terpaksa *queue* balik, mereka tidak boleh jumpa pegawai kemudian betul kan pada masa itu, tidak. Jadi, ini melibatkan pegawai akan tanya pula "mak cik, mana pula rujukan tanah ini milik makcik." Jadi, ini melibatkan pandangan undang-undang.

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat, kita tidak cukup masa tetapi saya mesti memperjelaskan. Yang pertama, masalah yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi mengenai ada tidak betul data, 999 itu. Itulah satu perkara-perkara yang kita dapati timbul daripada sistem yang sedia ada yang tidak dapat diintegrasikan. Jadi, maklumat-maklumat yang keluar telah tidak tepat. Inilah isu-isu, perkara-perkara yang kita hendak bersihkan dalam hak milik tanah yang berjumlah 58,000 itu tadi. Ini kerana apabila data-data telah dibersihkan dan dimasukkan dalam komputer dengan betul, dengan tepat dan saya yakin perkara ini yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi tidak jadi masalah.

Mengenai perkara undang-undang, kita memang bersetuju dengan Yang Berhormat. Hal ehwal tanah ini, memang undang-undang adalah juga penting. Jadi, bagi kita, kita ada seorang pegawai undang-undang di kementerian yang membantu seksyen ini dan juga kita ada dua orang pegawai undang-undang di Pejabat Tanah, jadi mereka inilah membantu seksyen ini dalam perkara ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua itu sahaja perkara yang mengenai hal tanah ini saya hendak sentuh.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Yang Berhormat Menteri, boleh sedikit soalan ringkas, pendek sahaja untuk saya perjelaskan. *Last*, saya tidak tanya sudah bab e-tanah Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri boleh berpindah tajuk lain. Satu penjelasan yang belum lagi Yang Berhormat Menteri kongsi dengan kita dalam Dewan yang

mulai ini ialah, Yang Berhormat Menteri memperakui ada kelemahan dalam perjalanan e-KPTG walaupun ianya berasas pada sistem maklumat bersepadu dan sebagainya. Ada kelemahan, setuju?

Persoalan yang saya timbulkan ialah kenapakah setelah menyedari kelemahan itu, langkah menambah baiknya itu tidak dilakukan dengan mengekalkan struktur yang sedia ada. Kenapa perlu untuk mengadakan pula satu program baru yang wujud pertindihan dari segi skop kerja. Jadi apakah Yang Berhormat Menteri boleh berkongsi sama ketika mengerakkan program e-KPTG ini, kementerian berbelanja banyak mana? Apa jadi kepada perbelanjaan seperti itu kerana ianya sekarang sudah pun dilakukan oleh e-tanah? Itu dua perkara yang saya bangkit. Terima kasih

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ini mungkin belum memahami apa bezanya e-KPTG dengan e-tanah. Saya ingin menjelaskan sekali lagi bahawa e-tanah ini adalah merangkumi pengurusan semua tanah di seluruh negara kita tetapi bagi e-KPTG ianya hanya mengatur urusan mengenai tanah Persekutuan yang diuruskan oleh jabatan e-KPTG. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah penjelasan saya buat kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, isu pengairan dan saliran, beberapa Ahli Yang Berhormat telah pun membangkitkan mengenai isu banjir di beberapa tempat seluruh negara. Yang pertama Yang Berhormat dari Jerai telah pun membangkitkan masalah banjir yang berlaku di Yan, Kuala Muda. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran telah mengambil langkah jangka pendek bagi mengatasi masalah banjir di daerah Yan, Kedah termasuk di sekitar kaki Gunung Jerai. Skop projek meliputi kerja-kerja mendalam dan melebar Sungai Gurun *division* sepanjang 11 km yang dijalankan dan kos berjumlah RM150,000.

Untuk langkah jangka panjang, RTB Sungai Gurun *division* telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk kerja-kerja ukur dan reka bentuk. Bagi Yang Berhormat dari Pendang juga menyentuh mengenai masalah banjir di kawasan beliau. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran telah pun melaksanakan kajian untuk menangani masalah banjir di Daerah Pendang termasuk kawasan berdekatan Lebuh Raya Utara-Selatan.

Kajian yang dimaksudkan ini ialah Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir dan Pengurusan Sungai Kedah yang telah disiapkan pada tahun 2007. Hasil kajian tersebut berupa skop kerja telah pun dikenal pasti. Masalah banjir di Bagan Serai, untuk makluman Yang Berhormat punca utama banjir di Bagan Serai ialah hujan lebat di kawasan tadahan Sungai Kurau dan bukan disebabkan oleh laluan kembar KTM yang sedang dalam pembinaan di kawasan ini. Di samping itu juga, tindakan untuk melepaskan air dari kolam Bukit Merah bagi menjamin kestabilan *embankment* empangan dan kestabilan landasan KTM yang melintas kolam ini apabila paras ini mencapai aras bahaya semasa banjir turut menyebabkan kejadian banjir di kawasan berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Sri Gading yang juga membangkitkan mengenai masalah banjir besar yang berlaku di Daerah Batu Pahat tahun 2006 telah mencadangkan supaya Projek Tebatan Banjir dilaksanakan untuk mengatasi masalah tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran akan melaksanakan projek-projek tebatan banjir jangka pendek dan jangka panjang bagi mengatasi masalah banjir di daerah Batu Pahat. Sebagai langkah segera pihak JPS akan melaksanakan kerja-kerja membuang, merodak, dan mendalam Sungai Simpang Kiri, Simpang Kanan dan Sungai Bengkok serta menjalankan kerja-kerja di muara Batu Pahat di bawah di bawah Projek Tebatan Banjir Negeri Johor. Kos keseluruhan projek ini adalah dianggarkan berjumlah RM128 juta dan pembinaan fizikal projek pelaksanaan akan dimulakan Februari 2009.

Di samping itu, JPS juga sedang melaksanakan Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir bagi lembangan Sungai Batu Pahat. Matlamat ini adalah untuk mengenal pasti isu dan masalah yang menyebabkan kejadian-kejadian banjir. Kajian ini dijangka siap pada awal tahun 2009 dan akan mengesyorkan pelbagai kaedah-kaedah pencegahan yang bersesuaian untuk mengatasi masalah banjir jangka panjang untuk membolehkan kementerian menjalankan projek untuk membantu di daerah Batu Pahat dan kawasan sekitarnya.

■1850

Bagi Yang Berhormat Simpang Renggam Johor, untuk makluman Yang Berhormat, JPS melalui perundingan BZA Consultant sedang menjalankan kajian projek induk tebatan banjir bagi daerah Kluang. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti isu dan masalah yang menyebabkan kejadian banjir di daerah Kluang serta mengesyorkan kaedah pencegahan yang bersesuaian untuk mengatasi masalah ini bagi jangka masa panjang di daerah yang meliputi Sungai Renggam, Simpang Renggam dan kawasan sekitarnya. Kajian ini juga telah bermula Januari 2008 dan dijangka siap pada Januari 2009.

Mengenai pelantikan juru ukur bagi pelaksanaan projek tersebut untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses pelantikan ini sebenarnya telah dimulakan pada bulan Februari 2008. Namun pelantikan juru ukur hanya dapat dibuat pada September 2008 kerana perlu menunggu cadangan skop kerja ukur daripada syarikat perunding BZA Consultant serta memastikan pelantikan ini mematuhi semua prosedur perolehan kerajaan. Kini kerja-kerja ukur berkaitan sedang giat dijalankan oleh juru ukur semenjak September 2008 dan dijangka siap dalam bulan hadapan. Manakala kajian yang dijalankan sebelum ini untuk menyelesaikan masalah banjir di kawasan Simpang Renggam, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kajian ini adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pontian juga menyentuh supaya kerajaan memantau parit-parit dan sungai-sungai di kampung-kampung supaya didalamkan bagi mengelakkan masalah banjir berlaku. Selain itu beliau juga menyarankan supaya masalah hakisan pantai khususnya daerah Pontian juga diberi perhatian dengan menyediakan peruntukan

khas yang mencukupi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran memang mempunyai program untuk melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan dan pembaikan sungai-sungai ke seluruh negara. Pemilihan satu sungai untuk melaksanakan projek-projek bergantung pada keadaan sungai tersebut dan peruntukan yang diadakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM390 juta telah diperuntukkan untuk program ini dan bagi tahun 2008 sebanyak RM91 juta telah pun diperuntukkan.

Berhubung dengan masalah hakisan pantai termasuk yang berlaku di daerah Pontian, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak JPS sentiasa memantau masalah ini dari masa ke semasa. Dalam pada itu JPS telah melaksanakan projek pengawalan hakisan pantai di Kuala Pontian Besar dengan kos RM3.9 juta. Projek ini yang bermula pada Ogos 2008 telah siap pada Oktober 2007. Di samping itu pembaikan di kawasan yang mengalami hakisan sedang dilaksanakan di bandar Pontian dan kos sebanyak RM200 ribu. JPS juga telah melaksanakan program jangka masa panjang untuk menangani masalah hakisan di bandar Pontian.

Yang Berhormat Wangsa Maju telah pun bertanya sama ada langkah telah diambil oleh kementerian ini sebagai tindakan susulan kepada Laporan Ketua Audit Negara untuk mengutip denda sejumlah RM49.4 juta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran telah pun mula mengambil tindakan terhadap kontraktor termasuk menahan pembayaran yang tertunggak kepadanya. Berhubung dengan denda ataupun ganti rugi yang ditetapkan dalam perjanjian kontrak berjumlah RM49.4 juta yang dinyatakan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2007, untuk makluman Yang Berhormat mengenai perkara ini, sebarang tindakan untuk mengutip ganti ruginya akan diambil selepas proses memuktamadkan akaun projek selesai. Langkah ini adalah perlu bagi menentukan jumlah ganti rugi yang sepatutnya dibayar oleh kontraktor setelah semua isu yang berkaitan dengan kontrak diselesaikan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai perkara isu pemanasan global. Yang Berhormat dari Petaling Jaya membangkitkan isu ini maknanya mengenai komitmen Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemanasan global dan perubahan iklim serta penipisan lapisan ozon adalah fenomena yang saling berkaitan di antara satu sama lain. Namun fenomena ini adalah berbeza dari segi punca yang menyebabkan proses-proses terlibat dan kesan atau ancaman yang dibawa olehnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memandang serius ancaman pemanasan global dan perubahan iklim dan telah mengambil beberapa langkah untuk menanganinya. Memandangkan isu perubahan iklim merupakan isu yang merentas sektor, maka langkah-langkah yang diambil bukan sahaja oleh kementerian ini bahkan melalui kementerian-kementerian yang lain. Sehubungan itu kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perubahan Iklim yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menyelaraskan tindakan-tindakan yang perlu diambil menerusi dasar dan strategi untuk

menangani isu perubahan iklim di Malaysia. Kementerian juga sedang dalam proses menggubal rangka kerja dasar mengenai perubahan iklim.

Di samping itu kementerian juga sedang giat menyediakan inventori *green house gases* secara berterusan untuk membantu negara dalam mempunyai langkah-langkah mitigasi dan adaptasi. Kami sedang juga menyediakan komunikasi kebangsaan yang kedua untuk dikemukakan kepada UNFCCC dan dokumen ini merangkumi inventori tentang pelepasan antropogeni. Di peringkat domestik, persiapan dan tindakan kerajaan bagi menangani perubahan iklim dan impak daripada terbahaginya dua pendekatan. Satu pendekatan mitigasi dan adaptasi. Bagi pendekatan mitigasi ialah langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau seperti karbon dioksida dan metanol, manakala pendekatan adaptasi adalah langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan kesan perubahan iklim kepada manusia dan alam sekitar.

Melalui pendekatan mitigasi langkah-langkah yang diambil bukan sahaja oleh kementerian ini tetapi kementerian-kementerian yang lain. Di samping itu kementerian juga sedang menggiatkan kempen kesedaran alam sekitar dengan kerjasama dengan pelbagai badan bukan kerajaan bagi menyedarkan orang awam dan juga para pelajar tentang langkah-langkah yang boleh diambil bagi menghadapi masalah perubahan iklim.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kepong bangun Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas: Kami yakin dan berharap semua langkah ini akan menyumbang kepada pengurangan *green house gases* bagi membantu kami menghadapi cabaran-cabaran dalam menangani isu ini. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang ada masalah panas dan hujan. Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Walaupun di Sri Gading itu, Yang Berhormat Ahli Parlimen di situ tidak mengambil endah langsung mengenai masalah kepanasan, masalah banjir dan sebagainya. Saya pun tahu.

Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat terangkan selain daripada langkah untuk mengurangkan karbon dioksida dan sebagainya, memang itu satu langkah yang perlu dibuat. Apakah *study* yang lain untuk mengurangkan gas-gas seumpama ini dan di sini bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada kita jawatankuasa yang disebutkan ini? Sejak ditubuhkan berapa kalikah sudah ada mesyuarat untuk membincangkan terutamanya apakah dari segi seluruh dunia, peratusan yang kita sumbang gas seperti ini? [Disampuk] Itu soalan yang pokok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah soalan Yang Berhormat. Hendak bagi Petaling Jaya Utara minta penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kita hendak tahu setakat mana kita sumbang kepada kerosakan di dunia ini?

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Minta penjelasan. Soalan saya...

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat, saya hendak jawab dahulu. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ini kadang-kadang tidak ada di dalam Dewan ini. Maka Yang Berhormat tidak tahu, Yang Berhormat dari Sri Gading selalu berbincang pasal *climate change* ini. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya tidak hendak mengulangi apa yang telah dikemukakan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi tadi kerana beliau telah pun menggariskan dengan terperinci beberapa langkah yang telah diambil oleh kementerian dan kerajaan untuk menangani masalah ini. Untuk soalan Yang Berhormat, berapa sumbangan kita? Negara kita hanya menyumbang 0.6% dari seluruh GNG di seluruh dunia, kecil.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Adakah kementerian bercadang supaya menghapuskan gas kloro karbon yang mana digunakan di bidang hawa dingin. Sebab kalau mengikut Montreal Protokol, pada 2020 sepatutnya Malaysia akan mengikut langkah perjanjian dengan Montreal Protokol ini supaya gas karbon ini dikurangkan.

■ 1900

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat, boleh Yang Berhormat sabar kerana akan menjawab soalan Yang Berhormat nanti. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berhubung dengan lapisan ozon, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, kerajaan juga telah memandang serius kesan-kesan fenomena yang boleh mengancam kehidupan manusia sejagat di dunia ini termasuk negara kita. Justeru seperti mana isu pemanasan dunia dan perubahan global, mengambil berat, kerajaan komited kepada usaha-usaha untuk menangani isu penipisan lapisan ozon. Di peringkat antarabangsa, Malaysia telah menyertai negara-negara lain untuk melindungi lapisan ozon dengan meratifikasikan Konvensyen Vienna dan Protokol Montreal pada 29 Ogos 1989. Protokol Montreal adalah bertujuan untuk mengawal pelepasan bahan-bahan pemusnah ozon atau *ozone depleting substances* dengan izin, serta *chlorofluorocarbon* (CFC).

Malaysia sebagai ahli pada Protokol Montreal mempunyai obligasi untuk menghapuskan penggunaan bahan CFC menjelang 1 Januari 2010. Bagi mencapai objektif dan sasaran ini kerajaan telah merangka pelan kebangsaan penghapusan CFC. Di bawah pelan ini beberapa strategik dan program dilaksanakan ke arah mengurangkan penggunaan CFC dan bahan-bahan pemusnahan ozon yang lain.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Antara langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan semenjak 1989 termasuk menguatkuasakan undang-undang peraturan dan garis panduan untuk mengawal penggunaan ODS termasuk memantau pengimportan bahan-bahan ODS, mengharamkan semua pemasangan helium yang baru, mengharamkan penggunaan CFC dalam operasi-operasi

pembuatan yang baru. Melarang penggunaan CFC dan lain-lain gas seperti *propane* dan agen perkembangan. Sehubungan dengan ini Jabatan Alam Sekitar sebagai *focal point* bagi aktiviti perlindungan lapisan ozon telah merancang pelbagai aktiviti sepanjang tahun untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang perlindungan lapisan ozon.

Antara aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar adalah pameran di tempat-tempat awam, menganjurkan kempen kesedaran alam sekitar, seminar dan sesi ceramah yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah, IPT dan swasta. Menerbitkan risalah, buku dan CD berkaitan dengan perlindungan lapisan ozon untuk diedarkan ke sekolah-sekolah dan orang awam. Menyertai sambutan Hari Ozon Antarabangsa 2008. Setakat ini tahap pencapaian penghapusan bahan pemusnah ozon adalah baik. Di kalangan negara-negara yang sedang membangun, Malaysia mendahului dalam usaha menghapuskan bahan-bahan pemusnah ozon dan kejayaan ini diterap oleh Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Menerusi usaha ini Malaysia telah berjaya mengurangkan penggunaan semua jenis bahan pemusnah ozon daripada 4,193.6 metrik tan pada tahun 1990 kepada 394 metrik tan pada tahun 2007. Dalam pada itu, kita juga percaya mengurangkan penggunaan...

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Datuk Douglas Uggah Embas: CFC daripada 3,422 metrik tan pada tahun 1995....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan ingin mencelah Yang Berhormat...

Datuk Douglas Uggah Embas: 234 metrik tan pada tahun 2007.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Memandangkan gas-gas CFC ini digunakan di kebanyakan industri hawa dingin, kebanyakan isi rumah dengan penggunaan hawa dingin yang *small speed unit* ini. Mereka *almost* 90% menggunakan gas CFC ini. Apakah langkah kerajaan untuk mencadangkan untuk *replace* gas ini. Apakah gas yang akan dicadangkan oleh kementerian pada masa akan datang supaya CFC ini dapat dikurangkan penggunaan atau dihapuskan sepenuhnya pada 2020. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, kementerian tidak akan menukarkan gas ke rumah-rumah, termasuk rumah Yang Berhormat kerana ini tidak perlu kerana apa yang berlaku adalah beberapa syarikat telah pun bersetuju untuk tidak menggunakan CFC ini untuk mengeluarkan termasuk pengeluaran *air-conditioner* ini. Mereka akan menggunakan sistem yang tidak seperti CFC. Untuk maklumat Yang Berhormat kita telah pun membantu syarikat-syarikat ini untuk menukar sistem dan mesin-mesin, alat-alat mereka. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini kita telah pun mendapat bantuan sebanyak USD11.5 juta. Bantuan ini adalah kita dapat dari Tabung Pelbagai Hala (Multilateral Fund) yang ditubuhkan oleh antarabangsa. Jadi, Tuan Yang di-Pertua akhirnya mengenai Yang Berhormat juga mencadangkan kita menggunakan cukai karbon untuk menggalakkan masyarakat agar lebih

peka kepada usaha-usaha memelihara alam sekitar. Saya suka memaklumkan cadangan ini perlu dikaji secara mendalam kerana isu ini adalah merentasi pelbagai sektor dan melibatkan bidang kuasa kementerian-kementerian yang lain.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan kepentingan pemulihan biologi dan biodiversiti. Untuk makluman Yang Berhormat pada masa ini kementerian akan menyediakan inventori biodiversiti di Malaysia sebagai langkah mengenal pasti kekayaan flora dan fauna yang sedia ada dan spesies yang baru agar sumber-sumber ini dapat dipelihara dan dijana sebagai salah satu sumber ekonomi negara. Ini adalah penting kerana kekayaan biodiversiti ini memberikan faedah kepada pembangunan negara sebagai sumber bahan makanan dan komoditi pemasaran, sumber bahan produk bukan balak dan juga sumber bahan perubatan dan herba, penyumbang kepada industri pelancongan dan sumber perkhidmatan ekosistem seperti air bersih, udara segar, kawasan perlindungan dan kawasan-kawasan riadah dan rekreasinya. Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah perkara-perkara yang telah disentuh mengenai kementerian saya yang saya jawab.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Minta penjelasan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Perkara-perkara yang tidak saya jawab, saya akan jawab dengan bertulis, terima kasih.

7.07 mlm.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Panglima Lajim Ukin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi Pihak Kementerian Pengangkutan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan menyentuh mengenai perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan, Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2009. Sesungguhnya Kementerian Pengangkutan menghargai semua pandangan, teguran dan saranan serta cadangan-cadangan daripada Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada pertanyaan Yang Berhormat Gopeng mengenai dengan status cadangan untuk menaikkan taraf Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh, serta cadangan membina lapangan terbang yang baru di lokasi yang lain.

Isu ini sebenarnya telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gopeng pada sesi bulan Mei dan bulan Jun 2008 yang lalu serta telah dijawab dan dijelaskan dalam Dewan yang mulia ini. Namun begitu, isu ini masih lagi dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gopeng. Oleh yang demikian, saya berharap jawapan dan penjelasan yang akan saya berikan ini perlulah didengar, diberi perhatian oleh beliau supaya tidak lagi mengulangi soalan yang sama di Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kementerian tidak bercadang untuk menaikkan taraf Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh kerana didapati projek ini tidak *viable* dan adalah berasaskan kepada perkara-perkara seperti berikut;

- (i) pada tahun 1998 apabila KLIA mula beroperasi, prestasi trafik penumpang telah merosot dari tahun demi tahun dan pada tahun 2003

Lapangan Terbang Ipoh telah mengendalikan sebanyak 115,286 penumpang. Jumlah penumpang telah merosot kepada 103,123 pada tahun 2004 dan tahun 2006 pula jumlah penumpang hanya sebanyak 64,711 dan pada tahun 2007 pula Lapangan Terbang Ipoh hanya mengendalikan sebanyak 814 penumpang;

- (ii) syarikat-syarikat penerbangan berjadual seperti MAS, AirAsia, Jatayu Airlines, Kartika Air, Merpati Nusantara, telah menamatkan operasi masing-masing. Lapangan Terbang Ipoh dikelilingi oleh taman-taman perumahan, padat dan sebarang pembesaran yang melibatkan pengambilan tanah akan melibatkan kos yang tinggi;
- (iii) masalah pencemaran bunyi kerana lapangan terbang ini terlalu hampir dengan kawasan perumahan dan terdapat juga objek-objek yang dianggap sebagai halangan-halangan yang sedia ada iaitu bukit-bukau, tiang-tiang lampu, menara telekomunikasi serta bangunan-bangunan tinggi yang berada berhampiran dengan lapangan terbang ini.

■1910

Sebarang tindakan untuk merobohkan atau mengalihkan gelanggang tersebut akan melibatkan kos yang amat tinggi. Memandangkan kepada kadar penurunan drastik yang begitu ketara serta halangan-halangan yang telah dinyatakan, kementerian tidak mempunyai perancangan untuk menaikkan taraf serta membina sebuah lapangan terbang baru di Ipoh.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lawas telah membangkitkan isu dan meminta supaya MASwings mengadakan penerbangan tambahan ke destinasi-destinasi *Rural Air Services*, dengan izin RAS terutama sekali bagi *flight* bagi laluan Miri-Bakalalan dan Miri-Bario. Beliau juga menyatakan bahawa pesawat-pesawat yang dimiliki oleh MASwings adalah lama dan bagi tujuan keselamatan ianya perlu diganti dengan pesawat-pesawat yang baru.

Untuk makluman Yang Berhormat Lawas, MASwings kini tidak berupaya untuk meningkatkan frekuensi penerbangannya terutama sekali laluan-laluan pedalaman yang menggunakan pesawat Twin Otter kerana yang mengalami masalah kekurangan pesawat. MASwings sebelum ini juga beroperasi dengan menggunakan lima buah pesawat Twin Otter dan tujuh pesawat Fokker 50 bagi operasi RAS. Akan tetapi ekoran kemalangan yang berlaku pada 13 September 2008 di Ba'Kelalan, sebuah pesawat Twin Otter telah mengalami kerosakan yang teruk menyebabkan ia tidak boleh beroperasi lagi. Keadaan ini menyebabkan pihak syarikat penerbangan hanya mampu meneruskan operasinya dengan menggunakan empat buah pesawat Twin Otter dan tujuh buah pesawat Fokker 50 serta sebuah pesawat ETR 72.

Selain faktor kekurangan pesawat, bagi kebanyakan laluan di pedalaman adalah tidak memberangsangkan dan tidak mendapat menjustifikasikan cadangan untuk menambah kekerapan penerbangan ke laluan-laluan tersebut. Penambahan kekerapan penerbangan akan

melibatkan kos yang tinggi dan sekiranya tidak dapat di tampung dengan penjualan tiket, kerugian yang dialami oleh MASwings akan meningkatkan jumlah subsidi yang akan ditanggung oleh pihak kerajaan.

Menyentuh mengenai isu penggantian pesawat, suka saya maklumkan bahawa syarikat berkenaan sememangnya mempunyai perancangan untuk menggantikan pesawat-pesawat yang lama dengan pesawat-pesawat yang baru. Dalam hal ini MASwings telah pun membuat pembelian pesawat baru jenis ETR 72 bagi menggantikan pesawat Fokker 50 yang sudah uzur secara berperingkat-peringkat. Walau bagaimanapun, penggunaan pesawat Twin Otter untuk destinasi ke kawasan pedalaman terpaksa diteruskan kerana pihak MASwings perlu menunggu sehingga tahun 2011 untuk menerima pesawat-pesawat baru tersebut. Selain itu penggantian pesawat Twin Otter juga akan melibatkan kos yang tinggi kepada kerajaan di mana sewa pajakan bagi sebuah pesawat Twin Otter yang baru adalah di sekitar USD 50,000 sehingga USD 60,000 sebulan berbanding dengan sewa pajakan pesawat sedia ada dalam kadar USD 20,000 sebulan.

Berhubung dengan keselamatan pesawat tersebut, adalah dimaklumkan bahawa semua pesawat yang digunakan oleh syarikat-syarikat penerbangan di Malaysia dikehendaki memenuhi segala keperluan teknikal yang telah ditetapkan oleh Jabatan Penerbangan Awam atau DCA sebelumnya ia boleh diberikan sijil kelayakan terbang. Dalam hubungan ini semua pesawat-pesawat yang digunakan dalam operasi perkhidmatan penerbangan di pedalaman Sabah dan Sarawak juga diwajibkan memenuhi peruntukan syarat yang sama. Ini bagi memastikan pesawat-pesawat yang digunakan oleh syarikat ini adalah selamat.

Semua pengusaha perkhidmatan udara diwajibkan mematuhi piawaian keselamatan yang telah ditentukan oleh Jabatan Penerbangan Awam. Jika piawaian tersebut tidak dipatuhi mengikut peraturan-peraturan penerbangan awam 1996, permit perkhidmatan udara dan perakuan pengagihan udara, AOC mereka boleh digantung atau dibatalkan oleh Ketua Pengarah Penerbangan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kinabatangan telah membangkitkan isu supaya AirAsia mempertimbangkan penggunaan *aerobridge* di lapangan terbang yang menyediakan kemudahan tersebut dengan tujuan untuk memudahkan orang ramai terutama sekali warga tua dan orang sakit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, model perniagaan yang dijalankan oleh AirAsia ialah berbentuk kos rendah, memaksa mereka untuk mengurangkan kos seperti semimumimum mungkin.

Bagi membolehkan harga tambang yang murah dapat ditawarkan kepada penumpang, dalam hubungan ini penggunaan *aerobridge* merupakan salah satu daripadanya. Sungguhpun begitu, AirAsia akan menggunakan *aerobridge* sekiranya hari hujan dalam keadaan-keadaan yang memerlukan. Sebagai contoh yang terdapat di lapangan terbang murah KLIA dan juga Kinabalu, digunakan sekiranya terdapat penumpang-penumpang daripada warga tua atau warga sakit yang memerlukan kemudahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan hutang AirAsia kepada MHB, sebenarnya hutang ini adalah sebanyak RM80.1 juta dan bukan RM110 juta yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju. Pihak MHB dan AirAsia telah memaklumkan bahawa kedua-dua pihak telah pun mencapai penyelesaian dan persetujuan untuk menangani isu pembayaran hutang tertunggak yang merangkumi cacat penerbangan oleh AirAsia. Saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, bahawa pihak AirAsia telah pun menjelaskan hutang mereka iaitu berjumlah RM80.7 juta pada bulan Ogos tahun 2008.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, juga terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan jumlah hutang ini RM80.1 juta.

Ketika sesi Parlimen Julai, Yang Berhormat Timbalan Menteri juga memberitahu Dewan yang mulia ini hutangnya RM110 juta. Hutang ini terhadap *airport tax* yang telah dikutip oleh AirAsia, sama ada ini satu amalan yang tidak baik di mana satu syarikat swasta boleh hutang cukai daripada kerajaan. Saya hendak tahu sebab *airport tax* ini telah dibayar oleh pelanggan, *was paid by the passengers already* sedangkan mereka ini kutip sahaja. Mereka berhutang untuk enam tahun sama ada *interest* dikenakan terhadap AirAsia ini, itu yang penting, satu.

Kedua, saya juga ada membangkitkan mengenai dengan *deferred taxation* berjumlah lebih kurang RM500 juta yang diberi hak keistimewaan kepada AirAsia ini. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaskan kenapakah *airport tax* ini boleh dihutangkan sedangkan wang ini telah dibayar oleh rakyat? Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun di Dewan yang mulia ini saya ataupun Yang Berhormat Menteri telah pun menjawab tetapi sebelum itu sebenarnya pihak AirAsia telah pun membayar dan bayaran akhir ialah pada bulan Ogos tahun 2008 seperti jumlah RM80.7 juta. Mengenai dengan *deferred tax* nanti saya akan jawab Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Soalannya kenapakah kerajaan memberi hak keistimewaan ini kepada Air Asia untuk hutang? *Airport tax* di mana telah dibayar? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Nanti saya jawab Yang Berhormat. Kedua mengenai dengan kaedah perakaunan tertunda ataupun *deferred tax* dengan izin, Yang Berhormat Wangsa Maju telah mendakwa bahawa AirAsia telah membuat *creative accounting* dengan izin, untuk menipu rakyat ataupun *investing public* dengan membuat *deferred taxation* sebanyak RM558 juta pada tahun 2008 dan jumlah ini dianggap sebagai *profit* dalam penyata untung rugi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ini kaedah perakaunan cukai tertunda untuk aset atau liabiliti adalah tertakluk kepada *Financial Reporting Standards* dengan izin, IFRS 112 yang dikeluarkan oleh *Malaysian Accounting Standards Board*, MASB yang ianya adalah selaras dengan piawaian laporan kewangan yang diguna pakai oleh pengamal perakaunan sedunia.

Selain itu sebagai sebuah syarikat di Malaysia, pertamanya yang tersenarai dalam Bursa Malaysia mestilah mematuhi Akta Syarikat atau semua piawaian perakaunan yang berkuat kuasa. Sekiranya terdapat mana-mana piawaian standard perakaunan-perakaunan yang berkuat kuasa tidak dipatuhi, juruaudit akan melaporkan semua ketidakpatuhan atau *non compliance* dalam laporan audit. Dalam hubungan ini, AirAsia telah mengesahkan bahawa mereka telah memeriksa laporan juruaudit yang disediakan oleh Price Waterhouse yang terkandung dalam laporan tahunan AirAsia yang tidak menemui sebarang nota mengenai dengan tidak kepatuhan atau *non compliance* kepada undang-undang atau peraturan yang berkuasa.

■1920

Maka laporan perakaunan atas aset atau liabiliti, cukai tertunda melalui penyata untung rugi AirAsia tidaklah mengelirukan. Carta bukan direka oleh AirAsia tetapi adalah seperti aman yang diperuntukkan dan dikehendaki oleh piawaian standard perakaunan berkenaan.

Sehubungan dengan itu, dakwaan bahawa AirAsia telah membuat *creative accounting*, dengan izin untuk menipu rakyat ataupun *misleading the public* dengan membuat *defect taxation* adalah tidak benar. Tuan Yang di-Pertua, ingin saya merujuk kepada pertanyaan Yang Berhormat Mokhtar mengenai keperluan *Low Cost Carrier Terminal* atau LCCT di Kuching untuk memanfaatkan sektor pelancongan di Sarawak dan Sabah. Berhubung dengan perkara ini saya ingin menjelaskan kepada Yang Berhormat Mukah bahawa...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Minta penjelasan.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: ...Buat masa ini kementerian tidak bercadang untuk membina LCCT di lapangan Terbang Kuching serta terminal yang sedia ada yang baru dibina dan telah beroperasi dengan baik dan selesa di lapangan terbang tersebut.

Saya tidak bagi laluan lagi.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Alamak, takutkah?

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Di samping itu juga kerja-kerja pembinaan Lapangan Terbang Kuching sedang rancak berjalan dan apabila semuanya siap nanti akan dapat menampung lagi pesawat operasi pesawat Boeing 747, mempunyai kemudahan yang lebih luas, *parking apron* yang lebih luas. Dengan adanya kemudahan yang saya nyatakan tadi, maka keperluan untuk mengadakan satu lagi LCCT khususnya di lapangan terbang tersebut tidak lagi timbul.

Yang Berhormat Mukah juga telah meminta untuk menambahkan perjalanan kapal terbang daripada Sabah dan Sarawak ke Singapura, Manila dan Taiwan. Tuan Yang di-Pertua, bagi perjalanan di antara Sabah dan Sarawak MAS mempunyai penerbangan terus atau *direct fly* sebanyak tiga kali seminggu daripada Kota Kinabalu ke Singapura. Selain itu MAS juga menyediakan perkhidmatan tujuh kali seminggu bagi penerbangan Kota Kinabalu-Singapura melalui Kuching.

Bagi perjalanan di antara Sarawak-Singapura pula, MAS masa ini mempunyai penerbangan terus atau *direct fly* sebanyak tujuh kali seminggu daripada Kuching ke Singapura. Selain itu MAS juga mengadakan perkhidmatan bagi kedua-dua laluan ini melalui perkongsian kod atau *code share* dengan syarikat penerbangan Singapura. Dalam hal ini, MAS dan 'Shared Air' mengadakan tujuh kali seminggu bagi Kota Kinabalu-Singapura dan enam kali seminggu bagi Kuching-Singapura secara *code share*. Secara keseluruhannya, MAS beroperasi 17 kali seminggu bagi laluan Kota Kinabalu-Singapura dan 13 kali seminggu bagi laluan Kuching-Singapura.

Walau bagaimanapun purata *load factor* bagi laluan Kota Kinabalu dalam tempoh Januari-Ogos tahun 2008 adalah di bawah paras 40%. Bagi laluan Kuching-Singapura purata *load factor* adalah di bawah 60%.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rasah ingin mencelah Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Saya tidak bagi laluan. Dalam perkembangan terkini, syarikat penerbangan tambang murah Malaysia dan Singapura telah dibenarkan beroperasi bagi laluan-laluan di antara Sabah-Sarawak ke Singapura. Bermula pada 1 November 2008, AirAsia dibenarkan menjalankan perkhidmatan tambang murah sehingga tujuh kali seminggu bagi laluan Kota Kinabalu-Singapura, Kuching-Singapura dan Miri-Singapura. Selain itu syarikat penerbangan tambang murah daripada Singapura Tiger Airways akan turut dibenarkan mengadakan penerbangan tujuh kali seminggu bagi laluan Singapura dan Singapura-Miri.

Manakala Jet Star Airways akan mengadakan penerbangan tujuh kali seminggu bagi laluan Singapura-Kota Kinabalu. Kekekapan operasi penerbangan tambang murah bagi ketiga-tiga laluan ini ditingkatkan kepada 14 kali seminggu menjelang tahun 2009. Bagi perkhidmatan di antara Sabah dan Manila, adalah dimaklumkan bahawa ianya sebelum ini menyediakan penerbangan Kuala Lumpur-Kota Kinabalu. Walau bagaimanapun setelah mendapat purata *load factor* laluan ini bagi tempoh Januari sehingga Julai tahun 2008 adalah amat rendah iaitu kurang daripada 50%.

MAS telah mengadakan penerbangan terus atau *direct fly* daripada Kuala Lumpur-Manila dan hanya mengadakan penerbangan tambahan dengan izin *extra flight* daripada Kota Kinabalu ke Manila dari semasa ke semasa. Penerbangan ini dijadualkan bermula pada 10 dan 24 Disember tahun 2008 dua kali seminggu bagi menampung permintaan bermusim. Pada masa ini juga MAS beroperasi dua kali seminggu di antara Kota Kinabalu-Sibu manakala Sibu Pasifik beroperasi tiga kali seminggu daripada Manila ke Kota Kinabalu.

Bagi penerbangan Taiwan, MAS pada masa ini mengadakan penerbangan harian tujuh kali seminggu daripada Kota Kinabalu-Taipei-Kou Shuang yang MAS dapati kekekapan adalah mencukupi untuk menampung jumlah penumpang ke Taiwan. Dalam hubungan ini, kementerian mendapati kekekapan penerbangan seperti yang dinyatakan di atas adalah mencukupi buat masa

ini. Walau bagaimanapun kementerian sentiasa memantau perkara ini secara teliti dan sekiranya terdapat permintaan yang tinggi atau peningkatan trafik yang signifikan, MAS serta AirAsia akan mempertimbangkan untuk menambahkan kekerapan destinasi-destinasi tertakluk kepada hal-hal trafik di antara Malaysia dengan negara-negara tersebut.

Selain itu, Yang Berhormat Mukah juga telah membangkitkan sama ada bandar-bandar di Sabah dan Sarawak seperti Miri, Bantong dan Sarikei dapat dibangunkan perkhidmatan LRT atau komuter seperti di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur kerana pengangkutan darat yang cekap adalah penting untuk meningkatkan sektor pelancongan di Sabah dan Sarawak. Pada masa ini kerajaan tidak mempunyai sebarang perancangan untuk mengadakan projek-projek pengangkutan *rail* seperti LRT atau komuter di Sabah dan Sarawak.

Bagi memastikan perkhidmatan yang cekap dan berdaya maju, pengguna perkhidmatan tersebut harusnya secara purata mempunyai 150,000 sehingga 300,000 penumpang sehari seperti di Lembah Klang. Namun yang demikian, sekiranya terdapat keperluan perkhidmatan LRT dan komuter di bandar-bandar di Sabah dan Sarawak, pihak kerajaan akan meneliti dan mengkaji terhadap cadangan tersebut.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada pertanyaan Yang Berhormat daripada Pontian mengenai keperluan membangkitkan sistem LRT di Lembah Klang. Pada masa ini bagi meningkatkan kecekapan serta menambah baik sistem pengangkutan berasaskan rel di Lembah Klang, kerajaan sedang mengambil tindakan untuk memanjangkan jajaran bagi kedua-dua sistem LRT yang sedia ada Lembah Klang sejauh 30 kilometer iaitu masing-masing sepanjang 15 kilometer bagi Aliran Kelana Jaya dan Aliran Ampang-Sri Petaling.

Penambahbaikan ini membolehkan lebih ramai pengguna menggunakan kemudahan pengangkutan *rail* daripada Lembah Klang ke Kuala Lumpur. Pada masa ini kedua-dua sistem LRT tersebut mengangkut dengan purata seramai 150,000 hingga 170,000 penumpang sehari. Pemanjangan jajaran LRT ini dapat mengurangkan kesesakan jalan raya kerana perjalanan pengangkutan rail adalah lebih pantas, selamat, selesa dan menjimatkan kos. Apabila siap pada tahun 2011, kedua-dua projek ini akan memanfaatkan kira-kira 2.6 juta di kalangan penduduk koridor Subang Jaya-USJ, dan koridor Kinrara, Puchong berbanding 1.9 juta pada masa ini.

Yang Berhormat Kuala Krau telah mencadangkan kepada kerajaan supaya diwujudkan perkhidmatan yang lebih meluas kepada Pantai Timur, iaitu Pahang dan seterusnya ke Terengganu. Begitu juga Yang Berhormat Dungun telah juga membangkitkan cadangan yang sama dan menyentuh tentang cadangan untuk mengadakan perkhidmatan kereta api ke Terengganu sama ada melalui Mentakab atau pun Lipis.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kepong ingin mencelah Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Saya teruskan ucapan saya Tuan Yang di-Pertua. Pada masa ini rangkaian landasan kereta api KTMB di Pantai Timur tidak mempunyai laluan ke

Terengganu dan kebanyakannya tertumpu di pedalaman Kelantan dan negeri Pahang. Pada tahun 2003 sebuah landasan kereta api sepanjang 72 kilometer dengan sebuah landasan di Gabing 35 kilometer yang dibina oleh pihak Petronas untuk menghubungkan Kerteh dan Pelabuhan Kuantan. Walau bagaimanapun landasan ini hanya bertujuan untuk mengangkut komoditi berasaskan petroleum daripada kompleks petrokimia di Kerteh dan Pelabuhan Kuantan..

KTMB juga telah dilantik oleh Pihak ketiga iaitu KISC untuk menyediakan perkhidmatan operasi dan penyelenggaraan landasan berkenaan. Sehubungan dengan ini, cadangan-cadangan untuk mengadakan laluan ke Terengganu sama ada melalui Mentakab atau Lipis tersebut adalah dimaklumkan pada masa ini belum ada sebarang perancangan untuk mewujudkan perkhidmatan sedemikian di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Sekiranya justifikasi kukuh untuk menjalankan kajian kemungkinan ke atas cadangan-cadangan tersebut maka ianya akan dibawa untuk pertimbangan kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Yang Berhormat Subang ada membangkitkan tentang langkah-langkah yang diambil terhadap bas-bas ekspres yang terlibat dalam kemalangan seperti yang dinyatakan. Untuk makluman Yang Berhormat Serdang, satu Jawatankuasa Inkuiri telah ditubuhkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan atau LPKP bagi menyiasat kemalangan melibatkan bas ekspres. Perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

■ 1930

Yang Berhormat Serdang juga telah membangkitkan berhubung dengan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan terhadap bas-bas ekspres yang terus beroperasi secara tidak sah akibat daripada kelemahan dari segi penguatkuasaan. Jabatan Pengangkutan Jalan telah mengeluarkan sebanyak 15,817 saman pada tahun 2007 dan sebanyak 8,067 saman dari Januari hingga Ogos 2008 terhadap operator dan pemandu bas atas pelbagai kesalahan termasuk kesalahan beroperasi secara tidak sah.

Jabatan ini sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif bagi menangani masalah ini. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh jabatan ini seperti

- (i) mengadakan pemeriksaan bas-bas ekspres di 28 terminal bas di seluruh negara;
- (ii) mengadakan sekatan jalan raya bersama polis dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan atau LPKP membuat rondaan serta menahan bas-bas ekspres secara rawak dan membuat penyamaran bagi memastikan bas ekspres tersebut beroperasi secara sah; dan
- (iii) penguatkuasaan di atas bas-bas ekspres akan terus dikuatkuasakan bagi memastikan operator pengangkutan bas ekspres mematuhi semua

peraturan termasuklah aspek keselamatan bas untuk mengelakkan sebarang kemalangan jalan raya.

Sehubungan dengan pertanyaan Yang Berhormat Serdang mengenai dengan langkah-langkah kerajaan untuk memastikan pengangkutan awam negara ini setanding dengan negara-negara maju yang lain di mana jadual mestilah tepat, mencapai sasaran penumpang, efisien dan berkualiti. Saya ingin memaklumkan di sini bahawa kerajaan amat prihatin tentang masalah sistem pengangkutan awam di negara ini bagi menambah baik dan memodenkan sistem pengangkutan awam terutama sekali pengangkutan rel, kerajaan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) pembinaan landasan berkembar elektrik Rawang-Ipoh yang mampu meningkatkan kapasiti larian kereta api sebanyak 15 kali ganda daripada kapasiti pada masa kini;
- (ii) membina landasan berkembar antara Ipoh-Padang Besar yang dapat meningkatkan tahap keselamatan kapasiti landasan dan kecekapan operasi melalui peningkatan infrastruktur;
- (iii) pembinaan landasan berkembar elektrik Seremban-Gemas yang akan meningkatkan kapasiti penumpang dan kecekapan operasi; dan
- (iv) pembinaan landasan berkembar elektrik Sentul-Batu Caves yang membantu meningkatkan sistem pengangkutan rel terutamanya laluan Sentul-Batu Caves serta akan mempromosi Batu Caves sebagai destinasi utama untuk para pelancong;

Sementara itu bagi menambahbaikkan perkhidmatan LRT, kerajaan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) pembinaan lebih banyak kemudahan untuk orang kurang upaya atau OKU bagi membolehkan golongan istimewa ini mendapat perkhidmatan pengangkutan yang selesa dan berkualiti;
- (ii) membina terminal bersepadu di Tasik Selatan yang akan menjadikan sistem pengangkutan awam lebih efisien dan berkualiti dan dijangka siap pada penghujung tahun 2010;
- (iii) pemanjangan laluan sistem LRT yang sedia ada di Lembah Klang sejauh 30 kilometer bagi memanfaatkan 2.6 juta bilangan penduduk di sepanjang koridor Subang Jaya, USJ dan koridor Kinrara, Puchong;
- (iv) 35 set tren bagi aliran Kelana Jaya bagi menampung penumpang LRT yang telah mencapai kapasiti maksimum;
- (v) pembinaan laluan LRT baru sepanjang 42 kilometer dari Kota Damansara ke Cheras bagi menampung kapasiti melebihi 300 ribu penumpang sehari

dan pada masa yang sama mengurangkan kesesakan di Kuala Lumpur;
dan

- (vi) Kementerian Pengangkutan sedang menjalankan kajian mengenai dengan pelan induk pengangkutan awam di 13 buah bandar utama di Malaysia. Tujuan kajian ini adalah untuk merancang sistem pengangkutan awam yang lebih sistematik dan berkualiti dan akan siap pada penghujung atau awal tahun hadapan, tahun 2009.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Labuan pula ada meminta agar operasi perkhidmatan feri di antara Pelabuhan Menumbok dibuka kepada syarikat lain memandangkan perkhidmatan feri Labuan-Menumbok hanya dimonopoli oleh satu syarikat sahaja.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini dan juga Yang Berhormat Labuan, kerajaan negeri telah menswastakan perkhidmatan feri penumpang kenderaan laluan Labuan-Menumbok kepada Syarikat Labuan Ferry Corporation Sdn. Bhd. atau LFC dengan menjadikan eksekutif eksklusif untuk beroperasi dan berlabuh di Jeti Menumbok, Sabah untuk tempoh lima tahun bermula 1995, berakhir pada tahun 2000 dengan opsi untuk lanjutan selama sepuluh tahun. Selepas tempoh lima tahun tersebut, kerajaan negeri telah memperbaharui semua kontrak perjanjian dengan Syarikat LFC untuk tempoh sepuluh tahun di mana bermula pada 1 Jun 2000 hinggalah 21 Jun 2010.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun lesen untuk perkhidmatan feri adalah terletak di bawah bidang kuasa Lembaga Pelesenan Perkapalan Dalam Negeri, Kementerian Pengangkutan Malaysia, tetapi persetujuan hak berlabuh di Terminal Menumbok diperlukan terlebih dahulu daripada Kerajaan Negeri Sabah jika Kerajaan Persekutuan hendak membenarkan pengusaha feri yang lain beroperasi di laluan tersebut.

Mengikut perjanjian penswastaaan bagi laluan berkenaan, Kerajaan Negeri Sabah melalui Jabatan Pelabuhan dan Lembaga Sabah mempunyai hak untuk menimbang dan bersetuju atau menolak mana-mana permohonan syarikat lain untuk berlabuh di Terminal Menumbok. Sehubungan dengan itu, kementerian ingin menekankan bahawa perkhidmatan semasa ditawarkan oleh LFC sentiasa diamati dan dipantau bagi memastikan kepentingan para pengguna sentiasa terpelihara dan juga selamat.

Merujuk kepada pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Langkawi mengenai kejadian jeti di Kuala Perlis dan di Kuala Kedah yang tidak mesra pengguna dan menyusahkan terutama sekali apabila air surut, adalah dimaklumkan bahawa kementerian sedang melaksanakan projek pembaikan dan menaik taraf jeti-jeti penumpang dan guna sama di antara Kuala Perlis. Projek ini bermula pada 21 Ogos 2008 dan dijangka siap pada bulan April 2009 dengan kos sebanyak RM45.7 juta. Dalam pada itu projek penambahbaikan jeti penumpang Kuala Kedah telah siap sepenuhnya pada tanggal 29 April 2005 dengan kos sebanyak RM5.65 juta.

Yang Berhormat Langkawi juga telah membangkitkan isu pendalaman laluan feri di Kuala Perlis dan di Kuala Kedah. Untuk makluman, Jabatan Laut Malaysia telah menjalankan kerja-kerja pengorekan di Kuala Perlis pada 22 Disember 2006 dan siap pada 24 Julai 2007 dengan kos sebanyak RM31.5 juta, manakala di Kuala Kedah, kerja-kerja pengorekan telah dijalankan pada 10 April 2007 dan telah siap pada Februari 2008 dengan kos sebanyak RM26.2 juta. Jabatan Laut Malaysia akan sentiasa memantau keperluan yang memerlukan jeti-jeti tersebut untuk memastikan bahawa ianya selamat dilalui.

Sehubungan dengan penyediaan *sea ambulance* bagi membawa pesakit dari Langkawi ke tanah besar, untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebanyak tujuh unit katamaran aluminium laju yang panjangnya 26 meter setiap satu untuk digunakan antara pulau telah pun dibina dengan kos sebanyak RM5.6 juta dan daripada tujuan di atas, bot-bot tersebut juga adalah untuk membawa jenazah dan juga mangsa-mangsa kemalangan darat dan maritim termasuk kes-kes wabak. Lokasi penumpang bot adalah seperti berikut:

- (i) Pulau Langkawi;
- (ii) Lumut;
- (iii) Pulau Pangkor;
- (iv) Pelabuhan Klang;
- (v) Pulau Ketam;
- (vi) Mersing;
- (vii) Pulau Sibul;
- (viii) Pulau Besar;
- (ix) Pulau Aur;
- (x) Pulau Tioman;
- (xi) Terengganu;
- (xii) Pulau Redang;
- (xiii) Pulau Perhentian;
- (xiv) Pulau Kapas; dan
- (xv) Labuan.

Dalam pada itu, saya suka memaklumkan bahawa daripada aspek keselesaan, keadaan feri-feri yang belayar di antara tanah besar ke Langkawi melalui standard yang ditetapkan oleh Jabatan Laut Malaysia dan adalah setanding dengan keselesaan kapal terbang dan bas mengikut jangka perjalanan iaitu di antara satu jam hingga satu setengah jam secara standard yang ditetapkan bagi kerusi penumpang-penumpang seperti berikut.

Saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Jabatan Laut Malaysia sentiasa menekankan aspek keselamatan semua feri-feri beroperasi di Langkawi dari segi pembinaan, *construction*, operasi penyediaan alatan keselamatan nyawa seperti jaket

keselamatan, *life jacket* serta peralatan komunikasi yang terpakai serta dari aspek keanggotaan feri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga merujuk kepada pertanyaan Yang Berhormat Pontian berkenaan dengan cadangan untuk membuat kajian kesesuaian untuk membina pelabuhan *barter trade* di Sungai Benut. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan secara prinsipnya telah meluluskan permohonan daripada syarikat pengendali swasta untuk mengadakan aktiviti perdagangan tukar barang, dengan izin, *barter trade*, dari Sungai Benut, Pontian, Johor pada 5 Disember 2005 tertakluk kepada syarat-syarat tertentu seperti menjalankan kajian impak alam sekitar, kajian *aerographic* dan mendapatkan persetujuan daripada agensi-agensi kerajaan akan kesesuaian lokasi berkenaan.

■1940

Untuk makluman, pembinaan kemudahan dan *facility* bagi aktiviti tukar barang adalah di bawah tanggungjawab pihak pengendali swasta sendiri. Walau bagaimanapun tiada aktiviti dijalankan dan tiada maklum balas diterima daripada syarikat-syarikat kini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja perkara-perkara yang telah dibangkitkan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai dengan tanggungjawab kementerian saya yang sempat saya jawab. Mana-mana perkara yang tidak sempat saya jawab pegawai tersebut akan mencatat dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh kementerian saya. Sekian, terima kasih.

7.40 mlm.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Noriah binti Kasnon]: *Bismillahirrahmanirahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab kementerian ini semasa perbahasan Bajet 2009 peringkat dasar. Kementerian amat menghargai serta mengambil perhatian serius terhadap semua pandangan, saranan, cadangan serta teguran Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pulau menggesa sektor korporat memberi kerjasama dalam Program Tunas Harapan dengan menyediakan rumah manakala kerajaan menanggung kos pengurusannya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalinan kerjasama antara Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan sektor swasta dalam membangunkan Rumah Tunas Harapan telah lama wujud. Rumah Tunas Harapan yang pertama telah dibina pada tahun 1988 di Kuala Selangor dengan syarikat swasta iaitu Amway Malaysia Sdn. Bhd. dengan kos pembinaan lebih setengah juta ringgit dan pengurusannya dikendalikan oleh JKJ. Sehingga kini terdapat lapan buah Rumah Tunas Harapan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, Program Rumah Tunas Harapan merupakan alternatif yang baik kepada anak-anak yatim atau kanak-kanak yang memerlukan perlindungan, penjagaan dan kasih sayang supaya dapat dipelihara dalam suasana kekeluargaan. Melalui Bajet 2009 kementerian

telah memperkembangkan dan memperluaskan program ini menerusi konsep pelaksanaan yang sama dengan menggalakkan penyertaan lebih aktif sektor swasta melalui Program CSR.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Gopeng pula mencadangkan supaya Program Jaringan Keselamatan Sosial atau dengan izin, *Social Safety Net* diperluaskan lagi bagi memastikan kesejahteraan hidup mereka yang terpinggir khususnya golongan miskin, OKU dan ibu tunggal tidak terjejas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skim bantuan kebajikan yang disediakan oleh JKM meliputi semua kumpulan sasar tanpa mengira sama ada mereka tinggal di bandar ataupun di luar bandar. Bantuan kebajikan diberikan kepada mereka yang layak berdasarkan syarat kelayakan yang ditetapkan.

Bajet 2009 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tempoh hari telah meningkatkan syarat kelayakan pendapatan untuk memohon bantuan kebajikan Jabatan Kebajikan Masyarakat, iaitu daripada RM400 sebulan kepada RM720 sebulan di Semenanjung, RM830 sebulan di Sarawak dan RM960 di Sabah dan Labuan. Perluasan Program Jaringan Keselamatan Sosial ini akan memberi manfaat kepada lebih 110,000 buah isi rumah berbanding 54,000 isi rumah miskin sebelum ini iaitu kenaikan hampir sekali ganda. Selain daripada skim-skim bantuan kebajikan yang disediakan menerusi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat beberapa skim bantuan kepada kumpulan miskin bandar di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar turut disediakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Seputeh menyentuh tentang cadangan kementerian mengenai kuota 30% diberi kepada kaum wanita dan memohon supaya Ahli Parlimen wanita daripada Pakatan Rakyat dijemput untuk menyertai perbincangan, seminar, dan apa juga aktiviti yang berkaitan dengan perkara tersebut.

Perkara yang sama juga turut disentuh oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam dan menyatakan bahawa objektif 30% ini masih belum dicapai dan seterusnya mencadangkan supaya dengan izin, *affirmative action* diambil bagi membolehkan lebih ramai wanita diberikan jawatan di peringkat pembuat keputusan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi mempercepatkan pencapaian sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sedang menyediakan pelan tindakan ke arah mencapai dasar tersebut di peringkat pembuat keputusan. Draf pelan tindakan ini merangkumi enam sektor iaitu;

- (i) Parlimen dan parti politik;
- (ii) perundangan negeri;
- (iii) Exco dan pihak berkuasa tempatan;
- (iv) kementerian, badan berkanun dan universiti;
- (v) kehakiman, sivil syariah dan adat; dan
- (vi) sektor swasta.

Draf pelan tindakan yang digubal ini memberi tumpuan kepada tiga komponen utama bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk meningkatkan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan iaitu:

- (i) Undang-undang dan Peraturan - membuat perakuan mengenai undang-undang dan peraturan yang perlu dipinda atau digubal bagi menghapus unsur-unsur yang menghalang wanita daripada memegang jawatan yang lebih tinggi;
- (ii) Sektor Organisasi - membuat perakuan bagi memastikan proses pelantikan dan kenaikan pangkat tidak mendiskriminasikan wanita; dan
- (iii) Budaya - membuat perakuan bagi menghapuskan stereotaip gender di kalangan masyarakat umum khususnya di peringkat pengurusan tertinggi.

Draf pelan tindakan ini telah dibincangkan dalam sesi *consultative* yang dihadiri oleh wakil-wakil kerajaan, badan-badan berkanun ...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Kepong ingin mencelah.

Puan Noriah Kasnon: Sikit, boleh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya memang sikit sahaja, tidak banyak.

Puan Noriah Kasnon: Sebab kita dapat notis supaya segera.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang segera. Saya sentiasa menyegerakan.

Tuan Yang di-Pertua: Segerakan, Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Penjelasan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata ada halangan kepada wanita di negara ini - ada diskriminasi. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan, apakah kementerian sudah mengenal pasti faktor-faktor yang menghalang wanita menjawat jawatan tinggi. Saya tidak dengar tadi apakah halangan yang pokok, yang utamanya.

Puan Noriah Kasnon: Mungkin halangan yang utamanya ialah persepsi daripada kaum lelaki sendiri. Mereka perlu menjadi pekongsi kepada wanita yang baik; dan keduanya, mungkin ada peraturan-peraturan dan undang-undang yang masih menghalang wanita untuk maju ke hadapan setanding ataupun sama dengan kaum lelaki. Banyak yang telah kita pinda dan perbaiki sebenarnya, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Reaksi tidak mendengar apa-apa*]

Puan Noriah Kasnon: Yang Berhormat tidak dengar, Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, belum disebutkan apakah sebenarnya halangan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Dia sudah jawab, persepsi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Secara am sahaja, ada halangan.

Puan Noriah Kasnon: Yang Berhormat, kalau hendak sebutkan beberapa undang-undang yang telah kita pinda, yang pada hari ini telah berjaya kita pinda walaupun masih terdapat beberapa lagi yang perlu kita tambah baik adalah yang pertamanya, pindaan Perkara 8(2), Perlembagaan Persekutuan pada tahun 2001 yang memasukkan perkataan 'gender' untuk menjamin tiada diskriminasi berasaskan gender. Kemudian kita ada pindaan terhadap Peraturan Imigresen, Akta Pencen 1980 juga telah dipinda. Kalau dulu balu yang berkahwin pencennya berhenti, Yang Berhormat. Sekarang kalau dia kahwin lagi pencennya terus berjalan. Pindaan ke atas Akta Tanah, Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah dan banyak lagi, Yang Berhormat.

Namun yang paling penting adalah pelan tindakan yang akan kita bentangkan. Seboleh mungkin kita akan memuktamadkan pada akhir tahun 2008 ini dan kita bawa kepada Jemaah Menteri.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Oh, oh! Tuan Yang di-Pertua, yang pentingnya salah satunya ialah CEDOW yang menyenaraikan, apakah masalah yang dihadapi oleh wanita termasuklah undang-undang yang tidak begitu selesa dengan wanita dan sebagainya. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan kepada kita semua setakat mana pihak kementerian dapat mengesah atau me *ratify* kan CEDOW ini? Sebab ia tidak nampak sangat, ada pelan strategi, pelan struktur dan sebagainya tetapi tidak meratifikasikan CEDOW lagi. Itu masalah kita sebenarnya, halangan yang besar.

Puan Noriah Kasnon: Kita sudah mulakan sebenarnya, Yang Berhormat, melalui antara pindaan-pindaan yang saya sebutkan tadi. Yang menghalang kemajuan wanita itu adalah antara gerak kerja di bawah CEDOW itulah, Yang Berhormat.

Seterusnya, draf pelan tindakan ini telah kita bincangkan dalam sesi *consultative* yang dihadiri oleh wakil agensi kerajaan, badan berkanun, sektor swasta, ahli akademik, ahli politik, wakil NGO dan pakar-pakar dalam bidang perundangan. Dalam menyediakan pelan tindakan bagi sektor politik, input dan pandangan daripada ahli-ahli politik termasuk Ahli Parlimen wanita daripada Pakatan Rakyat juga telah kita ambil kira dan kita jangka dapat memuktamadkan pada bulan Disember 2008 ataupun tahun ini sepertimana yang saya katakan tadi.

Walaupun tiada tempoh masa yang ditetapkan dasar ataupun sasaran 30% wanita di peringkat pembuat keputusan ini telah menampakkan kemajuan yang memberangsangkan.

■1950

Bilangan wanita yang menyandang jawatan utama sektor awam ataupun JUSA meningkat daripada 18.8% pada tahun 2004 kepada 37.5% pada tahun 2008. Duta Besar daripada 10% pada tahun 2006 kepada 10.6% pada tahun 2008 dan Pesuruhjaya Tinggi daripada 4.3% pada tahun 2006 kepada 16.7% pada tahun 2008. Bilangan pegawai wanita di peringkat pengurusan pertengahan antara G48 dan 54 pada tahun 2007 juga telah melebihi 30%.

Bilangan wanita yang memegang jawatan tertinggi di badan berkanun turut menunjukkan perkembangan yang baik di mana peratusan wanita terus meningkat daripada 17.8% pada tahun 2004 kepada 21.3% pada tahun 2008 dan sektor swasta juga turut menunjukkan trend yang positif di mana peratusan wanita di peringkat membuat keputusan telah meningkat daripada 13.5% pada tahun 2004 kepada 26.2% pada tahun 2008.

Walau bagaimanapun, dalam bidang politik kita masih agak jauh ketinggalan ya, tetapi dalam Dewan Negara penglibatan Ahli Dewan Negara wanita adalah sebanyak 26.7% pada tahun 2008, sementara di Dewan Rakyat jumlah Ahli Wanita kita hanyalah sebanyak 10.4%. Walau bagaimanapun, ia meningkat daripada tahun 2004 daripada 9.6%. Ahli Dewan Undangan Negeri di negeri-negeri pula meningkat daripada 6.9% pada tahun 2004 kepada 8% pada tahun 2008. Anggota pentadbiran wanita di Dewan Rakyat ini mencatat 11.4% dan usaha dalam mencapai sasaran ini adalah menjadi tanggungjawab semua pihak juga.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Batang Sadong meminta kementerian menyegerakan pelaksanaan Projek Cari agar rakyat yang memerlukan bantuan dapat dibantu. Yang Berhormat juga mencadangkan supaya bilangan pegawai dalam Projek Cari ditambah terutama di Sarawak yang melibatkan liputan kawasan yang besar. Yang Berhormat Kuala Krau mencadangkan agar pemimpin masyarakat tempatan seperti Ketua Kampung dan JKPP dilibatkan dalam pelaksanaan Program Cari kerana mereka ini memainkan peranan yang sangat berkesan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bukit Mertajam ingin mencelah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya pun telah menghadiri *consultation* itu dan saya mengucapkan tahniah kerana laporan itu saya rasa agak komprehensif. Akan tetapi yang saya rasa yang pentingnya ialah sama ada pihak Kerajaan Barisan Nasional ada keazaman untuk melaksanakannya dan sama ada pihak kerajaan ada atau tidak itu bergantung kepada kementerian Yang Berhormat, yang saya hendak tanya pendirian Yang Berhormat.

Sama ada salah satu cadangan di dalam laporan itu ialah untuk mengadakan satu undang-undang *gender equality* untuk menjamin ada *gender equality* di semua sektor. Saya rasa ini adalah amat penting sekiranya kita ada undang-undang ini jadi yang lain akan mengikutnya. Jadi saya hendak tanya apakah pendirian Yang Berhormat sendiri?

Puan Noriah Kasnon: Yang Berhormat pertama sekali saya hendak ucap banyak-banyak terima kasih sebab Yang Berhormat sudi datang semasa sesi *consultative* pada 23 Oktober yang lalu di Renaissance dan saya dimaklumkan bahawa Yang Berhormat memainkan peranan yang begitu aktif dalam merangka resolusi ini dalam sesi, *breakout session* dengan izin. Yang Berhormat saya sebenarnya tidak ingin membacakan keseluruhan maklum balas ataupun keputusan bengkel kerana seperti saya katakan tadi kita sudah merangka kasarnya dan kita ingin

muktamadkan dulu di peringkat kementerian dan kemudian kita akan bincang semula, saya pasti saya akan melibatkan kokus wanita Parlimen untuk peringkat akhir.

Antara sedikit menyentuh tentang apa Yang Berhormat sebutkan tadi kami sangat bersetuju mewujudkan nisbah 50 wanita dan lelaki sebagai Ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dan meningkatkan bilangan ahli Menteri wanita untuk menuntut 30% ahli Kabinet wanita. Juga termasuk meminda Akta Pilihan raya 1958 bagi memperkenalkan penetapan kuota perundangan untuk mencapai sekurang-kurangnya 30% wanita sebagai Ahli Dewan Rakyat. Ini bukan satu mudah Yang Berhormat, tetapi ini juga bukan 100% tugas Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Yang Berhormat tetapi kita perlu menggembelng usaha dan juga perjuangan bersama.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sedikit sahaja, saya ingin memberi jaminan bahawa saya akan memberi sokongan dan juga kerjasama yang penuh kepada Yang Berhormat dalam perkara ini untuk mengadakan kuota 30%, sekurang-kurangnya 30% untuk wanita di semua peringkat membuat keputusan. Sekiranya pihak kementerian sudi menjemput semua ahli saya rasa ini terlibat juga Ahli Parlimen lelaki yang mereka harus faham bahawa ini bukan hanya wanita sahaja kerana ini gender adalah dua pihak.

Ini kerana kita lihat di dalam Parlimen ini ada banyak kali bahawa Yang Berhormat lelaki juga menimbulkan perkara bahawa adalah lebih ramai pelajar wanita di dalam universiti, terdapat lebih ramai guru wanita di dalam sekolah, sama ada itu akan mendatangkan kesan-kesan. Jadi, saya rasa kita haruslah juga menjemput Yang Berhormat-Yang Berhormat lelaki untuk terus mengambil bahagian dalam perbincangan ini. Terima kasih.

Puan Noriah Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat. Satu cadangan yang baik, sebenarnya Yang Berhormat Menteri sendiri telah juga melontarkan pandangan ini untuk memberi kesedaran kepada Ahli-ahli Parlimen dan juga Ahli-ahli Dewan Negara lelaki iaitu *sensitization* tentang apa yang perlu kita sama-sama lakukan. Berkongsi pendapat, saling sokong menyokong untuk memberikan sasaran ini satu kejayaan dan saya harap semua yang ada di sini Pengerusi BNBB, Ketua Pembangkang khususnya yang akan turut memberikan sokongan 100%.

Seterusnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat Batang Sadong, Projek Cari telah dilancarkan oleh kementerian pada 17 Julai 2008 bertujuan memastikan bantuan kebajikan dapat diberikan kepada kes-kes terpencil dan terpinggir yang belum mendapat pembelaan sewajarnya daripada JKM sebelum ini. Skop Projek Cari ini kini diperluaskan iaitu termasuk mengenal pasti dan mencari kumpulan sasar baru berikutan pada kenaikan syarat kelayakan pendapatan seperti yang saya sebutkan tadi.

Dalam meningkatkan keberkesanan pelaksanaan Projek Cari sebagaimana saranan Yang Berhormat Kuala Krau dan Yang Berhormat Sabak Bernam juga kerajaan telah meluluskan sebanyak 870 jawatan Pembantu Kebajikan Masyarakat gred S17 secara sambilan iaitu kita

panggil PKS kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat daripada jumlah ini seramai 100 orang PKS telah kita peruntukkan kepada negeri Sarawak dan 100 lagi bagi negeri Sabah atas keluasan kawasan mereka.

Kursus asas intensif telah diadakan di peringkat negeri untuk melatih mereka ini bagi mengendalikan kes-kes yang dikesan dan dirujuk oleh pemimpin tempatan dan juga ahli komuniti. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, dalam pelaksanaan Projek Cari Kementerian menghargai khidmat pemimpin masyarakat tempatan dan melibatkan mereka secara langsung dalam Projek Cari. Pada masa ini terdapat lima mekanisme yang digunakan...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Mohon laluan Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan jawapan Timbalan Menteri tadi tentang Projek Cari ini. Pihak Kementerian sekarang sedang melatih pegawai-pegawai, tapi pada waktu kami dapat maklumat hari itu untuk kami mengenal pasti mereka yang memerlukan bantuan. Kita pun dah selesai dengan pendaftaran mereka yang memerlukan bantuan melalui Projek Cari ini. Jadi saya hendak tahu adakah kami ini akan menunggu sampai selesai pegawai-pegawai ini diberi kursus dan apa juga yang patut diberikan oleh Kementerian atau dalam pada janji akan selesaikan masalah dengan pengundi itu akan dapat selesaikan cepat. Ini kerana dia orang ini hendakkan bantuan segera ini. Mohon penjelasan terima kasih.

Puan Noriah Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya. Sebenarnya Projek Cari ini bukannya sudah tutup, masih lagi berterusan sehingga awal tahun hadapan dan semua borang-borang Cari yang telah dihantar telah mula diproses. Walau bagaimanapun, kita terpaksa mengakui terdapat sedikit kekangan kerana kekurangan kakitangan dan Yang Berhormat yang mana hantar awal kita sudah proses awal, yang mana yang sekarang ini kita sedang melatih untuk mempercepatkan lagi proses, sebab kita dah janji dan kita bimbang kita tak dapat laksanakan. Itu sebab kita tulis kepada Kementerian Kewangan dan diluluskan pegawai tambahan sebanyak 870 selama enam bulan secara sambilan Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Inilah satu saya fikir kita mesti mahu buat perubahan. Selalunya bila kita tanya cakap dalam proses, proses, proses akhir sekali apa pun tak kena proses.

■2000

Inilah selalu kita kena jawab. Apa sahaja kita tanya "*Okey, sudah dalam proses*". Akhir sekali beberapa tahun lagi, tanya lagi, dalam proses lagi. Saya mahu minta penjelasan, adakah ini akan bawa perubahan. Kalau memang dalam proses, baru proses. Kalau belum, cakap belum

Puan Noriah Kasnon: Yang Berhormat, untuk makluman, daripada beribu borang-borang cari yang telah kita terima, sebahagiannya telah kita proses. Akan tetapi belum 100%. Jadi menyedari daripada masalah kekurangan pegawai tersebut, kita telah minta pegawai sambilan selama enam bulan untuk membantu dan Program Cari ini Yang Berhormat tidak

memerlukan siasatan yang panjang. Ini kerana kita mempercayai kredibiliti Ahli-ahli Parlimen dan kita terus beri kelulusan untuk tempoh enam bulan pertama. Kalau yang mana ada masalah yang terlampau teruk Yang Berhormat, bolehlah maklumkan terus kepada saya atau Yang Berhormat Menteri.

Kita ada lima mekanisme yang digunakan oleh pihak kementerian iaitu melalui Unit Khidmat Penyayang, PKS sebentar tadi, rujukan oleh Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri, rujukan oleh JKKKP dan rujukan oleh pertubuhan sukarela ataupun NGO dan sukarelawan. Mereka boleh mengesan dan merujuk kes-kes yang memerlukan bantuan ini terus kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah. Kementerian sentiasa mengambil langkah dan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk merangsang dan menyemarakkan penambahbaikan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan Jabatan Kebajikan Masyarakat termasuk selalu turun padang sebagaimana saranan Yang Berhormat Kuala Krau, Yang Berhormat Hulu Langat dan Yang Berhormat Sabak Bernam dalam mengagihkan bantuan kebajikan kepada kumpulan sasaran.

Antara langkah yang telah diambil ialah menurunkan kuasa menurunkan bantuan kepada Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri daripada negeri kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah bahagian atau jajahan sahaja dan melaksanakan sistem pengurusan bantuan kebajikan secara berkompuser iaitu e-bantuan. Menetapkan tarikh bantuan dilakukan pada setiap awal bulan dan juga memendekkan proses siasatan sehingga kelulusan daripada sebulan kepada dua atau tiga minggu sahaja. Bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam usaha mengesan kes-kes yang memerlukan intervensi, kementerian menggalakkan pegawai pembangunan masyarakat di negeri dan daerah untuk turun padang sendiri dan melaksanakan Projek Cari bagi memastikan kumpulan sasaran yang terpencil dapat terus dikesan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sepanggar menyentuh mengenai perbezaan kadar bantuan yang diterima oleh kumpulan sasaran di Sabah dan Semenanjung. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Skim Bantuan Kebajikan Persekutuan belum diterima pakai sepenuhnya di negeri Sabah dan Sarawak. Skim bantuan kebajikan yang terdapat di negeri-negeri adalah di bawah bidang kuasa kedua-dua kerajaan negeri berkenaan. Keadaan ini menyebabkan timbulnya perbezaan kadar bantuan yang diterima oleh penerima bantuan Persekutuan dan penerima bantuan negeri. Walaupun begitu, isu perbezaan kadar bantuan tidak lagi akan menjadi masalah mulai tahun hadapan berikutan daripada persetujuan daripada negeri Sabah dan Sarawak untuk menerima pakai sepenuhnya Skim Bantuan Kebajikan Persekutuan berkuat kuasa 1 Januari 2009. Jadi kadarnya akan sama.

Yang Berhormat Maran pula mencadangkan supaya kadar bantuan kepada mangsa banjir dikaji semula. Untuk makluman Yang Berhormat, kadar bantuan kepada mangsa bencana sentiasa dikaji semula dari semasa ke semasa mengikut keperluan semasa. Kadar RM8 yang ditetapkan pada masa ini adalah merupakan satu panduan kasar sahaja. Mangsa-mangsa

bencana sebenarnya menerima kadar bantuan yang melebihi daripada kadar bantuan yang disebutkan. Pada masa ini, JKM menyediakan bantuan pemulihan berbentuk jangka pendek dan jangka panjang kepada mangsa. Antaranya menyediakan bekalan keperluan makanan untuk tempoh tiga kepada tujuh hari pada setiap keluarga yang keluar dari pusat pemindahan. Selain itu, bantuan keperluan asas dan peralatan mencuci rumah turut dibekalkan. Kita bersedia untuk menyemak semula kadar ini sekiranya perlu di masa hadapan.

Seterusnya Yang Berhormat Kuala Krau agar bank data penerima bantuan yang komprehensif dibangunkan. Sukacita dimaklumkan bahawa JKM telah membangunkan dan melaksanakan sistem pengurusan bantuan kebajikan iaitu e-bantuan secara berkomputer mulai tahun 2007. Sistem ini berperanan memproses dan merekodkan data-data penerima bantuan dan merupakan sistem yang komprehensif. Sungguhpun begitu, usaha pemantapan dan penambahbaikan sistem ini dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan ia dapat berfungsi sebagai pangkalan data dengan izin yang *reliable*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Krau juga turut menyentuh mengenai peranan tabung bantuan khas sebanyak RM25 juta yang akan diwujudkan bagi membantu keluarga yang kehilangan pendapatan secara mengejut. Beliau mahukan pelaksanaannya dibuat secara berkesan bagi memastikan matlamat penubuhannya tercapai. Tabung bantuan khas ini akan beroperasi mulai 1 Januari 2009. Pada masa ini kementerian sedang menyediakan garis panduan, prosedur dan juga syarat pengurusan tabung ini yang akan diguna pakai oleh pegawai JKM di peringkat negeri dan daerah, jajahan dan bahagian. Kementerian akan mengambil kira segala aspek yang berkaitan yang terlibat dalam pelaksanaannya mematuhi matlamat penubuhan tabung berkenaan.

Yang Berhormat Batang Sadong juga mencadangkan supaya satu tempat latihan bagi golongan wanita diwujudkan supaya mereka dapat meningkatkan kemahiran diri. Kementerian ini mengucapkan terima kasih dan menyambut baik cadangan Yang Berhormat Batang Sadong supaya diwujudkan tempat latihan yang khusus kepada wanita. Sememangnya menjadi matlamat kita bagi memastikan wanita yang menerima latihan kemahiran menggunakan kemahiran tersebut untuk menjana pendapatan dan seterusnya dapat meningkatkan ekonomi diri dan keluarga. Sungguhpun begitu pada masa ini kita belum wujudkan tempat latihan yang khusus kepada wanita, jabatan pembangunan wanita memberi latihan kepada wanita dengan menggunakan infrastruktur sedia ada seperti dewan orang ramai, institusi dan premis latihan yang disediakan oleh penyelia perkhidmatan di kawasan peserta tinggal.

Pendekatan *outreach* dengan izin ke akar umbi yang dilaksanakan pada masa ini dilakukan untuk meningkatkan akses wanita termasuk di negeri Sarawak kepada program-program berkenaan. Kementerian melaksanakan beberapa siri latihan kemahiran seperti Jejari Bestari, i-Kid, Nur bestari yang meliputi kemahiran memasak, menjahit dan juga kraf tangan termasuk kepada wanita Sarawak. Kementerian sentiasa bekerjasama rapat dengan biro wanita

di bawah kementerian pembangunan sosial dan urbanisasi Sarawak bagi melaksanakan program kemahiran dan kesedaran di pelbagai kawasan dan tempat termasuklah di rumah panjang dan di dewan-dewan masyarakat.

Yang Berhormat Batang Sadong juga turut prihatin menyentuh mengenai bilangan OKU yang berdaftar di Sarawak lebih rendah daripada anggaran pihak *National Health and Mobility Survey 2 1996* iaitu 2% daripada jumlah penduduk. Yang Berhormat berpandangan bahawa pendaftaran OKU dalam komuniti melalui Program Mayang yang pernah kita laksanakan merupakan satu program yang begitu baik dan minta kementerian menjalin kerjasama yang lebih rapat dengan Jabatan Kesihatan.

Jumlah OKU yang berdaftar dengan JKM sememangnya lebih rendah jika dibandingkan dengan anggaran oleh WHO bahawa sekurang-kurangnya lima atau sehingga 10% daripada jumlah penduduk sesebuah negara adalah OKU. Jumlah OKU yang telah berdaftar dengan JKM sehingga bulan Jun 2008 adalah seramai 233,939 sahaja. Dari jumlah tersebut, 14,149 merupakan OKU yang berdaftar dari negeri Sarawak iaitu hanya 0.6% sahaja daripada jumlah penduduk negeri Sarawak iaitu seramai 2.4 juta orang dari anggaran banci 2008 daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pendaftaran OKU ini tidak diwajibkan dan dilakukan secara sukarela. Walau bagaimanapun kementerian sentiasa berusaha bagi mewujudkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya pendaftaran OKU tersebut. Melalui mekanisme sedia ada termasuk melalui Program Cari dan Unit Khidmat Penyayang dan Jawatankuasa Pendaftaran OKU di bawah Majlis Kebangsaan OKU yang baru diwujudkan adalah dijangkakan bahawa bilangan OKU yang berdaftar dengan JKM akan meningkat kelak dan Kementerian Kesihatan sentiasa dilibatkan dalam mekanisme ini.

Yang Berhormat Batang Sadong turut menyentuh isu peluang pekerjaan kepada OKU yang amat terhad di jabatan kerajaan dan mencadangkan agar NGO dan orang perseorangan dilibatkan dalam meningkatkan penyertaan OKU dalam pekerjaan di sektor awam seperti Persatuan Orang Cacat Sarawak (POCS) yang menyediakan pangkalan data OKU yang mempunyai kelulusan pendidikan. Kerajaan sedar bahawa OKU wajar diberi peluang pekerjaan sama ada di sektor awam dan swasta.

Dalam usaha melibatkan penglibatan OKU dalam pekerjaan, kerajaan telah mengeluarkan pekeliling Perkhidmatan bilangan 3 tahun 2008 iaitu pelaksanaan dasar 100% peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam pada OKU. Dalam pekeliling tersebut, dinyatakan dengan terperinci peranan JKM, ketua jabatan lain dan juga pihak berkuasa melantik. Sehingga 13 September 2008, seramai 608 iaitu lebih kurang 0.2% sahaja OKU yang sedang berkhidmat di pelbagai jabatan kerajaan di dalam pelbagai gred jawatan iaitu 124 di dalam kategori pengurusan dan profesional, 129 dalam kategori separa pengurusan dan profesional dan bakinya seramai 353 dalam kumpulan sokongan.

Pihak kementerian sentiasa mengalu-alukan peranan yang dimainkan oleh orang perseorangan, NGO dan juga persatuan OKU dalam menyediakan pangkalan data OKU. Data-data ini dihantar ke JKM melalui borang maklumat pencari kerja OKU dan maklumat ini seterusnya kita salurkan kepada pihak berkuasa melantik selain daripada untuk sektor swasta melalui Jabatan Tenaga Kerja di bawah Kementerian Sumber Manusia.

■ 2010

Yang Berhormat juga menyarankan supaya kerajaan beri perhatian kepada penyediaan kemudahan perkhidmatan awam yang mesra OKU khususnya di bandar-bandar. Yang Berhormat mendapati kemudahan awam untuk OKU yang disediakan pada masa ini masih lagi di tahap yang tidak memuaskan seperti lampu trafik berbunyi yang kerap rosak, rem yang amat terhad, kemudahan letak kereta disalah guna dan kenderaan awam yang tidak mesra OKU. Yang Berhormat turut mencadangkan supaya OKU diberi kupon perjalanan seperti yang diamalkan di Australia. Sebenarnya Yang Berhormat terdapat pelbagai kemudahan yang disediakan kepada OKU di Malaysia yang telah berdaftar dengan JKM. Antaranya adalah juga kemudahan potongan harga tambang pengangkutan seperti kereta api tanah Melayu 50% diskaun, penerbangan Malaysia 40%, Rapid KL 50%, Transnasiona 20%, MARA Liner 50%. Dan diskaun ini hanya boleh diberikan melalui pembelian tiket di kaunter sahaja dan bukan melalui mesin jualan.

Seterusnya Yang Berhormat Batang Sadong mencadangkan latihan kemahiran kepada OKU diberikan. Sebagaimana yang pernah saya maklumkan di Dewan ini pada minggu ini kita mempunyai dua bengkel terlindung kita mempunyai Taman Sinar Harapan dan kita mempunyai PDK ataupun Pusat Dalam Komuniti yang turut melatih OKU-OKU ini untuk mendapat latihan kemahiran termasuklah vokasional dan pra vokasional. Ada beberapa rakan Ahli Yang Berhormat yang tidak ada di dalam Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghantar jawapan secara bertulis ya kerana kesuntukan masa dan saya akhirnya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan bajet di peringkat dasar pada minggu lepas. Insya-Allah pandangan, saranan dan teguran Ahli-Ahli Yang Berhormat akan diberikan perhatian oleh kementerian untuk melaksanakan program-program dan aktiviti dengan lebih cekap dan berkesan. Sekian terima kasih.

8.12 mlm.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara berkaitan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi semasa perbahasan bajet 2009 di peringkat dasar bagi Dewan Rakyat kali ini. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi atau MECD akan memastikan segala program dan projek melalui bajet 2009 yang telah

dibentangkan berkaitan pembangunan usahawan dan koperasi, pembangunan modal insan dan pembasmian kemiskinan dapat memberi impak yang positif melalui sistem penyampaian yang baik supaya ianya dapat dinikmati oleh semua golongan rakyat sehingga ke peringkat akar umbi.

Kementerian mengambil maklum atas cadangan Yang Berhormat Batang Sadong agar ditubuhkan Pusat Latihan Keusahawanan bagi kaum wanita di kawasan Simunjan bagi menggalakkan lagi wanita menceburi bidang keusahawanan. Dalam hal ini kementerian sentiasa mengadakan program latihan keusahawanan dan kemahiran kepada golongan wanita termasuk ibu tunggal yang dilaksanakan oleh agensi-agensi di bawah kementerian seperti Institut Keusahawanan Negara atau INSKEN dan Pusat Latihan dan Kemahiran MARA. Di antara program-program tersebut adalah program pembangunan keusahawanan wanita, program francais wanita dan program kemahiran dalam bidang jahitan, kek dan pastri, kecantikan, andaman serta restoran dan juga katering.

Sehingga Julai 2008 INSKEN telah melatih seramai 6,035 wanita melalui pelbagai latihan keusahawanan berpakej di bawah program pembangunan keusahawanan wanita yang menelan belanja sebanyak RM2.61 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Manakala di bawah program francais wanita pula kementerian telah melatih seramai 148 wanita dan telah memberi pembiayaan sebanyak RM5.75 juta kepada 27 usahawan wanita dalam tempoh yang sama. Sementara itu pusat latihan dan kemahiran Mara pula telah memberi latihan kemahiran dalam pelbagai bidang kepada seramai 11,645 wanita meliputi 36% daripada pengambilan pada tahun 2007. Pusat Giat MARA di kawasan Ahli Yang Berhormat sahaja telah melatih seramai 637 wanita sejak penubuhannya pada tahun 1993. Berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat Batang Sadong dan Tenom agar kementerian memperbanyakkan latihan keusahawanan kepada golongan belia dan siswazah terutamanya dalam sektor ICT.

Kementerian secara berterusan melaksanakan pelbagai program kebudayaan dan latihan keusahawanan kepada golongan tersebut. Melalui skim usahawan siswazah kementerian menggalakkan golongan siswazah menceburi bidang keusahawanan dengan memberi latihan keusahawanan serta menyediakan pembiayaan perniagaan menerusi Tabung Usahawan Siswazah atau TUS. Dari tahun 2000 hingga Jun 2008 seramai 8,273 siswazah telah menyertai latihan keusahawanan yang disediakan melalui 148 kursus yang dijalankan. Daripada jumlah ini seramai 732 siswazah memohon pembiayaan di bawah TUS dengan 614 siswazah berjaya mendapat pembiayaan berjumlah RM52.7 juta.

Dalam menggalakkan golongan belia atau siswazah menceburi perniagaan dalam sektor ICT pula MECD melaksanakan tiga program utama iaitu '*Ticnot Turner Academy Programme*' ataupun TAP, '*Creative Entrepreneur Academy Programme (CTAP)*' dan '*SkallyPioneer Innovater In The Knowledge Economy*' ataupun SPITE. Melalui TAP dan CTAP seramai 136 usahawan yang terdiri daripada golongan siswazah telah berjaya dibangunkan manakala bagi program SPITE yang turut melibatkan penempatan dalam industri tersebut seperti yang dicadangkan oleh

Yang Berhormat Kuala Krau kini telah melibatkan penyertaan seramai 147 peserta dengan 90 peserta telah berjaya menjadi usahawan.

Kementerian akan terus memperhebatkan program-program ini dengan sasaran untuk membangunkan 300 usahawan baru dalam sektor ICT menjelang tahun 2010 yang melibatkan penyertaan sepenuhnya golongan belia dan juga siswazah. Berkaitan dakwaan Yang Berhormat Lembah Pantai yang menyatakan kerajaan telah membelanjakan sejumlah wang yang besar bagi...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Bangun*]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya sila.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua penjelasan. Saya tertarik kepada hujah tadi mengenai sekian banyak program untuk mewujudkan usahawan memang hebat. Tetapi bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini dengan perbelanjaan yang sudah diadakan dan pemantauan yang dibuat oleh pihak kementerian apakah yang disebutkan usahawan di sini? Adakah mereka benar siswazah-siswazah yang disebutkan itu yang menyertai program-program itu yang benar-benar berjaya keusahawanan? Ini kita hendak tahu sebab itu yang disebutkan tadi it tidak menerangkan sama ada mereka berjaya ataupun tidak. Walaupun mereka lepasan program sahaja itu penting kita hendak tahu prestasinya yang sebenarnya. Cuma satu angka yang diberi tetapi tidak semestinya berjaya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yalah kita hendak berjaya tidak berjaya saya sudah sebut. Dia banyak tapisan. Tapisan tadi saya kata ini kita kursus sahaja 8,000 lebih. Bila kita kursus 8,000 lebih tidak semua akan jadi usahawan. Daripada itu kita telah pun daripada 8,000 lebih kita bagi budaya keusahawanan dan sebagainya 732 sahaja yang mohon untuk membuat pembiayaan ataupun *loan*. Daripada 732 tidak semua kita bagi *loan* kita hanya bagi kepada 614 orang. Daripada 614 orang inilah sekarang inilah mereka sedang menjalankan perniagaan. Kalau kita dapati ada di antara mereka yang gagal untuk membayar balik hutang maka di situ nantilah kita dapat kesan sama ada mereka berjaya ataupun tidak. Jadi kalau Yang Berhormat hendak spesifik berapa ramai yang berjaya ataupun tidak berjaya saya kena secara notis dengan berdasarkan berapa banyak yang mereka gagal untuk membayar hutang yang telah pun mereka ambil.

■ 2020

Mengenai pelaksanaan program *Malaysian Kitchen* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai yang menyatakan kerajaan telah membelanjakan sejumlah wang yang besar bagi membangunkan program *Malaysian Kitchen* melalui Perbadanan Nasional Berhad ataupun PNS. Kementerian ingin memaklumkan bahawa program *Malaysia Kitchen* merupakan satu inisiatif kerajaan dalam membangunkan rangkaian perniagaan strategik dan berpotensi serta memberi peluang kepada usahawan untuk menjalankan perniagaan tersebut di luar negara.

Program ini juga merupakan salah satu strategi penjenamaan Malaysia untuk memartabatkan imej negara di peringkat antarabangsa dan ia juga berteraskan kepada konsep *gastronomic tourism* iaitu menarik pelancong asing ke Malaysia melalui promosi masakan tempatan menerusi rangkaian restoran Jom Makan. Justeru itu pembukaan Jom Makan di *Pall Mall London* pada 10 Jun 2008 adalah satu pelaburan yang strategik dan berpotensi besar bukan sahaja untuk mendapatkan pulangan yang menguntungkan malah ianya telah menaikkan imej negara di kalangan masyarakat Eropah.

Perbelanjaan dalam pelaburan tersebut yang bernilai RM9.5 juta adalah berpatutan memandangkan kos perniagaan yang tinggi di sebuah negara maju dan ianya dibangunkan dengan reka bentuk yang menarik serta menawarkan pendapatan yang selesa selaras dengan syarat-syarat pelaburan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa di London. Restoran Jom Makan tersebut telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dengan mencatat jumlah jualan yang semakin meningkat dengan purata jualan sebanyak RM280 ribu sebulan. Restoran tersebut juga telah mendapat pengiktirafan tiga bintang oleh akhbar *The Metro United Kingdom* sebaik sahaja ianya mula beroperasi selama dua bulan.

Seterusnya saya ingin menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pontian berkaitan peruntukan untuk membangunkan kedai-kedai rakyat dalam usaha menggalakkan pembangunan usahawan di desa-desa. Untuk makluman Yang Berhormat, MARA telah diberikan peruntukan sebanyak RM7 juta untuk membangunkan tujuh buah kompleks kedai rakyat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Setakat ini status pelaksanaan pembangunan rangkaian kedai rakyat tersebut masih di peringkat awal di mana tanah-tanah dikenal pasti dan lokasi-lokasi tertentu sedang di tender kan untuk kita mencapai matlamat menyiapkan kedai rakyat ini di penghujung tahun 2010.

Kementerian mengambil maklum terhadap ketidakseragaman syarat caj faedah yang tinggi oleh koperasi kredit yang menawarkan pinjaman peribadi seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat Tenom. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat dua jenis pinjaman yang dilaksanakan oleh koperasi kredit iaitu pinjaman kaedah konvensional dan berasaskan syariah. Secara amnya, koperasi kredit yang melaksanakan pinjaman kaedah konvensional mengenakan faedah antara 4.5% hingga 6.5% setahun serta fi proses yang minimum sebanyak 0.5% daripada jumlah pinjaman.

Bagi koperasi kredit yang menawarkan produk-produk pembiayaan berasaskan syariah seperti konsep *Al-Bait Bithaman Ajil* atau ,jualan bayaran tertunda, *Al-Murabahah*, jualan barangan harga termasuk harga kos dan margin keuntungan dan *Al-Innah* yang mengenakan kadar keuntungan 5% hingga 15% sekali sahaja iaitu mengikut tempoh pinjaman tersebut. Manakala bagi pinjaman ... atau pinjaman ihsan, kebiasaannya koperasi mengenakan kadar keuntungan yang lebih rendah di antara 1% hingga 4%.

Kes koperasi yang mengenakan kadar faedah pinjaman yang lebih tinggi berbanding syarikat kewangan ialah koperasi yang membiayai aktiviti pinjamannya melalui bank atau *money lender*. Peminjam pula bukan di kalangan anggota koperasi sahaja tetapi terdiri daripada mereka yang bergaji tetap dan mempunyai kelayakan untuk membuat pemotongan gaji melalui Biro Perkhidmatan Angkasa. Mereka ini cuma perlu membayar fi masuk sahaja untuk mendapatkan pinjaman tetapi tidak membayar modal *share* atau yuran sebagai anggota.

Bagi mengatasi masalah ini, SKM sedang menyediakan panduan etika amalan perniagaan koperasi menepati garis panduan pembiayaan pinjaman. Penetapan kadar faedah yang patut dikenakan oleh koperasi kredit kepada anggota-anggotanya juga sedang dikaji menerusi panduan ini.

Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seputeh berkaitan peruntukan RM20 juta yang tidak disalurkan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor ataupun PKNS bagi tujuan pembangunan usahawan. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tujuan pembangunan usahawan dan koperasi negeri Selangor, kementerian telah mengamanahkan agar MARA melaksanakan program-program ini seperti yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Ini bertujuan untuk memudahkan kementerian memantau program-program berkenaan bagi memastikan segala dasar dan strategi yang dirancang dapat dinikmati di peringkat akar umbi.

Elok juga kita tak bagi Tuan Yang di-Pertua, kalau bagi dengan PKNS, dia pun tengah kecoh ini pelantikan pengurus besar dia.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin memperjelaskan akan langkah-langkah yang diambil oleh MECD dalam menambah baik sistem penyampaian dalam memberi pembiayaan kepada usahawan terutamanya usahawan kecil seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Balik Pulau. Usaha ini bukan sahaja melibatkan SME Bank bahkan turut melibatkan semua agensi pembiayaan di bawah MECD. Antara langkah-langkah yang diambil oleh MECD untuk mengatasi masalah penyampaian pembiayaan ini ialah;

- (i) Menubuhkan jawatankuasa rayuan dan mudah biaya untuk menyelaras dan menyeragamkan syarat-syarat pembiayaan serta memberi peluang kedua atau *second chance* kepada usahawan dalam mendapatkan pembiayaan.
- (ii) Penurunan kuasa sehingga ke peringkat akar umbi dalam meluluskan pembiayaan bagi jumlah yang tertentu seperti pegawai TEKUN di kawasan Parlimen diberi kuasa RM10 ribu dan pegawai MARA daerah diberikan kuasa untuk meluluskan ke tahap RM20 ribu.
- (iii) Memastikan agensi-agensi pembiayaan memberi sebab bagi setiap permohonan yang ditolak.

- (iv) Memantapkan keupayaan institusi pembiayaan di bawah MeCD bagi menjadikan institusi ini sebagai bank yang mesra pelanggan dan meningkatkan sistem penyampaian melalui sistem pemantauan yang berkesan dan melatih semula pegawai-pegawai supaya menghayati kehendak-kehendak pembangunan usahawan.
- (v) Mengadakan rundingan kepada usahawan yang tidak mampu membayar balik pinjaman seterusnya dengan menjadualkan semula pembiayaan balik pinjaman tersebut.

Kementerian amat mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat Sibuti agar diwujudkan Giat MARA di Sibuti bagi mempertingkatkan golongan belia mendapat pendidikan vokasional dan kemahiran. Untuk makluman Yang Berhormat, MARA sememangnya mempunyai perancangan untuk membina Giat MARA di setiap kawasan Parlimen termasuk di Parlimen Sibuti. Pada masa ini, belia-belia di kawasan ini boleh mendapat peluang latihan di Giat MARA berhampiran seperti di Miri. Sebagai makluman, sehingga kini MARA telah mempunyai sebanyak 24 buah Giat MARA di negeri Sarawak.

Mengenai pengangkutan awam yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batang Sadong dan Tenom. MECD sentiasa prihatin terhadap keperluan dan keselesaan OKU. Oleh yang demikian langkah-langkah yang diambil oleh MECD adalah seperti berikut...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Barat ingin mencelah Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, polisi Giat MARA, permulaan Rancangan Malaysia Kesembilan, Perdana Menteri telah mengatakan bahawa ada program-program spesifik untuk menolong masyarakat yang terpinggir terutamanya masyarakat India. Dalam hal ini, apakah yang dibuat oleh kementerian supaya mencapai matlamat tersebut kerana saya difahamkan bahawa polisi-polisi yang sedia ada ini sebenarnya tidak pergi ke akar umbi untuk menolong masyarakat India kerana kebanyakan orang tidak mendapat tempat di Giat MARA dan *training-training* yang diberi ini tidak cukup. Jadi apakah polisi untuk menolong mereka serta yang telah dijanjikan oleh Perdana Menteri?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya, saya ingat dasar kita jelas, siapa nak minta, mintalah. Kalau Yang Berhormat boleh tunjukkan pada saya berapa ramai setahun belia-belia India yang mohon pada Giat MARA dan berapa banyak yang ditolak, dan ada buktilah. Kalau Yang Berhormat buat *statement* macam ini, macam mana saya nak jawab.

Jadi Yang Berhormat beritahu saya, Giat MARA di sini 100 orang mohon, yang dapat seorang, barulah jadi isu. Jadi benda yang tidak ada bukti, jangan jadi isu Yang Berhormat. Yang Berhormat cakap benda yang sama sahaja. Ada lagi?

■ 2030

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ada, ada, saya boleh bagi kes-kes spesifik di mana permohonan telah dibuat di Perak. Sebenarnya yang pertama adalah ramai di antara

masyarakat India yang terpinggir ini tidak tahu bahawa ada peluang tersebut. Jadi apakah yang dibuat oleh kementerian supaya *that is a reach-out program* untuk menolong mereka. Jangan kita adakan satu dasar, cakap di Parlimen sedemikian, tetapi sasarannya tidak tercapai. Jadi apakah yang dibuat? Jangan kata bahawa Ahli Parlimen perlu buat. Kita buat sedemikian tetapi betul-betul *hardcore* yang perlukan pertolongan mereka tidak dapat sedemikian.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Inilah tugas Ahli Parlimen. Apa guna Yang Berhormat jadi Ahli Parlimen kalau asyik mahu bagi ceramah dan bagi syarahan hanya hendak membantai kerajaan. Yang Berhormat patut sama-sama Ahli Parlimen BN beritahu apa dia peluang-peluang yang kementerian ada.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kementerian buat apa?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat sudah tahu dasar ini. Yang Berhormat sudah cakap. Patut Yang Berhormat bila bagi ceramah, bila jumpa kaum India beritahulah pada mereka. Kita sudah ada buat iklan. Dalam surat khabar pun kita ada iklan. Ini bila jumpa dengan belia Tamil, hendak balun kerajaan, hendak suruh buat tunjuk perasaan. Sampai bila pun tidak boleh ramai belia India mahu masuk dalam Giat MARA.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Itu 25 November. 25 November baru ada masuk. Bukan sekarang.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Okey, saya teruskanlah. Tidak apalah. Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi senarai nanti. Yang Berhormat jumpa saya dekat luar Dewanlah. Yang Berhormat pun tidak pernah cakap semasa berkempen. Dalam Dewan saja Yang Berhormat bercakap Giat MARA lah, itulah inilah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mana-mana pun berani cakap.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Okey, perkhidmatan bas. Ada lagi?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat. Kami buat juga. Kami mahu tolong kementerian juga. Akan tetapi selalunya mahu ceramah tidak dapat permit. Itu yang susah. Kita tidak dapat mengadakan banyak ceramah kerana kekurangan wang, tetapi kementerian memang ada kakitangan, kan? Jadi kakitangannya buat apa? Bukankah itu kerja yang patut dilaksanakan oleh kementerian sekiranya mahu kami buat pun boleh. Kami pun suka juga. Bolehkah berikan peruntukan supaya kita boleh *set site-office* di kawasan kami dan kita boleh tolong?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Usahawan ini, itu sebab bawah kementerian saya termasuk juga Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri. Sebab tadi saya sebut PKNS itu, sebab itu Yang Berhormat Sibuti dia tahu. Dia tanya mengapa duit pada PKNS tidak diberi. Ini menunjukkan bahawa Perbadanan Kemajuan Negeri-negeri ini memainkan peranan untuk melatih usahawan. Memberi peluang kepada usahawan.

Sekarang ini Pulau Pinang sudah DAP yang memerintah dan Perak DAP memerintah patut Perbadanan Kemajuan Negeri Perak mainkanlah peranan sama-sama untuk membangunkan usahawan. Jadi kita akan bantu. Janganlah mahu salahkan kerajaan saja. Kalau rakyat tidak tahu, masakan saya sebut tadi dekat berpuluh ribu mereka menyertai program-program yang dibuat oleh Giat MARA dan ada juga bilangan-bilangan yang Giat MARA menerima pelatih-pelatih daripada belia-belia India. Ada, bukan tidak ada.

Sudahlah Yang Berhormat. Kita cakap tidak ada fakta ini sampai esok pun tidak habis.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: PKNP, PKNP.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: PKNP. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri telah mengatakan akan berwaspada bila menyalurkan wang kepada Perbadanan Kemajuan Negeri termasuk Perbadanan Kemajuan Negeri Perak. Apakah yang dikenal pasti, kenapa wang itu tidak disalurkan terus ke Perbadanan Kemajuan Negeri seperti yang dibuat dalam 40 tahun ini? Apakah perlu kerana Pakatan Rakyat telah menang di mana Kuala Krau tidak mahu terima. Itu tidak menjadi masalah. Akan tetapi kenapa wang-wang ini tidak boleh disalurkan seperti biasa? Kenapa kita ada satu *overlooking bodies* yang baru sekarang? Macam mana 40 tahun ini kerajaan boleh percaya dengan buta-buta menyalurkan wang kepada Perbadanan Kemajuan Negeri semua di seluruh negara, tetapi sekarang nampaknya kerana aliran politik yang baru, kerajaan perlu berwaspada. *What is the rational?*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, 40 tahun semua kerajaan di bawah Barisan Nasional. Kita mempunyai manifesto yang sama.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Tax payer* siapa? *Tax payer* hanya Barisan Nasional punya orang, *tax payer only* dari Barisan Nasional Kah, saya tidak bayar *tax*? Mungkin saya bayar lebih *tax* daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Duduk dulu. Duduk, Yang Berhormat. Kerajaan negeri pembangkang tidak reti hendak cari cukaiakah? Jadi sebab itu kita kata tadi bahawa pembangunan yang kita buat, kita tidak hentikan. Kena ingat saya sudah sebut tadi. Macam kata di negeri Perak, Pulau Pinang dan Selangor. Kita teruskan pembangunan kita. Kita teruskan usaha-usaha untuk melahirkan usahawan tetapi *the agency* yang melaksanakan adalah MARA. Duit ini kita bagi dengan MARA. Kita tidak pernah potong pun. Yang kita tidak bagi ini kepada PKNS. Kepada Perbadanan Kemajuan Negeri sebab mereka ini mengikut telunjuk dan arahan daripada Menteri Besar.

Menteri Besar ini pun bukan betul juga. Macam dekat Selangor. Pertama kali PKNS mahu diberi kepada bukan Melayu. Hal ini menjadi isu....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Orang yang betul-betul berkomunikasi bekerja di syarikat tersebut lebih dari 35 tahun dan 41 tahun wujud, *why discriminated*, adakah kerana

ketuanan Malaysia dilupakan? Bukankah keutamaan patut diberi kepada orang yang berkomunikasi....

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, Yang Berhormat pergi berjumpa dengan Persatuan Pekerja sudahlah. Kalau tidak, tidak akan PAS pun mahu minta penjelasan? Yang Berhormat pergi terang dengan Presiden PASlah. Beritahu perkara ini. Kita tidak mahu campur. Itu sebab kita tidak mahu bagi duit kepada Perbadanan Kemajuan Negeri yang dikuasai oleh pembangkang. Jadi macam hari ini, apa yang berlaku kepada PKNS saya tidak ada campur tangan.

Akan tetapi kalau kementerian ada bagi duit dan kita ada *locus standi*. *Locus standi* untuk campur tangan. Jadi sekarang ini, bab ini sudah banyak kali saya terangkan bahawa duit Pembangunan Usahawan untuk membangunkan usahawan tidak pernah kita potong. Hanya agensi pelaksana dibuat oleh MARA kerana MARA lebih banyak pejabat. Di dalam setiap daerah kita ada pejabat MARA. Kita ada Majlis Pembangunan Usahawan Daerah. Itu sebab saya kata kita terus bagi. Yang kita tidak bagi, tidak bagi terus Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri tetapi program kita tetap teruskan seperti yang telah dirancang mengikut manifesto yang kita buat semasa pilihan raya.

Okey, saya teruskanlah perkhidmatan bas. Mengenai perkhidmatan bas, merujuk cadangan Yang Berhormat Limbang akan diwujudkan jambatan yang melintasi Sungai Pandaruan iaitu sempadan Malaysia dan Brunei bagi memudahkan perhubungan antara Brunei dan Malaysia dan terus ke Indonesia. MECD menyambut baik cadangan ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia telah menandatangani memorandum persefahaman di bawah Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan juga *Philippine. East Asian Growth Area* yang membolehkan perkhidmatan bas beroperasi melampaui sempadan Brunei, Malaysia dan Indonesia. Menerusi perjanjian ini, sebanyak empat pengusaha bas ekspres tempatan telah dibenarkan beroperasi dengan jumlah keseluruhan bas sebanyak sembilan buah bas mulai 6 Oktober 2008.

Berhubung isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Serdang terhadap kemalangan jalan raya yang membabitkan perkhidmatan bas ekspres di negara ini. MECD memandang serius perkara ini kerana ia melibatkan keselamatan dan nyawa. Bagi tujuan ini, MECD telah menubuhkan jawatankuasa *enquiry* kemalangan maut dan sebanyak 20 kes kemalangan telah disiasat mulai 21 Ogos 2007. Sehingga kini, jawatankuasa ini telah membatalkan 40 lesen daripada tiga syarikat, menggantung 291 lesen daripada empat syarikat dan memberi amaran kepada 13 syarikat lagi. Selain itu MECD juga telah mengambil langkah-langkah tindakan yang berbentuk pencegahan atau *preventive* dalam mengurangkan kadar kemalangan maut yang melibatkan bas ekspres.

Di antaranya mewajibkan semua syarikat pengangkutan awam melaksanakan kod amalan SHE iaitu *safety, health and environment* yang meliputi elemen sistem pengurusan

kenderaan, pengurusan pemandu, pengurusan perjalanan, risiko dan sistem pengurusan dokumentasi.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan cadangan Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu agar dibangunkan Masjid Cina di tanah milik UDA iaitu di tapak bekas Penjara Pudu bagi menggalakkan bukan saja aktiviti keagamaan malah aktiviti perniagaan. Saya ingin memaklumkan buat masa ini tanah tersebut masih lagi di bawah milik Ketua Pengarah Tanah dan Galian Malaysia. Sekiranya tanah tersebut diberi hak milik kepada UDA, kementerian bersama-sama dengan UDA berhasrat untuk membangunkan projek pembangunan di kawasan tersebut yang terdiri daripada pusat membeli belah dan lot-lot komersial bagi merencanakan lagi aktiviti ekonomi di kawasan tersebut, dan cadangan Yang Berhormat untuk membina Masjid Cina di kawasan tersebut akan dipertimbangkan.

Akhir kata saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Rasah bangun. Itu Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Dalam perbahasan saya, saya ada menimbulkan isu berkenaan dengan surcaj 30% yang dikenakan kepada bas-bas ekspres yang diberikan kelonggaran. Akan tetapi saya baca dalam kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa surcaj ini diteruskan. Namun dalam perbahasan saya Yang Berhormat Kinabatangan mencelah. Beliau mengatakan bahawa surcaj ini telah dibatalkan. Saya hendak mendapatkan apakah status itu, adakah surcaj itu masih dikekalkan atau tidak.

■2040

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat, minta maaf mungkin pegawai saya tertinggal. Bayaran surcaj ini saya telah pun membuat kenyataan apabila harga minyak diumumkan naik, diesel pun naik, petrol pun naik pada masa itu kenaikan harga minyak tidak melibatkan pengangkutan awam kerana pengangkutan awam dengan menggunakan diesel, diberikan subsidi oleh kerajaan melalui *fleet card*. Kemudian kita juga mendapat memorandum dan rayuan daripada persatuan-persatuan teksi yang menggunakan petrol supaya teksi-teksi, kenderaan yang menggunakan petrol juga diberikan subsidi seperti mana kereta-kereta yang menggunakan diesel.

Ini pun kerajaan telah pun memberikan subsidi kepada petrol. Dalam erti kata lain bahawa permohonan untuk menaikkan harga tambang tidak ada kaitan langsung dengan kenaikan atau penurunan harga minyak kerana minyak ini diberikan subsidi oleh kerajaan kepada pengangkutan awam.

Menjelang hari raya dahulu, apabila kita mendapat hendak kata bukan ugutan, ugutanlah kita bincang banyak kali. Saya dengan 100 pengusaha berjumpa, mereka tidak boleh menyediakan bas yang cukup kalau tidak ada surcaj kerana daripada maklumat yang mereka tunjuk dengan kita banyak syarikat-syarikat kenderaan ini yang sudah tidak mampu untuk beroperasi kerana harga tambang kita naikkan akhir sekali pada tahun 2005.

Hari ini kalau maklumat yang diberi kepada saya ini harga pengurusan mereka sudah naik 172%, dia kalau tengok sini tayar sahaja tahun 2005 RM700 satu sekarang sudah RM1,000, macam itulah. Jadi oleh itu kita mendapat *report*, kita pun *check* dengan SME Bank, dengan Bank Rakyat. Kita dapati memang banyak pengusaha bas tidak mampu untuk bayar balik hutang bas. Sebab itulah untuk kita mengatasi masalah kekurangan bas pada hari raya kita kenakan surcaj 30%.

Jadi dalam masa yang sama apabila habis tempoh surcaj ini selepas hari raya maka pengusaha-pengusaha bas terus merayu supaya kerajaan naikkan harga tambang. Kita telah bercadang untuk mengumumkan kenaikan harga tambang setelah kita selesai membuat kajian, melantik satu konsultan tetapi dalam bajet baru-baru ini kita sudah maklum kerajaan telah mengumumkan beberapa insentif kepada pengangkutan awam seperti 50% untuk bayar tol dan juga *road tax* hanya RM20.

Jadi permohonan yang mereka minta ialah kenaikan 100%. Jadi oleh itu kita kena kaji balik permohonan mereka yang bukan sahaja menghendaki bas ekspres tetapi termasuk bas henti-henti, termasuk bas sekolah dan juga termasuk teksi dan kereta sewa.

Jadi oleh kerana kita belum buat keputusan sebab itulah surcaj 30% yang kita kenakan pada hari raya dahulu kita telah pun sambung surcaj itu sehinggalah kita umumkan harga kadar tambang yang baru. Jadi sebab itu kita teruskan surcaj.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Jadi Yang Berhormat Kinabatangan yang telah mengelirukan Dewan. Beliau mengatakan bahawa surcaj itu dibatalkan tetapi saya hendak tanya kalau sebab kalau kenaikan tambang itu dikaji oleh kementerian sepatutnya kementerian lepas kaji sama ada dibenarkan tambang itu dinaikkan dahulu tetapi surcaj itu tidak boleh diteruskan sebab surcaj itu Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa hanya untuk musim hari raya, satu bulan sahaja.

Selepas hari perayaan permintaan itu sudah turun, mereka sudah dapat *cope* dengan permintaan itu tetapi saya tidak faham mengapa surcaj itu boleh diteruskan sebab ini saya rasa tidak adil kepada pengguna sebab pengguna mendapat tahu surcaj ini hanya dibenarkan untuk musim perayaan sahaja dan mereka sanggup untuk satu bulan itu tetapi selepas hari raya mengapa surcaj ini diteruskan, saya tidak faham.

Jadi saya minta pihak menteri boleh membatalkan ini sehinggalah kalau ada kajian yang betul yang dapat untuk memastikan bahawa tambang itu tidak dinaikkan dengan secara

mendadak baru ada kajian semula terhadap tambang tetapi surcaj itu yang dikenakan sampai ke hari ini saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh batalkan, terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Cadangan Yang Berhormat memang mudahlah untuk batal tetapi adakah Yang Berhormat tahu bahawa syarikat-syarikat usahawan, syarikat-syarikat pengangkutan ini bukan milik kerajaan. Kita sudah tengok dia punya laporan, saya sudah kata kita siasat bahawa banyak syarikat-syarikat ini terpaksa gulung tikar, dia terpaksa tutup dan akhirnya nanti akan menyusahkan rakyat apabila tidak dapat memberikan perkhidmatan yang baik kecuali syarikat-syarikat pengangkutan ini milik kerajaan.

Sebagai contoh saya bagi tahu Yang Berhormat, RapidKL yang hari ini semua suka sebab tambang dia murah tetapi adakah Yang Berhormat tahu RapidKL terpaksa belanja sebulan RM5 juta untuk menampung pengurusan, pentadbiran RapidKL.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: *[Bangun]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Kita ada bas MARA. Kita suruh bas MARA masuk kampung-kampung, masuk FELDA, masuk kawasan-kawasan yang tidak komersial, adakah Yang Berhormat tahu sebulan MARA terpaksa menampung hampir RM1.5 juta sebulan untuk memastikan orang kampung, orang luar bandar ini mendapat pengangkutan. Itu duit daripada kerajaan, kerajaan tahu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Nanti dahulu Yang Berhormat. Jadi sebab itu Yang Berhormat kena tengok bahawa masalah yang dihadapi oleh bas-bas di luar-luar bandar, bas-bas ekspres yang hari ini kita sedia maklum bahawa yang menggunakan bas-bas ini memang orang-orang yang miskin. Kalau esok bas tidak dapat beroperasi sebagai contoh apabila bas tidak dapat beroperasi, dia kurangkan perjalanan.

Sepatut bas setengah jam satu, dia tidak boleh berjalan dia jalan juga basnya tetapi dua jam satu. Rakyat juga yang susah jadi kerana itu kita kata okey surcaj 30%, *spending* kenaikan harga tambang kerana harga tambang kita sudah hendak umumkan hari itu tetapi oleh kerana ada insentif yang baru dalam Bajet 2009 kita kena kaji balik supaya dapat memberikan faedah kepada rakyat. Saya bagi Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, terima kasih. Saya bukan hendak menjawab Tuan Yang di-Pertua cuma hendak membetulkan keadaan. Yang Berhormat ini nampaknya tidak faham-faham, menteri sudah maklumkan surcaj itu memang untuk hari raya selepas itu tidak ada cuma dikaji untuk dipertimbangkan sebab faktor-faktor sedemikian.

Inilah masalah DAP ini, tidak pandai memerintah sebab dia tidak faham-faham, menteri dia tidak faham, tidak pandai fikir, akal dia tidak panjanglah. Jadi saya tidak pernah mengelirukan Dewan, itu yang berlaku, faham-fahamlah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *He spokesman for nothing.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudahlah Yang Berhormat. Menteri sudah habis.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Rasah sudah. Dua kali Yang Berhormat berdiri, menteri beri penjelasan macam mana pun Yang Berhormat tidak puas hati.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Itu surcaj ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak Yang Berhormat, *you cannot insists* dengan izin. Kementerian sudah bagi tahu isu, itulah dia jadi you tidak boleh paksa kementerian, itu sahaja Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat, tidak mengapa, duduk Yang Berhormat. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Padang Terap juga duduk. Sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: You lah bodoh.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat Kinabatangan betul sebab Yang Berhormat ini pengerusi LPKP negeri Sabah, tak kan dia tidak faham, dia pengerusi. Jadi ini bermakna kita ada buat pengumuman bahawa surcaj itu sampai hari raya tetapi selepas hari raya kita tengok tidak boleh umumkan kadar tambang, kerana itu kita sambung surcaj itu, betullah.

Kalau dia pengerusi LPKP, Yang Berhormat yang tidak faham. Yang Berhormat, Yang Berhormat ini hendak menjadi jaguh membela orang kampung, Yang Berhormat pun tidak pernah naik bas cakap banyak, saya ingat cukuplah Yang Berhormat. Saya sudah bagi penjelasan yang cukup jelas.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Laluan sedikit.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: DAP ini cakap macam mana pun dia tidak akan puas hati. Esok kalau orang kompelin tidak ada bas dia bantai kita juga kerana kerajaan gagal memberikan perkhidmatan yang baik, bila kita buat yang baik pun dia tidak puas hati semata-mata konon jadi jaguh kepada rakyat.

Ini sebenarnya setakat ini kita tengok apabila kita bagi 30% hari raya lepas tidak ada masalah banyak bas semua cukup, ulat pun kita dapat kurang dan hari ini kita lihat banyak bas berjalan kecuali teksi. Teksi kita tengok sekarang ini apabila kita tidak naikkan harga tidak guna meterlah, ambil tambang lebihlah kerana apa, kita faham kerana mereka menghadapi masalah tidak cukup untuk kos-kos operasi, jadi sebab itu kita akan buat sekali sahaja.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Menteri minta laluan sedikit.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya ingat cukuplah Ahli Yang Berhormat. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh dan memberi pandangan kepada kementerian MHD, terima kasih.

8.40 mlm.

Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya terlebih dahulu melafazkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan inayah dan izin-Nya saya terus diberi ruang untuk mengemudi Kementerian Kerja Raya. Saya juga merakamkan terima kasih kepada 18 Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan dan oleh kerana kebanyakan daripada perkara yang dibangkitkan ini adalah merupakan perkara yang spesifik.

■2050

Jadi saya telah pun membuat keputusan untuk memberikan laporan bertulis kepada semua soalan ini dan saya telah pun edarkan kepada Ahli Yang Berhormat pagi tadi. Saya akan membahaskan perkara-perkara yang berhubung kait tentang dasar kementerian dan saya pun bersedia untuk menerima penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bidang tugas kementerian ini wajar diakui berat, bertambah luas ibarat kata pepatah Inggeris dengan izin *“from something to everything”* sepanjang masa. Jika tiada perlu dibina dan siap perlu di selenggara, bila di selenggara perlukan jaminan agar manfaatnya berkekalan. Jadi kita berusaha memastikan peruntukan digunakan secara maksimum, kurangkan pembaziran, utamakan kos kecekapan dan untungkan rakyat sebanyak mungkin dengan falsafah pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional yang tetap teguh berpegang kepada tradisi membela rakyat.

Jadi projek-projek RMK-9 di bawah Kementerian Kerja Raya, saya ingin memberikan sedikit ulasan mengenai peruntukan sebanyak RM3.98 bilion yang telah diperuntukkan di bawah Kementerian Kerja Raya iaitu RM1.39 bagi belanja mengurus dan RM2.58 bilion adalah peruntukan pembangunan. Kementerian Kerja raya merupakan antara kementerian yang mendapat peruntukan besar dalam Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu RM19.22 bilion.

Selepas Kajian Separuh Penggal RMK-9, siling peruntukan itu adalah sebanyak RM20.37 bilion untuk melaksanakan sebanyak 521 projek di seluruh negara. Bagi keseluruhan RMK-9, Kementerian Kerja Raya telah membelanjakan RM13.4 bilion ataupun bersamaan 65.8% daripada jumlah peruntukan. Bagi prestasi projek pula, daripada 521 projek yang dirancang oleh Kementerian Kerja Raya dalam RMK-9, sehingga 31 Ogos 2008 sebanyak 209 telah berjaya disiapkan dan ia termasuk 158 projek jalan dan jambatan termasuk lebuhraya, 36 projek bangunan dan 15 projek bukan fizikal yang melibatkan kajian reka bentuk.

Semua 209 projek yang disiapkan melibatkan peruntukan RM6.4 bilion. Daripada 209 projek yang telah siap ini, 102 daripadanya adalah sambungan daripada RMK-8 yang disiapkan antara 2004 hingga 2006. 72 projek telah disiapkan pada tahun 2007 sementara 35 lagi pada tahun ini. Kementerian ini adalah komited dengan dasar kerajaan kini yang mengutamakan pembangunan rakyat. Kesemua projek yang direncanakan perlu benar-benar memberi manfaat

kepada rakyat di mana perhatian dan tumpuan adalah memenuhi keperluan asas di kawasan luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, keutamaan juga adalah bagi projek-projek yang berciri prihatin rakyat ataupun dengan izin *people centric* terutamanya daripada aspek keselamatan iaitu seperti pembinaan jejantas pejalan kaki, pembinaan lorong motosikal dan pembaikan kawasan-kawasan *black spot*. Sebanyak 150 kawasan *black spot* telah pun dikenal pasti di seluruh negara yang memerlukan tindakan segera.

Dalam usaha meningkatkan kemudahan untuk rakyat, kita sentiasa berusaha mencari pendekatan baru termasuk meneroka teknologi teknik dan kaedah terkini di negara lain. Dalam lawatan saya ke Korea dan Jepun pada 7 hingga 14 Jun 2008, pihak kementerian telah meninjau pelaksanaan sistem aliran bebas kutipan tol elektronik atau *free flow electronic toll collection* untuk dilaksanakan di lebuh raya di negara ini terutama di Lembah Klang bagi mengatasi kesesakan di plaza-plaza tol.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat Kepong nanti kejap. Melalui lawatan itu juga, kita dapat mempelajari *intelligent transportation system* ataupun dikenal pasti sebagai ITS di negara terbabit iaitu cara untuk menguruskan lalu lintas dengan cekap dan berkesan. Hasil daripada lawatan ini kita telah pertamanya mewujudkan *multi lane free flow* (MLFF) dibuat secara percubaan terlebih dahulu pada 17 November 2008 dan diadakan selama satu tahun. Pada masa yang sama, jawatankuasa *inter agency* sedang mengkaji pindaan akta dan sistem bagi pelaksanaan MLFF ini.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya pun gembiralah kalau 209 projek sudah disiapkan dan dalam peruntukan untuk RMK-9 ini nampak kita ada RM30.3 bilion. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini, dengan kegawatan ekonomi, kemelut kewangan dan sebagainya adakah projek-projek ini akan ditundakan kerana saya nampak di beberapa kawasan termasuk di Kuala Lumpur.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Okey, okey. Saya faham Yang Berhormat, saya faham.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Sudah faham?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya faham apa soalan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Oh, mudah faham sekarang *[Ketawa]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat bangkitkan tentang harga kenaikan barang dan harga kenaikan barang ini akan melibatkan harga pembinaan akan naik tinggi dan apakah langkah-langkah kementerian dan kerajaan untuk mengatasinya. Saya telah pun mengemukakan satu mekanisme yang disebut sebagai POP dan saya akan jelaskan di kemudiannya.

Satu agensi penyelaras semua maklumat ITS akan diwujudkan yang mana sekarang ia dikendalikan secara persendirian oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Polis Diraja Malaysia dan Lembaga Lebuh Raya Malaysia. Di Korea, ia dikendalikan oleh satu badan yang dikenal pasti sebagai nama *Korea Expressway Corporation*. Lembaga Lebuh raya Malaysia (LLM) telah menghantar dua jurutera untuk penempatan selama tiga minggu di *Korea Expressway Corporation Traffic Management Center* untuk mempelajari sistem kawalan trafik di Korea. Mengadakan kerjasama dengan *Public Works Research Institute of Japan* (PWRI) untuk menubuhkan Institut Kerja Raya Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, globalisasi telah mewujudkan pelbagai peluang serta cabaran kepada industri pembinaan tempatan. Dalam dua dekad yang lepas, penggiat-penggiat industri tempatan telah berjaya memperkasakan *capability* dan *capacity* menerusi pencapaian pelaksanaan pelbagai projek-projek mega dan mencabar di dalam negara. Dalam menempuh proses tersebut, penggiat industri terdiri daripada kontraktor, perunding, pembekal bahan binaan serta tenaga kerja mahir telah berpeluang dan mampu bersaing di pasaran global.

Pelbagai aktiviti giat dijalankan bagi menggalakkan kontraktor-kontraktor tempatan serta lain-lain penggiat industri untuk menceburi pasaran antarabangsa. Promosi di peringkat domestik melibatkan program untuk memberi kesedaran dan menggalakkan kontraktor-kontraktor tempatan untuk menerokai pasaran antarabangsa. Sementara itu, promosi dan penjenamaan di peringkat global adalah program mempromosi dan mengetengahkan kemampuan dan keupayaan kontraktor Malaysia ke luar negara dengan menghebahkan penglibatan kejayaan dan pencapaian kontraktor Malaysia kepada pihak yang berkaitan di luar negara.

Kerajaan juga melaksanakan pemudah cara menerusi rundingan terus menerusi pendekatan kerajaan dengan kerajaan ataupun disebut *G to G* sebagai langkah pertama untuk membawa kontraktor di negara yang berpotensi. Pelaksanaan misi fokus pembinaan, menjalankan penyelidikan pasaran dan mengeluarkan laporan terperinci mengenai kedudukan *business* sesuatu negara. Penjenamaan industri pembinaan tempatan, aktiviti *business matching*, penilaian kualiti projek-projek luar negara bagi memastikan kualiti perkhidmatan dan produk yang tinggi untuk menjamin imej dan prestasi negara dan melaksanakan hubungan dua hala dan antarabangsa.

Sehingga September 2008, kontraktor-kontraktor Malaysia telah berjaya mencipta nama dan memperoleh kontrak pelaksanaan projek-projek di luar negara. Antara negara fokus adalah seperti United Arab Emirates (UAE), Saudi Arabia, Qatar, Libya, Sudan, India dan negara-negara ASEAN serta negara-negara baru seperti Syria, Laos dan Turkmenistan. Secara keseluruhannya, seramai 99 kontraktor tempatan telah bergiat menawarkan perkhidmatan mereka di 43 buah negara. Ianya melibatkan 456 projek bernilai RM90.2 bilion merangkumi 363 projek siap bernilai RM27.9 bilion dan 93 projek dalam pembinaan bernilai RM62.3 bilion.

■2100

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini iaitu pada 16 hingga 26 September 2008, saya telah mengadakan lawatan kerja ke Syria dan Arab Saudi dan saya mendapati prestasi dan nama baik kontraktor-kontraktor Malaysia di negara tersebut adalah amat membanggakan sebagai contoh kontraktor kita telah diberi kepercayaan dalam melaksanakan projek pengubahsuaian Lapangan Terbang Antarabangsa Damsyik, Syria. Hasil daripada rundingan kerajaan dengan kerajaan *G to G*. Saya juga sempat mengadakan kunjungan hormat kepada Perdana Menteri Syria, Timbalan Perdana Menteri serta beberapa menteri dan Gabenor Damsyik.

Kerajaan Syria telah menyanjung perkhidmatan Malaysia dalam membangunkan prasarana negara tersebut dan juga telah bersedia untuk mempelajari lebih lanjut pengalaman di negara kita di samping mempelawa kontraktor-kontraktor Malaysia mengambil bahagian dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan. Kita juga sedang mengkaji kedudukan Syria sebagai *gateway* kepada negara-negara sekitar.

Semasa kunjungan ke Arab Saudi, saya telah mengadakan lawatan ke projek-projek yang dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor Malaysia seperti pembinaan Jamrah di Mina, Jizan *Economic City*, Kompleks Universiti di Jeddah dan Riyadh Kompleks Penyulingan Air dan Pengeluaran Kuasa di Shuaibah serta pembangunan Madinah *Knowledge City*. Adalah didapati prestasi dan kualiti projek-projek yang dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor Malaysia di negara tersebut adalah cemerlang dan bertaraf antarabangsa.

Terdapat banyak peluang yang boleh diceburi oleh kontraktor-kontraktor tempatan di pasaran antarabangsa menerusi pendekatan serta bimbingan kerajaan menerusi agensi di bawah Kementerian Kerja Raya seperti Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Kita juga boleh bergerak selangkah lagi menerusi penglibatan secara memberikan pakej perkhidmatan dengan izin portal *solution* merangkumi perunding kontraktor pembekal pembiayaan kewangan serta tenaga kerja mahir.

Tuan Yang di-Pertua, sebaik sahaja diberi amanah menyertai kementerian ini dan selesai PRU ke-12, beberapa langkah dasar telah saya laksanakan. Memahami suasana dan industri pembinaan hampir berada dalam keadaan tepu atau *stagnant* dengan tidak banyak lagi projek pembinaan dibiayai kerajaan mampu dilaksanakan lantas mekanisme tertentu diambil sebagai pelan kontingensi. Keutamaan diberikan kepada pembinaan prasarana agar ia mampu memberikan nilai tambah. Selain menyediakan kemudahan komprehensif lagi kondusif kepada semua segmen masyarakat tanpa menira kaum, agama, sempadan daerah mahupun negeri tidak kira yang diperintah oleh Pakatan Rakyat atau pun negeri di bawah Barisan Nasional. Inilah keadilan sejati "kata dikota, janji dilaksanakan".

Atas inisiatif untuk membantu golongan kontraktor bumiputera khususnya kontraktor Kelas F, kementerian telah mengusahakan satu polisi dan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Ipoh Barat bangun.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *One moment.* Kementerian telah mengusahakan satu polisi dan penetapan mulai April 2008 dengan memperuntukkan 10% daripada semua kontrak kerajaan yang berharga RM10 juta ke atas yang di bawah pengawasan dan pelaksanaan kementerian diagihkan kepada kontraktor kelas ini. matlamat utamanya ialah memastikan lebih 17,000 kontraktor Kelas F yang aktif dan berpotensi telah membuktikan *trade* rekod kerja mereka mendapat agihan dan sub kontrak bagi projek berskala besar yang dirancang dilaksanakan di bawah RMK9.

Natijahnya dan kesan *spin overnya* dapat dilihat kerana berdasarkan angka tunjuk sehingga 25/11/2008 bagi keseluruhan nilai projek yang diproses dan diluluskan kepada kontraktor utama bernilai RM5.2 bilion lebih 2,656 kontraktor Kelas F mendapat kerja sub kontrak dianggarkan bernilai RM526 juta yang ditawarkan oleh kontraktor utama. Inilah yang dikatakan "sama merasa sehati sejiwa, muafakat membawa berkat".

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya rasa semua rakyat Malaysia akan terima baik bahawa kontraktor-kontraktor kita berjaya di luar negara kerana mereka adalah berkebolehan. Jadi, syabas kepada merekalah tetapi nampaknya ini semua adalah kerana open tender *system* di luar negara. Kalau mereka boleh berjaya di luar negara, kenapa pula di negara kita, bukankah sedikit pelik di negara kita bukan kita ada open tender *system* tetapi tender tertutup, *negotiated tender*, kroni-kroni dan macam-macam di mana pilih kasih terjadi. Adakah kementerian telah ada satu dasar baru supaya semua tender-tender yang dibuka akan diberi kepada *the best man win* bukan kepada *the best man I like*.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak ada dengar dengan penuh teliti dengan apa yang saya cakap tentang kejayaan kontraktor kita di luar negara. Dia adalah hasil daripada inisiatif kerajaan kita melalui *G to G, government to government* punya inisiatif. Yang Berhormat, banyak projek yang diperolehi ini bukan dibuat secara tawaran terbuka, *it is based on the negotiated* tender contohnya projek yang dibuat oleh Muhibah di Lapangan Terbang Syria dan juga projek-projek yang lain. Walaupun dia dibuat secara *negotiated* tender tetapi ia dilaksanakan mengikut ketetapan dan juga standard yang telah pun ditetapkan oleh piawai antarabangsa. Soalan Yang Berhormat kemukakan apakah langkah kementerian saya terhadap tawaran yang dibuat, dengan izin Yang Berhormat semua proses perolehan yang diproses oleh Kementerian Kerja Raya adalah dibuat secara tender terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, modal insan adalah penentu kelangsungan tamadun. Menyedari struktur komposisi penduduk negara 60% adalah dari kalangan belia dan remaja, maka aspek latihan pendidikan menjadi mercu utama rekayasa acuan pembangunan negara. Semenjak

empat dekad lampau, pemimpin negara mengutamakan pendidikan latihan dan demikianlah kenapa dua per tiga bajet negara disalurkan bagi tujuan tersebut. Pendidikan mampu memartabatkan maruah insan, meningkatkan mobiliti sosial kaum. Maka, selaras dengan kesedaran itulah kementerian ini telah memperkasakan usaha menaik taraf dan membina bangunan tambahan bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil - SJK(T) di seluruh negara. Dengan biayai sebanyak RM41.5 juta lebih 40 projek naik taraf Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil seluruh negara digembleng. 21 buah SJK(T) di Selangor, Kedah - 3, Perak - 5, Pulau Pinang - 2, Kuala Lumpur - 2, Johor - 5 dan masing-masing satu di Melaka dan Pahang.

Kerajaan Barisan Nasional cukup toleran, sentiasa berusaha mengartikulasikan kehendak rakyat meletakkan sesuatu pada tempatnya, biarlah mereka mengata kita kerana bekerja dari mengata kita kerana tidak berbuat apa-apa, biarlah juga masa dan ketika membuktikan hanya jauhari mengenal manikam. Ini hendak bagi kepada siapa lagi ini? Sekolah Tamil.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Rasah, rasah.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat Rasah.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tanya daripada senarai yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi tiada pun satu sekolah Tamil yang dinaikkan taraf di Negeri Sembilan tetapi pada minggu lepas, apabila penggulungan oleh Kementerian Pelajaran, saya dimaklumkan bahawa sebuah SJK(T) di Ladang Senawang telah diluluskan oleh Kementerian Pelajaran untuk dinaiktarafkan, untuk dibina satu bangunan baru dan diberikan peruntukan RM1.4 juta tetapi nampaknya tidak dalam senarai yang diberikan oleh Kementerian Kerja Raya tidak ada. Jadi, saya hendak dapatkan penjelasan dan bilakah projek itu dapat dimulakan?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ya, terima kasih. Perkara yang disebut ini sejumlah wang RM41.5 juta dan melibatkan 40 sekolah ini Yang Berhormat perkara yang telah *off the ground* maknanya proses tender telah dibuat dan ada kerja-kerja yang berjalan dan sedang berjalan. Mungkin apa yang disebutkan oleh Kementerian Pendidikan sebut itu adalah peruntukan yang disalurkan kepada Kementerian Kerja Raya dan di dalam peringkat *plenary* dan pelaksanaan. Saya yakin bahawasanya perkara yang disebutkan itu adalah benar dan saya akan berikan maklumat yang terperinci.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, boleh beritahu dari 40 sekolah yang dinamakan, lima di antaranya dari negeri Perak. Boleh saya dapat tahu nama-nama sekolah tersebut dan adakah Sangeetha Sabha di Ipoh itu termasuk dalam sekolah-sekolah yang akan dinaiktarafkan?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, itu soalan spesifik. Saya akan bagi jawapan bertulis.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *All of the school*, semua 40 buah sekolah?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya tidak ada masalah. Saya boleh bagi nama ini.

■ 2110

Bukan sekolah ini sahaja Yang Berhormat, saya telah pun mengarahkan pihak Jabatan Kerja Raya supaya melakukan audit menyeluruh bukan hanya Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, ia juga termasuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan semua sekolah-sekolah yang berhubung kait tentang Sekolah Rendah Agama Rakyat. Saya sedang mengemas kini butiran lanjut dan mengemukakan kepada Kabinet untuk mendapatkan kelulusan.

Tuan Yang di-Pertua, penyelenggaraan bangunan Parlimen. Dewan yang mulia tempat kita bersidang ini cukup bersejarah. Parlimen sebagai simbol demokrasi. Ruang di mana dasar dibahaskan untuk kepentingan rakyat dan negara. Kejadian siling bocor pada Mei 2007, masih segar dalam ingatan. Justeru sebaik mengemukakan kementerian ini, audit menyeluruh telah dilaksanakan. Biar suasana kondusif bakal menjelma di bangunan yang cukup bermakna ini untuk keselesaan semua Yang Berhormat yang ada.

Penyelenggaraan dan kerja pembaikan *electrical*, mekanikal dan struktur diutamakan. Bermula bulan Jun yang lalu, melalui kerja-kerja yang dilakukan ini, akan dapat dipastikan bangunan ini terus teguh. Seteguh amalan demokrasi yang terus menstabilkan maruah dan kedaulatan negara ini. Cadangan ubahsuai bangunan Parlimen termasuk menaik taraf tempat letak kereta telah pun dipamerkan di ruang legar Parlimen sejak 18 Ogos 2008. Lalu untuk perhatian dan bagi mendapat maklum balas Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Ahli-ahli Yang Berhormat juga digalakkan memberikan pandangan menambah baik bangunan yang bersejarah ini. Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita gembiralah mendengar bahawa bila Yang Berhormat mengambil alih jawatan itu, tidak ada lagi kebocoran, diselenggarakan dengan baik.

Cuma saya hendak tahu, kos baik pulih dahulu, untuk *renovate* dahulu hampir RM100 juta. Bocor dan kemudiannya berlaku kerosakan, berapakah pula kos yang ditanggung oleh kerajaan untuk membaik pulih sehingga sekarang ini kita boleh agak berpuas hati. Berapa jumlah kos itu? Saya hendak tahu dalam jawapan, kalau boleh dalam jawapan yang diberikan pada malam ini. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ini semua soalan spesifik dan saya perlu rujuk kepada pegawai yang bertanggungjawab untuk mendapatkan butiran Yang Berhormat. Untuk *off-hand*, hendak put semua *figure* di dalam kepala otak ini, *I think* agak *limited* lah.

Jadi saya akan bagi jawapan berkenaan itu dan untuk makluman Yang Berhormat, kita menghadapi sedikit kekangan daripada segi hendak menguruskan penyelenggaraan bangunan Parlimen ini kerana kita tidak mahu mengganggu waktu bersidang. Jadi kalau tengah bersidang,

kerja berlaku di kawasan ini dia akan mengganggu. Jadi untuk menguruskan ini, dengan izin, *it have to be properly scheduled for the works to be done on site*. So yang kedua, hendak menentukan secara maksimum optimum mungkin *what is the ceiling to this rehabilitation* Yang Berhormat.

Mana perkara-perkara yang fizikal boleh nampak di luar untuk mengubahsuai dan menaiktarafkan fasa. Yang itu senang dan boleh dianggarkan. Akan tetapi perkara-perkara yang berhubung kait tentang M&E, *mechanical and electrical services* yang wayarnya berlari tidak tahu dan paip yang turun dan sudah berumur hampir 49 tahun Yang Berhormat. Itu satu perkara yang kadang-kadang kata kita di luar jangkauan kita *but nevertheless* dengan izin, pihak yang bertanggungjawab tentang penyelenggaraan senantiasa berada di dalam sekitar Dewan untuk kita menangani apa-apa masalah yang berbangkit. Jadi, lebuhraya merupakan antara projek penswastan besar-besaran negara yang dipelopori awal 90-an.

Dalam konteks PLUS, ia siap sepenuhnya penghujung 90-an. Sejak itu pelbagai konsesi lebuhraya baru diberikan. Selaras dengan kepesatan semasa, keinginan mendekatkan hubungan dan menjimatkan masa perjalanan, selain peningkatan aliran trafik menyebabkan lebuhraya sudah menjadi pilihan dan keutamaan. Namun kita mahu memastikan agar keuntungan yang di kecapi oleh pemegang konsesi perlu disusuli dengan kemudahan yang berkualiti. Mutu perkhidmatan yang lemah perlu diperbaiki dan masalah serta beban rakyat perlu sama-sama dipikul. Yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing.

Syarikat pemegang konsesi ini perlu bersama memikul tanggungjawab sosial atau *corporate social responsibility* mereka. Dalam keadaan kos sara hidup meningkat, tekanan harga bahan bakar telah diturunkan. Maka lebuhraya sedia ada harus mengambil kira tahap perkhidmatannya. Tidak ada makna kadar mencanak naik setiap tiga atau dua tahun sekali, namun istilah lebuhraya tidak menepati maksudnya. Lantas boleh dikatakan bertaraf jalan biasa sahaja. Ini misalnya dapat dilihat ke atas operasi beberapa lebuhraya di dalam kawasan sekitar bandar.

Atas kesedaran meningkatkan hak pengguna, maka mulai Mei 2008 yang lalu, rundingan semula telah diadakan melibatkan kesemua pemegang konsesi tol di lebuhraya agar satu kadar munasabah yang mencerminkan realiti pengguna dapat dimuktamadkan. Kadar munasabah dalam erti kata di sini, kadar tol haruslah lebih rendah dari masa kini. Saya percaya formula perundingan semula ini akan dapat memberikan manfaat kepada semua pengguna lebuhraya. Kajian berkenaan penurunan kadar tol ini setakat ini masih lagi dalam peringkat perundingan kerana berasaskan kepada *concession agreement* yang telah pun menjadi pemegang kepada perjanjian di antara pihak kerajaan dengan juga pihak konsesi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, di dalam sesi penggulungan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kesembilan yang lalu...

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri..

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya telah mengumumkan bahawa satu kajian yang lebih terperinci akan dijalankan ke atas lebuhraya-lebuhraya dalam usaha untuk mengurangkan beban rakyat untuk membayar tol.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Rasah.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *Let me finish this thing...*

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Ya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan untuk mengkaji perkara ini dan dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga Lebuhraya Malaysia serta dianggotai oleh pegawai kanan kementerian dan dibantu oleh juru perunding dan firma guaman yang terkemuka di Malaysia. Jawatankuasa ini juga mendapat bantuan dan input daripada pakar akademik daripada Universiti Teknologi Mara. Skop kajian yang dijalankan oleh jawatankuasa ini adalah mengkaji segala aspek bagi mengurangkan kadar tol untuk mengurangkan beban rakyat.

Aspek yang dikaji merangkumi unjuran trafik hasil kutipan tol, kos penyelenggaraan dan operasi serta cadangan pengurangan kadar tol dipastikan tidak menjejaskan aliran tunai syarikat konsesi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawatankuasa ini telah selesai mengumpulkan data-data dan maklumat yang diperlukan. Jawatankuasa ini juga telah mengadakan rundingan dengan syarikat-syarikat konsesi lebuhraya yang terlibat khususnya bagi lebuhraya-lebuhraya di Lembah Kelang.

Hasil daripada rundingan tersebut sedang dirumuskan dan insya-Allah akan diselaraskan untuk diangkat kepada Jemaah Menteri supaya proses untuk kajian *term* ini akan dapat dimuktamadkan dan apa yang ditekankan di sini ialah supaya pihak pemegang konsesi mengamalkan tanggungjawab sosial mereka ataupun *corporate social responsibility*.

Pada masa yang sama kerajaan mahu memastikan bahawa kadar tol yang dikenakan ini tidak akan membebankan rakyat dan juga tidak mahu melihat bahawa apa yang telah pun berada di dalam *concession agreement* di pihak pemegang konsesi itu akan dapat diselaraskan supaya dia akan memberikan satu pendekatan apa yang saya sebut dengan izin, *it is a win-win situation...*

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri pernah menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini pada bulan Mei yang lepas bahawa kajian terhadap kadar tol itu akan disiapkan dalam masa tiga bulan, iaitu pada bulan ini. Akan tetapi nampaknya sudah *after dateline*.

■2120

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bilakah kajian itu boleh dimuktamadkan dan bilakah satu kadar baru kepada pengguna-pengguna tol ini dapat dipraktikkan kepada pengguna-pengguna lebuh raya, itu yang pertama.

Yang kedua, saya sendiri dengar Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa perlu ada syarikat konsesi ini ada *corporate social responsibility*. Saya mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri yang saya mengalu-alukan dan saya ucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri kerana mengambil inisiatif untuk memberikan jawapan bertulis. Saya bertanya kenapa RM22 juta wang pembayar cukai digunakan untuk membiayai projek memasang lampu jalan sepanjang Lebuh Raya Utara Selatan di antara Nilai Utara sehingga Seremban. Yang Berhormat Menteri menjawab bahawa ini di luar lingkup perjanjian konsesi.

Jadi perlu kerajaan menanggung perbelanjaan itu tetapi persoalannya, apabila mereka mewujudkan trafik semasa mereka membina LEKAS ini tidak banyak, tetapi sekarang trafik sudah banyak yang melebihi unjuran itu dan mereka mendapat keuntungan yang lebih besar. Mengapa projek-projek pelebaran jalan dan projek-projek untuk menaikkan infrastruktur ini tidak boleh ditanggung oleh PLUS dan perlu ditanggung oleh pembayar cukai? Saya rasa itu satu dasar yang tidak adil dan saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh mengkaji balik dasar ini. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat. Secara umumnya negara kita ada 22 pemegang konsesi dan konsesi yang awal ini yang utamanya PLUS, yang melibatkan Lebuh Raya Utara ke Selatan dan apabila konsesi ini menjadi satu perjanjian antara kerajaan dengan pemegang konsesi, yang berasaskan kepada dengan izin, *concept of privatization* tentulah ada terma-terma yang telah pun dipersetujui yang boleh menjadikan bahawa asas apa yang ada dalam perjanjian itu boleh dijadikan sebagai satu sekuriti kepada orang yang akan membiayai projek tersebut. Itu adalah satu perkara yang kita panggil *The GA*. Sama ada *The General Concession Agreement* yang ada itu telah pun menetapkan dengan izin, satu *treasure figure* supaya apabila ada *treasure figure* itu dicapai, baru ada *revenue sharing*.

Yang itu satu perkara yang harus dilihat apakah yang boleh dilakukan. Terma-terma dalam *concession agreement* di antara satu *concession* dengan satu *concession* yang lain dia bukan ada *uniformity*, dia ada berbeza-beza. Mungkin *concession A* daripada segi *alignment* yang telah ditetapkan, *the cost of the position of the land is boned by the government*, sebagai satu perkara yang hendak menjadikan *high way* itu sebagai satu yang *viable*. Dalam aspek yang lain oleh kerana *traffic volume* dan unjuran yang sedia ada memungkinkan supaya infrastruktur yang hendak dibangunkan itu dengan unjuran trafik yang sedia ada, ia dengan izin, boleh *stand alone* daripada segi dia punya *cash flow* dan *its become available* dan mungkin pihak pemegang konsesi itu dia akan *acquire* tanah itu dahulu.

Kerana dia merupakan *capital outlay*. Jadi macam Yang Berhormat sebut kenapa dalam jawapan bertulis yang saya bagi kepada Yang Berhormat dengan menghuraikan kenapa belanja RM22 juta dan *street lighting* dipasangkan mungkin terma itu tidak dimasukkan dalam jadual asal apa yang dimaksudkan di dalam *concession agreement*. Dan ini melibatkan perkara perincian dalam *concession agreement* itu sendiri Yang Berhormat. Jadi itu jawapan saya kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: [Bangun]

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: [Menyampuk]

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya ingat Yang Berhormat, benda macam ini *Committee Stage* punya soalan Yang Berhormat. Ini soalan dasar sudah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Saya bagi peluang. Sudahlah Yang Berhormat, kalau hendak tanya berapa sen benda-benda macam itu Yang Berhormat, kita tidak habis pun...

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya hendak jawablah ini. Saya kata saya belum habis saya punya perenggan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil kajian ini juga telah dibentangkan kepada Majlis Ekonomi Negara dan akan diangkat dalam Mesyuarat Jemaah Menteri untuk keputusan. Inilah prinsip asas Kerajaan BN sentiasa mengutamakan kepentingan majoriti berbanding keperluan segelintir minoriti. Biar apa yang dirancang, kesan limpahannya dinikmati oleh golongan rakyat terbanyak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan bahawa pembinaan lebuh raya di Malaysia ini khususnya untuk memberikan kemudahan dan keselesaan kepada rakyat Malaysia khususnya. Saya ingin merujuk kepada aduan yang telah berulang kali dibuat dengan pihak kementerian dan juga Lembaga Lebuh Raya Malaysia. Pembinaan DUKE Highway yang juga melibatkan satu kawasan yang agak luas dalam DUN Bukit Antarabangsa dan juga di Parlimen Ampang kerana untuk menjimatkan kos, pihak pemaju telah cuba menyempitkan jalan susur keluar daripada DUKE Highway ini.

Semata-mata kerana ada dua kemudahan awam di situ, pertama *pedestrian bridge* dan juga ada *water* paip di situ. Mereka enggan membina asas yang baru untuk kedua-dua kemudahan ini, maka jalan susur keluar yang dibina itu ataupun *slip road* itu sekarang ini hanya 11 kaki sahaja dan ini memberikan masalah yang besar kepada *good shepherd* atau pusat kebajikan yang terletak berdepan dengan jalan susur keluar dan juga ada satu tadika, dan ini akan menjejaskan keselamatan anak-anak kita khususnya yang sedang belajar di sekolah yang berkenaan tetapi nampaknya pihak kementerian dan LLM belum lagi memberikan arahan yang

jelas kepada pihak pemaju untuk memastikan mereka tidak *compromise* soal keselamatan dalam pembinaan Lebuh Raya DUKE di Hulu Kelang. Saya pohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri berapa lama lagi jawapan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kalau tidak ada banyak penjelasan cepat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Cepat sedikit Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Saya mohon izin, *off-air* ini *I cannot reply*. Apa yang saya boleh *recall* ini *is something to do the slip road* dan untuk maklumat Yang Berhormat, saya bagi jaminan *slip road* ke *infrastructure it must be confirmed to the international speck*. Mungkin nampaknya terpendek ataupun *turning is sharp but because of the speed allowable* dan benda itu boleh dilakukan dan oleh kerana DUKE ini *Damansara Utama-Klang Expressway* ini ia akan dengan izin, *to complete the middle ring road* punya *traffic flow* ia melalui pembangunan yang sedia ada.

Jadi untuk melalui pembangunan yang sedia ada, terpaksa menggunakan *reserve-reserve* yang sedia ada dan *to minimize* bangunan-bangunan yang sedia ada, dan ini menjadikan bahawa pembinaan lebuh raya di kawasan persekitaran itu Yang Berhormat menimbulkan banyak gangguan kekelesaan penduduk sehinggakan masa kerja pun terpaksa dihadkan. Hujung minggu pun tidak dibenarkan bekerja kerana apabila hujung minggu bekerja, penduduk di kawasan persekitaran dia punya *weekend holiday* akan diganggu. Saya mengakui bahawasanya memang ada *a serious challenge* bagaimana untuk menguruskan perkara-perkara di tapak binaan itu supaya untuk me *minimize* kan kesusahan orang awam di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, saya sendiri telah pun menjadualkan untuk membuat lawatan ke tapak pada minggu hadapan.

Mungkin saya akan menjemput Yang Berhormat dalam lawatan kerja tersebut supaya kita sama-sama boleh menyelesaikan masalah yang berbangkit. Jadi saya ada banyak lagi Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak ada, saya boleh pendekkan saya punya ucapan, kerana ini di peringkat dasar, jadi jawapan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat saya sudah pun bagi jawapan bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat sudah bagi 18 jawapan, saya tahu. Ini salur menerusi *Anti Chamber* tadi.

■2130

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Pendek sahaja. Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya saya bangga kerana menteri telah berkali-kali berkata bahawa beliau akan mengambil masalah bebanan rakyat dalam memperbaharui polisi mengenai Toto tetapi buat masa ini menteri pun kata telah mendesak supaya syarikat-syarikat konsesi ini menjalankan CSR untuk mengurangkan beban rakyat tetapi kalau katakan oleh sebab CSR ini

adalah satu perkara sukarela, kalau katakan konsesi-konsesi ini enggan mengambil tindakan untuk meringankan, menurunkan kadar tol untuk mengurangkan beban rakyat, apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan selepas *soft negotiation* masa ini.

Adakah jangka masa diambil supaya *soft negotiation* ini hanya sampai hujung tahun ini dan tahun depan tindakan yang lebih keras akan diambil ataupun belum ada apa-apa pendekatan lagi? Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, dua aspek kajian yang dibuat dalam menilai semula tentang tol yang dikenakan oleh pihak konsesi, *the first option is to freeze everything and look what is the current rate, is it commiserate with the current condition*, dengan izin. Kedua, kita kena lihat dalam satu perjanjian konsesi itu, *when is the term of the termination of the concession* dan bilakah unjuran trafik *volume* dia dan apakah caj yang dikenakan. Kita pun dengan izin Yang Berhormat hendak melihat apakah *threshold figure*. Maknanya *threshold figure* ini *figure* yang telah pun ditetapkan hasil daripada unjuran trafik itu dan pada masa dan ketika tersebut, *what is the revenue sharing whether*, dengan izin *is achievable or not*.

Ini memerlukan satu kajian yang menyeluruh jadi untuk bagi jawapan *to the complex solution* ini Yang Berhormat, pertama dengan *concession agreement* yang ada sekarang ini, kalau kerajaan hendak buat keputusan secara *unilateral* bukan *bilateral*. Apa pun keputusan yang hendak dibuat dengan kerajaan mesti dipersetujui oleh pihak pemegang konsesi. Pihak pemegang konsesi ini Yang Berhormat, dia pun terpaksa hendak merujuk dengan orang yang membiayai projek ini dan dia melibatkan banyak terma-terma. Jadi apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat ini adalah satu perkara yang di dalam peringkat kajian dan penilaian kementerian.

Untuk makluman...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tambah sedikit Yang Berhormat Menteri kalau boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Biarlah Yang Berhormat Menteri bergerak sedikitlah Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat Kuala Selangor tidak ada tol.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih. Saya rasa terpanggil juga untuk memberikan sedikit pandangan ataupun meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Dikatakan bahawa ada sesetengah *concessionaire* ini mendapat, yang disebutkan dalam bahasa istilahnya super normal *a profit*, keuntungan yang agak besar Yang Berhormat Menteri. Pada mereka ini apakah juga tidak boleh dikenakan tanpa menjadi tidak *pro business* ditentukan paras yang munasabah, *windfall tax* untuk mereka.

Pada paras yang munasabah, 10%, 11% *of return on asset* yang saya kira ada kemunasabahnya kalau kita lihat kepada beberapa *concessionaires* yang mendapat keuntungan yang memang laba mereka itu, *profit* mereka itu agak super normal berbanding yang

lain seperti Port Dickson, Seremban dan umpamanya. Jadi apakah ada perhitungan yang seperti itu Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, cadangan Yang Berhormat itu sebenarnya bukan di bidang kuasa Kementerian Kerja Raya, itu bidang kuasa Kementerian Kewangan.

Jadi apa pun pendekatan untuk dengan izin *introduce* cara yang lain bagaimana untuk menentukan ini, itu mesti di putuskan oleh Kementerian Kewangan bukan Kementerian Kerja Raya. Namun apa yang saya ingin sebutkan di sini, apa pun keputusan yang kerajaan buat mesti mendapat *consent* daripada pihak pemegang konsesi kerana itu sudah termaktub di dalam perjanjian. Perjanjian itu adalah satu perjanjian yang telah pun dimaterai. Untuk kerajaan hendak melakukan pindaan dengan tidak mendapat *consent, that will be construe of bridge of contract. That one* kita terpaksa hendak meletakkan perkara ini supaya akhirnya dia tidak akan merugikan mana-mana pihak.

Kedua, apa yang saya boleh tekankan di sini, *the level of service*. Kalau dalam perjanjian konsesi itu mengatakan bahawa setiap lebuhraya itu dengan jumlah trafik unjuran yang sedia ada, *level of service* nya katakanlah mesti *level of service* minimum *level of service C*. *C* maknanya perjalanan trafik berjalan lancar tetapi kalau pihak lebuhraya yang beroperasi tidak dapat memenuhi *level of service C* ini berasaskan kepada trafik *volume* yang sedia ada, so kita akan semak dalam perjanjian konsesi ini macam mana tanggungjawab dia untuk menyediakan kemudahan prasarana dan infrastruktur ini berasaskan kepada trafik kapasiti yang sedia ada. So daripada segi perkara-perkara itu, kita akan menentukan supaya setiap rakyat yang membayar tol dan menggunakan itu sebagai satu jalan lebuhraya, operasinya pun mesti serupa operasi lebuhraya, bukan jalan raya yang biasa. Ini yang boleh dilihat.

Untuk menentukan semua rakyat dapat manfaat daripada kemudahan infrastruktur dan prasarana negara, untuk makluman Yang Berhormat saya telah pun membenarkan semua penunggang-penunggang motosikal untuk menggunakan Lebuhraya KL-Putrajaya dan juga Ampang-Kuala Lumpur, AKLEH.

Untuk makluman Yang Berhormat juga bahawa proses pemindahan Tol Jelapang yang dikenal pasti sebagai tol yang selalu menyebabkan banyak kemalangan yang meragut jiwa telah pun diselesaikan dan harapan saya dengan pemindahan Tol Jelapang ini, kemalangan yang membawa maut akan dapat dihindarkan.

Perkara yang saya hendak sebut ini dalam cara macam mana untuk kita menentukan bahawa kerajaan dan juga rakyat dapat manfaat yang besar hasil daripada industri pembinaan negara. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, kita tidak banyak pilihan melainkan kita terpaksa berhijrah daripada cara kaedah pembinaan yang sedia ada, daripada konvensional kepada satu sistem yang disebut sebagai IBS dengan izin, Industrial Building System, sistem binaan berindustri dan kerajaan telah pun menetapkan bahawasanya

untuk projek yang ke hadapan ini sebanyak 404 projek yang menggunakan sistem IBS dengan kos RM9.4 bilion.

Pihak kementerian saya melalui Jabatan Kerja Raya telah pun menetapkan bahawa proses peralihan melalui tender terbuka telah pun dipanggil dan menetapkan elemen 70% daripada IBS ini telah pun diguna pakai bermula pada 1 September. Hasil yang akan kita dapat melalui sistem IBS ini untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, kita akan boleh mengurangkan kebergantungan industri ini terhadap tenaga buruh asing kerana pada sekarang ini kita ada lebih kurang 300,000 lebih buruh asing.

Untuk soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepong tadi, secara umumnya kerajaan telah pun meluluskan satu mekanisme yang disebut sebagai VOP, *variation of price* dengan menambah kembali tentang elemen-elemen yang menyebabkan kenaikan harga pembinaan sehingga ke 15 item termasuklah item-item seperti simen, besi keluli dan bahan-bahan yang lain yang boleh menunjukkan bahawa jikalau ada kenaikan dengan indeks *price* yang disediakan oleh Jabatan Statistik dan dengan mekanisme ini maka pihak ukur bahan kementerian boleh mengadakan *price adjustment* dan boleh mengadakan *price fluctuation* kepada kontrak.

■2140

Ini boleh dilakukan dengan harapan supaya kita boleh menentukan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat supaya projek-projek yang telah pun dirancang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan itu hasil daripada tekanan kenaikan harga barang ini, dia tidak sangkut, dia boleh diteruskan. Ini adalah mekanisme. Saya suka mengatakan di sini bahawa kalau kita sebut *the public spending* yang sedia ada ini hampir RM70 bilion yang sedang berjalan pada masa ini, kalau ada *increment of 10%*, kerajaan terpaksa hendak menyediakan peruntukan RM7 bilion, dengan izin, *just to mitigate this escalation of price*. Kalau 15% berapa, kalau 20% berapa, RM14 bilion. Ini merupakan satu angka yang besar.

Kita harap bahawa kos kenaikan harga barang ini, pertama akan membolehkan pihak kontraktor untuk meneruskan kerja di tapak bina kerana pada saya, saya telah pun bagi arahan kepada pegawai-pegawai di kementerian menentukan supaya sejauh mungkin kita elakkan pihak kontraktor terhenti aktiviti dia di tapak bina kerana untuk hendak *start* balik dia punya kos *over run* akan jadi lebih tinggi. Itu mekanisme.

Perkara ini telah pun dipersetujui oleh pihak kerajaan dan Perbendaharaan telah pun mengeluarkan Surat Pekeliling Bil. 3/2008. Pihak saya sendiri pun telah mengadakan beberapa siri perjumpaan dan dialog dengan pihak kontraktor bagi memberikan penerangan yang terperinci tentang mekanisme VOP ini supaya boleh membantu pihak kontraktor untuk meneruskan segala aktiviti di tapak bina. Jadi saya ingat cukup setakat itu, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Bagi Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tadi sudah cukup.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak, tidak, ada lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kepong yang akhir sekalilah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Akhir sekali. ya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, akhir sekali. Kuala Selangor tunggulah besok tanya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya, ya. Nampak *variation of price* (VOP) itu saya berharap dapat dijayakan supaya tidak ada projek yang ditunda ataupun ditinggal begitu sahaja, tetapi tadi saya dengar ada "jauhari mengenal manikam" tetapi nampaknya jauhari ini memang si lengahkan beberapa perkara, berpura-pura si lengahkan. *[Disampuk]* Akhir sekalilah, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri itu, saya ada nampak dan saya pun ada bersama-sama dengan beliau melawat MRR2 itu yang memanglah timbul masalah. Walaupun tidak kena mengena dengan itu, Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sudah selesai.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Macam mana selesai? Apakah telah dibuat? Saya nampak ada beberapa perkara yang dibuat di situ, sekarang tidak nampak apa-apa sangat, tetapi apakah sudah dibuat? Kita hendak tahulah kerja yang dibuat di situ dan apakah jaminan bahawa jejambat itu tidak akan menghadapi masalah lagi.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Roboh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Robohkah? Oh, tetapi tidak sehebat itulah, roboh pula itu. Pihak Yang Berhormat tadi sudah katakan dia sudah selesaikan masalah tetapi masalah ini selesai MRR2 Kepong itu sudah disebutkan oleh menteri dahulu itu sudah beberapa kali. Saya berharap Yang Berhormat Sepang kali ini dapat menjamin tidak akan membuat janji yang tidak dapat dikotakan kerana Yang Berhormat sebelum ini, Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah, Yang Berhormat, saya sudah dengar, cukuplah. Kalau hendak bercakap, cakaplah betul-betul.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat jangan buang masalah. Cakaplah apa dia. *Let be specific* apa dia, Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Apakah kerja yang telah dibuat? Apakah jaminan?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya sudah bagi jaminan kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat pun ada di tapak bina. Saya sudah suruh saya punya pakar bagi penjelasan tetapi kalau Yang Berhormat hendak dia punya *engineering calculation* yang mengatakan bahawa jejantas itu selamat, saya akan serahkan kepada Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya rasakan saya gagal selaku Wakil Rakyat di Kuala Selangor ini kalau saya tidak membangkitkan perkara ini. Walaupun saya tidak bangkit kali ini tetapi kali dahulu saya telah bangkitkan dan tidak ada jawapan dan mungkin saya keciciran tadi apabila Yang Berhormat Menteri menjelaskan tentang kedudukan hubungan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan modal insan.

Walaupun kita dalam keadaan menghadapi kemerosotan ekonomi dan sebagainya, apakah akan terkorban projek-projek sekolah, khususnya sekolah rendah. Tuan Yang di-Pertua, yang telah pun diperuntukkan dalam RMK-8 dahulu dan kini sudah RMK-9, sekolah di Bandar Desa Coalfields, Dewan Undangan Negeri Jeram di bawah Parlimen Kuala Selangor, kerana hari ini kepadatan murid-murid sudah di luar kewajaran. Sekolah yang berdekatan di Saujana Utama mendapat untuk tahun depan pendaftaran sebanyak 14 sekolah... Maaf, maaf, 14 kelas...

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Soalan spesifik, Yang Berhormat, apa dia Yang Berhormat hendak tahu?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Apakah sekali lagi mereka akan tidak dapat menyaksikan pembinaan sekolah ini di Bandar Desa Coalfields, Dewan Undangan Negeri Jeram?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Okey.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Dan mereka sangat-sangat berhajatkan Yang Berhormat Menteri memberikan sokongan atas perkara ini. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat, Kabinet baru-baru ini telah pun mengarahkan Kementerian Kerja Raya untuk menentukan semua projek yang sedang berjalan yang telah pun *take off* dan dalam perancangan Rancangan Malaysia Kesembilan, tidak satu pun diberhentikan. Hatta, ianya hendak diteruskan dan dilaksanakan. Bagi menangani tentang kos tanggungan kenaikan harga barang binaan, mekanisme baru yang disebut sebagai VOP telah pun diluluskan oleh Kabinet dan Arahan Perbendaharaan telah pun dikeluarkan. Itu jaminan kerajaan yang sedia ada untuk meneruskan projek yang memberikan kesejahteraan dan kemakmuran kepada rakyat di bawah Kerajaan Barisan Nasional ini, insya-Allah akan diteruskan. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih. Tinggal tiga minit hendak satu jam, Yang Berhormat. Saya jemput Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi.

9.48 mlm.

Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pematang Pauh, Bagan, Wangsa Maju, Rompin, Hulu Rajang, Jasin, Rasah, Silam, Sipitang, Lawas, Hulu Langat, Seputeh, Batu Pahat, Lipis, Kepong, Ipoh Timur, Pulai, Mukah, Bintulu dan Bukit Bendera yang sudi berkongsi pandangan dan cadangan yang menyentuh bidang tugas Kementerian Air, Tenaga dan Komunikasi sepanjang sesi perbahasan Bajet 2009.

Pelbagai isu penting dan cadangan bernas telah diutarakan dalam sesi perbahasan yang telah berlangsung dari 13 hingga 23 Oktober 2008 yang lalu. Saya mengambil kesempatan ini untuk memberi penjelasan berhubung perkara-perkara yang telah dibangkitkan mengikut sektor tenaga air, disusuli sektor komunikasi selari dengan kementerian ini, Kementerian Air, Tenaga dan Komunikasi.

Secara keseluruhannya, antara isu yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat, kalau boleh saya rumuskan masih lagi merangkumi isu berkaitan *independent power producer*, IPP, dengan izin, cadangan penstrukturan semula Tenaga Nasional Berhad (TNB), kenaikan tarif elektrik, isu berkaitan Projek Empangan Bakun di Sarawak, penggunaan sumber tenaga alternatif, penstrukturan semula industri air di Selangor, isu bekalan air bersih, pembangunan infrastruktur air dan elektrik di luar bandar.

Manakala dari sektor telekomunikasi pula mengenai isu pelaksanaan Projek Infrastruktur Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi ataupun *High Speed Broadband (HSBB)*, dengan izin, pembayaran rebat tunai oleh Pos Malaysia Berhad (PMB), kemudahan prasarana di Sabah, isu program rancangan di Astro dan Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi.

Isu-isu yang dibangkitkan mengikut sektor tenaga, Yang Berhormat Pematang Pauh, Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Wangsa Maju dan Yang Berhormat Rompin telah membangkitkan mengenai isu perjanjian IPP yang dikatakan telah merugikan rakyat dan cadangan mengenakan *windfall tax*, dengan izin, ke atas IPP.

■2150

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti yang saya telah saya jelaskan sebelum ini kerajaan sedar bahawa terdapat kelemahan-kelemahan dalam penswastaan bekalan elektrik kepada pihak IPP. Menyedari hakikat ini kerajaan melalui Suruhanjaya Tenaga telah memulakan rundingan dengan pihak IPP tahun 2006 untuk mengkaji semula terma-terma perjanjian pembelian tenaga atau *Power Purchase Agreement (PPA)* dengan izin. Walaupun rundingan tersebut terpaksa dihentikan pada Mac 2007 kerana ia telah menjejaskan kedudukan di pasaran saham bagi IPP yang terlibat, kerajaan tidak berputus asa dan telah memutuskan untuk berunding semula dengan pihak IPP pada September 2007.

Di bawah urusan rundingan semula ini pendekatan yang berbeza telah diguna pakai iaitu dengan menetapkan supaya TNB menerajui rundingan ini sebagai pihak yang menandatangani PPA dengan IPP. Oleh itu adalah tidak benar kenyataan Yang Berhormat Permatang Pauh bahawa kementerian belum mengambil tindakan terhadap perkara ini. Malah apabila rundingan yang diterajui oleh pihak TNB tidak mendatangkan hasil seperti yang diharapkan kerajaan telah memutuskan untuk mengenakan *windfall tax* kepada IPP sebagai langkah untuk memastikan supaya pihak IPP turut menyumbang kepada pembangunan industri pembekalan elektrik negara.

Walau bagaimanapun oleh kerana pengenaan *windfall tax* telah memberi kesan kepada daya maju beberapa buah IPP serta pasaran kewangan negara, kerajaan terpaksa membatalkan *windfall tax* kepada IPP dan pada masa yang sama telah menangguhkan rundingan semula Perjanjian Pembelian Tenaga atau dengan izin *Power Purchase Agreement* dengan semua IPP buat sementara waktu sehingga kajian menyeluruh dibuat mengenai penstrukturan semula industri bekalan elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan untuk meningkatkan kecekapan dan menambah baik struktur organisasi Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rompin, izinkan saya menjelaskan di sini bahawa kementerian ini melalui Suruhanjaya Tenaga sedang menjalankan kerja-kerja audit *Management and Engineering* (MNE) ke atas TNB selaras dengan syarat-syarat lesen penjanaaan yang telah dikeluarkan. Audit ini merangkumi penilaian kecekapan, keberkesanan perolehan, penyimpanan serta penghantaran bahan api, pengurusan kewangan, kajian *Customer Service Index* (CSI) dan sebagainya.

Mengenai cadangan Projek Empangan Bakun yang sedang dalam pembinaan, saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan sememangnya sentiasa menitikberatkan isu-isu berkenaan dengan alam sekitar dalam melaksanakan projek ini. Kajian *Environmental Impact Assessment* (EIA) untuk projek ini telah pun dijalankan untuk pihak pemaju projek iaitu Sarawak Hydro Sdn. Bhd.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab saranan Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Jasin dan juga Yang Berhormat Rasah supaya tarif elektrik diturunkan selaras dengan penurunan harga minyak di pasaran dunia sekarang, izinkan saya memberikan penjelasan bahawa kerajaan meluluskan penyelarasan tarif elektrik pada 1 Julai 2008 bagi menampung kenaikan harga gas pada sektor elektrik daripada RM6.40 per unit MMBtu kepada RM14.31 per unit MMBtu dan juga arang batu daripada USD45 per tan kepada USD75 per tan. Kenaikan harga kedua-dua bahan api tersebut didorong oleh kenaikan harga minyak mentah di pasaran dunia pada ketika itu. Dengan penurunan harga minyak mentah se hingga ke paras bawah USD65 setong pada masa ini sudah tentu ramai yang menganggap bahawa tarif elektrik juga sewajarnya juga sewajarnya diturunkan.

Walau bagaimanapun saya ingin menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa tanggapan tersebut adalah tidak benar kerana gas pada sektor elektrik masih kekal pada kadar

RM14.31 per unit MMBtu. Kerajaan merasakan bahawa harga ini ajar dikekalkan kerana ia masih rendah daripada harga pasaran. Oleh kerana gas masih dibekalkan pada harga semasa penyelarasan tarif elektrik dibuat pada 1 Julai 2008 maka kerajaan tidak bercadang untuk menurunkan kadar tarif elektrik pada masa ini. Di samping itu saya juga ingin menjelaskan bahawa harga arang batu juga telah meningkat daripada USD75 satu tan semasa penyelarasan tarif dibuat pada 1 Julai 2008 kepada USD100 per tan pada masa ini. Ini telah membawa kepada peningkatan dalam kos penjanaan elektrik dan kenaikan kos ini tidak diambil kira semasa kerajaan meneruskan penyelarasan tarif elektrik pada 1 Julai 2008.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara bangun, Yang Berhormat.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya, katakan kadar gas yang telah ditetapkan telah ditingkatkan semasa harga gas tengah naik sedangkan sekarang harga gas telah turun tetapi harga yang ditetapkan tidak diturunkan. *Clearly*, yang untung bukannya Tenaga tetapi yang jadi untung ialah Petronas. Kenapa pada masa dahulu Petronas boleh beri subsidi sebanyak sebelum ini, sekarang telah untung kerana harga gas telah pun turun. Kenapa kita kena kekalkan keuntungan kepada Petronas dan tidak menggunakan keuntungan ini untuk diberikan kepada rakyat untuk meringankan bebanan rakyat. Bukankah ini polisi yang berpatutan sejak gas telah turun dalam harga pasaran dunia. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor; Terima kasih, Yang Berhormat. Di sini suka saya menjelaskan bahawa pertamanya, saya ingin memberi penerangan bahawa sebenarnya perkataan 'untung' itu tidak sesuai digunakan. Dalam kes ini sebenarnya kos pengeluaran gas yang dihasilkan oleh Petronas adalah dalam lingkungan antara RM20 hingga RM25. Manakala harga pasaran untuk kali terakhir dilihat adalah lebih kurang dalam RM25 hingga RM30. Jadi, yang ditentukan daripada Petronas ke harga sektor Tenaga sebagaimana yang saya katakan tadi adalah RM14.31, maknanya bukan untung. Maknanya kerajaan terpaksa mengurangkan subsidi yang hendak dikenakan kepada sektor ini. Memang tujuan kerajaan untuk membawa harga gas ini kepada harga pasaran dalam masa yang tertentu. Kalau dahulu cadangannya mungkin untuk mengambil masa 15 tahun supaya kalau boleh harga gas ini kepada harga gas pasaran boleh dibawa dalam masa 15 tahun, kerajaan juga berharap sekiranya harga gas ini ataupun minyak mentah boleh memainkan peranan menurunkan harga gas, maka kalau boleh dipendekkan kerajaan berhasrat untuk memendekkan harga ini. Adalah tidak munasabah kalau kerajaan ataupun Petronas menjual harga gas ini kepada sektor Tenaga lebih rendah daripada harga kosnya yang mana saya katakan lebih kurang RM20 hingga RM25.

Ingin saya jelaskan seperkara lagi bahan alternatif kedua selain daripada gas, kerana di negara kita sebagaimana yang ingin saya katakan peratus pengeluaran tenaga elektrik, 60%

adalah menggunakan gas, manakala kebakuan 30% ataupun 28 - *to be exact*, adalah menggunakan arang batu. Harga arang batu di pasaran adalah lebih kurang USD100. Ini menyebabkan nanti terlalu ramai orang akan menggunakan dan berminat menggunakan gas kerana gas ini mendapat gas subsidi yang begitu besar daripada kerajaan. Ini tidak menggambarkan keadaan yang sebenar dan tidak sihat kepada industri dan penggunaan gas negara kita kerana sebagaimana yang Yang Berhormat tahu bahawa gas ini merupakan kuasa *fuel* yang akan habis apabila tiba suatu hari nanti. Terima kasih.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: [Bangun]

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang mana satu, Yang Berhormat?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat Rasah dahulu.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa tarif elektrik tidak akan diturunkan sedangkan kerajaan mengatakan berusaha untuk mengekang inflasi. Namun kenaikan tarif elektrik ini juga merupakan satu penyumbang kepada inflasi yang berlaku pada hari ini. Sekiranya TNB mengatakan bahawa mereka tidak dapat menurunkan tarif sebab *operating expenditure (opex)* yang terlalu tinggi, adakah kerajaan bersedia untuk mengubah dasarnya sedikit? Ini kerana TNB tidak dapat mengeluarkan *opex* kerana mereka tidak berusaha untuk menggunakan *opex* kerana tidak ada persaingan. Oleh kerana tidak ada persaingan maka mereka tidak akan berusaha untuk mengurangkan kos mereka. Sekiranya monopoli itu dipecahkan, tidak lagi bersifat *monopolistic*, adakah ini dapat mengurangkan kos? Saya hendak tanya sama ada kerajaan bersedia untuk mengubah dasar supaya memecah *monopolistic* TNB dari segi pembekal tenaga di Semenanjung Malaysia.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebagaimana yang saya katakan tadi, walaupun kita pada masa ini hanya ada sebuah syarikat ataupun Tenaga Nasional Berhad yang membekalkan tenaga elektrik ke seluruh negara khususnya di Semenanjung ini, saya juga seperti Yang Berhormat Rasah, saya ingin memastikan bahawa seluruh rakyat di negara ini mendapat bekalan elektrik dengan kualiti yang baik dengan harga yang berpatutan. Sebab itu apabila saya menerajui kementerian ini pada tahun ini, pertama sekali saya telah meminta Suruhanjaya Tenaga supaya kalau selama ini setiap empat tahun sekali Tenaga Nasional sendiri yang membuat MNE audit, dia sendiri yang memilih konsultannya untuk menentukan membuat MNE audit untuk mereka, tetapi hari ini saya telah meminta supaya Suruhanjaya Tenaga memilih konsultan dan meminta Tenaga supaya melihat bagaimana *cost of production* daripada sumber arang batu, *cost of production* daripada gas, bagaimana *cost of transmission*, bagaimana *cost of distribution*, sama ada *management* mereka ini efisien, sama ada *security system* mereka bagus,

■ 2200

Ini perkara-perkara yang dilakukan oleh kementerian dan di masa yang sama, saya juga katakan bahawa kita tidak menutup sepenuhnya sekiranya satu hari nanti kalau kita mungkin boleh meliberasikan lagi bekalan elektrik yang ada di negara kita. Kita tidak menutup pintu kita sepenuhnya dalam perkara ini Yang Berhormat daripada Rasah. Sila.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Atas penjelasan yang diberikan tadi mengenai bahawa subsidi ini kerajaan ada hasrat untuk menjadikan harga gas menjadi harga pasaran tetapi saya berasa *a bit* bingung sebab *on the one hand* dengan izin, kerajaan kata hendak ikut harga pasaran dan mengurangkan subsidi adalah satu perkara yang penting tetapi *on the other* yang dilindungi adalah pihak IPP. Sebab yang gas, yang disubsidi ini diberikan kepada IPP, yang terus harganya disalurkan kepada pihak Tenaga Nasional dan mengakibatkan IPP ini mendapat keuntungan jauh banyak besar, *return* yang amat-amat tinggi. *So on the one hand you* kata, kita hendak harga pasaran tetapi harga pasaran ini terus disalurkan kepada Tenaga Nasional tetapi *on the other hand* yang untung sekali adalah pihak IPP. *So* saya rasa sedikit tidak betul, manakah *priority* kerajaan? Adakah kerajaan melindungi keuntungan IPP ataupun meringankan beban rakyat kita?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya saya ingin membetulkan sedikit pandangan Yang Berhormat daripada Rasah terlebih dahulu yang mengatakan kerajaan langsung tidak berhasrat untuk menurunkan harga bekalan elektrik. Sebenarnya, walaupun pada hari ini kerajaan tidak berkemampuan ataupun Tenaga Nasional tidak berkemampuan untuk menurunkan harga bekalan elektrik tetapi di sini seandainya harga bahan api yang kedua iaitu arang batu yang mana hari ini harganya lebih kurang USD100 satu tan harganya turun lebih rendah daripada USD75 sebagaimana yang dianggapkan, sebagaimana *assumption* yang kita buat semasa tarif baru yang kita luluskan pada Julai yang lalu untuk satu masa yang tertentu, maka kemungkinan harga bekalan elektrik boleh diturunkan kepada pengguna. Ini pertamanya yang perlu difahami bahawa kerajaan tidak menutup pintu sepenuhnya bahawa kemungkinan harga tarif elektrik itu diturunkan sekiranya harga *coal* yang arang batu itu lebih rendah daripada harga *assumption* yang diambil kira oleh kerajaan pada bulan Julai yang lalu iaitu USD75, adalah lebih rendah daripada itu. Itu pertama. Okey, sila.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Saya menyambut baiklah kenyataan itu tetapi apakah saya boleh dapatkan..., adakah pihak Menteri boleh memberikan kepastian sekiranya harga *coal* itu yang dikatakan 30% sekarang untuk penjana elektrik dan TNB mengatakan bahawa walaupun menggunakan 30% tetapi 60% kos itu ialah daripada harga arang batu. Sekiranya harga arang batu itu dapat diturunkan ataupun harga arang batu di pasaran dunia diturunkan, adakah kerajaan akan memberikan kepastian bahawa tarif elektrik itu akan diturunkan? Terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Sebagaimana saya katakan sekiranya harga gas itu kekal pada RM14.31 dan harga *coal* ini turun lebih daripada RM75 sebab daripada harga *assumption* yang kita buat pada bulan Julai yang lalu, dan kita ambil jumlah keseluruhannya, *average* untuk satu tahun ataupun enam bulan boleh mencukupi berapa yang telah di *subsidise* pula oleh Tenaga, mesti faham. Sebab apa perbezaan harga daripada RM75 hingga ke RM100 hari ini adalah ditanggung oleh Tenaga Nasional. Sebab itu kalau kita lihat, apabila Tenaga Nasional Berhad membuat pengumuman dari segi keuntungan mereka, keuntungan mereka jauh begitu meleset kalau hendak dibandingkan dengan tahun-tahun yang lalu kerana mereka terpaksa menanggung kos bahan api yang begitu tinggi tetapi sekiranya harga *coal* itu turun lebih kurang daripada RM75 untuk masa yang tertentu, saya bagi jaminan sekiranya *average* nya lebih rendah daripada RM75, kerajaan akan menimbang semula untuk menurunkan tarif elektrik.

Tuan Yang di-Pertua: Kini jam 10 lebih, masih bertenaga. Kurangkan tenaga itu sedikit. Sila.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Ini isu rakyat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Menteri yang menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ipoh Timur saya nampak sudah tersandar.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: ...*[Ketawa]* Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut dalam tahun 2007, kerajaan berusaha untuk melihat kembali terma-terma perjanjian antara kerajaan dengan BP. Soalan saya ringkas sahaja. Pada hari ini, sekarang ini, berapakah harga pasaran yang Petronas jual kepada IPP, setiap MBTU, berapa sekarang harganya? Adakah telah di *review* balik peratusan subsidiya ataupun masih dijual pada harga dahulu lagi yang menyebabkan mereka menikmati subsidi yang begitu besar dan dapat mengaut keuntungan yang begitu besar tetapi tarif tidak dapat diturunkan. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat kalau saya kurang faham soalan Yang Berhormat saya minta maaf. Saya rasa Yang Berhormat maklum maksudkan kepada saya bahawa berapa harga pasaran yang dijual oleh Petronas gas kepada pasaran antarabangsa, IPP? Sebagaimana yang saya katakan tadi, harga pasaran yang dijual daripada Petronas kepada IPP adalah 14.31 makna dia tidak ada perubahan, sebagaimana yang saya nyatakan tadi. Mengikut harga pasaran gas pasaran ke pasaran antarabangsa, bahawa dia selalunya kalau gas ini dia ada kontrak. Kontraknya ada dengan separuh-separuh negara *long term contract*, ada yang sampai RM35 per MTU, bergantung kepada bila kontrak itu ditandatangani. Sama ada, ada *revision* atau *review* dari segi harga gas itu, saya tidak pasti dan saya terpaksa mendapat keterangan itu daripada EPU ataupun Petronas tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat, ada kontrak-kontrak yang nilai harganya lebih daripada RM35 di pasaran antarabangsa.

Dan lebih penting daripada itu saya ingin jelaskan pada Yang Berhormat bahawa kos itu sendiri untuk mengeluarkan gas adalah sebagaimana saya katakan ada sampai RM28 bergantung kepada sama ada *well* itu ataupun telaga gas itu sama ada dia di lautan yang dalam

ataupun ianya merupakan lautan yang cetek tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat, semakin hari semakin sukar untuk membuat eksplorasi gas pada hari ini kerana eksplorasi-eksplorasi di lautan yang cetek sudah tidak lagi ada. Kebanyakan gas-gas dijumpai di tempat-tempat yang begitu mencabar dan sudah pasti kos pengeluarannya agak tinggi. Terima kasih.

Untuk makluman Yang Berhormat berhubung kerjasama dengan kerajaan Indonesia berkenaan penjanaan elektrik berasaskan arang batu di Sumatera untuk dieksport ke Malaysia saya berpendapat bahawa ia merupakan satu cadangan yang baik memandangkan ia boleh memastikan keselamatan tenaga di negara ini dalam jangka masa panjang. Sebenarnya cadangan ini merupakan sebahagian daripada projek sambungtara peringkat Asian melalui program, *Asian Power Grid* yang telah digariskan di bawah *Asian plan of action for energy corporation*.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Silam, Yang Berhormat Sipitang, Yang Berhormat Lawas telah membangkitkan isu bekalan elektrik di kawasan luar bandar yang dikatakan jauh ketinggalan dan tidak seimbang berbanding di kawasan bandar. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi bekalan elektrik luar bandar pada tahun 2007, liputan bekalan elektrik di Sabah adalah sebanyak 76.26% berdasarkan peratusan bilangan rumah. Dan angka ini dianggarkan akan bertambah melebihi 80% menjelang akhir tahun 2010. Walaupun isu ini berhubung pembekalan elektrik di kawasan luar bandar, adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, KKLW. Namun begitu kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan KKLW dalam memastikan penduduk luar bandar dapat menikmati bekalan elektrik dan berdaya harap dan berterusan.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Hulu Langat dan Yang Berhormat Rompin telah mencadangkan penggunaan tenaga nuklear sebagai satu tenaga alternatif. Dalam memastikan bekalan elektrik yang mencukupi, berdaya harap dan pada harga yang berpatutan serta memberi kesan yang minimum kepada alam sekitar, pihak kerajaan tidak menolak kemungkinan untuk mempertimbangkan opsyen tenaga nuklear bagi penjanaan elektrik pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, perkara ini perlu diteliti dengan lebih mendalam dengan mengambil kira kelebihan serta kelemahannya.

Sektor air. Kementerian ini sangat menghargai keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat dan Lipis berhubung usaha kerajaan untuk meningkatkan pengurusan bekalan air supaya ia lebih efisien, efektif dan mampan. Sememangnya adalah menjadi hasrat dan matlamat kerajaan untuk menstrukturkan semula pengurusan air di peringkat negeri supaya ia akan terarah kepada yang lebih holistik bagi memastikan pembekalan air dapat disenggarakan secara lebih *cost effective*.

■ 2210

Ini adalah kerana kementerian ini mendapati bahawa pengurusan air yang kos efektif akhirnya dapat memberikan manfaat kepada pengguna dalam bentuk tarif air yang lebih munasabah dan mutu perkhidmatan yang lebih efisien.

Oleh yang demikian, kementerian ini sentiasa bersikap terbuka dan akan menyambut baik sebarang cadangan dan usaha untuk meningkatkan pengurusan bekalan air di peringkat negeri yang selari dengan matlamat dan hasrat tersebut. Namun begitu cadangan-cadangan tersebut akan diteliti dan dipertimbangkan secara berhati-hati...

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Mohon penjelasan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: ...Supaya kos pengambilan terutamanya bagi negeri yang telah menswastakan bekalannya adalah munasabah.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya mohon satu penjelasan yang agak lebih serius dan terperinci khususnya berkaitan dengan isu air ini. Saya tunggu lama untuk membahaskan isu air ini.

Yang pertamanya, menteri yang lepas bercakap soal *concurrent*, isu air ini *concurrent* tetapi memberikan penjelasan dalam sidang medianya, *concurrent* itu ialah Kerajaan Pusat yang mengendalikan sepenuhnya. Jadi ini menjadi satu kebimbangan kepada kerajaan-kerajaan negeri. Saya rasa bukan sahaja Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat yang cukup bimbang dengan isu air ini kerana air, tanah, hutan ini adalah hak mutlak kerajaan negeri tetapi apabila akta dipinda, dan pihak kerajaan mengusulkan supaya isu air ini dikendalikan oleh pihak Pusat, itu terletak di bawah bidang kuasa undang-undang yang kita terpaksa menghormati Perlembagaan Persekutuan ataupun undang-undang dalam negara.

Akan tetapi saya ingin mendapat penjelasan, dalam menentukan isu tarif air ini, adakah kuasa mandatori ini diberikan kepada Pengurusan Aset Air Berhad. Dan ini menjadi satu kebimbangan kerana harga air ini merupakan di antara isu manifesto mana-mana kerajaan dalam pilihan raya. Oleh sebab itulah, sekiranya menjadi satu perkara yang agak serius, tarif air ini diberi autoriti sepenuhnya kepada Kerajaan Pusat tanpa memberi ruang untuk berunding dengan kerajaan negeri. Dan menjadi kebimbangan juga apabila berlaku perbezaan tarif air di antara negeri-negeri. Itu soalan saya yang pertama.

Yang kedua, bolehkah dapat penjelasan, setakat ini negeri manakah yang memberikan aset air ini kepada Pengurusan Aset Air Berhad? Dan saya difahamkan Negeri Sembilan, mungkin negeri Yang Berhormat Menteri juga pada awalnya mengadakan majlis untuk penyerahan aset tetapi menarik pada saat-saat akhir. Apakah sebabnya negeri-negeri di bawah Barisan Nasional juga sehingga kini masih lagi *delay* untuk menyerahkan aset air ini?

Dan yang ketiganya, apabila Pengurusan Aset Air Berhad ini bertaraf *holding*, ia menjadi kebimbangan kita apabila ia di *listing* di Bursa Saham, ia mungkin akan menjadi pegangan apabila disenaraikan di Bursa Saham. Adakah jaminan kerajaan untuk memastikan bahawa

pengurusan dan hak milik PAAB ini kekal di bawah kerajaan dan tidak akan dimasukkan ke bawah senarai Bursa Saham supaya ia tidak terlepas kepada *private investor*. Terima kasih, minta penjelasan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Saya lihat walaupun Yang Berhormat benar-benar berminat berhubung dengan isu air ini tetapi saya lihat Yang Berhormat tidak bangun untuk membahaskan isu ini. Walau bagaimanapun, saya akan cuba memberi sedikit penjelasan kepada Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Saya tidak dapat peluang.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Itu saya kata, saya tak nampaklah Yang Berhormat bangun tapi sebab Yang Berhormat tanya dan isu ini merupakan isu yang penting, saya akan memberi sedikit penjelasan.

Berhubung dengan tarif air ini, walaupun kuasa itu terletak dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, suka saya nyatakan bahawa proses untuk mendapatkan tarif air ini terlebih dahulu kena dipersetujui bersama dengan kerajaan negeri. Kerajaan negeri boleh mengemukakan cadangan-cadangan.

Sebenarnya sekiranya sesuatu syarikat yang mengendalikan industri air dalam negeri itu boleh mengusahakan industri ini dengan lebih efektif, dan mengemukakan cadangan dan penjelasan yang jelas, kenapa tarif air ini perlu rendah, pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara akan begitu gembira menyambut cadangan itu kerana memang menjadi hasrat, aspirasi kementerian ini untuk melihat bahawa air yang dibekalkan kepada pengguna itu memenuhi standardnya, kualitinya dan dapat dinikmati dengan harga ataupun tarif yang munasabah. Itu nombor satu.

Yang keduanya, dari segi negeri mana yang bersetuju. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Negeri Sembilan juga telah bersetuju, dan Melaka telah bersetuju dan hanya menunggu dari segi bentuk kewangan bagaimana, bentuk *payment* macam mana. Kalau boleh dia nak *one lump-sum*. Dia tak nak pembayaran itu *staged*. Ini perkara-perkara yang perlu dirundingkan antara kerajaan negeri dengan Kementerian Kewangan, ataupun PAAB. Jadi tidak benarlah kalau kata, ada kerajaan negeri di bawah Barisan Nasional yang tidak setuju malah ketika saya menjadi Timbalan Menteri, saya juga ke Kelantan, saya berjumpa dengan Menteri Besar Kelantan sendiri, Tok Guru, dia amat berterima kasih dengan usaha kementerian ini untuk mewujudkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan ingin membantu.

Tujuannya adalah untuk membantu negeri-negeri supaya industri bekalan air ini boleh menjadi satu industri yang holistik dan ia boleh menjadi satu industri yang mampan, *sustainable* itu penting. Kerana hari ini jelas kelihatan, banyak negeri tidak mampu mengendalikan industri air mereka sendiri kerana masalah-masalah kewangan dan sebagainya.

Dan berhubung dari segi sekiranya ia merupakan *holding*, ingin saya tegaskan di sini sekiranya berlaku mana-mana syarikat sedangkan dalam kes Kerajaan Negeri Selangor sendiri,

tempoh hari saya berbincang dengan Menteri Besar Selangor, saya ingat Yang Berhormat dari Kuala Selangor, dia pun menjadi penasihat kepada Menteri Besar Selangor. Saya katakan, dalam kes ini bahawa Kerajaan Pusat, kementerian ini amat berhati-hati, sampai kita nak tahu, sekiranya kita nak benarkan, sekiranya cadangan Kerajaan Negeri Selangor itu baik untuk mengambil alih industri bekalan air di Selangor, sekiranya cadangannya baik, tidak akan melibatkan tarif dan sebagainya, saya kata, akhir sekali, saya nak tahu dari mana duit itu datang? Daripada luar negara ataupun dalam negara? Kerana saya juga seperti Yang Berhormat dari Kuala Kedah, saya tidak mahu satu hari nanti industri bekalan air ini mungkin dimiliki, aset-asetnya tidak dipunyai oleh rakyat negara ini, dan sekiranya berlaku perkara-perkara yang tidak diingini, akan menyusahkan orang ramai satu hari nanti. Ini keprihatinan kementerian ini untuk menyelesaikan masalah industri bekalan air yang ada di negara ini Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa jaminan yang boleh dapat daripada kerajaan dalam bentuk undang-undang supaya benda itu *secure*?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat, yang itu senang sahaja Yang Berhormat, Yang Berhormat balik, tengok akta itu semula, Yang Berhormat baca satu-satu, kalau Yang Berhormat rasa tidak jelas, nanti saya akan beritahu akta itu yang mana satu, nombor berapa, seksyen mana yang memperuntukkan perkara-perkara ini sehinggakan dari segi tarif bekalan air itu, kita ada satu lagi iaitu *Water Forum* yang mana kita libatkan pengguna supaya kita nak pastikan pengusaha industri bekalan air ini, mereka tidak minta harga tarif yang tidak-tidak, yang akhirnya membebaskan pengguna. Ini jaminan daripada pihak kementerian. Terima kasih.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Mengenai perundingan yang sedang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor mengenai *the taken over of the water asset and water operation* di Selangor. Kalau katakan kita ditimpa satu masalah, masalah di mana kerana *asset water* hari ini telah diswastakan kepada Puncak Niaga, kepada Syabas, Gamuda, kepada syarikat-syarikat yang lain, kalau kita ditimpa satu kesusahan di mana syarikat-syarikat ini enggan menjual konsesi mereka kepada Kerajaan Negeri Selangor ataupun kepada SPAN dan PAAB, apa yang kita boleh buat? Sebab ini komersial. Kalau mereka memerlukan satu harga yang tinggi sekali, ini akan menyusahkan kerajaan-kerajaan negeri bukan sahaja di Selangor, di negeri-negeri lain juga.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: [Bangun]

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Ya, silakan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Menteri. Tuan Yang di-Pertua, dengan kata lain sejauh mana komitmen Kerajaan Pusat dalam menentukan sebab kalau kita menghitung di sudut *valuation* dan *valuation methodologies*, ada *bracket* nya. Sejauh mana

perkara itu dikatakan sebagai *fair value*, itu satu perkara yang agak bukan subjektif tetapi ia tergantung kepada *willing buyer, willing seller*.

Persoalannya, kalaulah berlaku apa pun, *standoff* kah, dalam *negotiation* itu, sejauh mana komitmen menteri dan kementerian dan Kerajaan Pusat untuk memastikan kejayaan itu dapat direalisasikan pada akhirnya kerana perkara objektif, *the interest* tentunya dalam kepentingan dan menjaga kepentingan rakyat dan negeri. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih.

■ 2220

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh jawab sekali, Yang Berhormat Menteri? Mahu tanya.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Silakan, silakan. Akan tetapi Sabah tidak masuk bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Silakan.... [*Dewan riu*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya selaku wakil rakyat Malaysia, saya prihatin dan saya rasa Yang Berhormat Menteri boleh memperjelaskan perkara yang sebenarnya agar kekeliruan tidak timbul iaitu akhir-akhir ini sejak Pakatan Rakyat memerintah negeri Selangor kononnya tidak ada *secure* berhubung dengan pembekalan air sedangkan Kerajaan Persekutuan, kerajaan Malaysia begitu prihatin dan komitmen melihat supaya air ini dibekalkan untuk kepentingan rakyat dengan kawalan-kawalan tertentu iaitu kuasa menteri itu masih ada walaupun telah diprivatasi tetapi Kerajaan Persekutuan masih menjadi kuasa penentu dan Kerajaan Negeri pula mencadangkan untuk pengambilan alih dan sebagainya.

Jadi ini harus dilihat reputasi mereka yang telah diamanahkan oleh kerajaan untuk membekal. Jadi apakah kementerian ini memberi penjelasan supaya isu ini tidak dipolitikkan untuk mengelirukan rakyat. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan, terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Selangor. Pertamanya saya agak tertarik apabila Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dan Yang Berhormat Kuala Selangor mengatakan, bagaimana mereka menyedari bahawa kepentingan industri bekalan air dan saya juga lihat di negeri Selangor ada berbeza-beza pandangan terutama kalau Yang Berhormat sedar bahawa air itu begitu penting dan nilainya begitu tinggi, bagaimana Kerajaan Negeri Selangor boleh memberi air percuma sebanyak 20 meter padu bagi seluruh rakyat negeri Selangor sedangkan itu merupakan satu...

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Ini tidak berkenaan dengan soalan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Tunggu, tunggu. Saya mahu jawab. Tadi *I give you the floor. Now this it is my turn. You please respect my floor.* Bila *I...*, pertama. Itu pertama. Seheingakan ada Yang Berhormat daripada yang dulu pernah buat buku itu, dia pun tidak setuju. Kalau mahu tunjuk *you* betul-betul nilai, *value* air ini, *there's no such thing* bagi air percuma

across the board. Kalau kata kita bagi dos yang betul-betul diperlukan, saya setuju. Itu pertamanya Yang Berhormat tidak selari dengan apa Yang Berhormat katakan.

Berhubung dengan pengambilan aset, sebab itu saya katakan walaupun dia *willing buyer, willing seller*, saya katakan kementerian ini berhak untuk mencadangkan kepada kerajaan sama ada untuk menyokong atau tidak kerana yang pentingnya bagi Kerajaan Barisan Nasional adalah untuk memastikan seluruh rakyat negara ini menikmati air yang berkualiti dengan harga yang berpatutan. Itu penting... [Tepuk]

Sebab itu menjadi syarat utama ketika saya berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri Besar Selangor dan dihadiri oleh Yang Berhormat Kuala Selangor. Dia ada depan saya. Saya tidak cakap belakang-belakang. Saya tidak cakap masa kempen. Saya cakap depan-depan ini hasrat Kerajaan Barisan Nasional untuk memastikan rakyat mendapat bekalan air dengan harga yang berpatutan. Sebab itu kita mengambil kira segala pandangan Kerajaan Negeri Selangor dan kita juga katakan, sekiranya harganya tinggi, kita tidak boleh benarkan tetapi kita menggalakkan supaya pengusaha negeri Selangor supaya mereka memindahkan aset mereka kepada PAAB kerana kita mahu ia menjadi aset *light* dan memudahkan ia untuk memperbaiki industri ini di masa akan datang.

Saya lihat Yang Berhormat PJ Utara mengangguk-angguk menunjukkan setuju dengan cadangan Barisan Nasional. Terima kasih Yang Berhormat... [Ketawa]

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya setuju dengan cadangan tersebut tetapi dalam masa *implements* memang ada kesusahan. Tadi saya sudah kata *implements* apabila mahu mengambil alih operasi daripada pihak Syabas dan Puncak Niaga ada masalah sebab ada masalah *variation*...

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat setuju dengan saya, Yang Berhormat sama-samalah bantu beritahu Kerajaan Negeri Selangor sekiranya harga itu tinggi nanti, jangan beli. Ikut yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara...

Dr. Dzulkefly Ahmad: [Kuala Selangor]: [Bangun]

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Serahkan dulu aset itu kepada PAAB dan kemudian kita rundingkan semula bagaimana untuk memastikan bahawa kerajaan negeri boleh mentadbir industri air dengan baik.

Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor, apa lagi? Yang Berhormat hadir dengan Menteri Besar. Menteri Besar hadir Yang Berhormat tidak cakap. Apabila Menteri Besar tidak ada baru Yang Berhormat cakap. Tidak akan PKR tidak demokratik.

Dr. Dzulkefly Ahmad: [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Sebab saya pun ahli panel juga...

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Cukup. Masa sudah tidak mengizinkan. Saya akan terus ke...

Dr. Dzulkefly Ahmad: [Kuala Selangor]: [Menyampuk]

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Lain kali. Okey, Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi kawasan-kawasan di luar jangkauan pihak berkuasa air negeri terutamanya kawasan yang ditakrifkan sebagai kawasan luar bandar dan pedalaman, penyediaan kemudahan asas tersebut akan dilaksanakan di bawah Rancangan Bekalan Air Luar Bandar yang diselarasakan oleh Unit Perancang Ekonomi UPE, Jabatan Perdana Menteri bersama dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah atau KKLW dan pihak berkuasa air di negeri tersebut.

Bagi perancangan dan penyediaan infrastruktur dan kemudahan bekalan air di bawah seliaan kementerian ini, projek-projek yang terlibat adalah projek pembinaan baru serta naik taraf loji rawatan air dan sistem agihan bagi memperluaskan liputan terutamanya di kawasan-kawasan yang belum mendapat bekalan air bersih.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah meluluskan 219 projek bekalan air yang dianggarkan berjumlah RM8,203.5 juta untuk dilaksanakan di seluruh negara. Setakat hari ini, hampir kesemua projek tersebut telah dan sedang dilaksanakan. Secara keseluruhannya, menjelang akhir Rancangan Malaysia Kesembilan pada tahun 2010, kerajaan menjangkakan liputan bekalan air di peringkat nasional secara umumnya akan diperluaskan lagi dari 95% pada tahun 2005 kepada 96.8%. Peluasan kawasan liputan ini adalah melalui pelaksanaan projek-projek bekalan air yang dilaksanakan oleh kementerian ini dan juga Rancangan Bekalan Air Luar Bandar yang dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Sektor komunikasi. Tuan Yang di-Pertua, saya amat menghargai keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat Permatang Pauh, Gopeng, Ipoh Timur dan Pulai mengenai perkara-perkara berkaitan dengan pelaksanaan projek infrastruktur jalur lebar berkelajuan tinggi ataupun HSBB, dengan izin. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya memberi penjelasan di Dewan yang mulia ini bahawa pelaksanaan projek infrastruktur *high-speed broadband* atau HSBB ini akan dilaksanakan secara kerjasama sektor awam dan sektor swasta atau dengan izin *public private partnership* atau PPP di antara kerajaan dengan Telekom Malaysia Berhad. Kaedah usaha sama ini adalah perlu memandangkan pelaksanaannya secara komersial semata-mata adalah tidak *viable* dengan izin, manakala cadangan TM sebagai ahli perkongsian dalam projek tersebut adalah berdasarkan kepada pemilikan sebahagian besar infrastruktur talian tetap sedia ada iaitu 95% oleh Telekom Malaysia.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perbincangan mengenai pelaksanaan projek ini telah diadakan pada tahun 2007 di mana kerajaan peka mengenai kepentingan penyediaan infrastruktur jalur lebar untuk memastikan Malaysia tidak ketinggalan dan dapat bersaing di peringkat global. Kerajaan telah menjalankan kajian terperinci ke atas pelaksanaan projek HSBB dan berdasarkan hasil kajian, pelaburan bersama TM merupakan cara terbaik memandangkan

Malaysia telah jauh ketinggalan dari segi penembusan jalur lebar jika dibandingkan dengan negara-negara lain. TM mempunyai rangkaian yang menyeluruh....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Sebentar! ...TM mempunyai rangkaian yang menyeluruh yang membolehkan pelaksanaan segera bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Sehingga kini, tiada syarikat-syarikat lain yang telah diberikan lesen menunjukkan prestasi yang lebih baik daripada Telekom Malaysia. Yang Berhormat Ipoh Timur, silakan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri ada sebut bahawa kerajaan sudah buat keputusan bahawa HSBB atau *high-speed broad band* dimajukan bersama-sama sektor *public private initiative* oleh kerana tidak *viable* kalau *private sector* saja. Akan tetapi bukankah benar bahawa ada satu tawaran oleh High Speed Broad Band Technology Sdn. Bhd. atau HSBB untuk membina *high speed broad band* tanpa satu sen daripada kerajaan. Tanpa subsidi. Kenapa tawaran ini tidak dipertimbangkan dan diluluskan. Yang pertama.

Kedua, kenapa tidak ada *open tender* untuk HSBB dan satu subsidi RM2.4 bilion diberi kepada Telekom, walhal sebab kenapa Malaysia ketinggalan dalam *broadband* adalah kerana kegagalan Telekom. Oleh kerana di monopoli Telekom. Oleh kerana dalam tahun 1999 apabila ada usaha untuk meliberalisasikan *broadband* supaya menyelesaikan masalah *last mile copper*. Akan tetapi Telekom mencekik semua syarikat, ada menjadi satu *absolute bully* di mana semua syarikat telekom yang lain yang cuba untuk membuat pelaburan sama ada Celcom atau Maxis yang ada melabur RM80 juta, RM100 juta akhirnya gagal oleh kerana tidak berjaya untuk dapat membuka *last mile copper* oleh Telekom.

Inilah sebab kenapa sepuluh tahun, sungguhpun *broadband* bermula sepuluh tahun dahulu, South Korea sudah ada dapat 92% *penetration broadband*, Hong Kong 80% dan Malaysia 13%. Kenapa Telekom? Telekom bertanggungjawab dan ini sangat *costly* untuk negara oleh kerana GDP mungkin dalam sepuluh tahun ialah kos negara berpuluh-puluh bilion ringgit dan *business competitiveness* menjadi mangsa. Lebih satu *public delivery system* menjadi mangsa dan sekarang, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kepada semua *industry player*, mereka tanya kementerian yang berkenaan iaitu MCMC sama ada *dumb!*...

■ 2230

Sama ada kementerian *dump*, MCMC *dump*, atau *subservient* kepada Telekom sahaja. Oleh kerana tidak mahu membuat liberalisasi yang sebenarnya. Apa guna mengatakan liberalisasi *broadband* tetapi *last mile* mencekik pertumbuhan syarikat-syarikat yang lain. Bolehkah perkara ini dikaji semula supaya sekurang-kurangnya adalah *high-speed broadband* yang kedua oleh kerana ada tawaran syarikat swasta ini, ada dua *high-speed broadband* tanpa satu sen oleh kerana *high-speed broadband* ini, syarikat ini rela membayar segala pelaburan,

mungkin wang daripada *Middle East* dengan teknologi daripada Korea Selatan dan Jepun. Kita boleh *catch-up* dan ini lebih *competitiveness* di Malaysia.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Pertama saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Ipoh Timur walaupun zaman Yang Berhormat dahulu tidak ada *broadband*, tidak ada *internet* tetapi Yang Berhormat memikirkan untuk nasib masa depan generasi yang akan datang dan Yang Berhormat ingin melihat generasi akan datang menikmati kemudahan *broadband* ini. Cuma saya ingin katakan kepada Yang Berhormat pada ketika ini bahawa *penetration* ataupun *penetration broadband* yang ada di negara kita bukan 13%, ia 17%. Ia menunjukkan peningkatan yang baik.

Dan saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat bahawa tadi Yang Berhormat katakan, mengapa kita berikan kepada Telekom Malaysia. Sebenarnya kita ingin mewujudkan infrastruktur, prasarana yang nasional, yang besar dan kalau kita lihat syarikat-syarikat lain tidak memiliki kemudahan sebesar yang mana ada pada Telekom Malaysia.

Keduanya, kalau Yang Berhormat ingat, walaupun kita berikan kepada Telekom Malaysia ia tidak akan ditender. Sebenarnya kementerian ini melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, kita ada satu komiti yang untuk memastikan bahawa segala peralatan ataupun *equipment* dengan izin, perlu ditender oleh Telekom Malaysia secara tender terbuka dan rata-rata syarikat yang mengambil bahagian dalam tender ini adalah merupakan dari syarikat antarabangsa dan saya juga maklum bahawa perkara ini juga telah diangkat kepada PAC, untuk melihat dan memastikan bahawa ketelusan dalam segi proses tender ini dilakukan.

Berhubung dengan, mengapa tidak diberi peluang kepada syarikat lain, sebenarnya ada satu syarikat telah diberi peluang, dipanggil tetapi mereka gagal mengemukakan cadangan mereka terperinci, walaupun tarikh itu telah dibenarkan. Inilah maklumat yang saya hendak berikan kepada Yang Berhormat. Sekiranya Yang Berhormat ada lagi...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah syarikat ini *high speed* yang ada saya sebut *high-speed broadband technology* dan kedua oleh kerana Telekom tadi, saya ada sebut perlu bertanggungjawab oleh kerana kegagalan *Broadband Policy* kita yang tidak boleh bersama dengan South Korea, Jepun, Hong Kong, apa jaminan bahawa Telekom tidak lagi sekali akan menggagalkan *Broadband Policy* oleh kerana mahu terus memelihara kedudukan monopolinya.

Adakah ia akan dipaksa supaya membenarkan *last mile copper* di mana semua yang *stakeholders* dalam industri bolehlah membeli *last mile* dengan harga yang berpatutan, macam yang ada dalam negara-negara membangun seperti di UK. Ini sudah berlaku, *British Telecom* sudah buka, semua yang berminat boleh dapat *last mile* dengan harga yang adil, dan sebab itu *broadband* nya begitu maju tetapi Malaysia tidak.

Adakah, oleh kerana dalam perkara ini *high-speed broadband*, Telekom satu syarat alah bahawa untuk tujuh tahun tidak akan buka sepenuhnya? Bukankah ini bererti untuk tujuh tahun akan terus dimonopoli Telekom.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Ingin saya nyatakan kepada Yang Berhormat bahawa pertamanya saya juga pada mulanya seperti Yang Berhormat. Saya bimbang kalau syarikat-syarikat telekomunikasi lain nanti dibuli oleh Telekom Malaysia. Saya juga seperti Yang Berhormat, saya juga ingin melihat bahawa syarikat-syarikat lain ini diberi peluang mengambil bahagian dalam *high-speed broadband* ini maka saya dengan kementerian saya, pegawai-pegawai kementerian dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, kita menubuhkan satu *consultative* punya komiti yang mana kita bincang sebelum kita tandatangani perjanjian itu.

Antaranya kita mesti memastikan bahawa semua orang mesti dapat akses ini, kemudian dengan harganya, walaupun pertamanya kita benarkan dari segi *business arrangement* tetapi sekiranya tidak dapat dipersetujui antara Telekom dengan mana-mana syarikat itu, kita diberi kebenaran untuk *step-in* kerana tujuan bagi kementerian, kementerian tidak ada niat untuk memberi Telekom keuntungan...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [Bangun]

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Kita hanya mahu memastikan sebagaimana Yang Berhormat inginkan bahawa negara kita dapat menikmati *penetration, broadband* ini 50% pada tahun 2010. Kita akan cuba segalanya dengan sokongan Yang Berhormat, kita percaya tetapi antara perkara-perkara lain yang kita fikirkan adalah dari segi PCnya, komputernya. Kalau orang ada infrastruktur tetapi PC nya tidak ada tidak boleh. Kemudian dari segi *content* nya. Ini perkara-perkara yang kita teliti satu-persatu untuk menjayakan aspirasi negara untuk memastikan bahawa *penetration* 50% ini dapat kita capai menjelang tahun 2010. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini pun ada diulangi dalam Parlimen ini. Inilah hasrat kerajaan 10 tahun dahulu. Sekarang sudah gagal dan ini boleh habiskan dan apa kita boleh dapat jaminan, apa yang berlaku 10 tahun ini tidak berulang lagi. Tengok apa yang berlaku di Singapura. Singapura ada SingTel tetapi SingTel pun tidak diberi monopoli untuk membina *high-speed broadband*.

Ini pun turut dibuka untuk satu kumpulan yang *diversify* dan supaya untuk mengatasi masalah yang dihadapi dan tentu Yang Berhormat Menteri atau tanya semua *industry player*, mereka semua tidak bersetuju, mereka bantah oleh kerana memberi monopoli kepada Telekom, adakah Yang Berhormat rela untuk kaji semula satu cara untuk mengatasi mungkin antara lain untuk adalah satu *review*, oleh satu *third party* mengenai *feedback* industri-industri, bagaimana *award* ini akan membantut, menghindari perkembangan *broadband industry*, atau kedua untuk memaksa bahawa Telekom HSBB menjadi satu *open network* yang sebenar oleh kerana sekarang tidak ada *open network* untuk tujuh tahu, masih *closed* atas terma-terma komersial yang akan diletakkan oleh Telekom.

Tidak boleh, *open*, dan ketiga, mungkin ada satu tender supaya adalah *high-speed broadband network* yang kedua, kenapa tidak boleh ada *high-speed* kedua yang kedua, yang

kompetitif, dan keempat, yang terakhirnya adalah, menggunakan satu parti yang ketiga untuk adakan satu formula supaya adalah *pricing*, harga yang berpatutan untuk akses kepada *high-speed broadband* Telekom. Bolehkah keempat-empat perkara ini dikaji?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya saya hendak mengatakan kepada Yang Berhormat dari segi *open access* itu telah dipersetujui oleh Telekom Malaysia dan kita benarkan kita lakukan *open access*.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Perkara yang berkaitan, boleh, sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin berkongsi kebimbangan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur tadi tetapi sebelum Yang Berhormat Menteri terangkan berkenaan dengan projek HSBB ini, kita di seluruh negara yang menggunakan perkhidmatan telefon sama ada *fix line* ataupun *mobile* yang dianjurkan oleh Telekom Malaysia, pada bulan baru ini kita diberitahu yang pihak Telekom Malaysia telah membuat *revise decision* juga untuk mengenakan caj tambahan kepada penghujung bulan, baru ini dimasukkan sekali dengan caj perkhidmatan untuk *internet* di bulan hadapan.

Jadi bermakna pada beberapa hari yang lalu pengumuman ini telah dibuat, saya hendak tanya, sama ada Yang Berhormat Menteri sedar atau tidak perkara ini berlaku, dan sekiranya dibuat andaian, talian atau perkhidmatan ini dilanggan sebanyak 2 juta pelanggan, ini bermakna *public deposit in-advance* yang diambil oleh Telekom berjumlah RM190 juta.

■ 2240

Adakah kebenaran pengambilan *fix deposit in-advance* ini kerana untuk menampung kekurangan dana pada pihak Telekom untuk sekurang-kurangnya meratifikasi *pre-budgeting* untuk HSBB ini, ataupun bagaimana, kalau boleh perkara ini diperjelaskan sebelum kita membincangkan secara lebih lanjut berkenaan dengan projek HSBB ini. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat dari Indera Mahkota. Cuma saya ingin katakan di sini bahawa saya terpaksa *check* keterangan Yang Berhormat dahulu untuk mengesahkan kesahihannya dan saya akan bagi maklumat ini kepada Yang Berhormat apabila saya mendapat maklumat yang terperinci daripada kementerian dan juga daripada Telekom Malaysia, dan pada Yang Berhormat daripada Yang Berhormat Ipoh Timur ...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Tidakkah keputusan untuk membuat caj tambahan ini mesti dimaklumkan dulu kepada, sekurang-kurangnya kepada

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Dia *regulate by the MCMC*. Sebab itu saya kata biar saya siasat perkara ini dahulu dan saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat berhubung perkara ini.

Berhubung dengan Yang Berhormat Ipoh Timur, yang ini saya kena terangkan kepada Yang Berhormat Ipoh Timur. Saya agak..., yang ini saya tak bersetuju. Banyak tadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat Ipoh Timur, yang ini saya tidak bersetuju. Setakat hari ini

Yang Berhormat Ipoh Timur, saya telah berjumpa dengan Maxis, saya telah berjumpa dengan Media Prima, mereka tak bimbang daripada segi akses. Mereka tanya saya, bolehkah Telekom Malaysia *deliver this project on time? That is their biggest concern.*

Dan bagaimana akses itu, *free excess, open excess* dan harga itu dan mereka juga tidak mahu supaya Telekom Malaysia, mereka yang buat infrastruktur, mereka terlibat dalam *content*. Dia nak ada *separation of account, of content* dan dia punya *wholesale*, dengan dia punya *retail*. Itu yang diminta oleh mereka. Dan perkara ini telah diperjelaskan oleh Suruhanjaya Telekomunikasi Malaysia kepada Telekom Malaysia dan Telekom Malaysia bersetuju supaya ada *separation of account*, dia punya *wholesale*, dengan dia punya *retail*. Itu saya kena jelas kepada Yang Berhormat, yang itu saya tak setuju dengan Yang Berhormat. Yang lain saya setuju, yang itu saya tak setuju.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, terima kasih. Itulah antara masalah-masalah atau isu-isu yang menjadi *concern* tetapi Yang Berhormat kata bahawa Telekom tak pernah menjadi buli tapi ini adalah sangat jelas. Dalam industri 10 tahun ini dan bukankah benar semacam baru-baru ini, kita tahu dalam industri ini, Telekom yang dapat *zero infrastructure cost* oleh kerana semua kabel-kabel dibayar oleh kerajaan dan pembayar cukai beberapa lama ini. Sekarang *target* untuk buli Telekom ialah REDtone yang mengikut apa yang dikata dalam industri, Telekom *wants to kill* REDtone oleh kerana terlalu agresif. Bolehkah kita letak jaminan ini tidak akan dibenarkan berlaku. REDtone atau apa-apa syarikat bolehlah bergerak, bergiat dengan bebas supaya negara boleh dapat keuntungan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Saya tidak akan benarkan mana-mana syarikat sama ada yang besar atau yang kecil, sama ada Kerajaan Barisan Nasional pun saya kalau bawah ini, saya tak buli Pembangkang. Itu saya terpaksa bagi jaminan. Begitu juga dalam industri ini, Telekom Malaysia kita pastikan dia tak akan buli REDtone. Kalau ada perkara ini spesifik, Yang Berhormat boleh maklumkan kepada REDtone itu, kalau mereka jumpa dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia mereka tak dapat respons yang baik, boleh jumpa dengan saya. Yang Berhormat pun boleh bawa jumpa dengan saya. Saya bagi jaminan, *there's no such thing of bullying* dalam perkara ini dan kita mahu lihat seperti juga Yang Berhormat mahu melihat bahawa industri ini boleh *prosper* di masa yang akan datang. Itu penting bagi negara kita, Yang Berhormat.

Selain daripada itu, pemilikan daripada 90% *broadband market share* dengan izin, oleh TM dapat menjamin *take-up* ke atas perkhidmatan dan kejayaan projek HSBB. TM juga selama ini telah menunjukkan komitmen dalam perluasan infrastruktur jalur lebar dengan membuat pelaburan sekitar RM4 bilion bagi menyediakan perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara. Ini adalah penting bagi memastikan sasaran untuk mencapai penembusan jalur lebar isi rumah sebanyak 50% pada tahun 2010 di negara ini tercapai.

Saya juga ingin menjelaskan di sini bahawa strategi pelaksanaan jalur lebar ini tidak tertumpu di kawasan dengan izin, *high economic impact* sahaja. Pelaksanaan jalur lebar nasional akan meliputi tiga zon yang telah dikenal pasti iaitu Zon I di kawasan berimpak tinggi di bandar, Zon II di kawasan pinggir bandar, dan Zon III di kawasan luar bandar.

Pelan tersebut merangkumi strategi-strategi pelaksanaan kedua-dua aspek permintaan, *demand* dan penawaran, *supply* perkhidmatan jalur lebar bagi mempertingkatkan lagi penembusan jalur lebar di seluruh negara. Projek *High-Speed Broadband* –atau HSBB, bagi pelaksanaan fasa pertama Zon I akan dilaksanakan ke kawasan-kawasan yang berimpak tinggi di kawasan Lembah Klang dalam, kawasan-kawasan perindustrian dan Wilayah Pembangunan Iskandar dengan kelajuan melebihi 10mb *per second* memandangkan kos pelaksanaan HSBB ke seluruh negara adalah tinggi....

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Pelaksanaan HSBB di kawasan yang mempunyai impak yang tinggi adalah amat perlu bagi memastikan negara tidak ketinggalan dan dapat bersaing di peringkat global. Dalam pelaksanaan projek jalur lebar nasional ini juga, penduduk pinggir bandar dan luar bandar akan turut dapat menikmati perkhidmatan jalur lebar melalui inisiatif jalur lebar untuk orang ramai. *Broadband to gender population* atau BBGP dengan izin, perkhidmatan....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kepong berdiri Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Silakan Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini, berapa *penetration* sekarang untuk *broadband* bagi negara ini, adakah 15% atau berapa, dan yang kedua itu, adakah Yang Berhormat sedar bahawa *broadband* di Parlimen, termasuk di Dewan yang mulia ini sangat-sangat perlahan....

Seorang Ahli: *Narrow broadband...* [Ketawa]

Tuan Lim Kit Siang: *No band!*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini bermakna Yang Berhormat kurang perhatian, kurang prihatin kepada *broadband*. Kalau di Dewan tak boleh ada *broadband* yang terkini yang termoden, macam mana kita dapat *broadband* di seluruh negara?... [Tepuk] Jadi mulai esok, kita memperkasakan *broadband* di Dewan yang mulia.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat dari Kepong. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat ini pertamanya baru bangun tidur kerana pertamanya, tadi saya dah jawab soalan Yang Berhormat Ipoh Timur bahawa penetrasinya adalah 17%. Saya baru saja cakap 10 minit, sebab itu Yang Berhormat tidur, Yang Berhormat bangun, Yang Berhormat mimpi, tanya saya. Itu susah itu.

Keduanya, daripada segi masalah *broadband* agak perlahan. Bukan saja di Dewan ini, di mana-mana. Sebab itu kerajaan pada hari ini kita ingin meningkatkan lagi kualiti prasarana. Inilah kita lakukan iaitu kalau selama ini infrastruktur *fibre optic* itu hanya ada di bandar-bandar utama, tidak sampai ke hampir dengan bangunan.

Hari ini *last mile copper* itu yang berhampiran dengan bangunan ini perlu ditukar dengan *fibre optic*. Ha ini Yang Berhormat Kepong kena faham. Yang Berhormat tahu penyakit kulit saja, saya kena terangkan kepada Yang Berhormat. Selama ini *copper* itu daripada kawasan yang hampir ke Parlimen sampai sini jauh, dia banyak pakai *copper*. Kita kena tukar *copper* ini, guna *fibre optic* baru ia boleh melakukan dengan kelajuan yang lebih tinggi. Terima kasih.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: [Bangun]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [Bangun]

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat, saya rasa masa dah agak lewat, ada dua lagi kementerian.

Perkhidmatan jalur lebar ini akan disediakan melalui pelbagai teknologi baik berwayar mahupun *wayarles*. Pembangunan infrastruktur jalur lebar di kawasan luar bandar dan pusat komiti jalur lebar akan disediakan menggunakan daya program perkhidmatan sejagat iaitu USP....

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Cukup dulu, cukup dulu.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Satu bahagian yang

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Cukup! Cukup!

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Pelan Jalur Lebar Negara yang telah diperkenalkan, negeri Pulau Pinang telah dipilih sebagai projek perintis bagi pelaksanaan jalur lebar bagi memberikan perkhidmatan *broadband* di Pulau Pinang di mana ia melibatkan peruntukan kerajaan sebanyak RM20 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Indera Mahkota telah menyentuh isu pembayaran rebat tunai kepada pemilik kenderaan oleh Pos Malaysia Berhad atau PMB yang dikatakan bermasalah. Suka saya menjelaskan di sini bahawa pada masa sekarang, Pos Malaysia Berhad tidak mengalami sebarang masalah dalam melaksanakan pembayaran rebat tunai.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya tak bagi dah. Kebanyakan daripada isu-isu operasi dan aduan pelanggan telah dapat diatasi dengan kerjasama yang diberikan oleh Jabatan Pengangkutan dan Jalan dan Kementerian Kewangan. PMB juga tidak mengenakan sebarang caj untuk transaksi pengagihan rebat kepada orang ramai. Untuk kemudahan pelanggan, PMB menyediakan pilihan membuat tuntutan melalui semua kaunter pejabat pos di seluruh Malaysia sejak 14 Jun 2008. Mulai 8 Ogos 2008, PMB turut menyediakan perkhidmatan tuntutan rebat

tunai melalui saluran *online* di alamat www.posonline.com.my. Bagi tuntutan melalui kaunter, pelanggan mempunyai pilihan untuk menerima rebat tunai sama ada dalam bentuk wang tunai atau kiriman wang iaitu *money orde*). Melalui saluran *online* pula, pelanggan boleh memilih untuk menerima rebat tunai melalui akaun bank mereka. Sehingga 30 September 2008, Pos Malaysia Berhad telah memproses sebanyak 4,839,00 transaksi dengan jumlah tuntutan yang telah dibayar sebanyak RM2.16 bilion.

■ **2250**

Setakat ini penjelasan yang dapat saya berikan ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Saya berjanji bahawa kementerian ini akan sentiasa mengambil perhatian terhadap sebarang teguran dan pandangan yang membina dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menangani semua masalah yang berkaitan dengan kepentingan orang ramai. Terima kasih.

10.51 mlm.

Menteri Kesihatan [Dato' Liow Tiong Lai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih ke atas Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2009 yang menyentuh tentang Kementerian Kesihatan Malaysia.

Izinkan saya menyentuh tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pokok Sena yang meminta pihak kementerian agar sentiasa memantau tahap keselamatan kualiti air bukit dari semasa ke semasa bagi memastikan bekalan air adalah selamat untuk diminum.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi menangani kejadian-kejadian penyakit bawaan air seperti taun dan *typhoid*, kementerian telah melaksanakan satu program iaitu Program Kawalan Mutu Air Minuman (KMAM). Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan tahap kesihatan dengan memastikan air minum yang dibekalkan kepada para pengguna adalah selamat dan boleh diterima pada standard yang ditetapkan bagi mengurangkan insiden penyakit bawaan air dan keracunan yang disebabkan mutu air minum yang rendah melalui pengawasan yang efektif.

Pemantauan dijalankan tertumpu kepada bekalan air minuman awam di mana lebih daripada 150,000 air diambil dan di uji pada setiap tahun mengikut garis panduan dan piawaian kebangsaan bagi kualiti air minum. Melalui Program Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekitar (BAKAS) pula kementerian membekalkan sistem-sistem bekalan air berkost rendah kepada penduduk kawasan luar bandar dan menghadapi masalah mendapatkan bekalan air awam.

Bekalan air menggunakan sistem bekalan air bukit, graviti *feed* merupakan salah satu sistem yang diguna pakai di bawah program ini. Bagi menjamin keselamatan air yang dibekalkan

pihak kementerian sentiasa menjalankan pemantauan secara berkala pada setiap tahun serta menasihatkan kepada penduduk terbabit untuk mengambil langkah yang paling asas iaitu memasak air diterima terlebih dahulu sebelum diminum.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Gopeng menyentuh tentang kelewatan perkhidmatan ambulans dari Klinik Kesihatan Gopeng yang mengambil masa selama 40 minit untuk tiba ke tempat kejadian kemalangan di Lawan Kuda, Gopeng yang berlaku baru-baru ini. Untuk makluman Yang Berhormat Gopeng, dalam kes yang dinyatakan di atas, Klinik Kesihatan Gopeng hanya mempunyai sebuah ambulans sahaja. Pada waktu kejadian lebih kurang pada pukul 10.00 pagi, 9 September 2008 satu-satunya ambulans milik Klinik Kesihatan Gopeng telah pun diguna pakai untuk menghantar satu kes ke Hospital Raja Perempuan Bainun, Ipoh.

Oleh yang demikian, perkhidmatan *call centre* telah digunakan untuk meminta bantuan ambulans dari klinik yang lain, yang berdekatan iaitu Klinik Kesihatan Kota Baharu. Mangsa kemalangan telah diberi rawatan kecemasan di Klinik Kesihatan Gopeng dan seterusnya dihantar dengan ambulans dalam keadaan stabil ke Hospital Raja Perempuan Bainun. Kementerian sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan ambulans yang terbaik kepada pesakit.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Kesihatan akan menambahkan bilangan ambulans di klinik-klinik kesihatan dalam usaha untuk memendekkan tempoh *response time* pesakit dan sekali gus dapat meningkatkan taraf perkhidmatan secara keseluruhan kepada rakyat Malaysia.

Bagi isu naik taraf Klinik kesihatan Gopeng, seperti mana yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Gopeng, pada masa ini projek menaik taraf Klinik Kesihatan Gopeng tidak berada di dalam senarai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan bersedia mempertimbangkan cadangan menaik taraf klinik tersebut dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Pada masa ini penduduk di sekitar kawasan Gopeng masih boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan lebih baik daripada hospital-hospital yang berdekatan iaitu Hospital Raja Perempuan Bainun, Ipoh dan Hospital Kampar.

Menyentuh tentang isu pelaksanaan pembinaan hospital baru di Lawas seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Lawas. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan tidak dapat melaksanakan projek pembinaan hospital baru Lawas dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kerana ia tidak ada peruntukan yang mencukupi. Walau bagaimanapun, projek ini akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Menyentuh tentang kekurangan *facilities* kesihatan daerah Maran, sebagai mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Maran dimaklumkan pada masa ini terdapat 48 buah *facilities* kesihatan daerah Maran dan 39 yang terdiri daripada sebuah Pejabat Kesihatan, tujuh buah klinik kesihatan, 39 buah klinik desa dan sebuah klinik bergerak. Bilangan kemudahan

facilities kesihatan ini boleh dikatakan agak baik berbanding kemudahan-kemudahan *facilities* kesihatan di daerah-daerah yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu kekurangan anggota kesihatan terutamanya pegawai perubatan dan pegawai perubatan pakar di hospital-hospital dan klinik-klinik kesihatan kerajaan di seluruh negara, ingin saya nyatakan bahawa kementerian sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu penyampaian kesihatan di seluruh negara. Kementerian Kesihatan menghadapi masalah kekurangan anggota kesihatan termasuk pegawai perubatan dan pegawai perubatan pakar.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Maran

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: Maran

Dato' Liow Tiong Lai: Ya.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya timbulkan dahulu dalam perbahasan sekejap oleh kerana masa tidak cukup. Ialah tentang imej sebuah daerah terletak juga pada hospital. Sekarang Maran hanya ada sebuah klinik masyarakat dan daerah lain semua ada. Saya mohonlah benar kepada menteri berilah perhatian supaya dapat disegerakan pembinaan sebuah hospital baru di Maran kerana ini imej kita.

Kedua ialah saya timbulkan juga kekosongan doktor di Klinik Chenor, sudah lama sudah dan ini dimaklumkan oleh pegawai kesihatan Daerah Maran sendiri. Saya mohon benarlah kerana Klinik Chenor ini berjauhan dengan klinik-klinik yang lain. Dipinjamkan doktor ini daripada Kampung Awah, saya minta jasa baik menteri menyelesaikan masalah.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Maran. Saya yang akan ambil perhatian sendiri meningkatkan *facility* klinik di Maran dan termasuk di Hospital di Chenor saya akan ... kekurangan pakar.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Minta laluan, sekejap sahaja. Sedikit sahaja. Yang Berhormat, bolehkah kerajaan mempertimbangkan bagi menarik pakar-pakar dan juga pegawai-pegawai perubatan supaya mereka berkhidmat dengan hospital kerajaan. Dari segi insentif dan kenaikan pangkat sama seperti yang berlaku dalam Jabatan Peguam Negara, kerana dengan ini saya ingat tidak akan berlaku penghijrahan ke sektor swasta kalau kita mengambil tindakan yang lebih tegas di peringkat awal-awal lagi. Dengan faktor dinaikkan gaji yang begitu cepat misalnya *start* daripada 44, 48 begitu yang boleh menyebabkan insentif yang begitu menarik, jadi boleh dipertimbangkan dengan segera supaya perkara ini dapat lebih diatasi dengan kadar yang segera.

Dato' Liow Tiong Lai: Memang dari segi menarik doktor-doktor berkhidmat di hospital kerajaan, kita telah pun naikkan gaji dan juga elaun, bagi *specialist* kita juga memberi elaun *specialist*. Kita akan sentiasa mengkaji semula elaun-elaun mereka agar sentiasa dapat menarik

mereka untuk berkhidmat dengan kerajaan. Kerajaan juga menarik doktor-doktor Malaysia yang bekerja di luar negara untuk mereka balik ke Malaysia agar dapat berkhidmat dengan kerajaan. Kementerian sentiasa berusaha mewujudkan lebih banyak lagi *facilities* kesihatan dan membekalkan sumber tenaga kerja yang mencukupi di *facilities* tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu kekurangan pegawai perubatan di Hospital Segamat, seperti mana yang disentuh oleh Yang Berhormat Sekijang dimaklumkan bahawa bilangan perjawatan di Hospital Segamat adalah sebanyak 761 jawatan dan sehingga kini 31 Oktober, sejumlah 606 jawatan telah pun diisi. Walau bagaimanapun, saya memang faham kita masih lagi kekurangan doktor di Hospital Segamat dan kita akan melihat bagaimana untuk meningkatkan bilangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung kekhuatiran yang disuarakan oleh Yang Berhormat Pendang, menyatakan kebimbangan beliau sekiranya penswastaan unit makmal dan unit bius dilaksanakan di hospital kerajaan yang akan membebankan pesakit dengan kadar caj hospital yang lebih tinggi, suka saya nyatakan di sini, di dalam Dewan yang mulai ini bahawa pihak kementerian sememangnya prihatin terhadap kesihatan rakyat akan sentiasa memberikan perkhidmatan kesihatan perubatan terbaik tanpa membebankan mana-mana pihak terutamanya kepada pesakit-pesakit negara ini. Justeru itu, sebarang perubahan dasar atau polisi termasuk penswastaan sesuatu perkhidmatan hanya akan dibuat bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan tersebut tanpa membebankan pesakit dengan kadar caj hospital yang lebih tinggi.

■ 2300

Yang Berhormat Limbang telah meminta kementerian supaya dapat menyediakan klinik pakar di Hospital Limbang memandangkan kos untuk membawa pesakit bagi mendapatkan rawatan di luar daerah Limbang adalah begitu tinggi.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kementerian memang sentiasa berusaha untuk menyediakan perkhidmatan kepakaran di hospital kerajaan sama ada melalui penempatan pakar-pakar secara tetap atau melalui lawatan pakar-pakar secara berkala. Di dalam Hospital Limbang, perkhidmatan kepakaran memang disediakan melalui lawatan pakar-pakar dari Hospital Miri yang terdiri daripada pakar-pakar perubatan awam, oftalmologi, ortopedik, pembedahan awam, obstetrik, ginekologi dan kekerapan lawatan pakar-pakar adalah setiap bulan atau dua bulan sekali, bergantung pada jenis kepakaran.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Gopeng telah meminta kementerian supaya dapat mengkaji semula kedudukan projek-projek pembekalan dan pegangan konsesi seperti pembekalan produk-produk farmaseutikal oleh PharmaNiaga, perkhidmatan pengurusan sisa klinikal, pendobian dan perkhidmatan kejuruteraan fasiliti kesihatan oleh Faber, Pantai dan Radicare dan konsesi pemeriksaan pekerja asing oleh Fomema Sdn. Bhd. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apabila tiba masa konsesi tamat, kementerian bersama dengan EPU akan

membuat kajian menyeluruh terhadap keberkesanan perkhidmatan tersebut dan untuk mempertingkatkan lagi tahap perkhidmatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian menyambut baik saranan daripada Yang Berhormat dari Bukit Mertajam yang meminta peruntukan dipertingkatkan bagi memperbanyakkan lagi program terapi gantian *methadone* di klinik-klinik kesihatan kerajaan. Menyedari tentang kepentingan program terapi gantian dengan *methadone* dan juga bagi menjamin penerusan program ini, pihak kementerian telah memohon dan telah mendapatkan kelulusan Kabinet sejumlah peruntukan bagi tahun 2006 hingga tahun 2010.

Program ini yang pada awalnya melibatkan hanya dua buah klinik kesihatan kerajaan pada tahun 2006, sehingga kini telah diperluaskan perkhidmatan kepada 32 buah klinik kesihatan iaitu peningkatan sebanyak 93.8%. Peningkatan peratusan ini selari dengan penambahan bilangan pesakit sebanyak 332.5% iaitu daripada sejumlah 1,241 orang pesakit pada tahun 2006, kepada 5,367 orang pesakit pada masa ini. Peluasan skop program adalah sejajar dengan peruntukan yang telah diluluskan bagi tahun 2008 iaitu sejumlah RM35.7 juta.

Bagi tahun 2009, jumlah yang sama telah diluluskan dengan sasaran 15,000 orang pesakit. Bagi tahun 2010, jumlah peruntukan diluluskan adalah berjumlah RM53.5 juta dengan sasaran seramai 25,000 orang pesakit.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang isu pencemaran melamin yang begitu hangat dibahaskan oleh Yang Berhormat Mambong, Rompin, Batu Gajah dan Lipis, ingin saya nyatakan dengan sejelas-jelasnya di Dewan yang mulia ini bahawa sehingga 29 Oktober 2008, sejumlah 360 pelbagai jenis produk makanan telah diuji untuk menentukan tahap melaminnya. Pihak kementerian telah memantau semua produk makanan susu, hasilan susu, kompleks coklat, agen penaik *ammonium bicarbonate*, sayur-sayuran dan buah-buahan yang diimport dari negara China dan di pasaran tempatan. Bagi produk biskut, sejumlah 31 sampel biskut didapati mengandungi tahap melamin melebihi paras yang telah ditetapkan. Pencemaran dalam biskut adalah disebabkan oleh penggunaan agen penaik *ammonium bicarbonate* yang tinggi kandungan melaminnya dan *ammonium bicarbonate* ini telah diimport dari negara China.

Pihak kementerian telah menetapkan pemeriksaan tahap enam, *automatic rejection* yang membawa maksud, penggantungan pengimportan produk susu tepung formula bayi, susu hasilan susu dan kompleksiti mengenai susu daripada negeri China. Setakat ini sejumlah 396,681 kilogram produk makanan, dengan nilai keseluruhan berjumlah RM3.28 juta telah dilarang daripada memasuki negara ini. Kesemua produk makanan yang telah didapati tercemar dengan kandungan melamin ini sememangnya tidak dibenarkan di bawah Akta Makanan 1983. Sekiranya terdapat pelanggaran, tindakan tegas akan diambil dan didakwa di bawah seksyen 13, Akta Makanan 1983 dengan nilai denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kepong ingin mencelah Yang Berhormat.

Dato' Liow Tiong Lai: Ya, sila

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan. Saya memang bersetuju, kita mesti mengambil tindakan yang tegas terhadap apa sahaja yang mengandungi melamin. Sementara itu saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, selain daripada melamin itu, apakah jenis kimia yang lain iaitu mencemarkan makanan-makanan kita. Saya percaya banyak lagi kimia seperti melamin yang digunakan bukan sahaja oleh China, tetapi juga di negara-negara yang lain. Setakat inilah, berapa tahun kah melamin ini sudah digunakan sebelum kejadian, skandal di negara China dia merebak ke negara ini? Saya berharap, Yang Berhormat boleh menerangkan kepada Dewan yang mulia ini, apakah yang lebih serius, melamin ataupun racun, *insecticide*... [Disampuk]

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Rokok.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Rokok pun ada itu.... [Ketawa] Ini racun yang lebih dahsyat lagi itu. Rokok itu lebih dahsyat daripada melamin.... [Ketawa] Seribu kali ganda.

Saya pun ada pernah sebutkan iaitu keracunan makanan juga kalau dilaporkan. Ada banyak yang tidak dilaporkan. Apa yang dilaporkan tahun ini lebih 11,000 kalau berbanding dengan kes melamin. Banyak lagi yang mencemarkan makanan. Apakah langkah yang diambil selain daripada langkah terhadap melamin?

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat dari Kepong. Singkatnya, saya hendak jawab bahawa selama ini memang kita tidak periksa melamin. Ini kerana melamin ini tidak toksik. Kita periksa bahan makanan ini *pesticide, fungicide*, bakteria, pewarna, ini semua kita periksa selama ini. Apabila terjadi peristiwa di negara China dan menyebabkan bayi meninggal, oleh itu kita dapati bahawa melamin juga akan menyebabkan kematian. Oleh itu kita telah memeriksa dan banyak negara yang sama di seluruh dunia membuat pemeriksaan. Di WHO, kita telah tetapkan dan di negara kita telah pun menanda-araskan bahawa melamin boleh di dalam makanan tetapi di dalam kandungan yang sedikit iaitu 2.5 ppm. Itu yang kita jelaskan.

Saya hendak jelaskan di sini bahawa memang kalau tengok dari segi keracunannya, melamin tahap LD50 samalah lebih kurang dengan sodium klorida iaitu garam. Kalau dia makan garam, lebih kurangnya makan melamin ini. Melamin ini apabila dimakan, boleh di *excrete* keluar, boleh dihadamkan dan dikeluarkan. Tidak akan menyebabkan apa-apa penyakit melainkan seperti bayi, dia *concentrate* terlalu tinggi, sehingga 2500 ppm di dalam susu. Bayi hanya minum susu sahaja, sebab itu dia boleh mendapat kemudaratan. Kalau orang dewasa, kita makan bermacam-macam jenis makanan. Di pinggan mangkuk kita pun ada melamin tetapi migrasi melamin itu adalah kandungannya sedikit dan tidak akan menyebabkan apa-apa masalah kesihatan. Itu saya sudah terangkan dengan jelas.

Saya rasa kalau dikatakan rokok, nikotin, LD50 bagi melamin *is more than 3,000. Nicotine is 50*. Jadi racunnya lebih banyak lagi pada nikotin. So saya haraplah orang jangan merokok sangat... [Ketawa] Kita kena kurangkanlah merokok.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sememangnya melakukan ujian analisis melamin yang dijalankan di beberapa makmal di negara ini melalui kaedah yang diiktiraf oleh badan antarabangsa yang menggunakan alat *LC double MS* dan ujian ini mampu mengesan kandungan melamin dalam kuantiti yang kecil sekalipun.

Berhubung dengan kebimbangan Yang Berhormat Lipis yang ingin tahu sama ada pinggan mangkuk yang dibuat daripada melamin boleh digunakan oleh orang ramai tanpa rasa waswas, ingin saya maklumkan bahawa pinggan mangkuk yang diperbuat daripada melamin adalah selamat untuk digunakan kerana melamin adalah satu bahan yang tahan haba dan sangat stabil malahan *melamin ware* mampu menahan haba yang lebih tinggi berbanding dengan bahan plastik. Menyentuh tentang penanda aras yang saya telah katakan tadi bagi melamin, ialah 2.5 ppm dan 1 ppm.

■2310

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jasin, meminta kementerian menerangkan tentang usaha-usaha yang telah dijalankan bagi memperkembangkan perubatan tradisional Melayu sebagai salah satu cadangan perubatan tradisional dan *complementary*. Sukacita saya maklumkan bahawa pada masa ini bahawa pihak kementerian sedang di peringkat akhir bagi menggubal sebuah rang undang-undang khusus bagi memastikan amalan perubatan tradisional dan *complementary* ini adalah selamat untuk diamalkan.

Bagi memastikan para pengamal benar-benar berkelayakan, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama agensi kelayakan Malaysia MQA serta institusi pengajian tinggi awam telah membangunkan standard dan kriteria bagi amalan-amalan ubat tradisional termasuk akupunktur, tradisional perubatan Cina, perubatan Melayu, perubatan ayurveda, *homeopathy*, urutan Melayu, perubatan Islam, aromaterapi, refleksologi dan perubatan natural. Kementerian Kesihatan akan memperkenalkan amalan-amalan urutan tradisional Melayu dan akupunktur bagi rawatan *full stroke* dan *chronic pain* di hospital-hospital kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan yang menyentuh di bawah kuasa Kementerian Kesihatan.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Mohon laluan. Bolehkah saya tanya soalan?

Dato' Liow Tiong Lai: Okey, boleh.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih menteri. Saya ada bangkitkan isu dua soalan, adakah berkaitan antara

perkembangan sektor swasta dan kemunduran sektor awam. *So, do the ministry except that?* Bila satu berkembang adakah dia menjadi satu lemah dan kedua, adakah cadangan untuk menubuhkan satu suruhanjaya khas untuk kakitangan kerajaan untuk *retain the doctors*.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih, dua soalan yang baik, dapat saya jelaskan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya nampak sektor awam dan sektor swasta dalam bidang kesihatan ini adalah *complementary*. Dia tidak akan merugikan mana-mana pihak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekarang di Malaysia lebih kurang penduduk kita 40% menggunakan perkhidmatan swasta dan 60% menggunakan perkhidmatan hospital kerajaan dan sebenarnya *it's not zero some game*. Dia bukan katakan menguntungkan apabila pihak swasta untung, pihak kerajaan akan rugi. Sebenarnya kerajaan melatih doktor, jururawat adalah untuk meningkatkan tahap kesihatan keseluruhan negara kita. Apabila pihak swasta maju, dia juga akan membantu pihak kerajaan memberi sosial *obligation* untuk membantu lebih ramai orang-orang yang kurang berada. Ini yang saya hendak nyatakan bahawa kita memang membangunkan kedua-dua pihak, sektor awam sektor swasta, kita akan teruskan pembangunan ini.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Bolehkah saya mencelah.

Dato' Liow Tiong Lai: *Because* masa tidak mengizinkan, I minta maaf. *We will debate again in Jawatankuasa, I promise you we will continue on this. It's a very good question, satu soalan yang penting kerana ia melibatkan keseluruhan perkhidmatan kesihatan dalam negara kita. Yang kedua berhubung dengan... keduanya berhubung apa tadi?*

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Suruhanjaya.

Dato' Liow Tiong Lai: Suruhanjaya. Memang, kalau kita nampak dari segi kakitangan suruhanjaya ini adalah penting kerana dari segi perubatan dan kesihatan kita mempunyai bilangan kakitangan yang besar dan sekarang apabila nampak ada kelewatan dalam pengambilan doktor dan jururawat, Kementerian Kesihatan akan mencadangkan, kalau boleh kita adakan sendiri satu Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan. So, Tuan Yang di-Pertua dengan itu saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua, sekian.

11.14 mlm.

Menteri Penerangan [Dato' Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, saya cuba untuk tidak mengambil masa yang lama untuk menggulung perbahasan. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian. Hanya tujuh orang Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian untuk membahaskan Bajet 2009 yang berkaitan dengan Kementerian Penerangan iaitu Yang Berhormat bagi Jempol, Yang Berhormat bagi Kalabakan, Yang Berhormat bagi Kota Melaka, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, Yang Berhormat Bagi Maran, Yang Berhormat Sri Gading dan juga Yang Berhormat Kubang Kerian.

Saya ingin memaklumkan beberapa pandangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Jempol mengenai kualiti dan peralatan penyiaran RTM. Perlu saya jelaskan bahawa kita sedang berusaha dan sudah pun meningkatkan beberapa peralatan ke arah persiapan untuk pendigitalan penyiaran RTM pada keseluruhannya dan beberapa latihan telah diadakan ke arah itu dan begitu juga beberapa perkara berkaitan dengan soal persiapan ataupun kemudahan siar raya di peringkat daerah-daerah. Sebanyak RM3 juta telah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan bagi membuat persiapan ataupun menyediakan kemudahan siar raya bagi 140 buah daerah serta latihan-latihan telah diberikan kepada mereka untuk mengendalikan keupayaan penerangan di peringkat daerah dan sebagainya.

Mengenai dengan apa yang disebutkan Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Bukit Mertajam, tidak timbul sama sekali bahawa RTM tidak menyiarkan langsung pandangan-pandangan ataupun kritikan di kalangan Yang Berhormat ataupun di kalangan pihak pembangkang terhadap kerajaan. RTM sentiasa cuba untuk menilai perkara yang perlu disampaikan berdasarkan kepada dengan izin *news value* ataupun nilai berita sama ada ia wajar disiarkan atau tidak.

Yang Berhormat Maran dan Yang Berhormat Kubang Kerian...

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: [*Bangun*]

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan. Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat boleh mengambil peluang ini untuk menjelaskan mengapakan baru-baru ini program *What Say You* ini telah dilarang penyiarannya. Tadi Yang Berhormat kata di bawah RTM tidak ada larangan untuk menyiarkan kritikan terhadap kerajaan. Akan tetapi *What Say You* program yang mendapat sambutan yang begitu hebat di mana tanpa mengira parti politik boleh duduk berbincang, tetapi sekarang telah larang penyiarannya. Apa sebabnya? Kerana Ahli-ahli Parlimen pembangkang dijemput, Yang Berhormat Seputeh dijemput? Bolehkah Yang Berhormat Menteri mengambil peluang ini untuk menjelaskan mengapakan tindakan sedemikian diambil. RTM kepunyaan kita semua, peruntukan adalah daripada cukai yang dikutip daripada semua termasuk penyokong-penyokong daripada Pakatan rakyat. Jadi boleh ambil peluang terangkan mengapakah tindakan sedemikian diambil.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih...

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Penjelasan, sekali...

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Sekali?

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Selain program *What Say You* yang telah dihentikan, saya juga hendak mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, sebelum pilihan raya 2008, RTM telah memperkenalkan program Debat Perdana yang berjalan dari tahun 2004 hingga 2007. Dalam program Debat Perdana ini juga diberikan peluang kepada pemimpin-pemimpin pembangkang termasuk saya sendiri untuk naik ke RTM untuk memberikan pandangan-pandangan kita dalam isu-isu kebangsaan. Mengapa selepas pilihan raya umum

2008 saya tengok program Debat Perdana ini seolah-olah telah dibekukan. Saya hendak tanya mengapa Kementerian Penerangan memberhentikan program ini.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Izinkan saya jawab daripada Yang Berhormat Rasah, terima kasih. Itu satu cadangan dan sebenarnya tidak ada halangan untuk kita menghidupkan kembali tentang program Debat Perdana. Sebenarnya daripada semasa ke semasa seperti Program Bersemuka Dengan Media, Yang Berhormat Kubang Kerian pernah tampil ke hadapan bersama dengan Yang Berhormat Johor Bahru Menteri kita, beberapa kali dijemput juga daripada pihak pembangkang dan sebagainya. Kita ada program blog di mana Yang Berhormat Bukit Bendera, Yang Berhormat Elizabeth Wong, Raja Petra misalnya keluar dalam RTM. Cumanya apakah semestinya disebutkan hanya dianggap ia *balance* sekiranya ada Debat Perdana. Debat Perdana hanyalah satu pada program yang boleh dihidupkan kembali, tidak masalah adalah bagi saya.

Mengenai *What Say You*, sebenarnya dalam minggu lepas, saya dimaklumkan oleh pihak pentadbiran untuk menstrukturkan kembali. Ini sebahagian daripada program kita untuk menstrukturkan kembali program-program dalam RTM - RTM 1 dan RTM 2.

■2320

Ada program yang ditangguhkan buat seketika waktu untuk dinilai dikaji kembali dari segi keberkesanan dan kualitinya. Kalau dikatakan bahawa *What Say You* adalah program yang terlalu hebat, kalau dilihat dari segi ranking di kalangan program-program yang disebutkan FTA dengan izin *free to air* program bagi seluruh TV di negara kita, program yang percuma yang tidak berbayar, kalau mengikut ranking *What Say You* dia duduk di bawah di dalam tangga yang ke-337. Ertinya *ranking*nya adalah sangat rendah sekali. Ini dikeluarkan oleh ACNielsen sebuah syarikat bebas yang membuat ratingnya iaitu hanya sekitar 180 ribu, 190 ribu penonton.

Pada waktu jam 7.00 waktu *prime time*, saya rasa itu adalah merupakan satu ranking ataupun rating yang rendah sekali dan kita rasa kita sia-sia kan wang rakyat pada waktu yang mahal nilainya sedangkan penontonnya rendah. Sedangkan kalau siaran langsung RTM di waktu pagi pukul 10.00 selalunya yang tingginya kartun sahaja tetapi program serius tidak tinggi dari segi ratingnya. Sebab selalunya sekitar jam 10.00 itu sekitar 80 ribu, 90 ribu, tetapi program siaran langsung RTM sudah meningkat kira-kira 200 ribu. 180 ribu hingga 230 ribu. Jam 10.00 pun lebih tinggi daripada *What Say You*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan?

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Ya, saya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini sudah tengah malam Tuan Yang di-Pertua tetapi untuk pengetahuan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kerana ingatkan saya. Saya ingat tadi masih pagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Di mana rakyat meminta saya bertanya apakah fungsi dan peranan Kementerian Penerangan ini yang sebenarnya? Adakah

ianya menyebar maklumat benar untuk pengetahuan rakyat ataupun apakah dalam kementerian ini pun tersalah pandang bahawa sehingga ada dalam kementerian ini menyatakan sesuatu bahawa bangsa lain memijak-mijak orang lain. Apakah ini satu fungsi kementerian itu sendiri memutarbelitkan fakta ataupun Yang Berhormat merasa perlu ada satu penjelasan untuk ketenangan rakyat?

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya habiskan sebentar sebelum saya pergi kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Tentang soal penstrukturan ini saya sebutkan ada tiga program *talk show* ataupun bual bicara yang ditangguhkan bukan sahaja *What Say You* tetapi juga *Bersemula Dengan Media*, satu program yang popular juga dan juga *Bersama Dengan KSU*. Tiga program dibuat serentak. Mungkin Yang Berhormat ada pandangan negatif, *What Say You* dia kompelin, dua program Melayu dia tidak kompelin. Jadi orang tafsirkan Yang Berhormat ini ada pandangan berunsur perkauman di sini.

Kenapa *What Say You* dia bising tetapi dua program Melayu tidak dibisingkan? Ini semua adalah sebahagian daripada penstrukturan supaya kita hendak pastikan bahawa program-program bual bicara RTM akan ditingkatkan lagi kualitinya. Termasuk kita timbangkan kalau perlu diadakan kembali debat perdana dan sebagainya. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan, saya sedar perkara ini dan perkara ini kalau boleh saya masukkan dengan apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Sri Gading tentang kenyataan yang disebutkan oleh salah seorang pemimpin di dalam Kementerian Penerangan iaitu disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri.

Kalau itulah yang dimaksudkan, perlu saya jelaskan bahawa apa yang disebutkan adalah pandangan peribadi beliau. Itu bukan pandangan RTM, pandangan Kementerian Penerangan. Ia tidak disiarkan oleh Kementerian Penerangan tetapi itu adalah perkara yang disebutkan di dalam satu perjumpaan mesyuarat parti Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam soal ini pandangan beliau mengenai perkara tersebut bukanlah pandangan RTM bukan pandangan Kementerian Penerangan dan bukan pandangan rasmi kerajaan dalam soal ini. Silakan.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Tadi saya dengar Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa siaran langsung ini sungguhpun waktu 10.00 pagi, terdapat melebihi 200 ribu orang yang menonton. Jika begini adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk memanjangkan masa itu sehingga satu jam atau satu setengah jam jika tujuan ini mendapat sambutan yang begitu baik?

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Yang Berhormat. Perkara ini sedang dalam kajian dan sekiranya perlu tidak ada masalah untuk kita tambahkan, yang pentingnya kesannya baik dan burunya kepada orang ramai. Apakah kalau semua orang pada waktu pagi tidak kerja hanya hendak tunggu Parlimen bersidang pun mungkin akan memberi kesan tetapi

kita ada siarkan lagi perkara-perkara yang perlu pada waktu malam iaitu sorotan Parlimen pada waktu malam. Kita akan cari waktu yang lebih sesuai supaya lebih ramai orang dapat menontonnya. Yang Berhormat Maran...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Silakan Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, seorang yang begitu tabah sehingga tengah malam, satu contoh yang sangat baik.

Tuan Yang di-Pertua: Asal Yang Berhormat kamu semua bahagia. Ya, teruskan.
[Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Selagi Tuan Yang di-Pertua menjadi Tuan Yang di-Pertua, saya tetap akan bahagia. Yang Berhormat Menteri menjawab soalan Yang Berhormat Kinabatangan yang berpunca dari soalan saya. Yang Berhormat Menteri kata ini bukan kementerian punya pandangan. Betul tetapi sakit hatinya penonton, pendengar RTM, sakit hatinya. Saya ulang sekali lagi, sakitnya hati pendengar dan penonton RTM. Walaupun Yang Berhormat Menteri cuba hendak mempertahankan Timbalan Menteri, kepada kami yang bercakap perkara yang terkeluar daripada fakta sejarah ini ialah seorang Timbalan Menteri Penerangan. Dia menjejaskan Kementerian Penerangan.

Sebab itu saya kata dari segi tanggungjawab beliau harus berhenti daripada menjawat Timbalan Menteri Penerangan kerana sakit hatinya rakyat yang menonton, mendengar apa yang telah diucapkan dalam persidangan partinya tetapi kerana dia juga ialah seorang penjawat jawatan dalam Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: *[Bangun]*

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Silakan Yang Berhormat Rasah.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Yang Berhormat Menteri saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa tadi ada siaran tertunda pada 11.30 malam setiap malam apa yang berlaku dalam Parlimen. Saya pernah ada tengok rancangan ini tetapi saya dapati dalam satu slot dalam siaran tertunda ini iaitu slot bersama Ahli Parlimen.

Setiap kali saya tengok, setiap kali pun Ahli Parlimen Barisan Nasional sahaja yang dijemput. Tidak sekali pun saya nampak ada Ahli Parlimen dari Pakatan Rakyat yang dijemput untuk memberikan pandangan dalam slot *Bersama Ahli Parlimen* itu. Jadi saya hendak tanya adakah itu merupakan satu polisi yang ditetapkan oleh Kementerian Penerangan hanya *Back-benchers Barisan Nasional* dibenarkan dalam slot ini? Terima kasih.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua sebenarnya tidak benar. Saya kira ada daripada pembangkang juga pada waktu pagi dan juga pada waktu malam. Saya rasa tidak ada masalah bagi saya walau di masa yang akan untuk kita mengundang mana-mana untuk datang untuk memberikan pandangan dan sebagainya. Akan tetapi perlu dinilai di sini bahawa

hakikat sejak tahun ini kita sudah ada siaran langsung Parlimen yang tidak pernah berlaku sebelum ini adalah merupakan satu langkah keterbukaan yang ditunjukkan oleh Kementerian Penerangan yang dinikmati oleh kita bersama dan ia harus dihargai oleh kita bersama.

Jadi jangan cari kekurangan-kekurangan yang sedikit dan bagaimana kita hendak memperbaikinya dan insya-Allah perkara ini saya akan pastikan supaya kalau pada waktu pagi tidak ada sebarang suntingan, *editing* dan sebagainya, semua orang boleh menonton dan tengok. Kalau Yang Berhormat bangun tidak ada halangan kamera untuk memberi fokus kepada Yang Berhormat dan disiarkan secara langsung. Ini adalah tanda bahawa kita lebih terbuka dalam soal ini.

Jadi respons pada Yang Berhormat Sri Gading, saya menerima pandangan tersebut dan saya kira Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada mendengarnya, adalah satu saranan dan saya rasa saya tidak boleh menjawab lebih daripada itu. Perlu saya ingatkan bahawa apa yang disampaikan beliau bukanlah disiarkan oleh RTM dan sebagainya. Saya ingin menyampaikan

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: ...apa yang disebutkan oleh Maran dan juga disebutkan oleh Yang Berhormat Kubang kerian mengenai bagaimana meningkatkan keupayaan RTM supaya ia setanding dengan saluran-saluran antarabangsa lain seperti CNN, BBC dan sebagainya. Insya-Allah daripada masa ke semasa kita akan meningkatkan keupayaan RTM.

■ 2330

Insya-Allah dari semasa ke semasa, kita akan meningkatkan keupayaan RTM. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang ini pun, misalnya program *Warta Serumpun* iaitu kerjasama berita antara RTM dengan TVRI Indonesia, adalah merupakan satu langkah baru yang diorak atau yang disebutkan *breakthrough* dalam hubungan RTM dengan stesen TV antarabangsa dan untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua juga, saya juga telah berbincang dengan rakan sejawat saya dari negara China, dari Singapura, supaya program-program bersama dengan negara China, dengan Singapura akan diadakan dalam konteks yang sama sebagaimana kita buat dengan TVRI dengan Indonesia.

Semua ini adalah ke arah untuk menjadikan Malaysia satu masa nanti, insya-Allah akan menjadi hab kepada bidang penyiaran antarabangsa terutama sekali di rantau ini.

Jadi sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sebelum...

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Ya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Yang Berhormat Menteri habis, boleh saya kembali ke isu *What Say You*.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: *What Say You?*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa, pembatalan program tersebut dengan tiba-tiba dan sekarang Yang Berhormat memberi alasan bahawa ia adalah kerana pentadbiran penstrukturan semula. Ini menunjukkan pembatalan secara tiba-tiba menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan peminat rancangan ini. Jadi Yang Berhormat mesti menyedari bahawa ini akan menimbulkan syak wasangka terhadap pihak kementerian dan RTM, sebab ia dihentikan sebaik sahaja Yang Berhormat Seputeh dijemput untuk membicarakan isu kehakiman. Saya ada menyaksikan program tersebut.

Jadi saya pohon Yang Berhormat, beritahulah dalam Dewan ini apakah sebab yang sebenarnya. Jangan bagi label penstrukturan semula atau kerana tidak ramai, rankingnya rendah, itu alasan yang sukar untuk diterima kerana ia dihentikan dengan tiba-tiba. Itu persoalannya.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, itulah Yang Berhormat, kalau orang melabelkan perkara ini hanya dilihat dari sudut perkauman, maka ia jadilah perkauman. Yang Berhormat tidak timbulkan kenapa *Bersemuka Dengan Media* juga dihentikan. Bukan dihentikan, kami hanyalah untuk sementara waktu, duduk sejenak kerana pada 1 Januari yang akan datang..., saya tidak mahu diumumkan di sini lagi kerana saya ingin maklumkan kepada Kabinet beberapa perubahan besar dari segi bagaimana untuk kita menyusun kembali rancangan-rancangan RTM, supaya ia lebih bersifat keupayaannya untuk bersama dengan zaman penyiaran sekarang.

Misalnya zaman sekarang ini sudah tidak banyak TV yang bercampur aduk, dalam satu saluran itu ada berita, ada drama, ada sukan, ada hiburan dan sebagainya, ini perlu disusun kembali ke arah proses kita untuk pendigitalan di mana mungkin kita ada 18 atau 19 saluran pada masa akan datang, dan antara perkara yang kita pastikan bahawa dari segi susunan *content* ataupun isi kandungannya mestilah sesuai dengan keadaan semasa. Jadi, jangan soal sensitif.

Kalau sensitif tidak timbul soal itu, saya boleh berdebat dengan Yang Berhormat Permatang Pauh, semua disiarkan. Apa sangat Yang Berhormat Seputeh itu? Janganlah terlalu *over rating*, seolah-olah kerana Yang Berhormat Seputeh keluar sekali, semua jadi takut. Ini adalah pandangan mereka yang paranoid, yang mengatakan bahawa seluruh dunia, rasa-rasanya mengancam dia. Tidak timbul soal ini. Misalnya program *Blog* yang saya sebutkan tadi, ada Yang Berhormat dari pembangkang datang, dijemput untuk memberikan hujah dan sebagainya.

Yang Berhormat Kubang Kerian pernah keluar. Tidak timbul langsung kerana ada Yang Berhormat Seputeh, kebetulan sahaja, tetapi dari segi pentadbirannya, bila boleh dihentikan kerana tidak ada kontrak program tersebut mesti disiarkan sepanjang masa. Jadi bagi saya, tidak timbul bila tetapi bagi saya, bermula pada dua bulan ini ialah waktunya untuk kita berundur seketika untuk mengkaji, melihat apakah perkara yang perlu kita perbaiki program-program

seperti itu untuk masa depan supaya pada tanggal 1 Januari 2009, kita akan dapat melihat satu suasana baru, satu pendekatan baru di dalam penyiaran, terutama sekali TV1 dan TV2.

Jadi itulah apa yang perlu saya sebutkan dan sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, saranan dan teguran mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Penerangan semasa perbahasan bajet ini dan saya menerima pandangan dan teguran, dan insya-Allah akan diberikan perhatian sewajarnya oleh warga kementerian ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi, hari Selasa, 4 November 2008.

Dewan ditangguhkan pada pukul 11.35 malam.